

**ANALISIS PELAKSANAAN KONSEP HISBAH DALAM
PENTADBIRAN AUDIT SYARIAH DI BANK ISLAM
MALAYSIA BERHAD**

SANUSI ABDUL MANAF

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**ANALISIS PELAKSANAAN KONSEP HISBAH DALAM
PENTADBIRAN AUDIT SYARIAH DI BANK ISLAM MALAYSIA
BERHAD**

SANUSI ABDUL MANAF

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

ABSTRAK

Pentadbiran audit Syariah di institusi kewangan Islam (IKI) mempunyai cabaran yang besar apabila berhadapan dengan pelbagai isu dalam melaksanakan pematuhan Syariah. Antara isu utama ialah kelayakan juruaudit Syariah, pematuhan Syariah dalam membangunkan dan menawarkan produk atau perkhidmatan dan amalan dalam menghadapi isu ketidakpatuhan Syariah. Antara usaha yang patut dilakukan untuk merungkai isu-isu tersebut ialah dengan meneliti sistem pengawasan yang pernah dimainkan oleh institusi *hisbah* dalam sejarah pentadbiran Islam. Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji elemen-elemen *hisbah* melalui teori-teori *hisbah* yang wujud di dalam rujukan-rujukan klasik dan moden. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan elemen-elemen *hisbah* tersebut dengan dokumen audit Syariah kontemporari seperti *Shariah Governance Framework for Financial Institutions* (SGF) untuk melihat persamaan dan perbezaan bagi tujuan cadangan pemantapan sistem pentadbiran audit Syariah di IKI. Kajian ini penting untuk menenagahkan elemen-elemen *hisbah* sebagai nilai tambah bagi memperkasakan lagi sistem pentadbiran audit Syariah di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menumpukan terhadap kajian lapangan. Bagi mendapatkan maklumat dan data dalam kajian ini, penulis menggunakan metode perpustakaan menerusi buku-buku klasik dan moden di samping metode dokumentasi dan temubual. Data-data dari ketiga-tiga kaedah tersebut dianalisis untuk menjawab persoalan-persoalan kajian dengan lebih tepat. Hasil kajian mendapati wujud elemen-elemen konsep *hisbah* seperti *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab'alah* dan *nafs al-ihtisab* di dalam pentadbiran audit Syariah BIMB dan SGF. Adalah diharapkan agar dengan wujudnya elemen-elemen *hisbah*, BIMB akan mengorak langkah yang lebih serius dalam memartabatkan sistem pentadbiran audit Syariahnya dengan menjalankan fungsi sebenar elemen-elemen *hisbah* tersebut seperti yang digariskan oleh konsep *hisbah*.

ABSTRACT

Shariah audit administration of Islamic Financial Institutions (IFIs) face several challenges when addressing various issues related to the implementation of Shariah compliance. Key issues include auditor qualifications, Shariah compliance in the development and promotion of products and services, and policies for addressing the issue of Shariah non-compliance. Addressing these issues requires consideration of the concept of *hisbah* in the history of Islamic administration. In relation to this, the primary purpose of this study is an examination of theories of *hisbah* found in both classical and modern references. Additionally, the study aims to compare elements of contemporary Shariah audit practices in such contexts as the *Shariah Governance Framework for Financial Institutions* (SGF) to determine similarities and differences among such frameworks to assist in the proposed consolidation of Shariah audit administration in IFIs. The importance of this study is in helping strengthen elements of *hisbah* to act as a value-added feature of Shariah administrative audit systems in Malaysia. A qualitative methodology was adopted for this qualitative field study. To obtain information and data, the author examined a number of classic and modern works, as well as examining documentation and conducting interviews. Data from these three methods were analysed to accurately address the research questions. The study found that within the concept of *hisbah*, elements of *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab alaih* and *nafs al-ihtisab* are considered in the audit system of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) and the SGF framework. It is hoped that the presence of elements of *hisbah* will lead BIMB to seriously promote a Sharia administrative audit system which correctly carries out the functions of *hisbah* elements in the context of the *hisbah* concept.

PENGHARGAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ وَنُصَلِّيْ وَنُصَلِّمُ عَلَى خَيْرِ الْأَنْبَاءِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas kurniaan nikmat yang pelbagai sehingga hambanya ini berjaya menyiapkan tesis ini. Sekalung budi ditujukan kepada penyelia YBhg. Dr. Bharuddin Che Pa atas curahan nasihat dan bimbingan. Penghargaan juga ditujukan khas buat Ketua Jabatan Siasah Syar'iyah iaitu YBhg. Dr. Mohamad Zaidi Abdul Rahman dan seluruh pensyarah serta kakitangan Jabatan Siasah Syar'iyah Universiti Malaya atas suntikan semangat yang sentiasa dihulurkan.

Ribuan terima kasih juga buat YBhg. Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah BIMB), YBhg. Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Jabatan Semakan Syariah BIMB), Cik Norrulhuda Kulop Alang (Pemangku Ketua Audit Syariah BIMB) dan seluruh kakitangan BIMB atas segala kerjasama yang dihulurkan sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga jutaan kalungan penghargaan buat bonda tercinta Hapsah binti Deraman atas segala dorongan semangat dan doa yang dititipkan buat anakanda. Begitu juga buat isteri tersayang Zaimah binti Ismail dan anakanda-anakanda Aiman Asyraf, Anis Adlin, Adib Asyraf, Anas Asyraf, Anis Aufa dan Afnan Asyraf. Kalian pencetus semangat luar biasa.

Sanusi Abdul Manaf
2017 Tingkat 2
UniKL IPROM Cheras

17 Januari 2017
19 Rabiulakhir 1438

KANDUNGAN

Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Jadual Kandungan.....	vi
Senarai Gambar Rajah.....	x
Senarai Jadual.....	x
Senarai Singkatan.....	xi
Jadual Transliterasi.....	xv
Senarai Lampiran.....	xvii

BAB SATU: PENDAHULUAN

TAJUK	MUKA SURAT
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian.....	2
1.3 Persoalan Kajian.....	6
1.4 Objektif Kajian.....	7
1.5 Kepentingan Kajian.....	8
1.6 Skop Kajian.....	9
1.7 Ulasan Kajian Terdahulu.....	10
1.8 Metodologi Kajian.....	31

BAB DUA: KONSEP *HISBAH* DALAM PENTADBIRAN AUDIT SYARIAH

PERBANKAN ISLAM

2.1.	Pengenalan.....	37
2.2.	Konsep Asas <i>Hisbah</i> dan Audit Syariah dalam Islam.....	44
	2.2.1. Pengertian <i>Hisbah</i> dari Segi Bahasa.....	44
	2.2.2. Pengertian <i>Hisbah</i> dari Segi Istilah.....	44
	2.2.3. Pengertian Pentadbiran Audit Syari'ah.....	46
2.3.	Pensyariatan <i>Hisbah</i> dalam Islam.....	49
2.4.	Hubungan antara <i>Hisbah</i> dan <i>al-Raqābah al-Māliyah</i> dalam Pentadbiran Audit Syari'ah.....	51
2.5.	Fungsi-fungsi <i>Hisbah</i> dalam Pentadbiran Audit Syari'ah.....	57
2.6.	Elemen-elemen <i>Hisbah</i> dalam Pentadbiran Audit Syari'ah.....	64
2.7.	Pentadbiran Audit Syari'ah Perbankan Islam di Malaysia.....	73
2.8.	Aplikasi <i>Shariah Governance Framework for Islamic Institutions</i> (SGF) Sebagai Model Dokumen <i>Hisbah</i> dalam Pentadbiran audit Syari'ah Institusi Perbankan Islam di Malaysia.....	78
2.8.	Kesimpulan.....	88

BAB TIGA: PELAKSANAAN KONSEP *HISBAH* DALAM PENTADBIRAN

AUDIT SYARIAH DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

3.1.	Pengenalan.....	89
3.2.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB): Satu Pengenalan.....	91
	3.2.1. Sejarah BIMB dan Perkembangannya.....	91

3.3.	Pelaksanaan Pentadbiran Audit Syariah di BIMB.....	94
3.3.1.	Proses Audit Syariah Oleh Unit Audit Syariah di BIMB.....	94
3.3.2.	Proses Audit Syariah Oleh Jabatan Semakan Syariah di BIMB.....	105
3.4.	Pelaksanaan Pentadbiran Audit Syariah Menerusi Elemen-elemen <i>Hisbah</i> di BIMB.....	105
3.4.1.	Pelaksanaan Menerusi <i>Muhtasib</i>	106
3.4.2.	Pelaksanaan Menerusi <i>Muhtasab Fih</i>	121
3.4.3.	Pelaksanaan Menerusi <i>Muhtasab 'Alaih</i>	131
3.4.4.	Pelaksanaan Menerusi <i>Nafs al-Ihtisab</i>	139
3.5.	Kesimpulan.....	142

**BAB EMPAT: ANALISIS PELAKSANAAN KONSEP *HISBAH* DALAM
PENTADBIRAN AUDIT SYARIAH DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

4.1.	Pengenalan.....	145
4.2.	Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen <i>Muhtasib</i>	147
4.2.1.	Analisis Dari Perspektif Konsep <i>Hisbah</i>	149
4.2.2.	Analisis Dari Perspektif SGF.....	156
4.3.	Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen <i>Muhtasab Fih</i>	180
4.3.1.	Analisis Dari Perspektif Konsep <i>Hisbah</i>	181
4.3.2.	Analisis Dari Perspektif SGF.....	184

4.4.	Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen <i>Muhtasab 'Alaih</i>	187
4.4.1.	Analisis Dari Perspektif Konsep <i>Hisbah</i>	188
4.4.2.	Analisis Dari Perspektif SGF.....	190
4.5.	Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen <i>Nafs al-Ihtisab</i>	193
4.5.1.	Analisis Dari Perspektif Konsep <i>Hisbah</i>	193
4.5.2.	Analisis Dari Perspektif SGF.....	195
4.6.	Kesimpulan.....	197

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1.	Pengenalan.....	199
5.2.	Dapatan dan Rumusan Keseluruhan.....	200
5.3.	Kritikan.....	222
5.4.	Cadangan dan Saranan.....	225
5.5.	Penutup.....	233
	Bibliografi.....	236
	Lampiran	

SENARAI GAMBAR RAJAH

- Rajah 3.1: Carta Organisasi Bahagian Audit Dalaman BIMB
- Rajah 3.2: Proses Audit Syariah BIMB
- Rajah 3.3: Garis Panduan Committee of Sponsoring Organizations (COSO)
- Rajah 3.4: Komponen dan Prinsip Kawalan Dalaman COSO
- Rajah 3.5: Struktur Organisasi Bahagian Syariah BIMB
- Rajah 5.1: Proses audit Syariah BIMB dan SGF
- Rajah 5.2: Proses audit institusi *hisbah*
- Rajah 5.3: Proses Audit Syariah BIMB

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1: Model Pertahanan 3 Lapisan BIMB
- Jadual 3.2: Perbankan Peribadi BIMB
- Jadual 3.3: Perbankan Perniagaan BIMB
- Jadual 5.1: Shariah Governance Framework

SENARAI SINGKATAN

AAOIFI	<i>Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions</i>
ACSAA	<i>Association of Chartered Shari'ah Accountants and Auditors</i>
AEC	<i>Audit and Examination Committee</i>
AFTP	Pelan Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan Automobil
AIBIM	<i>Association of Islamic Banking Institutions Malaysia</i>
AICB	<i>Asian Institute of Chartered Bankers</i>
APBF	<i>Asia Pacific Brands Foundation</i>
ATM	<i>Automated Teller Machines</i>
AQIF	<i>Associate Qualification in Islamic Finance</i>
BDC	<i>Bureaux De Change</i>
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BILOB	<i>Bank Islam's Labuan Offshore Branch</i>
BNM	Bank Negara Malaysia
BPR	Badan Pencegah Rasuah
BRC	<i>Board Risk Committee</i>
CIAFIN	<i>Certificate in Internal Auditing for Financial Institutions</i>
CIB	Perbankan Pelaburan Korporat Bank Islam
COSO	<i>Committee of Sponsoring Organizations</i>
CPA	<i>Contemporary Public Auditor</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DIG	<i>Dubai Islamic Investment Group</i>
EIIB	<i>European Islamic Investment Bank plc</i>

EMV	<i>Europay, MasterCard and Visa</i>
FCA	<i>Financing Committee A</i>
FCB	<i>Financing Committee B</i>
FPX	Bursa Pemprosesan Kewangan
GSIFI 2	<i>Governance Standard for Islamic Institutions 2</i>
H2E	<i>Hijrah To Excel</i>
IBBM	<i>Institute of Bankers Malaysia</i>
IBFIM	<i>Islamic Banking and Finance Institute Malaysia</i>
IBG	Giro Antara Bank
ICLIF	<i>International Centre for Leadership in Finance</i>
ICP	Sekuriti Hutang Komersial
IFI	<i>Islamic Financial Institutions</i>
INCEIF	<i>International Centre for Education in Islamic Finance</i>
IPDS	Sekuriti Hutang Islam
IPO	Tawaran Awam Awal
ISRA	<i>International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance</i>
IQIF	<i>Intermediate Qualification in Islamic Finance</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KBI	Kad-i Bank Islam
KLIFF	<i>Kuala Lumpur Islamic Finance Forum</i>
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
LCCT	<i>Low Cost Carrier Terminal</i>
LTH	Lembaga Tabung Haji
LTHT	Pelan Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang

LUTH	Lembaga Urusan dan Tabung Haji
MANCO	<i>Management Committee</i>
MARC	<i>Malaysian Rating Corporation Berhad</i>
MIM	Institut Pengurusan Malaysia
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya
Islam	
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MRCC	<i>Management Risk Control Committee</i>
MRTT	Takaful Gadai Janji
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>
NIDC	Sijil Hutang Islam Boleh Niaga
ORCC	<i>Operational Risk Control Committee</i>
PBZT	<i>Profit Before Zakat and Tax</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PFTP	Pelan Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan Peribadi
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PPA	Pegawai Penguatkuasa Agama
SC	<i>Securities Commission Malaysia</i>
SCRCC	<i>Shariah Compliance Risk Control Committee</i>
SCRM	Garis Panduan Pengurusan Risiko Kepatuhan Syariah
SGF	<i>Shariah Governance Framework</i>
SIRIM	<i>Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia</i>
SMS	Khidmat Pesanan Ringkas
SNC	<i>Shariah Non-Compliance</i>

UIC

Underwriting and Investment Committee

Y.M.

Yang Mulia

University of Malaya

JADUAL TRANSLITERASI

EJAAN

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan Bahasa Arab dieja mengikut Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi, terbitan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya bagi tahun 2006.

i: KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ء / ا	'a	ض	d
ب	B	ط	t
ت	T	ظ	z
ث	Th	ع	c
ج	J	غ	gh
ح	H	ف	f
خ	Kh	ق	q
د	D	ك	k
ذ	Dh	ل	l
ر	R	م	m
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W
ص	S	ي	Y

ii. VOKAL DAN DIFTONG

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi	Diftong	Transliterasi
اَ (Fathah)	a	آ	ā	او	aw
اِ (Kasrah)	i	ي	í	اي	ay
اُ (Dammah)	u	و	ú	اوو	uww

iii: EJAAN DAN TRANSLITERASI

- i. Ejaan akhir perkataan asal yang ditulis dengan "ة" (Ta' Marbutah) dieja mengikut sebutan " ة "
- ii. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh : sur'ah (سرعة)
- iii. Alif Lam ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi Lam Syamsiyyah atau Qamariyyah) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Melayu. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi sudah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Melayu. Semua perkataan Arab / Inggeris (bahasa asing) hendaklah *diitalic*kan kecuali nama khas.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*

Lampiran B: Soalan Temubual YBhg. Ustaz Mohd. Nazri Chik

Lampiran C: Soalan Temubual YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang

Lampiran D: Soalan Temubual Cik Norrulhuda Kulop Alang

Lampiran E: Soalan Temubual YBhg. Ustaz Ali Othman

Lampiran F: Soalan Temubual YBhg. Prof. Dr. Ashraf bin Md. Hashim

University of Malaya

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 . Pengenalan

Percambahan sistem kewangan Islam di hampir semua bank di Malaysia pada hari ini membawa satu era baru dalam persekitaran perbankan di Malaysia. Salah satu faktor yang menyumbang fenomena ini ialah kesedaran masyarakat tentang sistem tadbir urusnya yang diyakini.

Oleh yang demikian, pihak bank yang menjalankan sistem perbankan Islam seharusnya sentiasa berusaha memantapkan lagi sistem pentadbirannya agar tahap kepercayaan masyarakat terhadap sistem kewangan Islam bertambah mantap. Pihak bank seharusnya tidak hanya memusatkan perhatian mereka untuk meraih keuntungan semata-mata tetapi juga mestilah memberi jaminan bahawa semua sistem tadbir urus mereka sentiasa berteraskan Syariah.

Antara langkah yang boleh diambil untuk memantapkan sistem pentadbiran mereka ialah dengan mengadaptasi sistem institusi *hisbah* yang mampu bertindak mengawal sistem pentadbiran berpandukan Syariah.

Hisbah merupakan sebuah entiti politik warisan Islam. Ianya merupakan sistem pentadbiran yang mempunyai dasar yang teguh yang berpandukan kepada kata kunci 'menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran'. Prinsipnya yang mantap dan pelaksanaannya yang tegas telah membawa kepada kejayaan dan kestabilan kepada bukan hanya sistem ekonomi Islam tetapi juga merangkumi politik, sosial, dan lain-lain aspek pentadbiran dalam Islam.

Dari segi sejarah, institusi *hisbah* adalah sebuah institusi agama yang diletakkan di bawah kuasa penguasa sesebuah negeri. Pegawai-pegawai yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja menangani kemaksiatan dan menyuruh perbuatan-perbuatan yang baik. Semuanya ini adalah bertujuan untuk melindungi masyarakat daripada huru-hara, memelihara iman mereka, dan menjamin kebajikan masyarakat ditunaikan mengikut landasan syariah yang sebenar. Oleh yang demikian, usaha mewujudkan sistem pentadbiran berkonsepkan *hisbah* boleh mencernakan objektif yang sama seperti yang pernah dilakukan oleh kerajaan Islam terdahulu.

Dalam konteks sistem pentadbiran audit syariah perbankan Islam di Malaysia, pemakaian konsep *hisbah* dilihat mampu memantapkan lagi sistem yang sedia ada selari dengan tuntutan syarak. Pengenalan *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (SGF) oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2010 yang mempunyai peranan mirip dengan konsep *hisbah* akan diperhalusi dalam kajian ini dalam usaha memperkukuhkan lagi sistem pentadbiran audit Syariah sistem perbankan Islam di Malaysia.

1.2 . Latar Belakang Masalah Kajian

Antara isu yang sering dibangkitkan dalam pentadbiran audit Syariah ialah kelayakan juruaudit, kebebasan mereka dalam menjalankan tugas dan standard amalan audit Syariah.¹ Perkara-perkara tersebut merupakan tunjang utama dalam pentadbiran audit Syariah dan sekiranya gagal diberikan perhatian ianya akan

¹ Nawal Kasim dan Zuraidah Mohd. Sanusi , *Emerging issues for auditing in Islamic Financial Institutions: Empirical evidence from Malaysia* (IOSR Journal of Business and Management, Volume 8, Issue 5, Mar-Apr. 2013), 12

merencanakan perkembangan industri kewangan dan perbankan Islam di Malaysia khususnya.

Pendekatan konvensional terhadap bidang audit dilihat sebagai tidak lengkap kerana tidak banyak memberikan perhatian kepada audit organisasi dan sosial. Tambahan pula, ianya mencadangkan agar sistem etika dipisahkan dengan agama dan amalan sebegini dilihat amat bertentangan dengan sistem ekonomi Islam yang meletakkan ketinggian nilai moral, keadilan dan masalah ummah sebagai tunjang operasi auditnya.²

Isu kebebasan juruaudit juga antara yang menjadi tumpuan kerana operasi institusi perbankan pada hari ini lebih memberikan tumpuan kepada audit Syariah dalaman.³ Selain itu, juruaudit Syariah juga bergantung penuh kepada nasihat Majlis Penasihat Syariah yang mungkin membataskan kebebasan mereka dalam menjalankan tugas audit Syariah.⁴

Juruaudit konvensional dilihat gagal untuk menjalankan audit Syariah manakala penasihat Syariah pula tidak menjalankan semakan terhadap pencapaian sebenar (*ex-post review*) bagi sesuatu produk sejurus selepas mereka mengeluarkan pandangan jangkaan untuk menjalankan sesuatu produk (*ex-ante*).⁵ Kegagalan juruaudit konvensional untuk menjalankan audit Syariah berkemungkinan besar kerana mereka tidak mempunyai latar belakang Syariah dan kepakaran mereka adalah terhad dalam

² Nawal Kasim *et.al.*, *Assessing the current practice of Auditing in Islamic Financial Institutions in Malaysia and Indonesia* (International Journal of Trade, Economics and Finance, Vol. 4, No. 6, December 2013), 415

³ Hisham Yaacob *et.al.*, *Exploring Undergraduate Students' Understanding of Shari'ah Auditing in Brunei*, (Middle-East Journal of Scientific Research 19(1): 52-60, 2014), 52

⁴ Hisham Yaacob, *Issues and Challenges of Shariah Audit in Islamic Financial Institutions: A Contemporary View* (Kertas Prosiding, 3rd. International Conference in Business and Economic Research, 2012), 2673

⁵ Syed Faiq Najeeb dan Shahul Hameed Mohamed Ibrahim, *Professionalizing the Role of Shari'ah Auditors: How Malaysia Can Generate Economic Benefits* (Pacific-Basin Finance Journal, 2013), 92

bidang ekonomi sahaja sedangkan bidang audit Syariah adalah lebih luas. Manakala bagi penasihat Syariah pula, isu kelayakan dan kebebasan sering dibangkitkan oleh para pengkaji.⁶

Kekurangan rangka kerja audit Syariah juga antara isu yang perlu diberikan perhatian. Institusi kewangan Islam (IKI) kini menghadapi cabaran yang besar dalam mendepani kekukuhan sistem kewangan konvensional. Ini secara tidak langsung memberi cabaran yang berat kepada juruaudit Syariah dalam berhadapan dengan pembuat-pembuat polisi dan pihak pengurusan tertinggi sesebuah institusi kewangan yang sentiasa progresif dalam merancang pembangunan industri. Situasi ini mungkin akan menimbulkan masalah kepada para juruaudit Syariah berkenaan kerana kekurangan rangka kerja audit Syariah yang komprehensif tersebut.⁷

Antara isu lain dalam institusi perbankan Islam ialah inovasi produk yang perlahan. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan beberapa faktor termasuklah kesukaran untuk mendapatkan golongan pakar dalam bidang perbankan Islam. Kekurangan pakar inilah menyebabkan kurangnya atau lambatnya pengenalan produk-produk baru untuk bersaing dalam lanskap perniagaan kewangan. Dalam pada itu, tekanan globalisasi, proses liberalisasi dan kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi telah merubah lanskap perniagaan yang berorientasikan kewangan. Keadaan ini membuatkan institusi-institusi kewangan Islam mesti bersaing dengan institusi-institusi kewangan lain khususnya institusi kewangan konvensional dalam menyediakan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan.⁸

⁶ *Ibid.*, 94

⁷ Nawal Kasim *et.al.*, *Assessing the current practice of Auditing in Islamic Financial Institutions in Malaysia and Indonesia* (International Journal of Trade, Economics and Finance, Vol. 4, No. 6, December 2013), 417

⁸ Suhaila Abdul Hamid, Amir Shahrudin & Norhaziah Nawai, *Readings in Islamic Financial Services* (Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2007), 20

Institusi kewangan Islam (IKI) juga kekurangan kakitangan terlatih yang mahir dalam urusan perbankan Islam. Keperluan kepada kakitangan yang mahir dalam bidang perbankan Islam ini adalah sangat mendesak kerana mereka sahaja yang mempunyai kredibiliti bagi menerangkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang perbankan Islam.⁹

Amalan mengambil berat dalam soal pentadbiran kewangan Islam iaitu mengamalkan serta menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran amat dititikberatkan oleh agama. Sikap ini amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam kerana ianya teras kekuatan ummah dan berupaya melindungi segala kepentingan mereka. Anjuran untuk sentiasa mengamalkan sikap ini dapat dilihat dengan jelas menerusi firman Allah:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ

Surah Āli ‘Imrān 3 :110

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

Daripada firman Allah di dalam ayat di atas, umat Islam dianjurkan untuk saling tolong-menolong terutama dalam perkara yang menyumbang kepada kebaikan dunia dan akhirat dan bukan dalam perkara yang boleh membawa keburukan kepada mereka.

⁹ *Ibid.*, 22

Selari dengan matlamat setiap asas penubuhan sesebuah institusi kewangan Islam iaitu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik, maka penulis mengambil inisiatif untuk membuat kajian terperinci bagi mengenalpasti elemen-elemen *hisbah* yang wujud di dalam pentadbiran audit Syariah menerusi pelaksanaannya terhadap operasi perbankan yang dijalankan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Oleh yang demikian, dalam disertasi ini, penulis akan membuat analisis khusus terhadap elemen-elemen *hisbah* yang wujud dalam mengawal segala operasi BIMB yang bebas daripada unsur yang menyalahi syarak menerusi audit Syariah yang dijalankan. Pemilihan BIMB dibuat selepas mengambil kira beberapa faktor iaitu ianya merupakan bank Islam pertama dan tertua yang menggunakan sistem perbankan Islam di Malaysia. Selain itu, BIMB juga merupakan sebuah bank yang pesat berkembang dalam perbankan Islam di samping mempunyai cawangan di setiap negeri di Malaysia.

Institusi perbankan Islam yang bertapak di tengah-tengah sistem perbankan konvensional yang sudah sedia kukuh memberi cabaran baru kepada industri ini. Bagi menghadapi situasi ini, beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh institusi perbankan Islam mestilah diberikan perhatian serius dan melakukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengatasinya.

1.3 . Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah konsep *hisbah* dalam rujukan-rujukan klasik dan moden membentuk elemen-elemen institusi *hisbah* yang boleh diketengahkan sebagai panduan pentadbiran audit Syariah bagi memantapkan pentadbiran institusi perbankan Islam di Malaysia?

- ii. Mengapakah perlu dibuat perbandingan dokumen audit Syariah kontemporari dengan konsep *hisbah*?
- iii. Bagaimanakah tahap pematuhan Bank Islam Malaysia Berhad terhadap Kerangka Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai usahanya untuk memenuhi tuntutan patuh Syariah?
- iv. Bagaimanakah aplikasi pemakaian konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah Bank Islam Malaysia Berhad dari perspektif *hisbah* dan Kerangka Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam?
- v. Mengapakah tidak ada ketetapan bagi institusi perbankan Islam menjalankan audit Syariah luaran untuk memberi jaminan terhadap tahap ketelusan mereka dalam menjalankan tadbir urus berteraskan Syariah?

1.4 . Objektif Kajian

- i. Menaksir konsep *hisbah* di dalam rujukan-rujukan ulama silam dan moden untuk menentukan elemen-elemen *hisbah* yang wujud di dalam pentadbiran audit Syariah di Bank Islam Malaysia Berhad.
- ii. Membandingkan dokumen audit Syariah kontemporari dengan konsep *hisbah* yang boleh dijadikan asas kepada pemantapan pentadbiran audit Syariah sistem perbankan pada hari ini.
- iii. Menyelidik pematuhan Bank Islam Malaysia Berhad terhadap Kerangka Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai usahanya untuk memenuhi tuntutan patuh Syariah.

- iv. Menganalisa aplikasi pemakaian konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah Bank Islam Malaysia Berhad dari perspektif *hisbah* dan Kerangka Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam.
- v. Menyarankan satu mekanisme untuk penambahbaikan sistem pentadbiran Audit Syariah di Bank Islam Malaysia Berhad berpandukan konsep *hisbah*.

1.5 Kepentingan Kajian

Institusi *hisbah* amat penting kepada industri kewangan negara kerana ianya bertindak secara langsung terhadap dua syarat menstabilkan masyarakat iaitu; (i) menyuruh kepada kebaikan dan (ii) mencegah daripada melakukan kemungkaran. Sebagai sebuah institusi audit Islam yang tersusun iaitu ditadbir oleh mereka yang berkelayakan dari segi agama di samping mempunyai sistem yang selari dengan pengawasan Islam, ianya dilihat mampu mengawal setiap operasi institusi kewangan di negara ini mengikut lunas-lunas yang digariskan oleh syarak.

Kajian ini penting untuk mengenengahkan elemen-elemen *hisbah* yang wujud di dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB. Dalam usaha untuk memantapkan pentadbiran audit Syariah, adalah penting untuk melihat sama ada berlakunya pengekalan, pembuangan ataupun modifikasi terhadap elemen-elemen audit Syariah yang terkandung di dalam teori *hisbah* di dalam pentadbiran audit Syariah BIMB.

Selain itu, penjelasan tentang pensyariaan dalam mewujudkan kumpulan pengawasan untuk menstabilkan masyarakat juga dilihat penting untuk menjadi dasar dan rujukan kepada pihak berwajib untuk lebih serius dalam mendepani pelbagai cabaran baru dalam dunia kewangan Islam. Dengan adanya kesedaran sebegini, maka

masa depan dan nasib masyarakat akan terbela disamping syariat Allah dapat diteruskan.

Di samping itu, kajian ini juga penting demi untuk mengenegahkan BIMB sebagai sebuah institusi perbankan Islam yang mempunyai badan *hisbah* yang teratur dan mantap dalam operasi perbankan mereka. Ini penting kepada BIMB demi untuk menjadi contoh kepada bank-bank konvensional lain yang berlumba-lumba mewujudkan sistem perbankan Islam di institusi-institusi mereka.

1.6 Skop Kajian

Demi melancarkan kajian ini, penulis telah mengklasifikasikan kajian ini dari segi skop bidang dan tempat yang dikaji.

Skop kajian yang dipilih oleh penulis ialah di Majlis Penasihat Syariah, Unit Audit Syariah dan Bahagian Syariah Bank Islam Malaysia yang melibatkan tiga jabatan utama iaitu Jabatan Nasihat dan Kajian, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah dan Jabatan Semakan Syariah. Analisa di Majlis Penasihat Syariah, Unit Audit Syariah dan Bahagian Syariah ini akan berpandukan kepada SGF terutamanya di Bahagian Dua: Susunan Tadbir Urus Syariah di bawah Seksyen IV: Pematuhan Syariah dan Fungsi-Fungsi Kajian yang melibatkan Semakan Syariah, Audit Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Kajian Syariah.

Bagi tujuan menganalisa data, penulis merujuk kepada Laporan Tahunan Bank Islam untuk mengetahui program-program yang pernah dianjurkan BIMB bagi memantapkan kakitangannya. Namun, bagi tujuan analisa SGF secara khusus, tumpuan akan diberikan secara khusus terhadap laporan tahunan BIMB bermula tahun 2011

memandangkan penguatkuasaan SGF oleh Bank Negara Malaysia ke atas semua IKI di Malaysia hanya bermula pada 1 Januari 2011. Namun, IKI diberikan tempoh enam bulan untuk mematuhi semua keperluan SGF. Kemudian, semua IKI terbabit diminta untuk memastikan status kepatuhan terhadap SGF tersebut pada akhir tempoh enam bulan tersebut.¹⁰

Menyentuh tentang tempat, penulis telah memilih Ibu Pejabat BIMB, Menara Bank Islam, Jalan Perak Kuala Lumpur. Ini adalah kerana ibu pejabat merupakan tempat sesuatu polisi, dasar dan hala tuju bank dibuat.

1.7 Ulasan Kajian Terdahulu

Kajian terdahulu adalah penting untuk menyemak dan menilai kajian-kajian terdahulu dalam usaha mendapatkan maklumat bagi sesuatu kajian yang bakal dijalankan. Tujuan utama membuat tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu adalah untuk mengelakkan pertindihan kajian yang bakal dilakukan dengan kajian yang pernah dilaksanakan sebelum ini.¹¹

Dalam usaha mendapatkan maklumat tentang kajian-kajian terdahulu, penulis telah membuat semakan dan kajian terhadap bahan-bahan ilmiah yang mempunyai kaitan dengan kajian penulis iaitu *hisbah*, audit Syariah dan BIMB yang menjadi tempat kajian penulis. Antara bahan-bahan ilmiah tersebut ialah buku, tesis, disertasi, jurnal dan prosiding seperti di bawah:

¹⁰ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 3

¹¹ Chua Yan Piaw, *Mastering Research Methods* (Shah Alam: Mc Graw Hill Education, 2012), 44

1.7.1 Buku

Antara penulisan yang membicarakan tentang *hisbah* ialah *Al-Aḥkam al-Sultaniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah* karya Al-Mawardi.¹² Selain menghuraikan pengertian *hisbah*, beliau juga membicarakan tentang hukum pelaksanaan *hisbah* iaitu antara yang dilantik dan sukarelawan. Menurut beliau, petugas yang dilantik hukumnya fardu ain manakala anggota masyarakat yang melakukan tugas ini secara sukarela adalah fardu kifayah. Penetapan hukum sedemikian menjadi tunjang kepada proses penstrukturan institusi *hisbah* agar usaha menegakkan kebaikan dan menghindari keburukan dalam masyarakat dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Di dalam penulisannya juga, Al-Mawardi juga menyentuh tentang gesaan melakukan perkara kebaikan dan gesaan meninggalkan perkara mungkar terbahagi kepada tiga perkara iaitu berkaitan dengan hak Allah, berkaitan dengan hak manusia dan berkaitan dengan perkongsian hak keduanya. Pemahaman tentang tiga perkara ini penting demi memastikan setiap tindakan yang dilakukan mematuhi tuntutan konsep *hisbah* itu sendiri iaitu *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*. Sebagai contohnya, dalam perkara yang menyentuh hak Allah seperti gesaan melakukan solat Jumaat yang wajib bagi penguasa *hisbah* mengesa supaya dilakukannya dan pada masa yang sama menghukum mereka yang cuai melakukannya. Dalam konteks *mu'amalāt* seperti aktiviti jual beli yang didapati berlaku penipuan harga barangan, hukuman ke atas pesalah adalah berat memandangkan tindakan tersebut merupakan kesalahan berat dan berdosa besar. Secara keseluruhannya, Al-Mawardi banyak menyentuh tentang prosedur-prosedur dan tatacara pelaksanaan *hisbah*. Pemahaman yang diberikan penting agar usaha dalam memartabatkan tugas ini berjalan sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak. Penulis pula akan lebih memberi tumpuan kepada perjalanan

¹² Abi al-Ḥasan 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī al-Māwardī, *Al-Aḥkam al-Sultaniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah* (Beirut: Dar al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 2006)

pentadbiran audit Syariah kontemporari yang dijalankan oleh mereka yang dilantik dan menjadikan teori *hisbah* ini sebagai asas kepada perbincangan nanti.

Mardzelah Makhsin dalam bukunya yang bertajuk *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan* juga menulis tentang institusi penting ini. Dengan menjadikan buku karya Auni bin Haji Abdullah iaitu *Hisbah dan Pentadbiran* sebagai antara panduan utama, Mardzelah menghuraikan persoalan *hisbah* dengan agak sistematik. Antara yang disentuh ialah definisi *hisbah*, pensyariaan *hisbah*, sejarah pelaksanaan *hisbah*, matlamat *hisbah*, rukun *hisbah*, prinsip *hisbah*, etika *hisbah*, peranan *hisbah* dan perbandingan *hisbah* dengan institusi-institusi lain. Kupasan tentang *hisbah* yang ditonjolkan oleh buku ini agak ringkas tetapi padat dengan rujukan-rujukan utama tentang institusi *hisbah* ini. Buku ini dilihat sebagai 'memudahkan' bacaan dan pemahaman tentang *hisbah*. Namun buku ini hanya menyentuh tentang institusi ini sahaja tanpa dikaitkan aplikasinya dengan mana-mana organisasi. Bagi penulis, kajian *hisbah* yang akan dibuat akan dikaitkan pelaksanaan konsepnya dengan institusi kewangan di Malaysia.¹³

Selain itu, sebuah buku yang bertajuk 'Hisbah dan Pentadbiran Negara' yang ditulis oleh Auni bin Haji Abdullah banyak menyentuh secara langsung tentang konsep *hisbah* itu sendiri. Buku ini juga menceritakan pelbagai perkara yang berkait rapat dengan *hisbah* seperti prinsip-prinsip *hisbah*, sejarah *hisbah* dan kepentingan *hisbah* dalam menempuh cabaran di era pentadbiran moden.¹⁴ Bagi penulis, tumpuan secara khusus akan diberikan kepada pentadbiran audit Syariah di BIMB.

¹³Mardzelah Makhsin, *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008)

¹⁴ Auni bin Haji Abdullah, *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, (Kuala Lumpur: Ikdas, 2000)

Al-Imam al-Ghazali dalam bukunya *Ihyā' Ulum al-Dīn* ada menyentuh tentang intipati peranan *ḥisbah* iaitu *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyy 'an al-munkar*. Antara yang dihuraikan oleh Imam al-Ghazali ialah dalil-dalil pensyariaan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyy 'an al-munkar*, rukun-rukun dan syarat-syarat *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyy 'an al-munkar*, perlakuan dan penjelasan amalan mungkar yang berlaku dalam adat kebiasaan dan kewajipan pemerintah dalam menegakkan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyy 'an al-munkar*. Termasuk yang disentuh juga ialah *muḥtasib* dan peranannya dalam mendaulatkan peranan *ḥisbah* ini. Huraian yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali tentang peranan *ḥisbah* ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat termasuklah aspek sosial, politik dan ekonomi. Dalam aspek ekonomi yang sedikit sebanyak berkaitan dengan kajian penulis misalnya, Imam al-Ghazali ada menyentuh tentang perlunya pengawasan dilakukan terhadap apa jua bentuk kemungkaran yang berlaku di pasar-pasar. Antara kemungkaran yang biasanya terjadi di pasar-pasar ialah menipu pelanggan demi meraih keuntungan lebih, menyembunyikan kerosakan sesuatu barang yang dijual, mengurangkan timbangan dan sukatan, menjual barang-barang yang menyalahi syarak dan sebagainya. Peranan pihak berkuasa adalah penting dalam menjayakan objektif *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyy 'an al-munkar* ini iaitu dengan mempraktikkan tingkat-tingkat tindakan amalan *ḥisbah* itu sendiri iaitu pertamanya menerangkan kepada masyarakat tindakan yang boleh dilakukan dan dilarang melakukannya, keduanya memperhebatkan usaha memberi pengajaran kepada masyarakat, ketiganya menggunakan kata-kata dan amaran keras kepada mereka yang melanggar peraturan dan keempatnya melarang dengan kekerasan dan jika perlu menggunakan kekerasan seperti memukulnya.¹⁵ Panduan ini penting bagi kajian penulis kerana ianya boleh dijadikan asas kepada pentadbiran temuan-temuan Syariah di dalam audit Syariah oleh BIMB.

¹⁵ Al-Imām Abī Ḥāmad Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998)

Khālid Khalīl al-Zāhir dan Ḥasan Muṣṭafā Ṭabrah dalam buku mereka *Nizām al-Ḥisbah: Dirāsah fi al-Idārah al-Iqtisādiyyah li al-Mujtama' al-‘Arabī al-Islāmī* juga membincangkan panjang lebar tentang institusi *ḥisbah* ini.¹⁶ Antara yang dibincangkan selain daripada konsep dan pensyariatan *ḥisbah* ialah sejarah kemunculan amalan dan institusi *ḥisbah* dalam mengawal selia aktiviti masyarakat khususnya dalam bidang ekonomi iaitu semenjak zaman nabi Muḥammad S.A.W, para *khulafā' al-rāsyidīn*, zaman pemerintahan kerajaan *al-Umawiyah* dan kerajaan *al-‘Abāsiyyah*. Di dalam buku ini juga ada disentuh tentang sebahagian daripada tanggungjawab *muḥtasib* dalam bidang ekonomi. Antaranya ialah tugas yang berkaitan dengan kawalan sukatan dan timbangan, mempunyai pengetahuan dalam ilmu matematik, jenis-jenis minuman dan mahir dalam kualiti barangan. Dengan lain perkataan, seseorang *muḥtasib* mestilah seseorang yang mahir dengan ilmu-ilmu ekonomi yang dipertanggungjawabkan ke atasnya manakala penulis pula akan memberi tumpuan terhadap aplikasi elemen-elemen *ḥisbah* tersebut sebagai sistem audit Syariah dalam pentadbiran perbankan moden.

‘Abdullah bin Muḥammad ‘Abdullah dalam bukunya *Wilāyah al-Ḥisbah fi al-Islām* turut membahaskan persoalan *ḥisbah* dengan panjang lebar. Ini termasuklah pengertiannya secara mendalam, pensyariatan *ḥisbah*, kepentingan menjalankan gerak kerja *ḥisbah*, kesan meninggalkan tuntutan *ḥisbah* dan sebagainya.¹⁷ Namun, antara yang menarik ialah syarat-syarat yang perlu ada pada seseorang *muḥtasib* dalam memikul tugas yang berat ini terutamanya yang berkaitan dengan mu‘āmalāt. Syarat-syarat ini perlu dipatuhi demi melaksanakan tujuan pensyariatan *ḥisbah* itu sendiri iaitu menzahirkan syiar-syiar agama dan menjaga keselamatan masyarakat daripada tipu daya mereka yang ingin mengambil kesempatan. Antara syarat-syarat *muḥtasib* yang

¹⁶ Khālid Khalīl al-Zāhir dan Ḥasan Muṣṭafā Ṭabrah, *Nizām al-Ḥisbah: Dirāsah fi al-Idārah al-Iqtisādiyyah li al-Mujtama' al-‘Arabī al-Islāmī* (Amman: Dar al-Masīrah, 1997)

¹⁷ ‘Abdullah bin Muḥammad ‘Abdullah, *Wilāyah al-Ḥisbah fi al-Islām* (Kaherah: Maktabah al-Zahrā’, 1996)

digariskan ialah mukallaf, merdeka, bijaksana, berpengetahuan, adil, mampu melaksanakan amanah, tegas dalam perkara agama dan dilantik oleh pemerintah. Ini termasuklah seseorang *muhtasib* tidak boleh bertindak sendirian dalam perkara-perkara mu‘āmalāt tanpa mendapat tauliah daripada pemerintah terlebih dahulu. Kajian penulis akan menumpukan kepada kelayakan pegawai-pegawai audit Syariah BIMB yang diamanahkan untuk menjalankan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti patuh Syariah.

Ṣubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad dalam karyanya *Al-Ḥisbah fī al-Islām: Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbīq* membicarakan peranan *ḥisbah* dalam sektor mu‘āmalāt bermula dari zaman nabi S.A.W sehinggalah berakhirnya amalan institusi ini pada tahun 1220 hijrah bersamaan tahun 1805 masihi iaitu semasa pemerintahan Muḥammad ‘Ali di Mesir.¹⁸ Semasa zaman nabi S.A.W, amalan *ḥisbah* ini dipraktikkan di pasar-pasar diambil berat oleh Rasulullah sendiri dan para sahabat iaitu mengawasi setiap amalan jual beli yang dilakukan. Pada zaman *khulafā’ al-Rāsyidīn*, amalan mengawasi aktiviti pasar ini diteruskan. Sebagai contohnya, Sayyidina ‘Umar bin al-Khattāb sendiri turun padang ke sebuah pasar dan mengawasi aktiviti hariannya agar selari dengan tuntutan syarak. Pada zaman *al-Umāwī* pula, anggota-anggota keselamatan dilantik untuk mengawasi aktiviti timbangan dan sukatan dalam urusan jual beli ketika itu. Pada zaman *al-‘Abbāsī*, peranan *ḥisbah* bertambah penting dengan pelebaran kawasan jajahan Islam pada ketika itu. Khalifah Al-Mansūr pernah melantik ‘Āsim bin Sulaiman dalam menjaga hal-ehwal *ḥisbah* termasuklah dalam urusan mu‘āmalāt. Dalam konteks ini, kajian penulis akan terarah kepada tindakan pelan audit Syariah yang dijalankan oleh BIMB.

¹⁸ Ṣubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad, Dr, *Al-Ḥisbah fī al-Islām: Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbīq* (Mesr: Dar al-Riyaḍ al-Ṣāliḥīn, 1993)

Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā' al-Ḥanbalī dalam bukunya *Al-Aḥkām al-Sultaniyyah* juga membicarakan tentang konsep *ḥisbah*, syarat-syarat pegawai *ḥisbah* dan juga pembahagian *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* sama seperti pembahagian yang dilakukan oleh al-Mawardi. Beliau juga ada menyentuh tentang usaha mencegah kemungkaran yang berkaitan dengan mu'āmalāt.¹⁹ Menurut beliau, sekiranya berlaku penipuan dalam urusan jual-beli maka hukuman yang dikenakan adalah berat memandangkan penipuan yang dilakukan adalah menganiayai masyarakat. Justeru, pemantauan adalah perlu oleh *muḥtasib* agar setiap peniaga atau penjual mematuhi hukum syarak dalam urusan *mu'āmalāt* mereka. Penulis pula akan menjadikan teori umum ini sebagai asas kepada kajian pentadbiran audit Syariah moden terutamanya dalam konteks tindakan selepas temuan audit Syariah yang dijalankan oleh BIMB.

Begitu juga buku *Al-Ḥisbah fi al-Islām* karya Taqiyuddin bin Taimiyyah yang ditahqiqkan oleh Muhammad Zahrī al-Bukhār.²⁰ Di awal bukunya yang berhalaman 206 muka surat, beliau menghuraikan tentang *ḥisbah* dan dalil-dalil yang berkaitan dengannya disamping tugas yang sepatutnya dimainkan oleh seseorang *muḥtasib*. Di samping itu, beliau banyak menyentuh tentang hubungan *ḥisbah* dengan bidang ekonomi termasuklah hukum *ta'sīr*, *iḥtikār*, hukum *muzāra'ah*, hukum *ba'i al-jalīb* dan hukum *al-murābahah*. Selain itu, buku ini juga menyentuh tentang *uqubat al-māliyyah* berserta dengan syarat-syarat sesuatu amalan itu diterima oleh Allah. Secara keseluruhannya buku ini membawa konsep peranan *ḥisbah* dalam menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan keburukan terutamanya yang bercangkuhan dengan bidang ekonomi. Penulis akan lebih memberi fokus tentang

¹⁹ Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā' al-Ḥanbalī, *Al-Aḥkām al-Sultaniyyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1983)

²⁰ Taqiyuddn bin Taimiyyah, tahqiq oleh Muhammad Zahrī al-Bukhār, *Al-Ḥisbah fi al-Islām* (Kaherah: Matāba' al-Dajwī, 1980)

pelaksanaan konsep *hisbah* dalam memantapkan amalan sistem pentadbiran audit Syariah di Malaysia.

1.7.2 Tesis dan Disertasi

Wan Mohd. Ashraf bin Wan Draman dalam kajiannya yang bertajuk “Aplikasi Audit Syariah dalam Institusi Kewangan Islam di Malaysia: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad”²¹ membincangkan tentang pelaksanaan audit Syariah di BIMB. Kajian beliau lebih memfokuskan tentang proses pelaksanaan audit Syariah di BIMB bermula daripada kerja-kerja perancangan audit hinggalah kepada proses susulan yang dilakukan oleh kakitangan BIMB. Bagi penulis, tumpuan akan diberikan bukan hanya proses audit Syariah di BIMB tetapi lebih kepada analisis pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah melalui elemen-elemen *hisbah* yang wujud di dalamnya.

Nur Laili binti Ab. Ghani juga mengkaji tentang audit Syariah dalam kajiannya yang bertajuk “*An Analysis of Shariah Audit Practices in Islamic Banks in Malaysia*”. Kajian beliau lebih memfokuskan kepada amalan audit Syariah di bank-bank Islam di Malaysia. Di samping itu, beliau juga mengkaji tentang pandangan para juruaudit Syariah, pegawai Syariah dan ahli-ahli jawatankuasa Syariah terhadap fungsi-fungsi audit Syariah di bank-bank yang menjalankan sistem kewangan Islam di Malaysia. Dalam pada itu, beliau juga cuba untuk menilai cabaran-cabaran dalam pengawasan dan pelaksanaan amalan audit Syariah di bank-bank Islam di Malaysia.²² Perbezaan yang

²¹ Wan Mohd. Ashraf bin Wan Draman, *Aplikasi Audit Syariah dalam Institusi Kewangan Islam di Malaysia: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad*, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya 2015)

²² Nur Laili Ab. Ghani, *An Analysis of Shariah Audit Practices in Islamic Banks in Malaysia*, Disertasi Sarjana Sains dalam Perbankan dan Kewangan Islam, Institute of Islamic Banking and Finance, (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2014)

ketara antara kajian beliau dengan kajian penulis ialah kajian beliau tertumpu kepada analisis praktikal audit Syariah di IKI manakala kajian penulis lebih memfokuskan kepada analisis pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB.

Nawal binti Kasim dalam kajiannya yang bertajuk “*Dynamics of Shariah Auditing in Islamic Institutions: A Study of the Malaysian Islamic Financial Sector*” telah menyentuh secara langsung tentang audit Syariah di sektor kewangan Islam Malaysia. Kajian beliau lebih menjurus kepada usaha untuk menyelidik peranan, fungsi dan status audit Syariah di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia dalam memastikan segala aktiviti mereka selari dengan prinsip Syariah. Beliau cuba untuk mengkaji tentang bentuk audit Syariah yang diinginkan di institusi-institusi kewangan Islam (IKI), amalan semasa proses audit Syariah di IKI dan jurang antara aktiviti audit Syariah yang diidamkan (*desirable Shariah auditing*) dengan amalan sebenar audit Syariah di IKI di Malaysia. Di samping itu, kajian beliau juga memberikan penekanan kepada kebebasan dan kecekapan juruaudit Syariah, skop audit Syariah dan rangka kerja audit Syariah yang wujud melalui peraturan-peraturan dan garis panduan yang sedia ada.²³ Perbezaan antara kajian penulis dengan kajian Nawal binti Kasim ialah penulis mengkaji pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah manakala Nawal binti Kasim tidak menyentuh tentang konsep *hisbah* di dalam kajian audit Syariah yang dijalankannya. Tambahan lagi, penulis memfokuskan pentadbiran audit Syariah secara khusus di BIMB manakala kajian Nawal binti Kasim dibuat secara umum iaitu di IKI di Malaysia.

Dalam kajian yang bertajuk “Pelaksanaan Hisbah di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI): Kajian Dari Perspektif Hukum yang ditulis

²³ Nawal binti Kasim, *Dynamics of Shariah Auditing in Islamic Institutions: A Study of the Malaysian Islamic Financial Sector*, Tesis Doktor Falsafah dalam Perakaunan, Kulliyyah of Economics and Management Sciences, (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009)

oleh Khairiah binti Mohamed²⁴ pula membincangkan secara khusus pelaksanaan *hisbah* dalam aspek pentadbiran MPKB-BRI. Beliau juga tidak ketinggalan membincangkan konsep *hisbah* untuk dijadikan asas perbincangan terhadap kajiannya. Menurut beliau, pelaksanaan *hisbah* di MPKB-BRI merangkumi tiga jabatan utama iaitu Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Pelaksana dan Jabatan Pembangunan Islam. Pelaksanaan *hisbah* di MPKB-BRI dapat dilihat dengan jelas dengan tertubuhnya Skwad Hisbah pada tahun 2003. Pada awal penubuhannya, seramai 50 orang ahli berdaftar telah bernaung di bawah Skwad Hisbah ini. Namun pada tahun 2006, hanya 16 orang sukarelawan yang terdiri daripada penghulu, pelajar kolej, guru agama dan guru kaunseling sekolah yang aktif di samping dibantu oleh 10 orang kakitangan MPKB-BRI. Menurut Khairiah binti Mohamed lagi, antara tugas khusus Skwad Hisbah MPKB-BRI ini antara lain termasuklah membantu MPKB-BRI menangani masalah remaja di samping mengawasi dan menasihati mereka. Bagi penulis, kajian ini begitu baik dalam memberikan gambaran pelaksanaan *hisbah* dalam konteks semasa dengan berpandukan konsep *hisbah* sebenar. Cuma yang membezakan dengan kajian penulis adalah bagaimana konsep *hisbah* itu diaplikasikan dalam sektor perbankan Islam ke arah memantapkan lagi sistem pentadbiran audit Syariah mereka.

Dalam pada itu, Ratna Mulyany dalam kajiannya yang bertajuk “*Shariah Audit for Islamic Financial Institutions: Perceptions of Accounting Academicians, Audit Practitioners and Shariah Scholars*” lebih menumpukan kepada persepsi golongan-golongan ahli akademik berlatarbelakangkan perakaunan, pengamal audit dan cendekiawan Syariah terhadap isu-isu audit Syariah. Antara persoalan yang dibangkitkan dalam kajian beliau ialah definisi audit Syariah, kelayakan juruaudit

²⁴ Khairiah binti Mohamed, *Pelaksanaan Hisbah di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI): Kajian Dari Perspektif Hukum*, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008)

Syariah, skop audit Syariah dan regulatory kerangka audit Syariah.²⁵ Kajian yang dijalankan oleh penulis pula tidak memfokuskan kepada persepsi-persepsi golongan tertentu bagi menjawab pelbagai isu yang timbul dalam audit Syariah seperti yang dijalankan oleh Ratna Mulyany. Penulis lebih memfokuskan kepada analisis pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah yang tidak disentuh di dalam kajian yang dilakukan oleh Ratna Mulyany.

Manakala Lailatuazila binti Ibrahim dalam kajiannya yang bertajuk “Pencapaian Objektif Syariah dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Islam Malaysia”²⁶ telah menyentuh tentang *maqāsid al-Syari’ah* untuk dijadikan asas kepada kajiannya yang membincangkan objektif Syariah dalam sistem perbankan Islam. Selain menghuraikan panjang lebar tentang pengertian *maqāsid al-Syari’ah*, pembahagian *maqāsid al-Syari’ah* dan asas *maqāsid al-Syari’ah*, beliau juga tidak ketinggalan menyentuh tentang latar belakang BIMB dengan agak terperinci. Antara yang menarik perhatian penulis terhadap kajiannya ialah tentang analisa yang dibuat terhadap sambutan pelanggan terhadap BIMB. Antara hasil dapatannya ialah 73 peratus pelanggan memilih BIMB adalah kerana menjalankan prinsip Islam, 72 peratus pula menyatakan BIMB sebagai selesa, 82 peratus mendapat layanan yang adil, 60 peratus kemudahan terbaik, 90.7 peratus membantu wang dengan selamat dan 65.3 peratus kerana kakitangan efisien dan inovatif. Bagi penulis, kajian akan dibuat dengan menfokuskan tentang pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB dan bukannya tentang faktor sambutan pelanggan terhadap BIMB.

²⁵ Ratna Mulyany, *Shariah Audit for Islamic Institutions: Perceptions of Accounting Academicians, Audit Practitioners and Shariah Scholars*, Disertasi Sarjana Sains dalam Perakaunan, Kulliyah of Economics and Management Sciences, (Gombak : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008)

²⁶ Lailatuazila binti Ibrahim , *Pencapaian Objektif Syariah dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Islam Malaysia*, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008)

Muhammad Firdaus bin Muhammad Hatta dalam tesisnya yang bertajuk *Al-Hisbah wa Dauruha fī Himāyah al-Sauq: Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah bi Al-Qānūn al-Malīzī* juga membincangkan panjang lebar tentang institusi ini yang berperanan mempertahankan peraturan-peraturan Islam ini daripada dicabuli dan juga melindungi masyarakat serta memastikan keselamatan mereka terjamin.²⁷ Antara yang disentuh oleh beliau ialah peranan *hisbah* dalam mengawal selia pasar-pasar, pertukangan atau kemahiran dan bidang pengeluaran agar sentiasa patuh kepada undang-undang Islam dan piawaian kualiti. Dalam pada itu, beliau juga menyentuh tentang kelayakan mereka yang dilantik di bahagian penguatkuasa dalam menjalankan tanggungjawab *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* di samping analisis hubung kait antara institusi *hisbah* dengan agensi-agensi kerajaan Malaysia dari segi undang-undang Islam dan undang-undang sivil. Beliau yang menjadikan Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai model kajian telah mengkaji usaha institusi berkenaan dalam mengawasi aktiviti-aktiviti perdagangan di Malaysia disamping melindungi kebajikan pelanggan. Bagi penulis pula, kajian yang akan dibuat nanti akan menjurus kepada bidang pentadbiran audit Syariah sahaja disamping memfokuskan hanya satu institusi iaitu BIMB.

Abdul Rahman bin A. Shukor dalam kajiannya yang bertajuk “Aplikasi Konsep *Al-Saraf* dalam Tukaran Mata Wang Asing di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)”²⁸ telah membincangkan aplikasi *al-Saraf* di BIMB disamping terlebih dahulu menerangkan konsep *al-Saraf* dari perspektif Islam yang merangkumi dalil

²⁷ Muhammad Firdaus bin Muhammad Hatta, *Al-Hisbah wa Dauruha fī Himāyah al-Sauq: Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah bi Al-Qānūn al-Malīzī*, Tesis Ijazah Sarjana Fiqh dan Usūl Fiqh, (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2005)

²⁸ Abdul Rahman bin A. Shukor, *Aplikasi Konsep Al-Saraf dalam Tukaran Mata Wang Asing di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005)

pensyariatan, rukun *al-Saraf*, syarat *al-Saraf* dan sebagainya. Antara yang dikaji secara khusus ialah tentang amalan pertukaran wang asing di BIMB dan operasi serta analisa tentang amalan tersebut. Apa yang menarik penulis tentang kajian beliau ialah mengenai beberapa isu pertukaran wang asing yang diketengahkan yang mungkin menyentuh tentang kebajikan para pelanggan BIMB yang seharusnya dilindungi daripada sebarang pelanggaran Syariah. Antara isu-isu tersebut termasuklah sehingga tahun 2004 tiada garis panduan khusus daripada Bank Negara tentang pertukaran wang asing secara Islam, keselamatan dana, risiko penglibatan, kurang kepakaran pertukaran wang asing dan ketiadaan peruntukan khusus undang-undang muamalat di Mahkamah Syariah yang boleh membicarakan kes pelanggaran Syariah dalam muamalat. Isu-isu yang dibangkitkan tersebut sedikit sebanyak boleh memberi panduan kepada penulis dalam mengkaji perlindungan yang sepatutnya diberikan kepada pelanggan BIMB. Perbezaan kajian penulis dengan kajian Abdul Rahman bin A. Shukor di BIMB ialah penulis memberikan fokus terhadap pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah manakala Abdul Rahman bin A. Shukor memberikan penumpuan terhadap perkhidmatan *al-saraf* dalam tukaran wang asing.

Manakala Aminudin Mohamad melalui kajiannya “Pendakwaan Berasaskan Hisbah dalam Sistem Pengadilan Islam”²⁹ pula secara jelas mengkaji *hisbah* dalam konteks undang-undang. Beliau juga tidak ketinggalan membincangkan secara khusus konsep *hisbah* dalam Islam sebagai landasan dalam kajiannya. Antara lain yang dibincangkan oleh beliau ialah prinsip-prinsip pendakwaan, pendakwaan berasaskan *hisbah*, pendakwaan *hisbah* dan pelaksanaannya dalam realiti masa kini di Malaysia dan pendakwaan *hisbah* adalah merealisasikan prinsip *amr ma'ruf nahi munkar* dengan mendatangkan contoh pelaksana seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Badan

²⁹ Aminudin Mohamad, *Pendakwaan Berasaskan Hisbah dalam Sistem Pengadilan Islam*, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004)

Pencegah Rasuah (BPR), pihak imigresen dan penguasa kerajaan tempatan. Bagi penulis, kajian Aminudin Mohamad adalah satu lagi bukti tentang kepentingan implementasi konsep *hisbah* yang berasaskan *amr ma'ruf nahi munkar* dalam sistem pentadbiran semasa. Apa yang membezakan kajian beliau dengan kajian penulis ialah bidang kajian beliau lebih menjurus kepada aspek undang-undang manakala penulis pula lebih menumpukan kepada pelaksanaan konsep *hisbah* dalam bidang pentadbiran audit Syariah di institusi perbankan Islam iaitu BIMB.

Noranita binti Mat Rozi dalam kajiannya yang bertajuk “Institusi Hisbah Dalam Pentadbiran Islam: Suatu Kajian Mengenai Sejarah dan Pelaksanaannya di Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna”³⁰ telah membincangkan panjang lebar tentang konsep dan beberapa perkara asas yang berkaitan dengan *hisbah* termasuklah pensyariatan dan sejarah hisbah. Berasaskan kepada konsep *hisbah* yang diterangkan, beliau mengaitkannya dengan beberapa tindakan yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang disifatkan melindungi pengguna. Antara amalan yang diketengahkan yang bertujuan melindungi pengguna ialah bertindak atas amalan tidak beretika atas aduan pengguna, membantu mempertingkatkan kesedaran pengguna, memastikan alat timbang sukat barang adalah betul dan mengawal harga barang. Segala maklumat yang berkaitan dengan perkara asas konsep *hisbah* yang dibawakan oleh beliau amat bermanfaat dalam memahami peranan institusi *hisbah* dalam pentadbiran Islam. Walaupun kajian Noranita Mat Rozi menghubungkan *hisbah* dengan bidang perniagaan dan kepenggunaan serta bagaimana pelanggan boleh dilindungi daripada sebarang penindasan dan penipuan, namun ianya berbeza dengan kajian penulis yang

³⁰ Noranita binti Mat Rozi, *Institusi Hisbah Dalam Pentadbiran Islam: Satu Kajian Mengenai Sejarah dan Pelaksanaannya di Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*, Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003)

lebih menjurus kepada pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah yang melibatkan diri secara khusus dengan bidang muamalat institusi perbankan Islam di Malaysia.

Syahrul Faizaz Abdullah pula dalam kajiannya yang bertajuk “Institusi Hisbah Dalam Sistem Islam: Suatu Kajian Mengenai Sejarah dan Pelaksanaanya di Direktorat Penguatkuasaan DBKL”³¹ tidak ketinggalan dalam menghuraikan konsep dan latar belakang institusi *hisbah* yang menjadi asas kajiannya. Penumpuannya di DBKL dilihat lebih terarah kepada tugas penguatkuasaan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan seperti kawalan kebersihan, kawalan trafik, mengawasi keselamatan kawasan kejiranan, kawalan masalah sosial, pendatang tanpa izin, aktiviti pelacuran, judi dan sebagainya. Kajian beliau banyak membantu dalam memahami kepentingan institusi *hisbah* dalam mengawal keharmonian sistem sosial masyarakat seperti tugas yang dijalankan oleh pihak DBKL. Manakala kajian penulis pula adalah secara khusus terarah kepada bagaimana pelaksanaan konsep *hisbah* dalam tadbir urus audit Syariah institusi perbankan Islam di Malaysia.

Fadhlul Rahman bin Azizan dalam kajiannya “Produk-Produk Perbankan Islam di Ibu Pejabat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)”³² pula mengkaji tentang produk-produk yang ditawarkan BIMB. Antara yang disentuh termasuklah produk-produk perkhidmatan deposit dan produk-produk pembiayaan. Kajian beliau amat bermanfaat bagi penulis untuk mengetahui dengan jelas tentang produk perkhidmatan dan pembiayaan yang ditawarkan kepada masyarakat yang terdapat di BIMB. Namun dalam

³¹ Syahrul Faizaz Abdullah, *Institusi Hisbah Dalam Sistem Islam: Suatu Kajian Mengenai Sejarah dan Pelaksanaanya di Direktorat Penguatkuasaan DBKL*, Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003)

³² Fadhlul Rahman bin Azizan, *Produk-Produk Perbankan Islam di Ibu Pejabat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003)

kajian penulis pula , fokus utama yang akan dikaji di BIMB ialah tentang pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB.

Mohd. Zamri Roslan dalam kajiannya yang bertajuk Pegawai Penguatkuasa Agama: Bidangkuasa, Masalah dan Penyelesaiannya juga mengaitkan institusi *hisbah* dengan bidang tugas penguatkuasa agama.³³ Di samping menyentuh tentang takrifan dan persoalan-persoalan *hisbah* yang lain, beliau cuba mengaitkan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) yang wujud di negeri Selangor dengan peranan *muhtasib* yang wujud dalam sejarah pentadbiran Islam. PPA mengawasi masyarakat supaya tidak meninggalkan solat Jumaat, tidak meminum arak, tidak berpuasa, tidak terlibat dengan ajaran sesat dan sebagainya. Beliau lebih menumpukan kepada bidang penguatkuasaan undang-undang negeri Selangor sahaja. Manakala penulis akan menumpukan kepada skop pentadbiran institusi kewangan Islam yang menfokuskan urus tadbir audit Syariah berkonsepkan intipati *hisbah* iaitu *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*.

1.7.3 Jurnal

Azrin Ibrahim dalam artikel jurnal yang bertajuk 'Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia',³⁴ lebih membincangkan *hisbah* dari aspek kepentingan dan amalannya di negara ini. Beliau lebih memfokuskan kepada konsep *hisbah* dalam pengurusan Islam dan kepentingan pelaksanaannya dalam membawa mesej menjaga kemaslahatan masyarakat segajat. Di samping itu, beliau cuba membuat analisis tentang pengamalan dan praktis *hisbah* di Malaysia yang merangkumi pelbagai aspek seperti keagamaan, keselamatan, perbankan dan kewangan, mu'āmalat dan sosio-ekonomi

³³ Mohd. Zamri Roslan, *Pegawai Penguatkuasa Agama: Bidangkuasa, Masalah dan Penyelesaiannya*, Kertas projek Diploma in Islamic Judiciary and Practice, (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1995)

³⁴ Azrin Ibrahim (2015), *Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia*, dalam Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Bil. 11, 2015 (Edisi Khas), 26

masyarakat dan perbandaran. Dalam kajian penulis pula, tumpuan akan diberikan secara khusus terhadap amalan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syari'ah di institusi perbankan khususnya di BIMB.

Dalam pada itu, dalam jurnal yang bertajuk *Exploring Undergraduate Students' Understanding of Shari'ah Auditing in Brunei*³⁵ pula membincangkan tentang kefahaman terhadap audit Syariah di kalangan mahasiswa di Brunei. Dalam membincangkan audit Syariah ini, jurnal ini turut menjadikan amalan *hisbah* yang diamalkan semenjak zaman Rasulullah S.A.W sebagai asas kepada audit Syariah dan menyamakan *muhtasib* dalam sistem *hisbah* terdahulu dengan juruaudit Syariah. Walaupun penulis bersetuju dengan menyamakan muhtasib dengan juruaudit Syariah, namun penekanan penulis bukan setakat mengetahui tahap kefahaman responden semata-mata, akan tetapi mengkaji tahap keberkesanan penggunaan sistem *hisbah* yang menyeluruh di dalam sistem pentadbiran audit Syariah perbankan Islam pada hari ini. Di samping itu, lapangan kajian jurnal di atas adalah berbeza dengan kajian penulis kerana jurnal tersebut menumpukan kepada tahap kefahaman mahasiswa ijazah pertama terhadap audit Syariah di negara Brunei manakala penulis memfokuskan pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah perbankan Islam di Bank Islam Malaysia Berhad.

Manakala Syed Faiq Najeeb dan Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dalam artikel jurnal mereka yang bertajuk '*Professionalizing the role of Shari'ah auditors: How Malaysia can generate economic benefit*' cuba mendatangkan cadangan tentang keperluan Malaysia mengepalai penubuhan *Association of Chartered Shari'ah Accountants and Auditors* (ACSAA) yang boleh memberi manfaat kepada ekonomi

³⁵ Hisham Yaacob *et.al*, *Exploring Undergraduate Students' Understanding of Shari'ah Auditing in Brunei* (Middle-East Journal of Scientific Research 19(1): 52-60, 2014), 52

negara. Mereka berpendapat bahawa urusan mengaudit institusi-institusi Islam mestilah dilakukan oleh pegawai audit yang terlatih dan berpengetahuan mengenai undang-undang Syariah. Mereka juga mengutarakan pandangan tentang keperluan mewujudkan audit Syariah iaitu antara lainya untuk mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak patuh Syariah dalam organisasi Islam dan bagi menghadapi kepesatan perkembangan industri perbankan dan kewangan Islam global.³⁶ Bagi penulis, skop kajian adalah lebih menjurus kepada pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah yang mana pemakaian konsep *hisbah* ini tidak disentuh secara khusus oleh Syed Faiq Najeeb dan Shahul Hameed Mohamed Ibrahim. Penulis juga menjadikan BIMB sebagai medan kajian khusus dalam menganalisa pentadbiran audit Syariah manakala kedua-dua penulis tersebut tidak mengambil model secara khusus dalam kajian penulisan mereka.

Manakala Nawal Kasim, Sheila Nu NuHtay dan Syed Ahmed Salam dalam kajian mereka yang bertajuk *Shariah Governance for Islamic Capital Market: A Step Forward*³⁷ membincangkan tadbir urus Syariah dalam pasaran modal. Kajian mereka lebih tertumpu kepada keperluan untuk mewujudkan tadbir urus Syariah dalam pasaran modal yang sama pentingnya dengan sektor perbankan Islam. Persoalan *hisbah* juga turut disentuh bagi mengaitkan tanggungjawab menjaga syariat yang mesti dimainkan oleh semua pihak. *Muhtasib* dijadikan sebagai contoh kepada para pengarah dan pemegang syer dalam mengarah dan memantau segala aktiviti perniagaan agar selari dengan kehendak syarak. Manakala kajian penulis pula lebih memberi fokus kepada pentadbiran audit Syariah dalam bidang perbankan Islam yang lebih spesifik. Walaupun masing-masing mengambil konsep *hisbah* sebagai asas kepada pentadbiran, tetapi

³⁶ Syed Faiq Najeeb dan Shahul Hameed Mohamed Ibrahim, *Professionalizing the role of Shari'ah auditors: How Malaysia can generate economic benefits*, (Pacific-Basin Finance Journal, 2013), 91

³⁷ Nawal Kasim et.al, *Shariah Governance for Islamic Capital market: A Step Forward* (International Journal of Education and Research, Vol. 1, No. 6, Jun 2013), 1

penulis lebih menjuruskannya kepada audit Syariah dengan mengguna pakai konsep *hisbah* tersebut secara menyeluruh yang bukan hanya tertumpu kepada *muhtasib* sahaja tetapi juga merangkumi keseluruhan elemen-elemen audit Syariah yang terkandung di dalam konsep *hisbah* itu sendiri.

Dalam kajian berkaitan yang bertajuk *Emerging issues for auditing in Islamic Financial Institutions: Empirical evidence from Malaysia*³⁸, Nawal Kasim dan Zuraidah Mohd. Sanusi telah memfokuskan tentang perspektif pengamal perbankan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan proses audit Syariah dalam beberapa isu seperti standard audit Syariah, kelayakan juruaudit dan kebebasan mereka. Antara dapatan mereka termasuklah terdapat keperluan untuk mengintegrasikan standard audit Syariah yang mesti merangkumi semua aspek pematuhan Syariah demi untuk memastikan semua pengamal audit Syariah mampu melaksanakan tugas audit yang selari dengan syarak. Mereka juga bersetuju bahawa juruaudit Syariah mestilah seseorang yang berkecualan dan seseorang juruaudit juga mestilah bebas dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai juruaudit Syariah. Oleh yang demikian, mereka mencadangkan agar isu-isu seperti standard amalan audit Syariah, kelayakan juruaudit Syariah dan kebebasan mereka dalam menjalankan kerja-kerja audit mestilah diselesaikan segera agar perkembangan industri kewangan dan perbankan Islam tidak terbantut. Bagi penulis pula, penekanan pentadbiran audit Syariah adalah lebih memfokuskan kepada pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah dan tumpuan diberi secara khusus di BIMB.

Ahmad Faizol Ismail dalam artikel jurnalnya juga ada membincangkan tentang *hisbah*. Namun artikelnya yang bertajuk 'Perbandingan antara Hisbah dan Majlis

³⁸ Nawal Kasim dan Zuraidah Mohd. Sanusi (2013), *Emerging issues for auditing in Islamic Financial Institutions: Empirical evidence from Malaysia*, (IOSR Journal of Business and Management, Volume 8, Issue 5, Mar-Apr. 2013), 10

Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam³⁹ hanya membuat penekanan terhadap wujudnya persamaan kriteria dan tugas antara *hisbah* dan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Perbankan Islam. Kajian penulis pula lebih menjurus tentang pemakaian konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah yang merangkumi beberapa elemen *hisbah* dalam pentadbiran perbankan Islam di BIMB.

Nawal Kasim *et.al* juga turut menyentuh tentang audit Syariah dalam artikel jurnal mereka yang bertajuk *Shariah Auditing in Islamic financial institutions: Exploring the gap between “desired” and the “actual”*⁴⁰. Kajian mereka menjurus kepada jangkaan dan amalan sebenar fungsi audit Syariah di institusi kewangan Islam (IKI) di Malaysia. Bagi mereka, mekanisme yang betul perlu wujud dalam setiap IKI demi memastikan segala operasinya selari dengan kehendak syarak seterusnya menanamkan keyakinan dan kepercayaan semua pihak yang terlibat. Antara yang disentuh dalam kajian mereka ialah garis panduan audit Syariah, skop audit, kelayakan juruaudit Syariah dan kebebasan juruaudit Syariah. Antara kesimpulan yang mereka hasilkan ialah proses audit Syariah di IKIs masih kurang berstruktur. Perbezaan kajian mereka dengan kajian penulis ialah kajian mereka berkisar tentang audit Syariah yang menggunakan konsep umum manakala kajian penulis pula lebih fokus kepada pelaksanaan konsep *hisbah* sebagai asas kepada pentadbiran audit Syariah di BIMB.

Athar Murtuza dan Wagdy Abdallah dalam artikel jurnal mereka yang bertajuk *Islamic Muhtasib And American CPAs: A Comparative Study Of Institution Meant To Protect Public Interest* turut membincangkan tentang sistem *hisbah* yang pernah digunakan oleh pemerintahan Islam sejak kurun ke-7 hingga kurun ke-17. *Muhtasib*

³⁹ Ahmad Faizol Ismail, *Perbandingan antara Hisbah dan Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam* (Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Edisi Khas, 2011), 41

⁴⁰ Nawal Kasim *et.al*, *Shariah Auditing in Islamic Financial Institutions: Exploring the gap between the “desired” and the “actual”* (Global Economy and Finance Journal, 2(2), ISSN 1834-5883, 2009), 127

yang merupakan pegawai audit hisbah cuba dibandingkan dengan juruaudit awam kontemporari ataupun disebut CPAs (*contemporary public auditor*). Mereka mencadangkan agar konsep *muhtasib* digunapakai dalam standard perakaunan dan pengauditan di negara-negara Islam agar sistem mereka lebih diyakini. Mereka juga berpendapat bahawa sistem institusi *hisbah* sangat relevan dengan standard perakaunan, pengauditan dan akauntabiliti kontemporari yang boleh berperanan sebagai pelindung kepentingan awam.⁴¹ Penulis pula akan lebih menumpukan kepada pentadbiran audit Syariah dalam sistem perbankan Islam secara khusus. Walaupun mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menjaga kepentingan awam, tetapi fokus penulis lebih spesifik kepada pentadbiran audit Syariah di BIMB sahaja.

1.7.4 Prosiding

Hisham Yaacob menerusi kajiannya yang bertajuk *Issues and Challenges of Shari'ah Audit in Islamic Financial Institutions: A Contemporary View* pula membincangkan tentang audit Syariah yang menurut beliau mesti selari dengan syarak dalam semua aktivitinya. Tambah beliau, audit Syariah mestilah memastikan semua produk, perkhidmatan dan aktiviti semua institusi kewangan Islam tidak melanggar prinsip syarak. Beliau juga menegaskan bahawa di samping melakukan aktiviti dalaman, institusi kewangan Islam juga boleh melakukan audit luaran yang lebih bersifat bebas. Dalam pada itu, beliau juga menyentuh beberapa isu dan cabaran dalam audit Syariah seperti tahap kebebasan juruaudit Syariah, juruaudit Syariah yang kurang berkelayakan dan tahap akauntabiliti juruaudit Syariah yang kurang memuaskan. Di samping itu, beliau juga menyatakan tentang keperluan mewujudkan institusi hisbah dan *muhtasib* berperanan sebagai juruaudit Syariah. Beliau menambah, institusi hisbah

⁴¹ Athar Murtuza dan Wagdy Abdallah, *Islamic Muhtasib And American CPAs: A comparative Study Of Institutions Meant To Protect Public Interest* (Journal of Accounting – Business & Management 14, 2007), 41

yang ditubuhkan tersebut tidak semestinya diletakkan di bawah kuasa pemerintah tetapi juga boleh ditadbir sebagai institusi bebas ataupun beroperasi sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).⁴² Bagi penulis, idea untuk institusi kewangan Islam di audit secara luaran dan dalaman adalah baik dan selari dengan kajian penulis. Namun saranan untuk menjadikan audit luaran ditadbir oleh badan bebas ataupun oleh NGO adalah berlainan dengan pendekatan penulis. Penulis lebih cenderung untuk mengkaji institusi *hisbah* dan mengguna pakai konsepnya untuk pembentukan sebuah badan audit luaran yang ditadbir sepenuhnya oleh kuasa kerajaan. Penulis akan menyatakan rasional kuasa kerajaan dalam mentadbir institusi audit luar yang bertanggungjawab menjaga kepentingan awam dan memperteguhkan sistem tadbir urus audit institusi kewangan Islam di Malaysia.

1.8 Metodologi Kajian

Secara umumnya, data-data dari kajian ini menggunakan buku-buku dan dokumen-dokumen bertulis dari kajian perpustakaan. Data-data juga diperolehi daripada hasil temubual yang dijalankan ke atas beberapa orang pegawai BIMB dan Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Data-data yang menggunakan sumber sekunder seperti buku-buku yang membicarakan tentang tema kajian ini diperolehi daripada perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Dar al-Hikmah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Institut Perbankan Islam dan Kewangan Malaysia (IBFIM), Perpustakaan INCEIF (*International Centre for Education in Islamic Finance*) dan

⁴² Hisham Yaacob, *Issues and Challenges of Shari'ah Audit in Islamic Financial Institutions: A Contemporary View*, Kertas prosiding 3rd. International Conference on Business and Economic Research, (Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia, 2012), 2669

Perpustakaan *Business School* Universiti Kuala Lumpur. Berdasarkan kepada sifat data-data tersebut, kajian ini mengguna pakai metode kualitatif yang mengandungi sumber primer dan sekunder. Metode kualitatif bermaksud menjalankan sesuatu kajian dengan memberi tumpuan kepada fenomena yang berlaku di persekitaran semulajadi dan data dianalisis tidak menggunakan statistik.⁴³ Sumber primer ialah data-data yang diperolehi oleh seseorang pengkaji secara langsung hasil usahanya sendiri⁴⁴ manakala sumber sekunder ialah data-data yang diperolehi daripada maklumat yang sudah pun wujud.⁴⁵ Antara sumber-sumber primer ialah temubual manakala sumber-sumber sekunder pula ialah dokumen-dokumen, penerbitan kerajaan dan kajian-kajian terdahulu⁴⁶ yang akan dibincangkan secara terperinci seperti di bawah.

1.8.1 Sumber Data dan Analisis

Secara umumnya, sumber-sumber sekunder seperti buku-buku banyak digunakan menerusi kajian perpustakaan ini. Data-data dari buku-buku ini dikumpul dan digunakan dengan meluas dalam Bab Dua kajian ini terutamanya yang berkaitan dengan konsep *hisbah*. Justeru, buku-buku rujukan klasik Islam seperti *Al-Aḥkam al-Sultaniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah* karya Al-Mawardi⁴⁷ dan *Iḥyā' Ulum al-Dīn* karya Al-Imam al-Ghazali⁴⁸ adalah antara rujukan utama yang dipilih untuk dijadikan asas bagi mengupas konsep *hisbah*. Menerusi penggunaan metode kajian perpustakaan ini, kajian ini mampu untuk mengeluarkan elemen-elemen *hisbah* untuk dijadikan teras

⁴³ Sherri L. Jackson, *Research Methods: A Modular Approach* (Belmont: Wadsworth Cengage Learning, 2011), 101

⁴⁴ Peter Langley, *Doing Social Research: A Guide to Coursework* (Lancashire: Causeway Press Ltd, 1988), 8

⁴⁵ *Ibid.*, 42

⁴⁶ Ranjit Kumar, *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners* (London: Sage Publications, 2012), 139

⁴⁷ Abi al-Ḥasan 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī al-Māwardī, *Al-Aḥkam al-Sultaniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah* (Beirut: Dar al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 2006), 1

⁴⁸ Al-Imām Abī Ḥāmad Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā' Ulum al-Dīn*, (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 433

kepada penulis bagi menjalankan kajian terhadap pelaksanaan elemen-elemen tersebut di dalam pentadbiran audit Syariah di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Dalam membuat analisis secara kritis, penggunaan metode kajian perpustakaan ini juga membantu dalam mengembangkan elemen-elemen *hisbah* sebagai satu konsep audit yang berteraskan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran di samping mengolah elemen-elemen *hisbah* tersebut menjadi salah satu instrumen audit Syariah dalam bentuk moden.

Bab Dua juga ada menyentuh tentang konsep audit Syariah yang menjadi tema kepada kajian ini. Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tentang audit Syariah ini, penulis menggunakan metode kajian perpustakaan iaitu melalui sumber-sumber sekunder seperti buku-buku dan jurnal-jurnal. Daripada sumber-sumber sekunder ini, penulis cuba mendapatkan konsep sebenar audit Syariah walaupun ianya agak kurang dibincangkan secara khusus oleh para ahli akademik. Walaupun sumbernya terhad⁴⁹, namun penggunaan metode ini boleh membantu penulis dalam menganalisis konsep dan matlamat audit Syariah yang menjadi tema kajian penulis.

Bab Tiga kajian ini membincangkan secara langsung praktikal audit Syariah di BIMB. Bagi mendapatkan data-data tentang praktikal audit Syariah tersebut, penulis telah menggunakan metode temubual memandangkan data-data tentang proses audit Syariah di BIMB secara khusus amat sukar didapati menerusi metode kajian perpustakaan. Metode temubual diklasifikasikan sebagai sumber primer kerana data yang diperolehi adalah secara langsung.⁵⁰ Satu perbezaan yang ketara antara metode temubual dengan lain-lain metode ialah wujudnya komunikasi dan interaksi bersemuka

⁴⁹ Syed Alwi Mohamed Sultan, *A Mini Guide to Shariah Audit for Islamic Financial Institutions-A Primer* (Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd., 2007), 6

⁵⁰ Peter Langley, *Doing Social Research: A Guide to Coursework* (Lancashire: Causeway Press Ltd, 1988), 8

antara pengkaji dan responden.⁵¹ Interaksi secara langsung ini sebenarnya boleh mempengaruhi kualiti dan kuantiti tindak balas orang yang ditemubual.⁵² Metode temubual digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang fakta dan pelbagai aspek lain yang ingin dikaji dalam sesuatu kajian. Beberapa faktor boleh mempengaruhi proses temubual ini samada berkesan ataupun sebaliknya. Ini termasuklah cara berkomunikasi, pakaian, umur, jantina, keturunan dan kemahiran berinteraksi.⁵³ Menurut William D. Crano dan Marilyn B. Brewer pula, metode temubual agak sukar dibandingkan dengan hanya menyediakan kertas soalan kemudian dijawab dan diisi oleh responden. Oleh itu, untuk memastikan proses temubual berjalan lancar, seseorang penyelidik perlulah bersedia dan mengambil kira keadaan-keadaan atau masa-masa yang sesuai untuk melakukan pendekatan temubual ini.⁵⁴ Data-data yang diperolehi menerusi metode ini amat penting bagi penulis bagi mengetahui secara terus proses-proses sebenar audit Syariah yang diamalkan di BIMB. Antara mereka yang dipilih untuk ditemubual menerusi metode ini ialah Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang (Pengerusi, Majlis Pengawasan Syariah BIMB), Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah BIMB), Cik Norrulhuda Kulop Alang (Pemangku Ketua Unit Audit Syariah BIMB), Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Jabatan Semakan Syariah BIMB) dan Prof. Dr Ashraf Md. Hashim (Ahli Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia). Pemilihan wakil-wakil untuk ditemubual daripada BIMB dibuat kerana mereka terlibat secara langsung sama ada sebagai penasihat atau pelaksana proses audit Syariah di BIMB. Manakala pemilihan wakil daripada Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk mendapatkan data tentang peranan BNM dalam mengawasi proses audit Syariah yang dijalankan oleh institusi kewangan Islam (IKI) terutamanya BIMB. Menerusi metode temubual ini, ianya

⁵¹ Barry P. Right, *Introduction To Research Method in Postgraduate Theses and Dissertations* (Newland, Kingston: The University of Hull, 1991), 58

⁵² Gerald R. Adams *et.al.*, *Understanding Research Methods (2nd Edition)* (New York: Longman New York and London, 1991), 212

⁵³ *Op.cit.*

⁵⁴ William D. CRANO *et al.*, *Principles And Methods of Social Research* (Boston: Allyn and Bacon, Inc., 1986), 229

membolehkan kajian ini menganalisis praktikal pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB.

Sementara itu, dalam Bab Dua dan Bab Empat, kajian ini juga cuba memfokuskan kepada pematuhan BIMB terhadap *Shariah Governance Framework* (SGF) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Justeru, kajian ini juga menggunakan metode dokumentasi iaitu mendapatkan data daripada dokumen SGF yang dikeluarkan oleh BNM untuk dijadikan asas dalam menilai tahap pematuhan audit Syariah BIMB terhadap SGF tersebut. Pemilihan untuk merujuk kepada SGF adalah kerana ianya merupakan antara peraturan dan dasar audit Syariah yang dikeluarkan oleh BNM untuk dipatuhi oleh semua institusi kewangan Islam di Malaysia. Di samping itu, menerusi metode dokumentasi ini juga, penulis cuba mendapatkan dokumen-dokumen audit dalaman daripada BIMB bagi mendapatkan data-data untuk dijadikan panduan dalam menilai perjalanan proses audit Syariah BIMB. Pemilihan metode dokumentasi ini akan membolehkan penulis membuat analisis secara kritis tentang pematuhan BIMB terhadap dokumen audit BNM iaitu SGF.

Bab Empat lebih memfokuskan kepada analisis pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB. Data-data yang diperolehi menerusi metode kajian perpustakaan sebagai sumber sekunder dan metode temubual sebagai sumber primer digunakan dengan meluas dalam membuat analisis tersebut. Elemen-elemen *hisbah* yang terhasil daripada analisis awal secara kritis menerusi metode kajian perpustakaan pada Bab Dua dan Bab Tiga dijadikan asas dalam membuat analisis terhadap pelaksanaan konsep *hisbah* di BIMB ini.

Manakala hasil dapatan daripada analisis berdasarkan data yang diperolehi sama ada menerusi metode kajian perpustakaan ataupun metode temubual akan ditulis di Bab Lima. Segala data dari sumber-sumber di Bab Dua dan Bab Tiga dianalisis di dalam Bab Empat secara kritis untuk mendapatkan hasil kajian yang ditulis di Bab Lima berpandukan kepada objektif kajian. Hasil dapatan daripada kajian kualitatif ini juga akan disertakan dengan kritikan dan cadangan-cadangan kepada pihak BIMB dan kerajaan bagi sebarang penambahbaikan yang dirasakan perlu.

University of Malaya

BAB DUA: KONSEP *HISBAH* DALAM PENTADBIRAN AUDIT SYARIAH PERBANKAN ISLAM

2.1. Pengenalan

Hisbah sering kali disalah konsepkan sebagai suatu badan pemantau yang beroperasi di pasar-pasar sahaja. Hakikatnya, *hisbah* ialah suatu institusi yang lahir dalam sejarah ketamadunan Islam yang berfungsi untuk menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada perbuatan-perbuatan mungkar. Dalam lain perkataan, ianya berkaitan dengan ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam yang berorientasikan memerhati dan meninjau agar tindakan masyarakat atau organisasi selari dengan tuntutan syariat. Ini diperteguhkan lagi apabila Sa'ad bin 'Abdullah bin Sa'ad dalam kitabnya *Al-Ḥisbah wa al-Niyābah al-Āmah: Dirāsah Muqāranah* menegaskan bahawa *hisbah* tidak hanya berkisar dalam ruang lingkup ekonomi sahaja tetapi meliputi semua urusan masyarakat Islam.¹

Pemakaian konsep *hisbah* dalam sistem mu'amalat sudah lama dipraktikkan iaitu semenjak zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W lagi. Walaupun istilah *muḥtasib* iaitu seseorang yang ditugaskan untuk mengawal kesejahteraan mu'amalat di sektor perniagaan hanya digunakan secara meluas pada akhir pemerintahan Kerajaan Umawi dan pada awal pemerintahan Kerajaan 'Abasiyyah, namun aplikasi *hisbah* tersebut sudah bermula sedari awal pemerintahan Islam lagi. Kewujudan jawatan Pegawai Pasar yang dikenali sebagai *Ṣāhib al-Sauq* atau *Al-Āmil 'alā al-Sauq* di zaman Rasulullah

¹ Sa'ad bin 'Abdullah bin Sa'ad, *Al-Ḥisbah wa al-Niyābah al-Āmah: Dirāsah Muqāranah* (Riyād:Dār al-Rasyd, 1987), 21

S.A.W yang menyamai jawatan *muhtasib* adalah bukti bahawa aplikasi konsep *hisbah* dalam mu'amalat Islam telah lama diguna pakai oleh sistem ekonomi Islam.²

Pemakaian konsep *hisbah* dalam mu'amalat Islam bukanlah hanya bermaksud mengawasi masyarakat tetapi ia merupakan satu kaedah syarak yang penting dalam memberi perlindungan ataupun sebagai jaminan untuk memastikan masyarakat akan terus berpegang teguh dengan syariat Islam dan mengikut segala ajaran yang terkandung di dalamnya.³

Oleh kerana itulah, pemakaian *hisbah* dalam mu'amalat ini dilihat telah dipraktikkan dengan meluas semenjak zaman Rasulullah S.A.W lagi dan diteruskan pelaksanaannya di zaman pemerintahan kerajaan Islam selepas baginda termasuklah di zaman Khulafā' al-Rāsyidīn, Kerajaan Umawī, Kerajaan 'Abasiyyah dan sebagainya.

Secara khususnya, pengamalan *hisbah* pada zaman Rasulullah S.A.W dapat dilihat apabila baginda sendiri telah turun padang untuk melakukan pengawasan di pasar-pasar atau di pusat-pusat perniagaan di samping mengajar orang ramai tentang kebaikan. Selain itu, baginda juga melantik pegawai yang bertanggungjawab untuk menjadi pengawas di pusat-pusat perniagaan tersebut dalam memastikan urusan mu'amalat berjalan seperti yang dikehendaki syarak.⁴ Antara mereka yang pernah dilantik oleh Rasulullah S.A.W untuk menjalankan tugas pengawasan di pusat-pusat

² Rasyād 'Abās Ma'tuq, *Nizam al-Ḥisbah fi al-'Irāq Hatta 'Asr al-Makmūn: Nasyathu wa Tatawaruh* (Jeddah: Dār al-Bilād, 1982), 43

³ *Ibid.*, 49

⁴ 'Abd al-Ḥasīb Riḍwān, *Dirāsāt fi Al-Ḥisbah min al-Nāḥiyatāin: Al-Tārikhiyyah wa Al-Fiqhiyyah* (Kaherah: Al-Maṭba'ah al-Islamiyyah, 1990), 35

perniagaan ialah Sa‘īd bin Sa‘īd bin al-‘Ās yang ditugaskan di pasar Mekah sementara ‘Umar R.A pula ditugaskan untuk menyelia di pasar Madinah.⁵

Antara perkara yang dilarang oleh Rasulullah S.A.W dalam urusan perniagaan ialah penipuan dalam perniagaan sebagaimana yang terkandung dalam sabda Rasulullah S.A.W:⁶

و حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ أَبِي أُيُوبَ وَفُتَيْبَةُ وَابْنُ حُجْرٍ جَمِيعًا عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ جَعْفَرٍ قَالَ ابْنُ أُيُوبَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ أَخْبَرَنِي الْعَلَاءُ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلًّا فَقَالَ مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَمَا يَرَاهُ النَّاسُ مَنْ عَشَنَ فَلَيْسَ مِنِّي

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W lalu berdekatan dengan selonggok makanan lalu baginda memasukkan tangannya ke dalam longgokan itu. Tiba-tiba jari baginda terkena sesuatu yang basah. Baginda bertanya: ” Apakah semua ini wahai tuan punya makanan? Orang itu menjawab: ” Terkena hujan, wahai Rasulullah”. Baginda bersabda: ” Mengapa kamu tidak letakkan di atas supaya orang ramai dapat melihatnya. Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripadaku.

Manakala pelaksanaan *hisbah* pada zaman *Khulafā’ al-Rāsyidīn* pula dapat dilihat dengan jelas semasa pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khattab. Baginda melakukan sendiri kerja-kerja *hisbah* dengan melakukan rondaan di pasar-pasar untuk memastikan sistem mu‘amalat dipatuhi dan selaras dengan syariat Islam. Di samping

⁵ *Op.cit.*, 43

⁶ Muḥammad Sālim Hāshim, *Ṣaḥīḥ Muslim li al-Imam Muslim bin al-Ḥujjāj al-Qasyairī al-Naisābūrī* (Beirut: Dār al-Kutub, Jilid 1, 2008), 348

itu, baginda juga pernah melantik ‘Abdullah bin ‘Uqbah dan Sāib bin Yazīd untuk mengawasi aktiviti perniagaan di pasar supaya bebas daripada segala aktiviti yang bercanggah dengan sistem mu‘amalat Islam seperti penipuan dalam sukatan dan timbangan serta penipuan dalam urusan jual beli.⁷

Begitu juga yang dilakukan oleh Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan dalam mengawasi aktiviti mu‘amalat di pusat-pusat perniagaan. Baginda telah melantik pembantu khas iaitu Al-Ḥārith bin Al-Hakam dalam menjalankan tugas menyelia kebajikan orang-orang Islam dan mengawasi pusat perniagaan supaya selari dengan kehendak syarak. Manakala Khalifah ‘Ali pula mengambil pendekatan dengan melaksanakan sendiri kerja-kerja *ḥisbah*. Baginda melakukan rondaan di pusat-pusat perniagaan sambil memberi peringatan kepada peniaga-peniaga supaya sentiasa bertaqwa kepada Allah dan bersifat telus dalam urusan perniagaan seperti tepat dalam timbangan dan sukatan. Secara keseluruhannya, pengamalan *ḥisbah* yang berlaku dalam sistem mu‘amalat Islam di zaman pemerintahan *Khulafā’ al-Rāsyidīn* lebih terarah kepada mengawasi, menjaga, mengawal dan mengaudit aktiviti-aktiviti perniagaan yang berlaku pada zaman tersebut supaya selari dengan kehendak syarak. Apa yang jelas, segala tindakan tersebut dilakukan dengan bersungguh-sungguh untuk menjaga undang –undang Allah dan disertai dengan sifat tegas oleh *muḥtasib* yang bertugas. Ini terbukti apabila semasa melakukan pengawasan, Khalifah ‘Umar dan Khalifah ‘Ali membawa bersama mereka rotan sebagai tanda ketegasan dan kesungguhan dalam menjaga syariat Islam.⁸

Sementara itu, pelaksanaan *ḥisbah* dalam muamalat di zaman pemerintahan Kerajaan Umawi dapat dilihat dengan jelas apabila beberapa orang pemimpin menyelia gerak kerja pengawasan di pusat-pusat perniagaan di Kufah dan aktiviti yang berkaitan

⁷ ‘Abd al-Ḥasīb Riḍwān, *Dirāsāt fi Al-Ḥisbah min al-Nāḥiyatāin: Al-Tārikhiyyah wa Al-Fiqhiyyah*, (Kaherah: Al-Maṭba‘ah al-Islamiyyah, 1990), 44

⁸ *Ibid.*, 45

dengan timbangan dan sukatan di samping melakukan rondaan sambil menyeru manusia untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta bertindak adil dalam melakukan timbangan dan sukatan barangan.⁹

Pelaksanaan *hisbah* pada zaman Umawi ini dapat dilihat apabila pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar bin Habīrah, di mana baginda telah melantik Mahdī bin ‘Abd al-Raḥman dan Iyās bin Mu‘āwiyah sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengawasan aktiviti mu‘amalat di pasar. Manakala Khalifah Al-Walīd bin ‘Abd al-Malik pula mengambil inisiatif meninjau sendiri aktiviti mu‘amalat yang berlaku di pusat-pusat perniagaan.¹⁰

Pengamalan *hisbah* pada zaman Umawi ini juga lebih terarah kepada pengawasan sistem mu‘amalat Islam di pusat-pusat perniagaan. Kebergantungan kepada *hisbah* telah membawa kepada inisiatif untuk menginstitusikannya menjadi satu entiti yang khusus bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam dalam sektor mu‘amalat pada ketika itu.¹¹

Dalam pada itu, semasa era awal pemerintahan Kerajaan ‘Abāsiyyah (749M-870M), aktiviti mu‘amalat di pusat-pusat perniagaan menjadi semakin rancak. Keadaan ini telah menyebabkan pihak pemerintah pada waktu itu mengambil langkah serius bagi mengawal keadaan mu‘amalat supaya tidak berlakunya urusan perniagaan yang bercanggah dengan kehendak Islam. Antara langkah yang diambil ialah mewujudkan jawatan *muḥtasib* yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas *hisbah* dalam masyarakat, menyelia aktiviti mu‘amalat mereka dan sentiasa memberikan galakan

⁹ *Ibid.*, 80

¹⁰ ‘Abd al-Ḥasīb Riḍwan, *Dirāsāt fi Al-Ḥisbah min al-Nāḥiyatāin: Al-Tārikhiyyah wa Al-Fiqhiyyah* (Kaherah: Al-Maṭba‘ah al-Islamiyyah, 1990), 40

¹¹ *Ibid.*

supaya mengikut kebenaran yang selari dengan *al-amr bi al-mar'ūf wa al-nahy 'an al-munkar* yang terkandung di dalam Al-Quran.¹²

Jawatan *muhtasib* menjadi jawatan teras dalam sistem pemerintahan Kerajaan 'Abasiyyah pada zaman tersebut. Ini adalah kerana pihak kerajaan menghendaki kepada pegawai yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengawasi dan menyelia pusat-pusat perniagaan sebagai langkah untuk mengelakkan pelanggaran Syariah dalam urusan perniagaan yang berkembang pesat pada waktu tersebut. Selain mewujudkan pegawai khas iaitu *muhtasib* dalam mengawasi kegiatan ekonomi di pusat-pusat perniagaan, pihak kerajaan pada waktu itu juga telah menstrukturkan pusat-pusat perniagaan dan diletakkan di bawah kawalan kerajaan sebagai langkah memudahkan pentadbiran. Dengan adanya penstrukturan yang teratur tersebut, maka ianya dilihat memudahkan aktiviti pemantauan dari pelbagai aspek termasuklah aktiviti-aktiviti jual beli dan permasalahan-permasalahan yang berbangkit dalam mu'amalat seperti spekulasi harga barang, menyorok stok barangan dan sebagainya seterusnya menggesa pematuhan Syariah sentiasa dipatuhi.¹³

Sebagai rumusan daripada aplikasi *hisbah* di zaman Rasulullah S.A.W, Khulafā' al-Rāsidīn, Umāwi dan 'Abasiyyah, dapatlah di katakan bahawa *hisbah* memainkan peranan yang penting dalam sistem mu'amalat Islam. Pelaksanaan *hisbah* di zaman-zaman tersebut dilihat sebagai mendokong prinsip *al-amr bi al-mar'ūf wa al-nahy 'an al-munkar* dan bertindak sebagai juruaudit Syariah dalam memastikan segala aktiviti perniagaan dalam mu'amalat Islam berjalan seperti yang digariskan oleh syarak.

¹² Mūsa Rāqī Naṣṣār, *Nizām al-Ḥisbah fi Al-Islām baina al-Naẓr wa al-Taṭbīq*, (Dār al-Hādī: Beirut, 2002), 286

¹³ *Ibid.*, 287

Dalam konteks organisasi ataupun institusi, bidang tugasnya nampak terhad iaitu menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran. Tetapi jikalau dihalusi, ianya bersifat menyeluruh iaitu merangkumi kepada sistem organisasi itu sendiri termasuklah tenaga manusia yang menjalankan sistem tersebut dan sebagainya. Elemen-elemen yang terkandung di dalam hisbah seperti *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab* memberi penjelasan bahawa sistem ini adalah begitu komprehensif dalam menjalankan tugas yang berpaksi kepada tujuan utamanya iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini bermakna, tugas institusi *hisbah* bukanlah untuk membetulkan sistem sahaja tetapi juga untuk mentarbiahkan semua lapisan kakitangan yang terdapat dalam organisasi tersebut termasuklah masyarakat ataupun sesiapa sahaja yang terlibat dengan sesebuah organisasi tersebut agar sentiasa patuh akan Syariah dalam segenap aktiviti yang dilakukan.

Dalam bab ini, penulis akan memberikan tumpuan kepada pengenalan institusi *hisbah* dan bagaimana penggunaan konsepnya boleh diketengahkan untuk dimanfaatkan dalam pentadbiran audit Syariah institusi perbankan Islam di Malaysia. Dalam usaha untuk memahami hubungannya dengan pentadbiran audit Syariah, penulis akan mengetengahkan elemen-elemen *hisbah*, fungsi-fungsi *hisbah* dan hubungan *hisbah* dengan *al-raqābah* yang mana kedua-duanya saling berkaitan dalam pentadbiran Islam.

2.2. Konsep Asas *Hisbah* dan Audit Syariah dalam Islam.

2.2.1. Pengertian *Hisbah* dari Segi Bahasa

Dari segi bahasa, *hisbah* ditakrifkan sebagai imbuhan atau pahala, kata namanya *iḥtisab* yang bermaksud mengharap pahala daripada Allah Ta'ala.¹⁴

2.2.2. Pengertian *Hisbah* dari Segi Istilah

Kebanyakan penulis memberikan takrifan yang hampir sama mengenai takrif *hisbah* dalam Islam. Menurut al-Mawardī, *hisbah* ditakrifkan sebagai menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran andai jelas ada kemungkaran yang dilakukan.¹⁵ Takrif yang hampir sama juga diberikan oleh Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā' iaitu menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran jika jelas wujud perbuatan ingkar terhadap keduanya.¹⁶

Manakala menurut Ḍhiau al-Din Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Zaid pula *hisbah* ditakrifkan sebagai menyuruh kepada perkara makruf jika jelas ada yang meninggalkannya dan mencegah daripada kemungkaran andai terdapat ada yang melakukannya serta membetulkan sesama manusia.¹⁷

¹⁴ Sa'ad 'Abdullah bin Sa'ad al-'Arabī, *Al-Ḥisbah wa al-Niyābah: Dirāsah Muqāranah* (Riyadh: Dār al-Rusyd, 1987), 13

¹⁵ Abī al-Ḥasan 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdadī Al-Mawardī, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* (Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhu, (1966), 240

¹⁶ Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā', *Al-Aḥkām al-Sultaniyyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1983), 283

¹⁷ Ḍhiau al-Din Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Zaid, *Ma'ālim al-Qurbah fī Aḥkām al-Ḥisbah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 2001), 13

Sahām Mustafa Abū Zaid pula menyatakan bahawa *ḥisbah* adalah tanggungjawab agama yang mana asasnya adalah menyuruh kepada yang makruf dan mencegah segala kemungkaran. Menurutnya lagi, apa yang dimaksudkan dengan amalan makruf ialah merangkumi segala percakapan, perbuatan dan bertujuan untuk kebaikan syarak, manakala kemungkaran pula merangkumi segala percakapan, perbuatan dan bertujuan untuk merosakkan syarak.¹⁸

Begitu juga takrifan yang dibawakan oleh Subḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad menyatakan bahawa *ḥisbah* ialah menyuruh kepada amalan makruf apabila jelas ada yang meninggalkannya dan mencegah daripada segala kemungkaran sekiranya ada yang melakukannya.¹⁹

Menurut Prof. Dato’ Dr. Ahmad Hidayat Buang, beliau berpendapat bahawa *ḥisbah* adalah lebih kepada kehakiman. Menurut beliau lagi, *ḥisbah* adalah cabang kepada penghakiman dan dalam konteks hari ini, *ḥisbah* lebih menjurus kepada penguatkuasa *Syar‘ie* atau polis yang diberikan kuasa bagi menguatkuasa undang-undang.²⁰

Maka dapatlah dibuat kesimpulan di sini bahawa *ḥisbah* adalah satu tanggungjawab agama yang mesti dijalankan dan ianya menyentuh secara langsung dalam menyuruh kepada kebaikan terutamanya apabila ada yang meninggalkannya dan mencegah segala perbuatan maksiat yang berlaku dalam masyarakat. Konsepnya yang berpaksikan kepada menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran bukan hanya

¹⁸Sahām Mustafa Abū Zaid, *Al-Ḥisbah fī Miṣr al-Islāmiyyah min al-Faṭḥ al-‘Arābī ilā Nihāyah al-‘Aṣr al-Mamlūkī*, (Kaherah: Al-Hay‘ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1986), 43

¹⁹ Subḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad, *Al-Ḥisbah fī al-Islām baina al-Nazariyyah wa al-Tatbīq* (Al-Fuyūm Mesir: Dār al-Riyaḍ al-Sālihīn, 1993), 16

²⁰ Prof. Dato’ Dr. Ahmad Hidayat Buang (Pengerusi Majlis Penasihat Syariah BIMB) dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2016.

terkongsong pada urusan ekonomi sahaja tetapi mencakupi segenap kehidupan masyarakat Islam.²¹

Dalam konteks pentadbiran, *hisbah* sebagai institusi agama patut diletakkan di bawah kekuasaan kerajaan yang melantik pegawai-pegawai dalam menjalankan tugas menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Tujuan utama institusi yang mempunyai pegawai khas ini ialah untuk melindungi masyarakat daripada tidak bermoral, melindungi iman dan memastikan kebajikan mereka dari aspek agama dan keduniaan selari dengan Syariah.²²

2.2.3. Pengertian Pentadbiran Audit Syariah.

Definisi audit Syariah yang tepat dan diterima secara umum masih kabur memandangkan kurangnya kajian-kajian akademik yang berkaitan dengannya. Menurut Syed Alwi Mohamed Sultan, istilah 'audit Syariah' dan istilah 'semakan Syariah' selalu digunakan yang merujuk maksud yang sama.²³ Sebagai contohnya, di dalam *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions* (AAOIKI) No. 2 [(*Governance Standard for Islamic Institutions 2* (GSIKI 2))] menjelaskan bahawa semakan Syariah ialah satu pemeriksaan terhadap kepatuhan Syariah sesebuah institusi kewangan Islam dalam semua aktivitinya termasuklah kontrak, perjanjian, memorandum, penyata kewangan, laporan, senarai edaran dan sebagainya. Tambahnya lagi, beberapa bidang lain juga perlu diaudit selain yang disebutkan di atas seperti sistem pelaksanaan teknologi maklumat yang menjadi tulang belakang kepada operasi

²¹ Sa'ad bin 'Abdullah bin Sa'ad, *Al-Hisbah wa al-Niyābah al-Āmah: Dirāsah Muqāranah* (Riyād:Dār al-Rasyd, 1987), 21

²² International Centre for Education in Islamic Finance, *Shariah Compliance and Audit* (Kuala Lumpur: International Centre for Education in Islamic Finance, 2008), 358

²³ Syed Alwi Mohamed Sultan, *A Mini Guide to Shariah Audit for Islamic Financial Institutions-A Primer* (Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd., 2007), 6

perbankan, struktur organisasi, proses perbankan dan kakitangan. Semua bidang-bidang tersebut perlu melalui audit Syariah memandangkan ianya mempunyai pontensi sebagai berisiko kepada bank. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan definisi audit Syariah secara umum sebagai pemeriksaan terhadap pematuhan Syariah sesebuah institusi kewangan Islam dalam semua aktivitinya terutamanya penyata-penyata kewangan dan komponen-komponen operasi lain. Namun, tidak hanya tertumpu kepada penyata kewangan dan komponen operasi sahaja tetapi juga merangkumi produk, sistem teknologi yang menyokong operasi, proses-proses operasi, mereka yang terlibat dalam bidang utama risiko, polisi, prosedur dan aktiviti-aktiviti lain yang perlu memenuhi prinsip-prinsip kepatuhan Syariah.²⁴

Abdul Rahim Abdul Rahman pula mengatakan audit Syariah boleh didefinisikan sebagai istilah umum audit yang mengumpul dan menilai bukti bagi membolehkan juruaudit memberikan pandangan tentang hubungan antara maklumat yang dikumpulkan dengan kriteria pematuhan Syariah.²⁵

Manakala *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (SFG) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) mendefinisikan audit Syariah sebagai penilaian berkala yang dilakukan dari masa ke semasa, dilakukan secara bebas dan berobjektif demi untuk memberi nilai tambah dan meningkatkan tahap kepatuhan sesebuah institusi kewangan Islam di dalam operasi-operasi perniagaan dengan bersandarkan kepada objektif utama iaitu memastikan sistem kawalan dalaman pematuhan Syariah yang mantap dan berkesan.²⁶

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Abdul Rahim Abdul Rahman, *Shariah Audit for Islamic Financial Services: The Needs and Challenges* (Kertas Seminar: The ISRA Islamic Finance Seminar, Kuala Lumpur, 2008), 9

²⁶ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 23

Daripada pengertian di atas, skop audit Syariah adalah luas dan tidak hanya tertumpu kepada sesuatu bidang sahaja. Skop utamanya ialah mengaudit penyata kewangan sesebuah institusi kewangan Islam. Skop kedua audit Syariah ialah penekanan terhadap aspek-aspek operasi sesebuah institusi kewangan Islam yang melibatkan segala polisi dan prosedur aktiviti-aktiviti perniagaan. Proses audit ini melibatkan pemeriksaan terhadap segala aktiviti perniagaan yang utama, manual-manual produk, proses-proses operasi, kontrak dan perjanjian sesuatu produk dan sebagainya. Manakala skop ketiga audit Syariah ialah struktur organisasi dan kakitangan yang terlibat dalam menjalankan operasi utama sesebuah institusi kewangan Islam tersebut. Skop terakhir audit Syariah ialah sistem aplikasi teknologi maklumat yang digunapakai untuk menyokong aktiviti dan operasi perniagaan sesebuah institusi kewangan Islam.²⁷

Daripada pengertian *hisbah* dan urus tadbir audit Syariah di atas, dapatlah dirumuskan bahawa *hisbah* adalah badan audit Syariah yang bermatlamat untuk memastikan segala tindakan adalah selari dengan Syariah dan ianya adalah sistem audit yang komprehensif.

²⁷ Syed Alwi Mohamed Sultan, *A Mini Guide to Shariah Audit for Islamic Financial Institutions-A Primer* (Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd., 2007), 11

2.3. Pensyariatan *Hisbah* dalam Islam.

Pensyariatan *hisbah* dapat dirujuk kepada ayat 104 Surah Āli ‘Imrān, iaitu:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Surah Āli ‘Imrān 3 :104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.

Menurut ‘Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī, beliau bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa perkataan *min* (من) yang terkandung dalam *minikum* (منكم) dalam ayat di atas adalah *li al-tab‘īd* (للتبعية) iaitu bermaksud tugas menyeru kepada kebajikan dan mencegah dari yang mungkar adalah tugas ulama dan bukan semua manusia adalah ulama. Oleh yang demikian, bagi beliau, tanggungjawab tersebut adalah fardu kifayah yang perlu dilakukan oleh sekelompok manusia.²⁸

Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh al-Qurṭubī yang menyatakan bahawa tugas menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah fardu kifayah yang perlu dijalankan oleh mereka yang berpengetahuan tentang tugas tersebut. Ini kerana bagi beliau tanggungjawab tersebut tidak akan terlaksana mengikut

²⁸ ‘Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī: Al-Musamma Madārik al-Tanzīl wa Haqāiq al-Ta’wīl* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, j. 1, 2001),106

syarak andai tidak dikendalikan oleh mereka yang berilmu tentang perkara makruf dan mungkar.²⁹

Begitu juga tafsiran yang dibuat oleh Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī yang mengatakan bahawa tugas rasmi *al-amr bi al-ma’rūf wa al-naḥyy al-munkar* bukanlah tugas semua manusia tetapi merupakan tugas segolongan umat Islam untuk menjalankan dakwah kepada Allah iaitu menyuruh kepada segala kebaikan dan mencegah daripada melakukan segala kejahatan.³⁰

Menurut tafsiran Wahbah al-Zuhailī pula, adalah menjadi suatu kewajipan ke atas umat Islam atau satu kumpulan atau jemaah yang tersusun untuk menjalankan kerja dakwah menyuruh kepada kebaikan, mencegah daripada kemungkaran, memelihara agama, menjaga hak-hak dan menegakkan keadilan.³¹

Manakala tafsiran ayat di atas yang dibuat oleh Sayyid Qutb ialah mesti wujud satu kelompok yang menjalankan kerja-kerja menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Menurut beliau, kelompok tersebut mestilah terdiri daripada mereka yang diberikan kuasa untuk menjalankan kerja dakwah tersebut.³²

Rangkuman tafsir tersebut bolehlah dibuat rumusan bahawa tanggungjawab dalam menjalankan *al-amr bi al-ma’rūf wa al-naḥyy al-munkar* yang menjadi paksi

²⁹ Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Ansarī al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ al-Aḥkām al-Qurān* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, j. 2, 1993), 194

³⁰ Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr : Tafīr li al-Qurān al-Karīm*, (Beirut: Dār al-Fikr, j. 1, 1996), 201

³¹ Wahbah al-Zuhailī, *Al-Tafsīr al-Waṣīl* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, j. 1, 2001), 224

³² Sayyid Qutb, *Fi Zilāl al-Qurān* (Beirut: Dār al-Syurūq, j. 1, 1982), 444

institusi *hisbah* adalah fardhu kifayah dan bukannya fardhu ‘ain. Mereka yang dilantik pula mestilah berilmu dan memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan oleh syarak.

2.4. Hubungan antara *Hisbah* dan *al-Raqābah al-Māliyah* dalam Pentadbiran Audit Syariah

Dalam konteks pentadbiran audit Syariah yang berkaitan dengan pengurusan kewangan atau harta di institusi perbankan Islam, wujud kaitan yang rapat antara sistem *hisbah* dengan sistem *al-raqābah al-māliyah* ataupun sistem pengawasan harta. Ini kerana, sistem *hisbah* berfungsi sebagai mematuhi syarak yang berlandaskan prinsip menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran³³ manakala sistem pengawasan harta dalam Islam pula bertindak sebagai sistem syarak untuk menjaga harta awam daripada pembaziran atau perbelanjaan yang sia-sia.³⁴ Penggunaan sistem *hisbah* yang meluas dalam menjaga aktiviti ekonomi di zaman awal Islam memberikan panduan jelas bahawa Islam amat menekankan kepada sistem pengawasan harta ataupun disebut *al-raqābah al-māliyah*.

Pengawasan harta awam atau *al-raqābah al-māliyah al-‘āmmah* ialah mengurus harta awam dengan telus dalam pembelanjaan dan menjaganya dengan cermat agar tidak berlakunya penyalahgunaan harta tersebut.³⁵ Dengan lain perkataan, adalah menjadi suatu kewajipan bagi sesebuah organisasi untuk mengikut segala yang telah ditetapkan oleh Syariah Islam dalam menjalankan tugas pengawasan tersebut seperti menuruti segala kaedah-kaedahnya, peraturan-peraturannya dan hukum-hakamnya. Ini

³³ Khālīd Khalīl al-Zāhir dan Ḥusīn Muṣṭafā, *Nizam al-Ḥisbah: Dirāsah fi al-Idārah al-Iqtisādiyyah li al-Mujtama’ al-‘Arābī al-Islāmī* (Amman: Dār al-Masīrah, 1997), 61

³⁴ Ḥussain Rātīb Yūsuf Rayyān, *Al-Raqābah al-Māliyah fi al-Fiqh al-Islāmī* (Jordan: Dār al-Nafāis, 1999), 18

³⁵ Qutb Ibrāhīm Muḥammad, *Al-Siyāsah al-Māliyah li al-Rasūl* (Mesir: Al-Haiah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1988), 234

adalah bertujuan untuk menjaga harta awam tersebut dari aspek sumbernya dan saluran perbelanjaannya.³⁶

Pengawasan harta merupakan perkara yang penting dalam Islam. Antara dalil pensyariatan dalam mengawasi harta ini ialah firman Allah S.W.T. :

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغُلَّ يَأْتِ بِمَا عَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا
كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

Surah Āli ‘Imran 3 :161

Terjemahan: Dan tiadalah patut bagi seseorang nabi itu (disangkakan) berkhianat (menggelapkan harta rampasan perang) dan sesiapa yang berkhianat (menggelapkan sesuatu), ia akan bawa bersama pada hari kiamat kelak apa yang dikhianatinya itu, kemudian tiap-tiap seorang akan disempurnakan (balasan bagi) apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak akan dikurangkan sedikitpun (balasannya).

Selain itu, terdapat juga dalil yang berkaitan dengan larangan memberikan harta untuk diuruskan kepada mereka yang belum sempurna akal nya. Firman Allah S.W.T:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ
وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا ﴿٥﴾

Surah al-Nisā’ 4 :5

³⁶ ‘Auf Maḥmūd al-Kafrāwī, *Al-Raqābah al-Māliyyah fī al-Islām* (Iskandariah: Markaz al-Iskandariah li al-Kitāb, 2006), 19

Terjemahan: Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu perniagakan), dan juga perkatakanlah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

Setiap individu yang terlibat dalam aktiviti pengurusan dan pentadbiran yang berkait rapat dalam melindungi kepentingan awam mesti menghayati dan memahami tanggungjawab sebenar dalam memikul tugas tersebut. Pemahaman yang mendalam terhadap perkara berikut akan menjadikan sesebuah organisasi itu mencapai objektif dalam memberi perlindungan dan pengawasan terhadap hak setiap individu. Dalam membicarakan tentang sistem pengawasan dalam Islam ini, terdapat beberapa tahap pengawasan iaitu seperti berikut:

2.4.1. Pengawasan diri sendiri (*al-raqābah al-zātiyyah*)

Islam telah meletakkan tanggungjawab mengawal diri kepada setiap individu kerana bagi mereka yang *mukallaf* dan waras sudah pasti mampu mengawasi diri mereka dalam apa jua perbuatan dan tindakan. Ini berasaskan kepada keyakinan bahawa setiap perbuatan manusia pasti akan diawasi oleh Allah S.W.T.³⁷

³⁷ ‘Abdul Rahman Muhammad Badawi, *Al-Islām wa al-Raqābah al-Māliyyah* (Kaherah: Dar al-Aḥmadī, 2006), 39

Aqidah yang teguh dalam memahami konsep bahawa setiap diawasi oleh Allah S.W.T. akan menjadikan seseorang itu mencegah dirinya daripada melakukan khainat³⁸ dan menahan dirinya daripada mengambil harta negara tanpa hak. Di samping itu, kesedaran terhadap tanggungjawab ini juga akan menjadikan seseorang itu mampu melaksanakan tanggungjawabnya terhadap negara dengan sempurna.³⁹

Pengawasan seperti ini berkait rapat juga dengan amalan sentiasa memuhasabahkan diri sendiri terhadap segala amalan harian yang dilakukan. Seseorang yang sentiasa mengamalkan sikap sebegini akan sentiasa berwaspada terhadap segala amalan hariannya agar sentiasa selari dengan kehendak syarak.⁴⁰

Oleh yang demikian, pengawasan seperti ini merupakan bentuk pengawasan yang paling berkesan kerana ianya lahir dari kesedaran diri seseorang dan tidak memerlukan pengawasan dari luar. Pengawasan seperti ini amat patut diterapkan agar segala perancangan yang dijalankan pasti mengikut rencana syarak yang sebenar iaitu sentiasa dekat dengan kebaikan dan jauh daripada kemungkar.⁴¹ Justeru, keperluan kepada wujudnya *al-raqābah al-zātiyyah* ini adalah dituntut di dalam pentadbiran *hisbah*.

2.4.2. Pengawasan ilahi (*al-raqābah al-Rahmāniyyah*).

Pengawasan ilahi ialah pengawasan daripada luar dan ianya sudah wujud selari dengan sifat asasi seseorang manusia dan juga selari dengan sifat kebesaran Allah Ta'ala. Pengawasan ini juga bermaksud sebagai pancaran rahmat Allah terhadap

³⁸ *Ibid.*

³⁹ 'Auf Maḥmud al-Kafrāwī, *Al-Raqābah al-Māliyyah fī al-Islām* (Iskandariah: Markaz al-Iskandariah li al-Kitāb, 2006), 149

⁴⁰ Auni Abdullah, *Hisbah dan Pentadbiran Negara* (Kuala Lumpur: Ikdas Sdn. Bhd., 2000), 7

⁴¹ *Ibid.*

hambanya iaitu seseorang hamba amat memerlukan panduan daripada Allah dalam usaha menjalani kehidupan ini. Pengawasan ini juga ditakrifkan sebagai pengawasan terbaik kerana dengan adanya kesedaran bahawa Allah itu wujud dan sentiasa memerhati segala tingkah laku hambanya, ianya akan mendorong seseorang itu melakukan sesuatu perkara dengan sebaik mungkin dan seterusnya mendorong untuk mencapai kecemerlangan.⁴² Sekiranya wujud kesedaran tentang pengawasan ini, maka ianya membantu institusi *hisbah* dalam memperkasakan sistem patuh Syariah dalam Islam.

2.4.3. Pengawasan oleh masyarakat (*al-raqābah al-mujtama'*).

Pengawasan ini juga disebut sebagai *al-raqābah al-sya'biyyah* iaitu pengawasan rakyat ke atas pemimpin mereka.⁴³ Ianya bermaksud bahawa masyarakat diberi kuasa untuk membuat pengawasan kepada pemimpin mereka dan sudah tentu pengawasan jenis ini memberi hak istimewa kepada masyarakat untuk menilai kualiti pemimpin mereka. Walaupun pengawasan jenis ini memberi kuasa istimewa kepada masyarakat dalam menilai dan mengawasi pemimpin mereka, namun ianya mestilah tidak terkeluar dari skop *hisbah* itu sendiri iaitu memenuhi tuntutan ilahi dalam menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Pengawasan jenis ini juga sebagai bukti bahawa Islam menjamin hak dan kebebasan kepada masyarakat seperti mana yang terkandung dalam sistem politik Islam iaitu kebebasan bersuara, kebebasan mengeluarkan pendapat, kebebasan berkeluarga dan sebagainya.⁴⁴

⁴² *Ibid.*

⁴³ 'Abdul Rahman Muhammad Badawi, *Al-Islām wa al-Raqābah al-Māliyyah* (Kaherah: Dar al-Aḥmadī, 2006), 47

⁴⁴ *Op.cit.*

2.4.4. Pengawasan rasmi oleh pihak kerajaan (*al-raqābah al-sultāh al-rasmiyyah*).

Pengawasan ini bermaksud pihak kerajaan mempunyai tanggungjawab penuh dalam mengawasi segala jentera kerajaan. Pengawasan jenis ini sudah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat dengan sempurna iaitu baginda dan para sahabat begitu prihatin dalam mengambil berat terhadap segala perjalanan jentera kerajaan semasa pemerintah mereka. Rentetan daripada sikap prihatin Rasulullah S.A.W dan para sahabat ini, maka lahirlah institusi *hisbah*.⁴⁵

Pengawasan harta dalam Islam bukanlah dilakukan untuk menunjukkan keperihatinan pemerintah terhadap kebajikan masyarakat semata-mata, akan tetapi ianya lebih menjurus kepada tanggungjawab agama yang sentiasa menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah segala kemungkaran serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Antara tujuan umum pengawasan harta tersebut ialah untuk memelihara harta awam dalam negara Islam daripada hilang, bercampur aduk dan diselewengkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Penjagaan harta ini selari dengan dengan kehendak *al-darūrāt al-khams* dalam Islam.⁴⁶

Antara lain tujuan pengawasan harta dalam Islam ialah memastikan sumber harta yang dikumpulkan mengikut garis panduan syarak. Hasil-mahsul yang dikumpulkan akan dimasukkan ke dalam *baitulmal* orang-orang Islam. Di samping itu, pengawasan ini juga penting demi untuk memastikan segala perbelanjaan yang dilakukan selari dengan kaedah-kaedah, hukum-hukum syarak, dan tujuan-tujuan umum Syariah. Dengan lain perkataan, segala perbelanjaan harta dan penggunaannya adalah mengikut penetapan tujuan-tujuan yang digariskan tanpa berlakunya sebarang

⁴⁵ Auni Abdullah, *Hisbah dan Pentadbiran Negara* (Kuala Lumpur: Ikdas Sdn. Bhd., 2000), 7

⁴⁶ Hussain Rātib Yūsuf Rayyān, *Al-Raqābah al-Māliyah fi al-Fiqh al-Islāmī* (Jordan: Dār al-Nafāis, 1999), 27

pembaziran. Selain itu, pengawasan harta dalam Islam juga bertujuan untuk kelangsungan pelaksanaan peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi aktiviti-aktiviti ekonomi yang bermanfaat sekali gus membawa kebaikan kepada masyarakat. Langkah ini juga mampu membuka dan membongkar segala penyelewengan yang berlaku seterusnya mengambil langkah-langkah perlu untuk membetulkan setiap kesalahan tadbir urus.⁴⁷

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan di sini bahawa elemen-elemen *al-raqābah* mempunyai pertalian erat dengan sistem *ḥisbah* dalam usaha memantapkan sistem pentadbiran audit Syariah. Hubungan rapat sistem *ḥisbah* dan *al-raqābah* menjadikan pentadbiran audit Syariah berbeza dengan pentadbiran audit konvensional yang mana pentadbiran audit Syariah bertindak sebagai badan pengawasan yang komprehensif yang melibatkan pengawasan dalaman dan luaran iaitu melibatkan *al-raqābah al-zātiyyah*, *al-raqābah al-raḥmāniyyah*, *al-raqābah al-mujtama'* dan *al-raqābah al-sulṭah al-rasmiyyah* manakala pentadbiran audit konvensional hanya melibatkan pengawasan luaran sahaja iaitu *al-raqābah al-mujtama'* dan *al-raqābah al-sulṭah al-rasmiyyah*.

2.5. Fungsi-fungsi *Ḥisbah* dalam Pentadbiran Audit Syariah

Sesungguhnya pemakaian konsep *ḥisbah* dalam pentadbiran sesebuah institusi perbankan mengandungi pelbagai fungsi. Antara fungsi *ḥisbah* dalam pentadbiran audit Syari'ah perbankan Islam ialah:

⁴⁷ *Ibid.*

2.5.1. Menjalankan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* dalam organisasi.

Antara fungsi *hisbah* ialah ianya dapat melaksanakan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* dalam organisasi itu sendiri. Ini kerana, memang sudah menjadi sifat *hisbah* itu sendiri andai mana-mana organisasi mempraktikkan konsep tersebut maka tuntutan untuk *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* mesti dilaksanakan di setiap peringkat secara menyeluruh. Dalam pada itu, asas kepada *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* ialah asas *ilāhī* yang umum iaitu ianya menjadi tonggak kepada tujuan perutusan Rasul dan pada masa yang sama agama juga dapat ditegakkan berpandukan kepada konsep tersebut.⁴⁸

Ini bermakna, sekiranya ada amalan yang boleh menambah baik ditinggalkan, maka mesti ada badan yang mengingatkan untuk segera membuat kebaikan manakala sekiranya ada kemungkaran atau sesuatu yang menyalahi syarak dilakukan maka amalan itu mestilah ditegah.⁴⁹ Dengan wujudnya amalan pentadbiran sebegini, maka sesebuah organisasi itu akan berjalan mengikut acuan Islam yang sebenar dan *maṣlahah* masyarakat akan dapat dijaga. Dalam konteks pentadbiran audit Syariah perbankan Islam secara khusus, pelaksanaan konsep *hisbah* ini akan memastikan setiap operasi yang dijalankan adalah bertepatan dengan syarak dan sentiasa memastikannya agar tidak menyalahinya.

⁴⁸ Sa'ad bin Abdullah bin Sa'ad al-'Arīfī, *Al-Ḥisbah wa al-Niyābah al-'Āmmah-Dirāsah Muqāranah* (Riyadh: Dar al-Rusyd, 1987), 15

⁴⁹ Abi Ya'la Muhammad bin al-Ḥussain, *Al-Aḥkām al-Ṣultāniyyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1983), 284.

2.5.2. Menjalankan aktiviti pemantauan secara menyeluruh.

Pendekatan audit konvensional secara umumnya memisahkan antara sistem etika dengan agama. Ianya dilihat tidak sesuai dengan sistem ekonomi Islam yang meletakkan nilai moral, keadilan dan kepentingan umum sebagai *masalah* yang perlu diutamakan.⁵⁰ Justeru, pemakaian konsep *hisbah* dalam sesebuah pentadbiran dilihat akan menjadikan sesebuah organisasi itu terjaga dari segi kualiti yang dikehendaki syarak. Ini kerana proses pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan oleh *muhtasib* adalah menyeluruh yang memenuhi tiga bahagian yang terkandung dalam prinsip *al-amr bi al-ma'ruf* iaitu yang berkaitan dengan hak-hak Allah, hak-hak manusia dan yang berkaitan antara keduanya. Apa yang dimaksudkan dengan hak-hak Allah ialah yang berkaitan dengan penunaian ibadah dan tanggungjawab terhadap Allah yang mesti dilaksanakan. Hak-hak manusia pula ialah memastikan segala yang diperlukan oleh mereka yang memerlukan dipenuhi manakala hak bersama ialah melakukan sesuatu perkara yang dapat memenuhi kehendak Allah dan keperluan manusia secara serentak. Begitu juga tanggungjawab dalam melaksanakan *al-nahy 'an al-munkar* yang juga terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hak-hak Allah, hak-hak manusia dan hak-hak *musytarik* iaitu hak-hak yang berkaitan antara keduanya. Berkenaan dengan hak-hak Allah dalam tugas *al-nahy 'an al-munkar*, ianya bererti bahawa mencegah segala bentuk kemungkaran sama ada dalam aspek ibadah, perkara-perkara yang dilarang dan dalam aspek *mu'amalah*. Sebagai contohnya, tiada penambahan rukun dalam solat yang didirikan dan sekiranya ianya berlaku dengan sengaja, maka perbuatan tersebut mestilah ditegah kerana melanggar hak Allah. Manakala yang berkaitan dengan pelanggaran perkara-perkara yang dilarang ianya bermaksud mencegah daripada bersifat syak wasangka dan tidak menghukum terlebih dahulu sebelum memberi peringatan. Sebagai

⁵⁰ Nawal Kasim *et.al*, *Assessing the current practice of Auditing in Islamic Financial Institutions in Malaysia and Indonesia* (International Journal of Trade, Economics and Finance, Vol. 4, No. 6, December 2013), 415

contohnya, apabila didapati pasangan lelaki dan perempuan berhenti di jalan awam dan didapati tiada tanda-tanda yang meragukan dalam membuat maksiat, maka mereka tidak disiasat. Tetapi sekiranya mereka berhenti di jalan yang sunyi dan meragukan, maka mereka hendaklah diselidiki dengan tidak terburu-buru diambil tindakan kerana mereka mungkin mahram. Dalam pada itu, apa yang dimaksudkan dengan mencegah kemungkaran dari aspek *mu'āmalah* pula ialah yang membabitkan urusan jual beli yang *fāsid* iaitu yang bercanggah dengan ajaran Islam.⁵¹

Ini bermakna, dengan pemakaian konsep *hisbah* dalam pentadbiran ianya dapat berfungsi dalam membantu organisasi meningkatkan prestasi semaksimun mungkin kerana segala kecacatan dalam pentadbiran dipantau di segenap penjuru dan sudah tentulah proses penambahbaikan dapat dilaksanakan setelah kekurangan dikesan. Tambahan lagi, apabila proses pemantauan dilakukan secara menyeluruh yang melibatkan kakitangan dan sistem yang digunakan, ianya menampakkan keseriusan sesebuah organisasi dalam mendokong aspirasi Islam yang inginkan ketelusan dalam setiap pentadbiran yang dilaksanakan.

2.5.3. Pemantauan dilakukan oleh mereka yang berkeelayakan dari segi agama.

Kepesatan pertumbuhan perbankan Islam menyebabkan industri tersebut tidak berupaya menyediakan tenaga pakar yang mencukupi untuk membantu memantapkan operasinya. Kekurangan tenaga pakar sudah tentu memberi kesan kepada perkembangan industri perbankan Islam itu sendiri.⁵² Oleh yang demikian, satu mekanisme seperti mewujudkan badan *hisbah* diperlukan untuk memantau institusi perbankan Islam agar

⁵¹ *Op.cit.*, 296

⁵² Muhammad Shaukat Malik *et.al*, *Controversies that make Islamic banking controversial: An analysis of issues and challenges* (American Journal of Social and Management Sciences, ISSN: 2151-1559, 2011), 43

ianya sentiasa relevan dengan Syariah. Pemantauan yang dilakukan oleh *muhtasib* adalah diiktiraf di sisi agama kerana mereka adalah golongan yang berkelayakan dari segi syarak. Islam telah menetapkan syarat yang ketat untuk memikul tanggungjawab sebagai *muhtasib* dan ianya membuktikan bahawa tanggungjawab ini adalah penting dalam pentadbiran. Antara syarat-syarat *muhtasib* ialah *al-taklīf* iaitu beragama Islam, baligh dan berakal. Syarat-syarat lain termasuklah merdeka, lelaki, berilmu, adil, mampu melaksanakan fungsi atau tugas, mempunyai pendirian tegas dalam perkara agama dan mendapat mandat daripada pemerintah untuk melaksanakan tugas *hisbah* tersebut.⁵³ Sesungguhnya syarat-syarat ketat tersebut memberi jaminan terhadap keberkesanan institusi yang ditadbir berasaskan sistem *hisbah*.

2.5.4. Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap ketelusan operasi institusi perbankan Islam.

Perkembangan pesat industri perbankan Islam bukan sahaja menarik minat masyarakat tempatan, tetapi juga berjaya menarik perhatian pemain industri ini di peringkat antarabangsa. Maka tidak hairanlah banyak bank konvensional mula menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam melalui '*Islamic Windows*' nya.⁵⁴ Fenomena ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa masyarakat tempatan dan global semakin yakin dengan sistem perbankan Islam. Maka usaha memperkasakan industri perbankan Islam ini mesti dilakukan dari semasa ke semasa termasuklah melihat kembali kepada sistem kawalan yang pernah digunapakai oleh institusi *hisbah*. Dalam konteks pertadbiran organisasi yang berpandukan konsep *hisbah*, kepercayaan masyarakat terhadapnya akan tinggi kerana mengamalkan prinsip *al-amr*

⁵³ 'Abdullah Muhammad 'Abdullah, *Wilāyah al-Ḥisbah fi al-Islām* (Kaherah: Maktabah al-Zahra', 1996), 137

⁵⁴ *Op.cit.*, 45

bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar iaitu amalan yang berpaksikan kepada firman Allah S.W.T:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ

Sūrah Āli 'Imran 3:110

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

Amalan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* adalah merupakan paksi utama dalam Islam dan menjadi tujuan utama sebab perutusan para nabi. Apabila tugas ini diabaikan, maka akan merebaklah kesesatan dan kejahatan dalam masyarakat yang akhirnya membawa kepada kemusnahan mereka.⁵⁵

Oleh yang demikian, pegangan sesebuah organisasi terhadap prinsip ini akan menyakinkan masyarakat yang sukakan kebaikan dalam kehidupan. Selain itu, kakitangan organisasi yang bertugas juga terdiri daripada mereka yang dipercayai kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan. Sebagai contohnya, kakitangan yang akan menjalankan tugas *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* mestilah pakar, adil, berpendirian, tegas dalam urusan agama, dan

⁵⁵ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī al-Dimasyqī, *Mau'izah al-Mu'minīn min Iḥya' 'Ulum al-Dīn* (Mesir: Dar al-Ḥusūl wa al-Nasyr, 1929), 171

berpengetahuan mengenai kemungkar yang zahir.⁵⁶ Justeru, pemakaian konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah dilihat mampu berfungsi meyakinkan masyarakat terhadap ketelusan dan kemantapan sistem perbankan sesebuah institusi perbankan Islam tersebut.

2.5.5. Mewujudkan suasana persekitaran organisasi yang Islamik.

Pendekatan pentadbiran organisasi dari perspektif konvensional termasuklah bidang ekonomi telah memisahkan antara sistem etika dengan agama. Pendekatan sebegini amat tidak sesuai dengan pentadbiran ekonomi Islam yang meletakkan nilai ketinggian moral, keadilan dan masalah ummah sebagai prinsip utama organisasi.⁵⁷

Persekitaran organisasi yang Islamik adalah perlu dalam mewujudkan suasana corak kerja mengikut ajaran Islam. Salah satu bidang tugas kerajaan adalah pengawasan pentadbiran yang dipantau oleh kakitangan khas yang memenuhi kriteria yang disarankan oleh Islam. Institusi *hisbah* yang dibarisi oleh barisan *muhtasib* yang tegas dan diiktiraf syarak dilihat mampu untuk mewujudkan budaya kerja yang Islamik di institusi-institusi yang diawasinya seterusnya mendidik setiap anggota masyarakat supaya sentiasa komited dalam melakukan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*.

⁵⁶ Abi Ya'la Muḥammad bin al-Husīn al-Farrā' al-Ḥanbalī, *Al-Aḥkām al-Ṣultaniyyah* (Beirut: Dar al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1983), 285

⁵⁷ Nawal Kasim et.al., *Assessing the Current Practice of Auditing in Islamic Financial Institutions in Malaysia and Indonesia* (International Journal Trade, Economics and Finance, Vol 4, No. 6, December 2013), 415

2.5.6. Mengembangkan syiar Islam secara menyeluruh dan menjadi contoh.

Pemakaian konsep *hisbah* juga mampu berfungsi dalam mengembangkan syiar Islam secara menyeluruh seterusnya menjadi contoh kepada organisasi lain untuk mempraktikkannya. *Hisbah* yang pada syarak membawa maksud menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran menjadi sandaran terbaik untuk mencari ganjaran daripada Allah melalui aktiviti pemantauan pentadbiran yang dijalankan.⁵⁸

Kesedaran untuk mendapat ganjaran pahala dan keredaan Allah menerusi pemantauan yang dijalankan juga akan menjadikan sesebuah organisasi itu efisien, telus dan bertanggungjawab dalam menjalankan operasinya. Kesannya ialah ianya akan dijadikan contoh oleh organisasi-organisasi lain untuk turut serta dalam mempraktikkan konsep *hisbah* yang ditunjangi prinsip-prinsip Islam. Di samping itu, Islam bukan sahaja memantau sesuatu kesalahan yang berlaku akan tetapi juga memberikan jalan terbaik dari pandangan syarak untuk menyelesaikannya. Pencegahan dalam Islam adalah pencegahan yang sebenar iaitu bukan hanya menyelidiki kesalahan yang berlaku tetapi berusaha untuk tidak membenarkan langsung sesuatu yang salah daripada berlaku.⁵⁹ Sikap ini akan menjadikan organisasi terus telus dan menjadi contoh kepada organisasi-organisasi lain.

2.6. Elemen-elemen *Hisbah* dalam Pentadbiran Audit Syariah

Hisbah adalah sebuah institusi yang menjalankan amanah untuk memperkasakan syariat Allah menerusi prinsip *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*. Tanggungjawab ini amat penting dan mesti mematuhi rukun-rukun *hisbah* itu sendiri.

⁵⁸ 'Abd al-Rahman Muḥammad Badawi, *Al-Islām wa al-Raqābah al-Māliyah al-Mu'āsarah* (Kaherah: Dar al-Ahmadī li al-Nasyr, 2006), 58

⁵⁹ *Ibid.*, 59

Menurut al-Ghazālī, ada empat rukun yang mesti dipatuhi dalam menjalankan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-naḥy al-munkar* iaitu *muḥtasib*, *muḥtasab fīh*, *muḥtasab 'alaih*, dan *nafs al-iḥtisab*.⁶⁰

2.6.1. *Muḥtasib*

Ḥisbah adalah satu tanggungjawab agama yang berperanan untuk menegakkan kebenaran dan mencegah segala bentuk kemungkaran dalam masyarakat. Ini bermakna, mereka yang berperanan dalam meneraju tanggungjawab ini mestilah benar-benar berkeelayakan agar segala yang digariskan syariat dapat ditegakkan. Dalam hal ini, para fuqaha' telah mengariskan beberapa syarat yang mesti dipatuhi oleh seseorang kakitangan institusi *ḥisbah* agar maksud daripada pensyariatan *ḥisbah* itu tercapai iaitu untuk menzahirkan syariat-syariat agama dan menjaga keselamatan masyarakat daripada sebarang sebarang tipu daya mereka yang berkepentingan.⁶¹

Dalam sejarah pentadbiran Islam, mereka yang menjalankan tanggungjawab ini atau mereka yang dilantik menggalas peranan ini dipanggil *al-muḥtasib*. *Al-Muḥtasib* ialah kata nama yang diambil daripada perkataan *ḥisbah* itu sendiri yang bermaksud seseorang yang bertanggungjawab menegakkan perkara-perkara makruf dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.⁶²

Dalam perlantikan seseorang *al-muḥtasib*, beberapa syarat mesti dipatuhi memandangkan ianya satu jawatan yang besar dalam Islam. Menurut Dr. Ṣubḥī 'Abd

⁶⁰ Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 433

⁶¹ Dr. 'Abdullah Muḥammad 'Abdullah, *Wilāyah al-Ḥisbah fi al-Islām* (Kaherah: Maktabah al-Zahrā', 1996), 137

⁶² Dr. Ṣubḥī 'Abd al-Mun'im Muḥammad, *Al-Ḥisbah fi al-Islām: Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbīq* (Mesr: Dār al-Riyadh al-Ṣāliḥīn, 1993), 39

al-Mun‘im Muḥammad, antara syarat utama dalam pemilihan *al-muḥtasib* ialah seseorang itu mestilah *mukallaf*, beriman dan berupaya dalam menjalankan tugas. Oleh yang demikian, mana-mana mereka yang gila, belum baligh, lemah tubuh badan dan kafir tidak layak sama sekali untuk menjadi *al-muḥtasib*.⁶³

Disamping itu, seseorang *al-muḥtasib* yang hendak dilantik juga mestilah seorang yang merdeka, adil, tegas dan keras dalam agama serta mempunyai ilmu dalam perkara-perkara mungkar yang zahir. Seseorang *al-muḥtasib* juga wajib berstatus ‘merdeka’ untuk membolehkannya berkuasa dalam menjalankan kerja-kerja menyuruh kebaikan. Seseorang *al-muḥtasib* juga mestilah adil dan berilmu demi memudahkannya dalam mengeluarkan hukuman kepada mereka yang melakukan perkara-perkara yang ditegah.⁶⁴

Selain itu, seseorang *al-muḥtasib* juga mestilah mempunyai sahsiah atau keperibadian yang tinggi.⁶⁵ Sifat keperibadian ini penting demi untuk memastikan seseorang *al-muḥtasib* yang dilantik itu dapat mengelakkan diri dari menerima rasuah ataupun menggunakan harta awam dengan cara yang salah. Disamping itu, dengan memiliki sifat keperibadian yang unggul, ianya boleh dijadikan contoh kepada masyarakat awam untuk berkelakuan baik dan terpuji.⁶⁶

Dalam pada itu, seseorang *al-muḥtasib* mestilah terdiri daripada mereka yang arif tentang hal-ehwal masyarakat. Syarat ini amat penting kerana segala usaha yang dilakukan yang berkaitan dengan *al-amr bi al-ma‘ruf wa al-nahy ‘an al-munkar* tidak akan berjaya andai kata seseorang *al-muḥtasib* jahil tentang ilmu kemasyarakatan.

⁶³ *Ibid.*, 39

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Dr. Khalid Khalīl al-Zāhir *et.al.*, *Nizām al-Ḥisbah : Dirāsah fi al-Idārah al-Iqtisādiyyah li al-Mujtama’ al-‘Arabī al-Islāmī* (Amman: Dār al-Maṣīrah, 1997), 100

⁶⁶ *Op.cit.*, 39

Mengetahui taraf kehidupan masyarakat, tahap pendidikan, budaya, adat resam, tahap ekonomi, kehendak dan keperluan mereka dan sebagainya menjadi tunjang kejayaan seseorang *al-muhtasib* dalam menjayakan misi institusi *hisbah*. Segala pelan bertindak hasil daripada mengetahui keadaan masyarakat akan membuatkan segala urusan dalam mempromosikan *al-amr bi al-maruf wa al-nahy 'an al-munkar* dapat berjalan dengan lancar. Dengan yang demikian, akan berjaya lah sesebuah institusi *hisbah* tersebut.⁶⁷

2.6.2. *Muhtasab fih*.

Elemen kedua *hisbah* ialah *muhtasab fih* iaitu wujudnya sesuatu perbuatan yang memerlukan tindakan *hisbah* dan maklumat perbuatan tersebut diperolehi bukan dengan cara mengintip. Setiap tindakan *hisbah* yang hendak dilaksanakan mestilah mempunyai empat syarat yang berikut iaitu.⁶⁸

- a) Jelas berlakunya perbuatan mungkar.
- b) Perbuatan mungkar tersebut sedang dilakukan ataupun akan dilakukan setelah bakal pelakunya mengishtiharkan perbuatan mungkar yang bakal dilakunya.
- c) Perbuatan mungkar dilakukan di hadapan *muhtasib* atau diketahui tanpa melalui proses intipan.
- d) Tindakan *hisbah* dilakukan pada perkara yang bukan *khilāfiyyah* atau *ijtihādiyyah*

⁶⁷ 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Syafī'e, *Al-Ruḥbah fī Ṭolab al-Ḥisbah* (Al-Qaherah: Dar al-Risalah, 2002), 38

⁶⁸ Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 450

2.6.3. *Muhtasab 'alaih*.

Muhtasab 'alaih ialah pelaku yang melakukan apa-apa kemungkaran tanpa ada perbezaan antara mukallaf atau tidak mukallaf, baligh atau belum baligh, *mummayiz* atau belum *mummayiz*, gila atau berakal dan sebagainya. Ini bermaksud, pelaku yang melakukan perbuatan yang mungkar patut ditegah dan dilarang walaupun dilakukan oleh orang gila kerana di samping menegakkan prinsip *hisbah* iaitu menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah segala kemungkaran, ianya berkaitan rapat dengan pelanggaran hak Allah dan hak manusia. Sebagai contohnya, seseorang manusia yang merosakan tanaman orang lain adalah melanggar hak Allah iaitu perbuatan itu adalah maksiat yang ditegah dan juga melanggar hak manusia iaitu tanaman yang ditanamnya. Oleh yang demikian, pelaku yang melakukan sesuatu perlakuan mungkar mestilah ditegah daripada terjadi walaupun dilakukan oleh orang yang tidak sempurna akalanya.⁶⁹

2.6.4. *Nafs al-ihtisab*

Nafs al-ihtisab ialah apa-apa tindakan yang diambil oleh *muhtasib* ke atas mereka yang melakukan kesalahan atau melanggar tuntutan *hisbah*.⁷⁰ Menurut al-Ghazālī, ianya mempunyai peringkat-peringkatnya yang tersendiri. Antara peringkat-peringkat *al-ihtisab* ialah :⁷¹

⁶⁹ *Ibid.*, 454

⁷⁰ Mardzelah Makhsin, *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008), 51

⁷¹ Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 457

i) ***Ta'aruf***

Maksud *ta'aruf* ialah mengetahui maklumat perbuatan mungkar dengan tidak mengamalkan *tajassus* iaitu aktiviti intipan yang sememangnya dilarang oleh syarak. Sekiranya seseorang *muhtasib* mendapat berita perlakuan meminum arak daripada dua orang saksi yang adil, maka dalam keadaan ini dia dibenarkan untuk terus memasuki premis tempat peminum arak itu berada tanpa meminta izin kerana untuk mencegah kemungkaran yang sedang berlaku.

ii) ***Ta'rif***

Ta'rif di sini bermaksud pemberitahuan dengan cara lembut agar pelaku kesalahan mengetahui perbuatannya salah dari segi agama. Al-Ghazālī memberi contoh orang dewasa bodoh yang bersembahyang tunggang-langgang namun dia tetap bersembahyang kerana kefardhuannya. Lantaran kerana kebodohan atau kejahilannya, maka wajib bagi seseorang *muhtasib* memberitahunya dengan cara lemah-lembut dan tidak secara kasar atau menyakitinya. Tindakan ini adalah untuk mendidiknya agar berterusan dengan amalan sembahyang yang betul dan tidak meninggalkannya.

iii) **Melarang dengan pengajaran, nasihat dan menanam sifat takut kepada Allah.**

Peringkat yang seterusnya ialah dengan tindakan mencegah kemungkaran yang dilakukan dengan penerangan yang penuh kasih sayang, berlemah-lembut dan tidak menggunakan kata-kata yang kasar dan nada yang marah. Sebagai

contohnya, jika seseorang itu berbuat maksiat kerana jahil ataupun sedar ianya perbuatan maksiat tetapi sukar untuk meninggalkannya, maka adalah menjadi tugas kepada seseorang *muhtasib* untuk menanamkan perasaan takut kepada Allah, kerasnya seksaan Allah dan pengajaran yang boleh diperolehi daripada kisah hidup dan ibadah ulama-ulama terdahulu.

iv) Memaki dan menggertak dengan kata-kata kasar dan keras.

Peringkat memaki dan menggunakan kata-kata yang keras ini digunakan apabila seseorang *muhtasib* mendapati bahawa cara berlemah-lembut sudah tidak berkesan dan pelaku maksiat terus menerus melakukan kemungkaran kepada Allah S.W.T. Namun, penggunaan kata-kata kasar dan keras itu mestilah tidak terkeluar daripada adab-adab Islam seperti melebelkan seseorang dengan gelaran pezina dan sebagainya. Menurut al-Ghazālī, antara contoh makian yang harus digunakan ialah seperti si fasik, si dungu atau si bodoh. Rasionalnya penggunaan perkataan-perkataan tersebut ialah kalaulah seseorang pelaku maksiat itu tidak fasik, tidak dungu dan tidak bodoh, nescaya dia tidak akan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T.

v) Merubah dengan tangan

Apa yang dimaksudkan dengan merubah dengan tangan ialah seseorang *muhtasib* menggunakan kuasa yang diberikan kepadanya untuk mencegah maksiat yang berlaku di bawah pengawasannya. Sebagai contoh, seseorang *muhtasib* menggunakan kuasanya dengan memecahkan alat-alat permainan yang diharamkan dan menumpahkan arak jika jelas perlakuan tersebut berlaku

dihadapannya. Namun begitu, jikalau pelaku maksiat itu dengan sekarela membuang arak atau memecahkan sendiri alat-alat permainan yang dilarang oleh Islam, maka tidak perlulah *muhtasib* itu bertindak sendiri. Begitu juga dalam memastikan sesuatu perlakuan maksiat itu berhenti serta-merta. Seseorang *muhtasib* mestilah menggunakan cara yang paling harmoni iaitu jikalau dia mahu mencegah seseorang lelaki memakai pakaian sutera, adalah memadai baginya untuk membukanya sahaja tanpa mengoyakkannya.

vi) Mengancam dan menakutkan.

Mengancam dan menakutkan di sini bermaksud seseorang *muhtasib* dibenarkan mengeluarkan kata-kata ancaman kepada pelaku maksiat bagi tujuan untuk menakut-nakutkannya agar ditinggalkan perbuatan maksiat tersebut atau tidak diulanginya lagi. Namun, dalam mengeluarkan kata-kata ancaman dan menakutkan tersebut, seseorang *muhtasib* masih terikat dengan adab-adab Islam iaitu tidak boleh mengeluarkan kata-kata ancaman yang bercanggah dengan syariah Islam seperti ancaman untuk merampas isteri pelaku maksiat atau untuk memukul anaknya yang tidak berdosa.

vii) Memukul tanpa menggunakan senjata.

Peringkat seterusnya ialah *muhtasib* mencegah kemungkaran dengan memukul pelaku maksiat yang degil atau keras samada dengan menggunakan tangan, kaki dan atau sebagainya selain daripada senjata. Tindakan ini diambil setelah segala nasihat hinggakan hukuman penjara pun tidak mendatangkan keinsafan kepada pelaku maksiat tersebut. Namun begitu, sekiranya dirasakan

bahawa sesuatu kejahatan itu hanya boleh dicegah dengan menggunakan senjata, maka dalam keadaan ini adalah dibenarkan dengan syarat tindakan tersebut tidak mendatangkan kekacauan dalam masyarakat dan sebagainya. Seumpama seseorang fasik memegang tangan seorang wanita dan tidak mahu melepaskannya, maka *muhtasib* boleh memberi amaran untuk memahannya jikalau masih tidak melepaskan tangan wanita tersebut. Jikalau orang fasik itu masih berdegil, maka dibolehkan melepaskan anak panah tersebut tetapi mestilah diarahkan ke bahagian tubuh yang tidak boleh menyebabkan kematian seperti betis dan paha.

viii) Bertindak dengan pembantu-pembantu yang bersenjata.

Dalam keadaan tertentu, seseorang *muhtasib* boleh meminta bantuan daripada pembantu-pembantu yang bersenjata sekiranya dia merasakan tugasannya terancam atau tertanggu. Ini termasuklah sekiranya pelaku kemungkarannya itu mengajak ahli kumpulannya untuk mempertahankan kemungkarannya. Namun begitu, ulama berselisih pendapat sama ada tindakan mendapatkan bantuan bersenjata tersebut memerlukan keizinan pemerintah atau sebaliknya. Al-Ghazālī berpendapat bahawa *muhtasib* tidak perlu mendapat keizinan pemerintah atas dasar untuk menentang kemungkarannya walau dengan apa cara sekalipun sama ada dengan tangan, senjata, diri-sendiri ataupun dengan pembantu-pembantu.

2.7. Pentadbiran Audit Syariah Perbankan Islam di Malaysia

Menurut BNM menerusi SGF, fungsi audit Syariah mestilah dilaksanakan oleh juruaudit dalaman yang mempunyai latar belakang Syariah ataupun oleh juruaudit yang melalui latihan yang berkaitan dengannya. Di samping itu, ianya juga boleh dilaksanakan dengan bantuan pegawai-pegawai Syariah di sesebuah institusi kewangan Islam selagi ianya selari dengan objektif audit tersebut.⁷²

Manakala skop audit Syariah pula merangkumi semua aspek operasi perniagaan dan aktiviti sesebuah institusi kewangan Islam (IKI) termasuklah:⁷³

- i) Mengaudit penyata-penyata kewangan IKI.
- ii) Mengaudit kepatuhan terhadap struktur organisasi, kakitangan dan proses sistem aplikasi teknologi maklumat.
- iii) Menyemak kecukupan (*review of adequacy*) proses tadbir urus Syariah.

Proses audit Syariah pula dirangka untuk membolehkan IKI menilai pelaksanaan sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan terhadap pematuhan Syariah. Proses tersebut merangkumi perkara-perkara yang berikut:⁷⁴

- i) Memahami aktiviti-aktiviti perniagaan IKI supaya memudahkan untuk membuat skop pelaksanaan audit seperti kebolehan sesuatu perkara untuk diaudit dan kesesuaian aktiviti-aktiviti.

⁷² Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 23

⁷³ *Ibid.*, 24

⁷⁴ *Ibid*

- ii) Membangunkan pelan atau program audit dalaman yang komprehensif. Pelan atau program tersebut mestilah merangkumi objektif, skop, tugas kakitangan, sampel, kawalan dan jangka masa di samping membangunkan proses audit yang lengkap, polisi dan prosedur operasi IKI.
- iii) Membuat rujukan kepada sumber-sumber yang berkaitan termasuklah edaran terbitan Majlis Pengawasan Syariah, keputusan-keputusan Jawatankuasa Syariah, fatwa, garis panduan, keputusan-keputusan audit Syariah dan senarai semak Syariah dalaman.
- iv) Menjalankan audit Syariah secara berkala
- v) Menyampaikan apa-apa keputusan penilaian ataupun penemuan Syariah daripada audit Syariah kepada Jawatankuasa Badan Audit dan Jawatankuasa Syariah.
- vi) Menyediakan saranan-saranan dan pertimbangan-pertimbangan penambahbaikan yang diambil termasuklah tindakan susulan terhadap pelaksanaannya oleh IKI.

Dalam konteks ini, BNM hanya memberikan rangka kerja umum dan menjadi tanggungjawab IKI untuk menyemak rangka kerja tersebut dan menyediakan pelan audit yang mantap bagi tujuan audit Syariah yang hendak dijalankan.⁷⁵ Daripada garis panduan yang dikeluarkan BNM di atas, dapatlah dirumuskan bahawa pentadbiran audit Syariah di IKI di Malaysia melalui proses-proses seperti membuat perancangan untuk proses audit, mengendalikan audit, menyediakan laporan dapatan audit dan saranan, membentangkan laporan audit kepada jawatankuasa audit dan melakukan semakan susulan terhadap usaha-usaha pembedahan yang dilakukan selepas dapatan audit

⁷⁵ Prof. Dr Ashraf Md. Hashim (Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia merangkap Penyelidik Kanan dan Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Penyelidikan Antarabangsa bagi Kewangan Islam), dalam temubual dengan penulis, 17 Ogos 2016.

dikeluarkan.⁷⁶ Dengan lain perkataan, ianya melibatkan tiga fasa iaitu Fasa Perancangan Audit, Fasa Pemeriksaan dan Fasa Laporan.

2.7.1. Fasa Perancangan Audit.

Dalam memastikan perjalanan audit Syariah berjalan lancar dan efektif maka ianya mestilah dirancang sebaik mungkin. Tujuan perancangan ini dibuat adalah untuk menentukan keutamaan dan sumber-sumber yang diperlukan dalam gerak kerja semakan agar ianya boleh dijalankan dalam suasana yang paling berkesan. Antara proses yang termasuk di dalam fasa ini ialah memahami aktiviti-aktiviti perniagaan IKI, membuat skop pelaksanaan audit dan membangunkan pelan atau program audit dalaman yang komprehensif. Memahami aktiviti-aktiviti perniagaan adalah penting kerana ianya memberikan maklumat kepada juruaudit terhadap tugas audit yang bakal mereka jalankan seterusnya membantu mereka dalam merancang pelan audit yang sesuai. Dalam usaha untuk mendapatkan kefahaman terhadap bidang audit yang hendak dijalankan, kajian awal perlu dilakukan untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan. Antara maklumat yang diperlukan menerusi kajian awal ini termasuklah sejarah dan struktur organisasi, keperluan-keperluan perundangan dan perakaunan, objektif, kewajipan dan polisi organisasi, jenis-jenis aktiviti perniagaan, kakitangan yang bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti perniagaan, polisi dan prosedur bagi setiap aktiviti perniagaan, aliran proses untuk aktiviti-aktiviti perniagaan, manual-manual produk, ahli-ahli Majlis Syariah dan keputusan-keputusan yang dibuat serta pencapaian perniagaan.⁷⁷

⁷⁶ Abdul Razak Yaakob, *Shariah Compliance Audit: Audit Risk Process* (Kertas slaid Shariah Compliance Audit Workshop) (Kuala Lumpur: Islamic Banking and Institute Malaysia, 2007), 5

⁷⁷ Syed Alwi Mohamed Sultan, *Shariah Audit for Islamic Financial Institutions – A Primer*, (Kuala Lumpur: CERT Publication, 2007), 66

Pemahaman yang mantap terhadap aktiviti-aktiviti perniagaan membolehkan skop audit akan lebih terarah. Menurut Syed Alwi Mohamed Sultan, skop audit bergantung kepada tiga faktor. Pertama, relevan dengan mandat iaitu juruaudit perlu menentukan samada skop audit yang dikenalpasti boleh mencapai objektif yang lebih besar seperti yang dipertanggungjawabkan di dalam surat tawaran. Kedua, audit Syariah perlu fokus kepada isu-isu yang membawa kepada satu keputusan atau pandangan tentang kepatuhan Syariah bagi sesebuah IKI. Manakala yang ketiga ialah kebolehauditan iaitu ianya berkait rapat dengan kebolehan para juruaudit untuk menjalankan sesuatu pemeriksaan mengikut standard antarabangsa. Sekiranya bidang yang hendak diaudit tidak lengkap atau kurang dari standard yang sepatutnya, maka para juruaudit boleh mengeluarkan bidang tersebut daripada pelan audit mereka. Justeru, mengenalpasti skop audit adalah penting demi untuk menentukan teknik yang terbaik di dalam mendapatkan maklumat yang relevan dan berguna untuk memperolehi sesuatu pandangan. Selepas memahami bentuk aktiviti-aktiviti perniagaan dan menentukan skop yang betul, maka proses terakhir pada fasa perancangan audit ini ialah membangunkan pelan dan program audit. Pelan audit yang dibangunkan mempunyai peranan untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti utama yang perlu dilaksanakan, objektif bagi setiap aktiviti dan teknik-teknik yang perlu digunakan untuk mencapai setiap objektif audit yang dijalankan.⁷⁸

2.7.2. Fasa Pemeriksaan

Fasa pemeriksaan merupakan fasa ‘turun padang’ bagi melakukan audit Syariah. Pemilihan teknik yang dibuat semasa fasa perancangan akan digunakan semasa menjalankan gerak kerja audit Syariah tersebut. Beberapa teknik pengauditan boleh

⁷⁸ *Ibid.*, 71

digunakan bergantung kepada situasi dan keperluan seperti pemeriksaan dokumen, temuduga, pemerhatian secara langsung, membuat tanda aras, membuat tinjauan, kajian kes, analisa statistik, soal selidik dan sebagainya. Penggunaan teknik audit yang betul pada peringkat fasa pemeriksaan ini adalah penting untuk mengumpul dan mendapatkan bukti-bukti sama ada dalam bentuk kualiti ataupun kuantiti di samping membolehkan kesimpulan yang konkrit dapat dibuat terhadap kepatuhan Syariah bagi sesebuah IKI.⁷⁹

2.7.3. Fasa Laporan.

Fasa ini merupakan peringkat yang terpenting kerana ianya merupakan fasa laporan hasil dapatan daripada proses audit yang dijalankan. Susunan dan struktur laporan mestilah logik dan mudah difahami secara efektif. Bagi maksud tersebut, format laporan akhir audit hendaklah mengandungi isi kandungan seperti tajuk, ringkasan eksekutif, pendahuluan, objektif dan skop audit, jangka masa audit, metodologi dan pendekatan, ringkasan penemuan utama, pememuan-penemuan lengkap, saranan, maklum balas pihak pentadbiran, penutup, lampiran dan glosari.⁸⁰

Laporan keputusan audit tersebut akan dibawa ke Jawatankuasa Majlis Audit dan Jawatankuasa Syariah berserta dengan saranan-saranan dan langkah-langkah pembetulan yang perlu diambil.⁸¹

⁷⁹ *Ibid.*, 74

⁸⁰ *Ibid.*, 76

⁸¹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 25

2.8. Aplikasi SGF Sebagai Model Dokumen *Hisbah* dalam Pentadbiran audit Syariah Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Keperluan kepada transperen dan akauntabiliti dalam pasaran kewangan global telah membawa kepada pelbagai peraturan baru yang mesti dipatuhi. Sebagai contoh, setiap bank Islam mesti memenuhi keperluan yang terkandung di dalam ketetapan yang digariskan oleh *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) di peringkat global. Manakala di peringkat tempatan, setiap bank mesti mematuhi bank pusat tempatan dalam syarat-syarat beroperasi.⁸² Justeru, dalam konteks Malaysia, kewujudan sistem pemantau yang mantap amat diperlukan bagi memperkasakan sistem perbankan Islam di negara ini.

Jika ditinjau aplikasi sistem pemantau dalam mu'amalat yang berlaku di zaman Rasulullah S.A.W hingga zaman pemerintahan Kerajaan 'Abasiyyah, ianya lebih menjurus kepada tindakan audit dalam aktiviti mu'amalat iaitu memastikan segala aktiviti perniagaan yang berlangsung di pusat-pusat perniagaan memenuhi pematuhan Syariah dan mencegah segala salah laku mu'amalat yang dilarang syarak.

Manakala aplikasi *hisbah* dalam mu'amalat kontemporari terutamanya dalam pentadbiran bank dapat di lihat melalui proses audit Syariah yang dijalankan di bank-bank perniagaan di Malaysia. Proses audit Syariah ini diterangkan dengan jelas dalam SGF yang dikeluarkan oleh BNM untuk dipatuhi oleh semua institusi kewangan Islam di negara ini.

⁸² Muhammad Shaukat Malik et.al, *Controversies that make Islamic banking controversial: An analysis of issues and challenges* (American Journal of Social and Management Sciences, ISSN: 2151-1559, 2011), 45

Dalam konteks industri kewangan Islam di Malaysia, SGF yang dikeluarkan oleh BNM ini adalah panduan kepada semua IKI dalam pelbagai aspek termasuklah audit, kajian, nasihat dan sebagainya.⁸³ Tambahan lagi, ianya mengemukakan prinsip-prinsip pemandu dan model bagi memastikan semua organ-organ dalam IKI seperti lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah, pengurusan dan fungsi-fungsi pematuhan Syariah dalaman seperti audit Syariah, semakan Syariah, penyelidikan dan pengurusan risiko Syariah melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti yang diharapkan oleh undang-undang yang terkandung di dalam *Islamic Financial Services Act 2013*.⁸⁴

Secara umumnya, SGF merangkumi enam seksyen yang terdiri daripada Seksyen Keperluan Umum untuk SGF, Seksyen Penyeliaan, Seksyen Akauntabiliti dan Tanggungjawab, Seksyen Kebebasan, Seksyen Kecekapan, Seksyen Kerahsian dan Keselarian dan Seksyen Pematuhan Syariah dan Fungsi-Fungsi Kajian.⁸⁵ Namun, Seksyen Pematuhan Syariah dan Fungsi-Fungsi Kajian dilihat lebih memfokuskan kepada aplikasi *hisbah* dalam mu'amalat kontemporari.

Seksyen Pematuhan Syariah dan Fungsi-Fungsi Kajian ini berprinsipkan kepada wujudnya fungsi pematuhan Syariah yang mantap yang merangkumi fungsi-fungsi semakan dan audit serta disokong oleh proses pengurusan kawalan risiko dan kapasiti kajian dalaman. Ini bermakna, setiap institusi kewangan Islam hendaklah mewujudkan fungsi-fungsi pematuhan Syariah seperti yang digariskan oleh prinsip tersebut. Oleh yang demikian, setiap institusi kewangan Islam mestilah memastikan segala fungsi yang

⁸³ Prof. Dr Ashraf Md. Hashim (Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia merangkap Penyelidik Kanan dan Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Penyelidikan Antarabangsa bagi Kewangan Islam), dalam temubual dengan penulis, 17 Ogos 2016

⁸⁴ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

⁸⁵ www.bnm.gov.my, 30 Januari 2012

digariskan dalam SGF seperti kebebasan, kecekapan, kawalan, struktur-struktur laporan pengurusan dan aktiviti-aktiviti memenuhi tuntutan SGF itu sendiri.⁸⁶

Aplikasi *hisbah* menerusi SGF ini dapat dilihat dengan jelas melalui dua intipatinya yang utama. Pertamanya ialah garis panduan untuk memilih dan melantik panel penasihat Syariah di setiap institusi kewangan Islam dan keduanya ialah kewujudan seksyen yang memantau segala aktiviti institusi tersebut sama ada patuh Syariah ataupun sebaliknya. Secara khususnya, penerangan berkenaan perkara yang berkaitan dengan panel penasihat Syariah yang wujud di dalam SGF adalah seperti berikut:⁸⁷

2.8.1 Panel Penasihat Syariah

Panel Penasihat Syariah ataupun dalam SGF disebut sebagai Jawatankuasa Syariah (*Shariah Committee*) merupakan tunjang utama pematuhan Syariah kepada sesebuah institusi kewangan Islam. Ini kerana Jawatankuasa Syariah ini adalah terdiri daripada barisan ilmunan yang pakar dan dipilih melalui tapisan yang ketat serta mesti mendapat persetujuan daripada Bank Negara. Sebagai golongan yang bertanggungjawab penuh dalam membuat dasar pematuhan Syariah dan sentiasa peka dengan isu-isu ketidakpatuhan Syariah, maka seseorang Jawatankuasa Syariah mestilah mempunyai kelayakan-kelayakan yang diiktiraf dan diterima oleh semua pihak. Antara kelayakan untuk menjadi penasihat Syariah ataupun Jawatankuasa Syariah kepada sesebuah institusi kewangan Islam yang digariskan dalam SGF ialah:

⁸⁶ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2009), 22

⁸⁷ *Ibid*, 30

- i. Seseorang ahli Jawatankuasa Syariah yang hendak dilantik tersebut mestilah seorang Islam.
- ii. Ahli-ahli yang menganggotai Jawatankuasa Syariah mestilah majoritinya mempunyai sekurang-kurangnya ijazah pertama dalam pengajian Syariah yang merangkumi pengajian *Usūl al-Fiqh* dan *Fiqh al-Mu'āmalah* daripada universiti-universiti yang diiktiraf kerajaan.
- iii. Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah ini juga mestilah majoritinya mempunyai tahap penguasaan dan pengetahuan yang tinggi dalam Bahasa Arab sama ada pertuturan ataupun penulisan. Di samping itu, mereka juga hendaklah mempunyai pemahaman yang baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- iv. Jawatankuasa Syariah juga boleh dianggotai oleh mereka yang pakar dalam bidang-bidang lain yang diperlukan seperti kewangan dan undang-undang, namun bilangan mereka mestilah minoriti.
- v. Adalah menjadi kelebihan dan keutamaan andai Jawatankuasa Syariah mempunyai latarbelakang yang mantap seperti kelayakan yang bagus, pengalaman yang luas dan pengetahuan yang tinggi.

Dalam pada itu, SGF juga menggariskan beberapa kriteria yang menjadikan seseorang itu hilang kelayakan sebagai Jawatankuasa Syariah di sesebuah institusi kewangan Islam. Antaranya ialah gagal menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebanyak 75 peratus tanpa sebarang alasan yang munasabah, diisytihar muflis ataupun bakal diisytihar muflis setelah petisyen difailkan, didapati bersalah kerana melakukan kesalahan jenayah yang serius atau mana-mana kesalahan yang dihukum penjara setahun atau lebih dan terlibat dalam melakukan kesalahan yang menyebabkan ditahan, dipantau, dibuang daerah atau negeri.

Selain itu, seseorang Jawatankuasa Syariah juga perlu bebas dengan beberapa senarai negatif (*negative list*) yang digariskan oleh SGF. Larangan ini adalah sebagai langkah untuk menjadikan Jawatankuasa Syariah sebagai bebas samada mempengaruhi dan dipengaruhi oleh kepentingan peribadi ataupun *conflict of interest*. Antaranya ialah tiada ikatan dengan mana-mana ahli keluarga yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atau Ahli Lembaga Tidak Berkecuali (*non-independant boards members*) sama ada pasangan, anak ataupun adik-beradik yang berkhidmat di institusi kewangan yang sama ataupun syarikat yang mempunyai kaitan dengan institusi kewangan tersebut sama ada pada tahun kewangan lepas. Seseorang Jawatankuasa Syariah juga mestilah seorang yang bukan pemegang saham atau mempunyai kepentingan dalam syarikat yang ada hubungan dengan dengan institusi kewangan dan anak syarikatnya sama ada pada tahun kewangan semasa atau pada tahun kewangan lepas.

Dalam pada itu juga, seseorang Jawatankuasa Syariah juga mestilah bukan pekerja di institusi kewangan Islam yang dinasihatinya sama ada pada tahun kewangan semasa ataupun sebelumnya. Tambahan lagi, beliau mestilah bukan Jawatankuasa Syariah di lain-lain institusi kewangan Islam yang menjalankan operasi di industri yang sama.

2.8.2 Seksyen Pematuhan Syariah

Di bawah Seksyen Pematuhan Syariah dan Fungsi-Fungsi Kajian terdapat empat fungsi yang digariskan iaitu Semakan Syariah, Audit Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Kajian Syariah. Penerangan terhadap fungsi-fungsi tersebut adalah seperti berikut:⁸⁸

⁸⁸ *Ibid.*, 22

i. Semakan Syariah (*Shariah Review*)

Semakan Syariah merujuk kepada penilaian tetap oleh sesebuah institusi kewangan Islam terhadap tahap pematuhan Syariah dari segi aktiviti-aktiviti dan operasi-operasi yang dijalankan. Penilaian ini hendaklah dilakukan oleh pegawai yang berkelayakan iaitu mereka yang sekurang-kurangnya mempunyai ijazah pertama dalam bidang Syariah yang merangkumi pembelajaran dalam bidang *Usūl al-Fiqh* dan *Fiqh al-Mu'āmalat*. Objektif utama semakan Syariah oleh pegawai berkelayakan ini ialah untuk memastikan segala operasi dan aktiviti yang dijalankan tidak bercanggah dengan Syariah.

Fungsi Jawatankuasa Semakan Syariah ini juga melibatkan memeriksa dan menilai tahap pematuhan Syariah sesebuah institusi kewangan Islam, menyediakan langkah pembetulan dan pemulihan ke atas perkara yang tidak patuh Syariah dan menjalankan langkah kawalan untuk mengelakan ketidakpatuhan Syariah daripada berulang. Manakala skop jawatankuasa ini pula merangkumi semua operasi perniagaan sesebuah institusi kewangan Islam tersebut bermula daripada proses sesuatu produk itu dirangka sehinggalah ke tahap penawaran produk itu kepada pelanggan mereka.

Daripada segi proses semakan pula, jawatankuasa ini terlibat dalam menyemak sesuatu perancangan semakan program yang merangkumi objektif, skop, proses laporan, tindakan-tindakan pembetulan, susulan dan sebagainya. Di samping itu, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam menyemak proses-proses dokumentasi selain melaporkan hasil daripada proses semakan dan kes-kes ketidakpatuhan Syariah tersebut kepada Jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan. Tindakan membetulkan kes-kes tidak patuh Syariah juga akan dilakukan sebagai langkah untuk

mengelakkannya daripada berulang. Namun, proses semakan tidak terhad dan tugas jawatankuasa Semakan Syariah ini tidak hanya tertakluk kepada yang dinyatakan di atas sahaja.

ii. **Audit Syariah (*Shariah Audit*)**

Menurut SGF yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Audit Syariah adalah merujuk kepada penilaian berkala yang dijalankan dari masa ke semasa. Tindakan ini dilakukan adalah untuk menyediakan satu penilaian bebas dan jaminan objektif yang telah dirangka dalam usaha untuk menambah nilai sesebuah institusi kewangan Islam di samping meningkatkan tahap pematuhan Syariah dalam operasi-operasi perniagaan. Di samping itu, tindakan penilaian berkala ini juga adalah untuk mencapai objektif utama Audit Syariah itu sendiri iaitu untuk memastikan sistem kawalan dalaman pematuhan Syariah adalah mantap dan berkesan.

Audit Syariah dijalankan oleh juruaudit dalaman iaitu mereka yang mempunyai pengetahuan dan latihan-latihan yang berteraskan Syariah. Namun begitu, juruaudit-juruaudit dalaman sesebuah institusi kewangan Islam juga boleh mendapatkan khidmat kepakaran pegawai-pegawai Syariah mereka dalam menjalankan kerja-kerja pengauditan selagi tidak bertentangan dengan objektif utama audit.

Skop tugas Audit Syariah merangkumi semua aspek operasi dan aktiviti sesebuah institusi kewangan Islam. Ini termasuklah mengaudit penyata kewangan, pematuhan Syariah terhadap struktur organisasi, pekerja, proses dan sistem-sistem aplikasi teknologi maklumat serta semakan terhadap kecukupan proses tadbir urus Syariah sesebuah institusi kewangan Islam tersebut.

iii. Pengurusan Risiko Syariah (*Shariah Risk Management*)

Fungsi Pengurusan Risiko Syariah adalah menjurus kepada mengenalpasti, mengawasi dan mengawal secara sistematik terhadap risiko-risiko ketidakpatuhan Syariah di sesebuah institusi kewangan Islam. Tindakan tersebut antara lainnya adalah untuk meringankan atau mengurangkan sebarang kemungkinan kes-kes ketidakpatuhan Syariah. Tindakan ini juga adalah untuk membolehkan institusi kewangan Islam tersebut terus menjalankan operasinya dengan berkesan dan bebas daripada risiko-risiko yang tidak sepatutnya di hadapi oleh mereka terutamanya dalam isu ketidakpatuhan Syariah. Oleh kerana tugas pengawasan risiko Syariah ini merupakan suatu bidang yang agak rumit, maka ianya ditadbir urus oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman tentang tugas kawalan risiko tersebut.

Antara fungsi-fungsi yang melibatkan Pengurusan Risiko Syariah ialah memudahkan proses-proses mengenalpasti, mengukur, mengawal dan mengawas segala operasi dan aktiviti dalam sesebuah institusi kewangan Islam, mengenalpasti dan memahami risiko-risiko ketidakpatuhan Syariah dengan mengambil kira keberkesanan usaha melonggarkan risiko yang dilakukan oleh sistem kawalan yang sedia ada dan mengawasi risiko ketidakpatuhan Syariah dalam usaha untuk menyediakan pengurusan yang berkesan terhadap risiko-risiko tersebut. Laporan terhadap risiko-risiko ketidakpatuhan Syariah akan dihantar kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan secara dari semasa ke semasa.

Selain itu, jawatankuasa Pengurusan Risiko Syariah ini juga bertanggungjawab mengawal kes-kes ketidakpatuhan Syariah daripada berulang. Antara lain, ianya melibatkan menyimpan rekod (*keeping track*) pendapatan tidak Syariah daripada

aktiviti-aktiviti sesebuah institusi kewangan Islam dan menilai kemungkinan kes-kes yang sama yang bakal berlaku.

Selain itu, ianya juga berfungsi untuk merangka dan mencadangkan polisi dan garis panduan yang sesuai bagi pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah di samping membangun dan melaksanakan proses-proses kesedaran risiko ketidakpatuhan Syariah dalam sesebuah institusi kewangan Islam.

iv. Kajian Syariah (*Shariah Research*)

Dalam usaha untuk memantapkan fungsi pematuhan Syariah, perlu ada sebuah unit untuk berperanan mengendalikan proses kelulusan produk sementara, membuat kajian, menyemak isu-isu berbangkit sebelum diserahkan kepada pihak atasan dan menjalankan tanggungjawab yang berkaitan dengan Jawatankuasa Syariah. Unit yang menjalankan gerak kerja tersebut dinamakan Unit Kajian Syariah dan perlu dianggotai oleh pegawai-pegawai Syariah yang berkelayakan.

Antara fungsi unit ini ialah menjalankan sesuatu kajian yang berkaitan dengan isu-isu Syariah dengan mendalam termasuklah menyediakan nasihat harian kepada pihak-pihak tertentu seperti mereka yang terlibat dalam pembangunan sesuatu produk. Tanggungjawab sebagai penyelidik dan penasihat Syariah ini hendaklah dijalankan oleh mereka yang berkelayakan dari segi Syariah memandangkan ianya berkisar kepada isu-isu Syariah. Namun, khidmat daripada pakar-pakar di luar bidang Syariah seperti yang berkaitan dengan undang-undang, operasi dan lain-lain bidang juga diperlukan terutamanya dalam membuat semakan produk-produk baru dan pembangunan perniagaan.

Dalam konteks menjalankan tugasnya sebagai penasihat dan konsultan Syariah, unit ini akan menyediakan nasihat kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan menjadikan keputusan Jawatankuasa Syariah sebagai rujukan. Tindakan ini diambil untuk mengelakkan percanggahan dan kekeliruan pihak-pihak yang meminta nasihat dan sebagainya.

Dalam pada itu, sesebuah institusi kewangan Islam hendaklah menubuhkan sebuah sekretariat yang berfungsi untuk melancarkan lagi gerak kerja Jawatankuasa Syariah. Sekretariat ini berperanan untuk menyelaras mesyuarat, menghimpun kertas-berkenaan serta memberikan penerangan kepada mana-mana pihak yang inginkan penjelasan lanjut tentang isu-isu Syariah yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah.

Daripada huraian peruntukan SGF di atas yang berkaitan dengan panel penasihat Syariah dan kewujudan seksyen yang memantau pematuhan Syariah, ianya dilihat mengandungi elemen-elemen *hisbah* di dalamnya. Panel penasihat Syariah yang digagaskan oleh SGF dilihat menyamai peranan *muhtasib* iaitu mereka yang dilantik untuk menjaga pematuhan terhadap Syariah. Begitu juga kewujudan beberapa jawatankuasa seperti Audit Syariah, Semakan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Kajian Syariah juga dilihat bertindak sebagai golongan *muhtasib* dalam memastikan segala perjalanan sesebuah IKI sentiasa mengikut landasan syarak.

Bidang tugas yang diamanahkan kepada para *muhtasib* sama ada panel penasihat Syariah ataupun para pegawai tertentu di seksyen pematuhan Syariah dalam memastikan segala aktiviti pembangunan dan penawaran produk dan perkhidmatan tidak melanggar Syariah termasuk di dalam elemen *muhtasab fi'h* di dalam konsep *hisbah*. Di samping itu, proses audit Syariah yang dijalankan terhadap pekerja yang

menjalankan penawaran produk oleh pegawai audit Syariah dilihat sebagai proses audit terhadap *muhtasab 'alaih*. Manakala tugas pegawai di bahagian Semakan Syariah di dalam memastikan wujudnya tindakan-tindakan pembetulan terhadap segala pelanggaran Syariah yang berlaku dilihat sebagai *nafs ihtisab*.

Oleh yang demikian, kewujudan elemen-elemen *hisbah* di dalam SGF memberi gambaran bahawa ianya merupakan satu dokumen audit yang selari dengan matlamat *hisbah* itu sendiri iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada segala kemungkaran. Ianya juga boleh dijadikan teras di dalam mengukur pematuhan terhadap Syariah oleh IKI di Malaysia.

2.9. Kesimpulan

Keberkesanan institusi *hisbah* dalam menjalankan tugas *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* dalam sejarah pentadbiran Islam memang sudah terbukti. Dengan mempunyai anggota kakitangan yang memenuhi kriteria sebagai mana yang dikehendaki oleh Islam, institusi ini dilihat berupaya dalam memastikan sistem Islam berjalan seperti yang disyariatkan. Oleh itu, pemakaian konsep *hisbah* ini amat wajar digunakan terutamanya sebagai sebuah institusi audit luar bagi institusi perbankan Islam sebagai memberi imej baru kepada industri ini seterusnya menambahkan lagi keyakinan pelanggan terhadap ketelusan dan akauntabiliti sistem perbankan Islam.

BAB TIGA: PELAKSANAAN KONSEP *HISBAH* DALAM PENTADBIRAN AUDIT SYARIAH DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

3.1. Pengenalan

Usaha untuk menubuhkan bank yang memenuhi tuntutan syariat di dunia Islam melalui suatu proses yang agak panjang. Di awal kurun ke 17, beberapa persidangan telah dilangsungkan untuk merealisasikan tujuan tersebut. Ini termasuklah Persidangan Menteri-menteri Kewangan bagi negara-negara Islam yang telah diadakan di Karachi Pakistan pada tahun 1970, Persidangan Antarabangsa Pertama Mengenai Ekonomi Islam di Mekah 1976, dan Persidangan Ekonomi Antarabangsa di London 1977. Penyertaan pelbagai institusi dan kerajaan telah membawa kepada tertubuhnya Bank Pembangunan Islam pada tahun 1975 iaitu sebuah bank yang bebas daripada riba seperti yang diidam-idamkan oleh banyak pihak pada masa itu.¹

Di Malaysia, usaha untuk menubuhkan bank Islam yang pertama telah berjaya dengan tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983. Penubuhan BIMB ini telah membuka lembaran baru kepada sistem perbankan di Malaysia yang mana sebelum ini telah mengamalkan sistem perbankan konvensional. Menerusi Akta Urusan Bank Islam 1983, BIMB telah dibenarkan beroperasi dan menjalankan segala aktiviti berlandaskan syariah sepenuhnya.² Dengan tertubuhnya BIMB ini juga, ianya telah memberi alternatif kepada rakyat Malaysia seluruhnya untuk berkecimpung dengan sistem perbankan yang bebas riba.

¹ A.L.M Abdul Gafoor, *Interest-free Commercial Banking* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 2002), 39

² Mustafa Dakian, *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Perlaksanaanya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005), 37

Jika disoroti pula pencapaian dan anugerah dari tahun 2010 hingga 2015, BIMB dilihat telah merangkul banyak pengiktirafan berprestij. Antaranya ialah Anugerah *BrandLaureate* untuk Jenama Terbaik dalam Penjenamaan Korporat (Jenama Terbaik dalam Perbankan Bank Islam) oleh *The Asia Pacific Brands Foundation* (APBF)³, Anugerah Bank Islam Terbaik di Malaysia oleh *Islamic Finance News*⁴, Anugerah Platinum Jenama Dipercayai 2011 oleh *Reader's Digest*⁵, Anugerah *Malaysia Service to Care 2012* oleh *MarkPlus Inc.*⁶, Anugerah Bank Islam Terbaik 2013 (Malaysia) oleh *The Banker*⁷, Bank Islam Terbaik di Malaysia oleh *Focus Malaysia*, Anugerah Bank Islam Paling Inovatif Malaysia 2013 oleh *International Finance Magazine*⁸, Penyedia Perkhidmatan Pelanggan Asia Terbaik oleh *International Bankers Award 2014*⁹, Anugerah Perbankan Runcit Islam Terbaik oleh *Kuala Lumpur Islamic Finance Forum* (KLIFF) Award 2014 dan Bank Islam Malaysia Terbaik 2014 oleh *International Banker Awards 2014*¹⁰.

Sesungguhnya pencapaian-pencapaian BIMB di atas telah memberi impak kepada perkembangan industri perbankan Islam di Malaysia secara keseluruhannya. Ianya juga menggambarkan bahawa industri ini mendapat sambutan dan kepercayaan rakyat Malaysia sehinggakan percambahan bank-bank perdagangan lain yang turut berminat menawarkan produk perbankan Islam di samping mewujudkan persekitaran kompetitif sihat dalam industri perbankan Islam di negara ini. Justeru, usaha untuk

³ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2010* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2010), 66

⁴ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2011* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2011), 72

⁵ *Ibid.*

⁶ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2012* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2012), 68

⁷ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2013* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2013), 64

⁸ *Ibid.*

⁹ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2014* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2014), 68

¹⁰ *Ibid.*

memperkasakan lagi sistem tadbir urus Syariah harus menjadi keutamaan agar negara ini kekal sebagai pemacu industri perbankan dan kewangan Islam global.

3.2. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB): Satu Pengenalan

3.2.1. Sejarah BIMB dan Perkembangannya.

Hasrat beberapa pihak supaya ditubuhkan sebuah bank Islam bagi mengumpul dan melaburkan wang umat Islam di Malaysia telah membawa kepada tertubuhnya BIMB seperti yang ada pada hari ini. Kongres Ekonomi Bumiputra 1980 telah meluluskan usul supaya kerajaan memberi kuasa kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada ketika itu untuk menubuhkan sebuah bank Islam bagi bertindak menguruskan urusan perbankan umat Islam. Manakala pada tahun 1981 pula, menerusi Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam yang dianjurkan di Universiti Kebangsaan Malaysia telah meluluskan satu resolusi agar tindakan segera diambil bagi membolehkan sebuah bank dan badan kewangan yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Islam ditubuhkan.¹¹

Kesungguhan beberapa pihak termasuklah LUTH, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan orang-orang perseorangan telah mendorong mereka melakukan usaha ini secara berasingan semenjak tahun 1980 lagi. Rentetan daripada usaha berasingan sedemikian, pihak kerajaan telah menerima cadangan daripada LUTH agar segala inisiatif untuk menubuhkan bank Islam diselaraskan di peringkat kebangsaan. Pada 30 Julai 1981, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam dan melantik Y.M. Raja Tan Sri

¹¹ Muhammad Kamal Azhari, *Bank Islam: Teori dan Praktik* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1993), 133

Mohar bin Raja Badiozaman sebagai pengerusi manakala LUTH telah diamanahkan sebagai urusetia.¹²

Menerusi jawatankuasa ini, beberapa orang pakar kewangan dan Syariah telah dihantar ke Timur Tengah termasuk Dubai untuk membuat penilaian dan mengenalpasti langkah bersesuaian bagi melaksanakan perbankan Islam di Malaysia. Namun, mereka telah mendapati bahawa sistem yang dilaksanakan di sana tidak bersesuaian untuk dilaksanakan di Malaysia kerana model mereka adalah berasaskan model bank pelaburan manakala model yang diamalkan di Malaysia adalah model runcit. Rentetan daripada itu, dengan bantuan pakar-pakar akademik dan perbankan maka terhasillah model perbankan yang patuh Syariah dan mudah dilaksanakan di Malaysia.¹³

Jawatankuasa ini menerusi laporannya pada 5 Julai 1982 telah mengemukakan perakuan-perakuannya antara lain ialah:¹⁴

- i. Sebuah bank Islam yang menjalankan operasinya mengikut lunas-lunas hukum syara' hendaklah ditubuhkan.
- ii. Bank Islam tersebut hendaklah diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.
- iii. Oleh kerana Akta Bank 1973 tidak sesuai bagi operasi Bank Islam, maka satu peruntukan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bank Islam 1982 hendaklah diadakan untuk melesen dan mengawasi Bank Islam; dan pengawasan Bank Islam di bawah akta ini hendaklah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia; dan
- iv. Bank Islam hendaklah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk menentukan bahawa ia menjalankan urusniaganya mengikut lunas-lunas hukum Syara'.

Bagi merealisasikan penubuhan bank Islam, kerajaan telah meluluskan Akta Bank Islam 1983 dan dikuatkuasakan pada 7 April 1983. Di bawah akta ini, bank Islam

¹² *Ibid.*

¹³ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *Panduan Asas Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, 2011), 4

¹⁴ *Op.cit.*, 134

yang mahu beroperasi di Malaysia perlu mematuhi peraturan-peraturan tertentu dan Bank Negara Malaysia telah diberi kuasa untuk menyelia dan mengawal bank Islam.¹⁵

Rentetan daripada itulah, BIMB telah ditubuhkan pada tahun 1983 dan dilancarkan dengan rasminya oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir pada 1 Julai 1983.¹⁶ Dengan penubuhan BIMB, ia menjadikannya sebagai bank Islam pertama di Malaysia yang berperanan sebagai peneraju sistem perbankan yang bebas riba.

Di awal operasinya, BIMB mempunyai modal berbayar sebanyak RM100 juta yang mana saham-sahamnya dipegang oleh beberapa pihak. Pemegang-pemegang saham BIMB ketika itu ialah Kerajaan Malaysia sebanyak RM30 juta, LUTH sebanyak RM10 juta, PERKIM sebanyak RM5 juta, majlis-majlis agama negeri sebanyak RM25 juta, perbadanan ataupun yayasan agama negeri sebanyak RM10 juta, perbadanan-perbadanan peringkat persekutuan sebanyak RM10 juta dan badan-badan lain yang layak sebanyak RM10 juta.¹⁷

Setelah diperbadankan pada tahun 1983, bank ini mula beroperasi dengan modal berbayar sebanyak RM80 juta. BIMB terus berkembang maju sehingga dana pemegang sahamnya menjangkau kepada RM2.5 billion pada bulan Disember 2010. Perkembangan ini membuktikan bahawa BIMB mendapat sokongan daripada masyarakat di samping disokong oleh pentadbiran yang mantap dan efektif.¹⁸

¹⁵ Sudin Haron, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996), 21

¹⁶ www.bankislam.com, *How it all began*, 14 Jun 2009

¹⁷ Muhammad Kamal Azhari, *Bank Islam: Teori dan Praktik* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1993), 135

¹⁸ www.bankislam.com.my, 3 Januari 2012

Sebagai sebuah bank terunggul dalam mengendalikan sistem perbankan Islam di negara ini, BIMB terus menapak dalam mengembangkan produknya ke luar negara dan ini telah membantu pembangunan BIMB dan diiktiraf dunia. Hasil daripada kesungguhan yang ditunjukkan dalam industri ini, BIMB telah dianugerahkan *Reader's Digest Platinum Award for being Most Trusted Brand for Islamic Financial Services*¹⁹ dan pada tahun 2006, BIMB juga telah dianugerahkan *Platinum Award for Best e-commerce Related Initiative in Asia-Pacific* oleh MasterCard Worldwide.²⁰

3.3. Pelaksanaan Pentadbiran Audit Syariah di BIMB.

Secara dasarnya, pelaksanaan pentadbiran audit Syariah di BIMB dilaksanakan oleh Unit Audit Syariah yang bernaung di bawah Bahagian Audit Dalaman BIMB dan Jabatan Semakan Syariah yang bernaung di bawah Bahagian Syariah. Walaupun ianya melibatkan isu audit yang sama tetapi pendekatan audit adalah berbeza. Dalam melakukan tugas audit Syariah, Unit Audit Syariah lebih melihat kepada peraturan-peraturan manakala Jabatan Semakan Syariah lebih melihat kepada kefahaman dan ketepatan konsep Syariah itu sendiri.²¹

3.3.1. Proses Audit Syariah oleh Unit Audit Syariah di BIMB.


Unit Audit Syariah ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengurus dan tiga orang kakitangan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja audit Syariah di BIMB.²²

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ www.bankislam.com.my, *Our milestones*, 14 Jun 2009

²¹ Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang (Pengerusi Majlis Penasihat Syariah BIMB), dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2016.

²² Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.



Rajah 3.1: Carta Organisasi Bahagian Audit Dalaman BIMB (Unit Audit Syariah BIMB, 2016)

Antara bidang tugas juruaudit Syariah BIMB ialah mereka berperanan untuk membuat penilaian berkaitan keberkesanan fungsi pengawasan Syariah dan struktur laporan di BIMB. Mereka juga berperanan untuk menyemak tahap pematuhan BIMB terhadap prinsip-prinsip Syariah di samping menilai keberkesanan kawalan-kawalan dalaman terhadap pengurusan risiko Syariah. Tambahan lagi, juruaudit Syariah BIMB juga bertanggungjawab dalam memastikan proses pengurusan risiko Syariah dijalankan dengan berkesan. Di samping itu, mereka juga ditugaskan untuk memastikan prosedur-prosedur aliran kerja dilaksanakan dengan betul bagi membolehkan penggunaan sumber-sumber dengan cekap. Dalam pada itu juga, juruaudit Syariah bertanggungjawab untuk memastikan ketepatan dalam melaporkan apa jua aktiviti dan transaksi tidak patuh Syariah yang telah dikenalpasti. Dalam usaha untuk melakukan audit Syariah, ianya melibatkan beberapa proses yang mesti dilaksanakan oleh para juruaudit BIMB. Proses-proses ini termasuklah perancangan, pelaksanaan, laporan dan susulan. Penerangan tentang proses-proses audit Syariah BIMB tersebut adalah seperti berikut:²³

²³ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.



Rajah 3.2: Proses Audit Syariah BIMB (Unit Audit Syariah BIMB, 2016)

3.3.1.1. Perancangan


Perancangan bermaksud sesuatu audit Syariah yang hendak dijalankan mestilah melalui proses perancangan audit yang melibatkan memahami aktiviti-aktiviti operasi atau perniagaan entiti yang hendak diaudit, menentukan objektif audit, membangunkan atau mengemaskini profil risiko Syariah, penentuan teknik audit dan sebagainya.

Perancangan sesuatu audit akan dimulakan dengan merangka pelan tahunan audit Syariah. Pelan tahunan untuk audit bagi tahun kewangan yang berikutnya dibuat sekitar suku keempat tahun sebelumnya setiap tahun. Sebagai contoh, untuk Syariah audit tahun kewangan 2016, pelan audit dibuat pada suku ke-empat tahun kewangan 2015. Pelbagai aspek diambilkira semasa merangka pelan tahunan ini seperti mendapatkan maklumat ketidakpatuhan Syariah, penilaian risiko-risiko, tahap kritikaliti sesuatu entiti, penilaian audit-audit yang telah dilakukan ke atas sesuatu entiti pada tahun-tahun sebelumnya, tuntutan polisi dan peraturan yang dikeluarkan oleh BIMB dan penguatkuasa seperti BNM dan SC dan sebagainya. Pelan Audit Syariah ini akan dibentangkan kepada *Audit and Examination Committee* (AEC) dan Majlis Pengawasan Syariah BIMB untuk kelulusan dan sokongan.

Dalam konteks penentuan risiko, ianya dilakukan dengan mengenalpasti bidang yang mempunyai risiko tinggi, risiko pertengahan dan risiko rendah. Sekiranya bidang yang hendak diaudit telah dikenalpasti mempunyai risiko yang tinggi dan boleh

menyebabkan kepada kemungkinan untuk berlakunya pelanggaran Syariah, maka bidang tersebut akan diberi keutamaan dalam pengauditan. Sebagai contohnya, Bahagian Syariah BIMB mempunyai risiko yang tinggi kerana bertanggungjawab dalam memastikan semua aktiviti dan operasi BIMB memenuhi tuntutan Syariah yang dikeluarkan atau ditetapkan oleh Majlis Pengawasan Syariah (*Shariah Supervisory Council*) BIMB, Majlis Penasihat Syariah (*Shariah Advisory Council*) Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Bahagian Syariah BIMB bertanggungjawab dalam memaklumkan segala keputusan Syariah kepada pihak-pihak berkenaan di dalam BIMB untuk pelaksanaan. Sekiranya keputusan Syariah tidak sampai kepada pihak pelaksana, maka ianya boleh membawa kepada potensi isu ketidakpatuhan Syariah. Justeru, Bahagian Syariah BIMB adalah salah satu contoh bahagian yang mempunyai risiko tinggi dan kekerapan diaudit oleh Unit Audit Syariah BIMB adalah setiap tahun.

Dalam membuat penilaian kepada tahap ketepatan dan keberkesanan (*adequacy and effectiveness*) proses tadbir urus, sistem pengurusan risiko dan pengawalan dalaman sesuatu entiti yang diaudit, Unit Audit Syariah BIMB menggunakan garis panduan *Committee of Sponsoring Organizations* (COSO) yang terdiri daripada lima komponen. Komponen-komponen tersebut ialah kawalan persekitaran (*control environment*), penilaian risiko (*risk assessment*), kawalan aktiviti (*control activities*), informasi dan komunikasi (*information and communication*) dan pemantauan (*monitoring*). Sekiranya entiti yang diaudit memenuhi atau menepati kelima-lima komponen tersebut, maka boleh disimpulkan bahawa terdapat kawalan dalaman yang cukup integrasi terhadap operasi dan aktiviti entiti tersebut. Ringkasan untuk kelima-lima komponen adalah seperti berikut:



1. Control Environment

This COSO segment covers the tone of the entity influencing the consciousness of its people. It is the foundation of all other control components such as discipline and structure, integrity, ethical values, operating style, delegation of authority and the development of competence in the entity.

2. Risk Assessment

This COSO component assesses the establishment of objectives, and the risk assessment and analysis of relevant risks including fraud risk, to the achievement of the assigned objectives. It also covers anticipation of the effect of significant change in the operating environment.

3. Control Activities

Control activities are the adherence to the policies and procedures which ensure controls are carried out to address the risks that hinder the achievement of the entity's objectives. They include diverse activities such as approvals, verifications, reconciliations, reviews of operating performance, security and segregation of duties.

4. Information & Communication

This COSO segment assesses the information system and the control role it plays as it produces reports, including operational, financial and compliance related information that makes it possible to run and control the business. Effective communication must ensure information flows down, across and up the organization/ entity and including external parties such as customers, regulators, shareholders.

5. Monitoring


Internal control systems need to be monitored for effectiveness over time through ongoing monitoring activities such as separate evaluations or senior management oversight. Internal control deficiencies detected through these monitoring activities should be reported upstream and corrective action taken.

Rajah 3.3: Garis Panduan Committee of Sponsoring Organizations (COSO)

(<https://www.coso.org>, 2013)

Dalam konteks kawalan persekitaran, Unit Audit Syariah akan menilai komitmen pihak pengurusan dalam menerapkan nilai-nilai integriti, etika dan kecekapan para pekerja, pelaksanaan pengawasan dikalangan pihak pengurusan dan penubuhan struktur, kuasa, tanggungjawab dan akauntabiliti. Penilaian risiko pula dilakukan dengan menilai jenis-jenis risiko dan kawalan kepada risiko yang dikenalpasti oleh sesuatu entiti berkaitan dengan fungsi mereka. Juruaudit juga akan menilai tahap keberkesanan penilaian risiko dan pematuhan yang dilakukan oleh entiti setiap 6 bulan sekali. Manakala kawalan aktiviti pula memberi tumpuan kepada tahap pematuhan entiti dalam mematuhi dan melaksanakan polisi/prosedur/garis panduan dalaman, BNM dan SC. Informasi dan komunikasi pula menumpukan kepada bagaimana sesebuah jabatan menyampaikan sesuatu makluman kepada para pekerja di dalam entiti tersebut dan kepada pihak-pihak luar. Pemantauan pula bermaksud bagaimana sesebuah jabatan tersebut memantau operasi aktiviti terutamanya melalui penyerahan laporan dan keberkesanan fungsi pembuat dan penyemak (*maker and checker function*).

Butiran untuk setiap komponen diterangkan dengan lebih mendalam di dalam garis panduan COSO seperti berikut:



Rajah 3.4: Komponen dan Prinsip Kawalan Dalam COSO (<https://www.coso.org>, 2013)

Terdapat pelbagai jenis teknik audit yang akan dikenalpasti dan ditentukan oleh juruaudit semasa di peringkat perancangan. Antara teknik audit Syariah yang biasa digunakan di BIMB ialah temubual kakitangan yang bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti dan operasi, pemerhatian terhadap sesuatu proses yang dijalankan, mengedarkan soalan kaji selidik kepada sampel yang dipilih, pemeriksaan terhadap pelaksanaan sebenar sesuatu proses transaksi yang dijalankan, menganalisa data yang dipilih untuk menentukan pematuhan Syariah dan pemeriksaan terhadap dokumen.

3.3.1.2. Pelaksanaan

Proses pelaksanaan pula bermaksud pelaksanaan audit dijalankan mengikut Pelan Audit Syariah yang dirancang dan diluluskan sebelum ini. Pada peringkat ini, kerja-kerja audit dijalankan dengan menggunakan teknik-teknik yang dikenalpasti

bersesuaian dengan bahagian atau bidang yang diaudit. Antara teknik yang digunakan dalam melakukan kerja-kerja audit ialah temubual, pemerhatian, soalan kaji selidik dan pemeriksaan dokumen.

Pada peringkat pelaksanaan audit ini, satu senarai semak tentang bidang yang hendak diaudit akan disediakan terlebih dahulu. Di dalam senarai semak tersebut, juruaudit Syariah akan memeriksa dan menilai aktiviti-aktiviti sesuatu entiti dalam mematuhi garis panduan Syariah. Sekiranya dikesan tidak mematuhi garis panduan tersebut, maka isu potensi ketidakpatuhan Syariah tersebut akan dibincangkan terlebih dahulu dengan Bahagian Syariah BIMB sebelum dibentangkan kepada Majlis Pengawasan Syariah untuk keputusan status ketidakpatuhan.

Dalam usaha untuk melakukan audit Syariah pada peringkat ini, beberapa dokumen rujukan adalah penting dalam memastikan sesuatu aktiviti itu patuh Syariah ataupun sebaliknya. Antara dokumen yang dijadikan rujukan dalam pematuhan Syariah oleh Unit Audit Syariah BIMB ialah keputusan-keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM dan SC, polisi dan garis panduan Syariah yang dikeluarkan oleh penguatkuasa iaitu BNM dan SC seperti *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (SGF), keputusan-keputusan Majlis Pengawasan Syariah dan Jawatankuasa Semakan Syariah BIMB, manual-manual produk, prosedur operasi standard dan garis panduan dalaman yang telah diluluskan.

Pada peringkat pelaksanaan audit ini juga, sampel akan dipilih bagi tujuan pemeriksaan atau penilaian dan kesimpulan audit Syariah. Dalam keadaan-keadaan tertentu yang melibatkan populasi pemeriksaan dan penilaian yang besar, juruaudit akan menggunakan sampel untuk menyimpulkan status kepatuhan. Sebagai contoh, sekiranya

jumlah akaun pembiayaan yang dibuka sepanjang tahun 2012 sehingga 2014 melebihi 10 juta akaun, maka amat mustahil untuk juruaudit memeriksa dan menilai dokumen-dokumen yang melibatkan kesemua 10 juta akaun tersebut pada kadar masa audit yang begitu terhad. Oleh yang demikian, juruaudit akan memilih 30 sampel akaun untuk diaudit. Sekiranya wujud perkara-perkara yang tidak mematuhi Syariah, maka sampel pemeriksaan dan penilaian akan ditambah bagi memastikan tahap kecenderungan ketidakpatuhan. Proses audit yang berikutnya adalah membuat kesimpulan terhadap pemeriksaan dan penilaian audit yang dilakukan. Disebabkan pelaksanaan audit Syariah ini melalui teknik pemilihan sampel, maka kesimpulan yang dibuat diklasifikasikan sebagai 'jaminan yang menasabah' (*reasonable assurance*) dan bukannya 'jaminan muktamad' (*conclusive assurance*).

3.3.1.3. Laporan

Laporan audit pula bermaksud membuat laporan untuk kerja-kerja pemeriksaan dan penilaian audit Syariah yang dilakukan. Pada peringkat ini, juruaudit akan membuat laporan berkenaan tahap kepatuhan terhadap tuntutan Syariah.

Dalam pada itu, penarafan juga akan dilakukan di dalam laporan audit Syariah tersebut. Terdapat empat jenis penarafan laporan audit Syariah iaitu 'Good', 'Satisfactory', 'Needs Improvement' dan 'Poor'. Penarafan 'Good' diberikan sekiranya tidak ada isu Syariah yang berisiko tinggi di dalam audit Syariah yang dijalankan. Penarafan 'Satisfactory' pula diberikan sekiranya terdapat hanya satu isu Syariah yang berisiko tinggi disamping isu Syariah yang berisiko pertengahan. Penarafan 'Needs Improvement' diberikan sekiranya terdapat banyak isu Syariah yang berisiko tinggi di

samping isu berisiko pertengahan. Akhir sekali penarafan 'Poor' diberikan sekiranya terdapat terlalu banyak isu Syariah yang berisiko tinggi dan kes ketidakpatuhan Syariah.

Sekiranya penarafan yang diperolehi oleh sesebuah entiti itu lemah, maka Unit Audit Syariah akan mengulangi proses audit Syariah sekali lagi dalam masa enam bulan daripada tarikh audit terakhir. Tindakan ini perlu dilakukan bagi memastikan entiti tersebut berjaya mematuhi segala keputusan Syariah, manual dan sebagainya seperti yang ditetapkan oleh BNM, SC atau BIMB sendiri.

Dalam pada itu, sekiranya ditemui perkara yang mempunyai potensi tidak patuh Syariah (*potential Shariah non-compliant event*) pada peringkat pelaksanaan audit, maka Unit Audit Syariah akan meminta nasihat daripada Ketua Pegawai Syariah berkenaan isu tersebut. Sekiranya Ketua Pegawai Syariah mendapatinya sebagai tidak patuh Syariah, maka isu tersebut akan dibawa ke peringkat Majlis Penasihat Syariah (MPS) BIMB untuk dibincang dengan lebih lanjut. Apabila MPS memutuskan bahawa isu tersebut tidak patuh Syariah, maka dalam masa tiga hari laporan mestilah dihantar ke BNM tentang ketidakpatuhan Syariah yang berlaku. Pada masa yang sama, pelan pembetulan mestilah dilakukan dan laporan terhadap pembetulan tersebut mestilah dihantar ke BNM dalam tempoh 30 hari bermula dari tarikh keputusan ketidakpatuhan yang diputuskan oleh MPS.

Dalam sesetengah situasi, MPS memerlukan masa untuk menentukan status ketidakpatuhan Syariah untuk sesuatu isu. Sekiranya keadaan ini berlaku maka isu tersebut diklasifikasikan sebagai potensi ketidakpatuhan Syariah. Sementara menunggu MPS mengeluarkan keputusan, BIMB perlu memberi notis pemberitahuan setiap 15

haribulan setiap bulan kepada BNM sehingga MPS memberi keputusan sama ada isu tersebut tidak patuh Syariah atau sebaliknya.

Di samping itu, menerusi laporan audit Syariah ini juga Unit Audit Syariah akan mengenengahkan faktor penyebab kepada berlakunya masalah tersebut di samping menyarankan tindakan pembedulan dan penambahbaikan. Laporan audit Syariah tersebut akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan dan MPS untuk perbincangan. Laporan audit tersebut juga akan diberi kepada pegawai atasan untuk entiti yang diaudit untuk pemberitahuan dan tindakan lanjut.

3.3.1.4. Susulan

Proses susulan pula bermaksud tindakan susulan yang dilakukan bagi tujuan untuk melihat perkembangan tindakan pembedulan yang dilakukan. Antara pihak yang terlibat dalam proses susulan ini ialah Jabatan Pengurusan Risiko Syariah, Jawatankuasa Pengoperasian Kawalan Risiko dan Unit Syariah Audit. Pihak Pengurusan Risiko Syariah bertanggungjawab untuk mengesan usaha-usaha pembedulan yang dilakukan dengan menggunakan Laporan Pengesanan Ketidapatuhan Syariah (*Shariah Non-Compliance Tracking Report*). Jawatankuasa Pengoperasian Kawalan Risiko pula berperanan untuk mengawasi usaha-usaha pembedulan yang dilakukan manakala Unit Audit Syariah pula bertanggungjawab untuk melakukan tindakan susulan secara bulanan dan segala status tindakan pembedulan yang dilakukan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan BIMB.

3.3.2. Proses Audit Syariah oleh Jabatan Semakan Syariah di BIMB.

Dari segi pelaksanaan, audit Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah adalah sama seperti yang dijalankan oleh Unit Audit Syariah dari aspek proses iaitu melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, laporan dan susulan. Namun, ada beberapa perkara yang membezakan pelaksanaan audit Syariah yang dijalankan oleh kedua-dua entiti tersebut.²⁴

Antara perbezaannya yang utama ialah audit Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah adalah dengan melihat kepada kefahaman dan ketepatan konsep Syariah itu sendiri manakala audit Syariah yang dijalankan oleh Unit Audit Syariah adalah melihat kepada peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di dalam BIMB.²⁵ Audit Syariah yang dilakukan oleh Unit Semakan Syariah juga adalah bersifat tidak berkala dan boleh dilakukan bila-bila masa yang dirasakan perlu manakala audit Syariah yang dijalankan oleh Unit Audit Syariah adalah bersifat berkala. Dari segi pendekatan, audit Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah adalah berasaskan pematuhan Syariah manakala pendekatan audit Syariah oleh Unit Audit Syariah adalah berasaskan risiko ketidakpatuhan Syariah yang dipandu oleh COSO.²⁶

3.4. Pelaksanaan Pentadbiran Audit Syariah Menerusi Elemen-elemen *Hisbah* di BIMB.

Pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB dapat dilihat dengan lebih jelas melalui elemen-elemen *hisbah* yang terkandung di dalamnya.

²⁴ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

²⁵ Profesor Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang (Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2016.

²⁶ *Op.cit*

Elemen-elemen *hisbah* tersebut ialah *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab*.

3.4.1. Pelaksanaan Menerusi *Muhtasib*.

Pelaksanaan pentadbiran audit Syariah di BIMB dapat dilihat dengan jelas menerusi kewujudan *muhtasib* iaitu para pegawai yang dilantik dalam menjaga kepatuhan terhadap syarak. Dalam konteks BIMB, *muhtasib* ialah para pegawai yang menjalankan tugas dalam menjaga pematuhan Syariah yang terdiri daripada Unit Audit Syariah, Bahagian Syariah dan MPS. Ketiga-tiga entiti ini saling berkerjasama dalam memastikan segala aktiviti dan operasi BIMB patuh syarak dengan mengikut segala garis panduan Syariah yang ditetapkan oleh BNM dan BIMB sendiri.

3.4.1.1. Pelantikan *Muhtasib* di BIMB

Pelantikan *muhtasib* di BIMB adalah seperti mana yang digariskan oleh BNM menerusi SGF iaitu mereka yang dilantik adalah mahir dalam ilmu berkaitan Syariah. Namun, dalam menjalankan tugas pentadbiran audit Syariah, pakar-pakar dalam bidang tertentu boleh juga dilantik demi melancarkan pentadbiran audit tersebut selama mana ianya memenuhi objektif audit yang dilaksanakan.²⁷

Pentadbiran audit Syariah di BIMB melibatkan tiga entiti utama iaitu Unit Audit Syariah, MPS dan Bahagian Syariah. Justeru, dalam menjalankan tanggungjawab patuh Syariah, *muhtasib-muhtasib* telah dilantik di setiap entiti tersebut dan memainkan tanggungjawab seperti mana yang ditetapkan oleh BIMB.

²⁷ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 23

Muhtasib di Unit Audit Syariah BIMB mempunyai empat orang. Mereka yang dilantik adalah mempunyai kepakaran yang berbeza demi memenuhi tuntutan pentadbiran audit Syariah di unit berkenaan. Unit ini terdiri daripada seorang berkelulusan fiqh dan usul, seorang berkelulusan Syariah, seorang berkelulusan teknologi maklumat dan seorang berkelulusan akauntan bertauliah.²⁸

Bagi MPS pula, *muhtasibnya* mengandungi lima orang pakar yang menjadi rujukan utama terhadap segala pentadbiran patuh Syariah di BIMB. Mereka yang dilantik merupakan tokoh-tokoh yang pakar dalam Syariah dan perbankan Islam. Majlis Pengawasan Syariah BIMB dipengerusikan oleh Profesor Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang. Manakala ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah ini terdiri daripada Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri Salamon, Penolong Profesor Dr. Uzaimah Ibrahim, Ustaz Dr. Muhammad Syafii Antonio dan Dr. Yasmin Hanani Mohd. Safian. Sementara Ustaz Mohd. Nazri Chik dilantik sebagai setiausaha bagi Majlis Pengawasan Syariah ini.²⁹

Manakala *muhtasib* di Bahagian Syariah mengandungi 20 orang dan diketuai oleh Ustaz Mohd. Nazri Chik selaku Ketua Pegawai Syariah. Para *muhtasib* yang dilantik mempunyai latar belakang dan kepakaran yang berbeza seperti kewangan Islam, Syariah dan fiqh dan usul fiqh. Mereka bertanggungjawab terhadap tugas jabatan masing-masing iaitu Jabatan Semakan Syariah, Jabatan Nasihat dan Kajian dan Jabatan Pengurusan Risiko Syariah. Dua jabatan lain di bawah seliaan Ketua Pegawai Syariah ialah Jabatan Perkhidmatan Komuniti dan *Shariah Centre for Excellent*.³⁰ Keduanya tidak terikat secara langsung dengan Kerangka Tadbir Urus Syariah (SGF) BNM.

²⁸ Cik Norrulhuda Kulop Alang, Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

²⁹ <http://www.bankislam.com.my/home/corporate-info/about-us/shariah-supervisory-council/>, 13 April 2016

³⁰ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

Justeru, semua *muhtasib* daripada ketiga-tiga entiti ini saling berkerjasama dan memainkan peranan yang besar dalam menjaga operasi dan perkhidmatan BIMB agar sentiasa patuh Syariah.

3.4.1.2. Bidangkuasa *Muhtasib* di BIMB.

Bidangkuasa dan struktur pentadbiran *muhtasib* adalah berbeza mengikut entiti yang diwakili mereka. Walaupun wujud perbezaan tersebut, namun tanggungjawab dalam menjaga pematuhan syarak tetap sama.

A) Bidangkuasa *Muhtasib* di Unit Audit Syariah.

Antara bidangkuasa *muhtasib* di Unit Audit Syariah BIMB ialah mereka berperanan untuk membuat penilaian berkaitan keberkesanan fungsi pengawasan Syariah dan struktur laporan di BIMB. Mereka juga berperanan untuk menyemak tahap pematuhan BIMB terhadap prinsip-prinsip Syariah di samping menilai keberkesanan kawalan-kawalan dalaman terhadap pengurusan risiko Syariah. Tambahan lagi, juruaudit Syariah BIMB juga bertanggungjawab dalam memastikan proses pengurusan risiko Syariah dijalankan dengan berkesan. Di samping itu, mereka juga ditugaskan untuk memastikan prosedur-prosedur aliran kerja dilaksanakan dengan betul bagi membolehkan penggunaan sumber-sumber dengan cekap. Dalam pada itu juga, juruaudit Syariah bertanggungjawab untuk memastikan ketepatan dalam melaporkan apa jua aktiviti dan transaksi tidak patuh Syariah yang telah dikenalpasti.³¹

³¹ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

B) Bidangkuasa *Muhtasib* di Majlis Pengawasan Syariah.

Muhtasib di jawatankuasa Majlis Pengawasan Syariah (MPS) pula berperanan untuk menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan BIMB bagi memastikan operasi bank berjalan selari dengan tuntutan Syariah. Dari segi struktur pengurusan, MPS ini melapor kepada Lembaga Pengarah, tetapi dari segi fungsi, ianya bebas dan tidak tertakluk kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan bank.³²

Muhtasib di bahagian MPS amat proaktif selaras dengan kehendak SGF dalam memainkan peranan mereka sama ada sebelum (*pre*) atau selepas (*post*) sesuatu produk bank dibangunkan dan diluluskan. Sebelum sesuatu produk diluluskan, MPS membincangkan cadangan-cadangan produk bagi memastikan pematuhannya kepada kehendak-kehendak Syariah. Manakala selepas sesuatu produk diluluskan, MPS membincangkan laporan-laporan audit Syariah, semakan Syariah dan inisiatif-inisiatif pengurusan risiko Syariah yang kemudiannya menjadi asas kepada MPS dalam mengeluarkan laporan tahunan kepada semua pihak yang berkepentingan.³³ Secara keseluruhannya, peranan MPS adalah penting kerana semua laporan audit, semakan Syariah dan peraturan mesti melalui MPS sebelum apa-apa tindakan di ambil oleh mana-mana pihak di dalam bank.³⁴

³² Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2009* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2009), 79

³³ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad) dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

³⁴ Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang (Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2016.

C) Bidangkuasa *Muhtasib* di Bahagian Syariah.



Rajah 3.5: Struktur Organisasi Bahagian Syariah BIMP (Bahagian Syariah BIMP, 2016)

Muhtasib di Bahagian Syariah diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Syariah yang bertanggungjawab ke atas lima jabatan utama. Manakala kelima-lima jabatan tersebut pula dikendalikan oleh seorang ketua yang dilantik. Jabatan-jabatan yang dimaksudkan ialah Jabatan Semakan Syariah, Jabatan Nasihat dan Kajian, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah Jabatan Perkhidmatan Komuniti dan *Shariah Centre for Excellent*. Walaupun para *muhtasib* tersebut mempunyai bidangkuasa yang berlainan dengan audit Syariah, namun praktikal yang diamalkan di Bahagian Syariah BIMP iaitu mewajibkan semua kakitangan memegang tugas yang berkaitan dengan audit Syariah secara giliran.³⁵ Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa semua mereka adalah *muhtasib* yang berpengetahuan luas dalam audit Syariah.

Jabatan Semakan Syariah diperkenalkan pada penghujung 2010 dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (*Shariah Governance Framework*), BNM dan dikuatkuasakan pada awal 2011. Aktiviti dalam jabatan ini lebih kepada memastikan keputusan Syariah sejajar dengan apa yang diaplikasikan serta mengenalpasti tahap

³⁵ *Op.cit.*

kepatuhan terhadap Syariah dalam bank. Perbezaan utama jabatan ini dengan Unit Audit Syariah ialah aktiviti yang dijalankan oleh jabatan ini adalah secara tidak berkala (*regular*) dibandingkan dengan Unit Audit Syariah yang dijalankan secara berkala (*periodical*). Tugas utama jabatan ini ialah melaksanakan aktiviti semakan Syariah. Proses semakan dan penilaian yang dijalankan oleh jabatan ini berpandukan kepada beberapa langkah seperti perancangan, pengumpulan maklumat, pemprosesan data, tindakan susulan dan membuat laporan berkenaan tindak balas terhadap data atau hasil yang ditemui. Temuan ketidakpatuhan Syariah yang dikenalpasti hasil aktiviti Semakan Syariah ini akan dipanjangkan dan dicadangkan kaedah dan cara untuk mengelakkannya berulang melalui kerjasama dengan Jabatan Pengurusan Risiko Syariah. Aktiviti semakan ini dijalankan di cawangan-cawangan, pejabat wilayah, pusat pemprosesan, pusat automobil, pusat pentadbiran dan jabatan-jabatan di ibu pejabat. Bagi menjalankan aktiviti ini, pegawai yang terlibat akan bermukim di tempat yang disasar bagi memudahkan penumpuan terhadap carian dan pengesanan isu. Antara produk yang telah disemak oleh jabatan ini ialah pembiayaan, deposit, pelaburan, perbendaharaan, perdagangan, pengurusan tunai dan lain-lain.³⁶

Muhtasib di Jabatan Nasihat dan Kajian pula bertanggungjawab kepada skop tugas utama iaitu menasihat dan membangunkan produk. Bagi skop menasihat dan membangunkan produk, *muhtasib* jabatan ini bertanggungjawab mencadangkan dan menasihati segala prestasi harian yang meliputi perbankan pelanggan, korporat dan perbankan perdagangan, perbankan pelaburan korporat, perbendaharaan dan pemulihan pelanggan dan koporat. Jabatan ini juga bertanggungjawab sebagai penilai bebas terhadap produk-produk BIMB dan garis panduan yang dikeluarkan oleh bahagian perniagaan dan sokongan supaya selari dengan kehendak Syariah. Selain itu, jabatan ini

³⁶ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

juga ditugaskan untuk menilai dan meluluskan ilustrasi produk dan jaminan atau cagaran pemasaran bagi pihak MPS. Jabatan Nasihat dan Kajian ini juga ditugaskan untuk terlibat dalam segala projek yang dikendalikan oleh bahagian perniagaan dan sokongan demi untuk memastikan ianya mematuhi Syariah termasuklah dalam urusan membangunkan produk-produk baru. Penglibatan jabatan ini secara aktif dapat dilihat dalam pelbagai lembaga dan jawatankuasa pengurusan termasuklah Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko atau *Board Risk Committee* (BRC), Jawatankuasa Pengurusan atau *Management Committee* (MANCO), Jawatankuasa Pengurusan Kawalan Risiko atau *Management Risk Control Committee* (MRCC), Jawatankuasa Kawalan Risiko atau *Operational Risk Control Committee* (ORCC), Jawatankuasa Pembiayaan A atau *Financing Committee A* (FCA), Jawatankuasa Pembiayaan B atau *Financing Committee B* (FCB) dan Jawatankuasa Pengunderaitan dan Pelaburan ataupun *Underwriting and Investment Committee* (UIC). Antara lain juga jabatan ini bertanggungjawab untuk mencadangkan penyelesaian-penyelesaian kewangan global yang diterima untuk ditawarkan kepada unit-unit perniagaan.³⁷

Muhtasib di jabatan ini juga berperanan sebagai pengeluar polisi, garis panduan dan manual berkaitan Syariah sebagai panduan semua pegawai BIMB. Antara dokumen yang dikeluarkan adalah seperti Garis Panduan Kontrak Syariah, Garis Panduan Pengurusan Risiko Syariah dan lain-lain. Dokumen-dokumen yang dikeluarkan ini merupakan satu mekanisme yang digunakan bagi memastikan segala aktiviti dalaman dan luaran bank sentiasa berpandukan Syariah. Dokumen-dokumen yang dikeluarkan ini akan disemak secara berkala sama ada setiap tahun atau dua tahun sekali bergantung kepada keputusan pengurusan bank.³⁸

³⁷ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

³⁸ *Ibid.*

Dalam pada itu, *muhtasib* di jabatan ini juga berperanan untuk menilai atau menyemak dokumen yang dikeluarkan *regulator*. Dalam usaha mematuhi kehendak *regulator* seperti BNM, jabatan ini bertanggungjawab untuk memastikan kehendak ataupun keputusan Syariah termasuklah draf BNM berkenaan kontrak-kontrak Syariah seperti *Murābahah*, *Ijārah*, *Istisna'*, Kerangka Urustadbir Syariah dan sebagainya sampai kepada Unit Perniagaan. Ini kerana, sebarang kegagalan mematuhi keputusan BNM akan membawa kepada tindakan yang akan menyebabkan kredibiliti bank akan terganggu.

Manakala *muhtasib* Jabatan Pengurusan Risiko Syariah pula berperanan sebagai pengawal yang akan memastikan segala keputusan yang diputuskan oleh MPS dipatuhi oleh semua pihak. Di bawah dinyatakan dengan lebih jelas peranan utama yang dimainkan oleh jabatan ini terutamanya dalam aktiviti berteraskan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah. Merujuk kepada jadual di bawah, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah berada pada Lapisan Pertahanan Kedua dalam menangani isu-isu operasi berkaitan ketidakpatuhan Syariah. Model pertahanan tiga lapisan diaplikasikan oleh jabatan ini yang mana peranannya adalah sama seperti Jabatan Risiko Operasi di mana Risiko Ketidakpatuhan Syariah adalah termasuk dalam sebahagian Risiko Operasi bank.

Jadual 3.1: Model Pertahanan 3 Lapisan BIMB (Laporan Tahunan BIMB, 2011)

Lapisan	Kakitangan Terlibat	Bidang Tugas
Pertahanan Pertama	Pergurusan Hadapan (termasuk Ketua Perniagaan dan Sokongan, Pengurusan Cawangan, Pegawai Risiko Perniagaan/Sokongan, Penyelaras Risiko Operasi Khusus dan semua staf).	Bertanggungjawab untuk pengawasan risiko dan kawalan yang sedang dilaksanakan pada tahap kerja harian.

Pertahanan Kedua	Bahagian Syariah (Jabatan Pengurusan Risiko Syariah)	Mewujudkan dan menyelenggara Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM) dan Pengurusan Risiko Pematuhan Syariah (SCRM), menilai, memantau, melapor dan mengawal risiko di peringkat seluruh bank
Pertahanan Ketiga	Bahagian Audit Dalaman (termasuk Unit Audit Syariah)	Memberi jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan bahawa proses dan alat Pengurusan Risiko (termasuk risiko Syariah) dilaksanakan dengan berkesan.

Secara umumnya, berpandukan kepada jadual di atas, Lapisan Pertahanan Pertama juga dikenali sebagai barisan pengurusan yang melibatkan semua staf bank. Lapisan ini bertanggungjawab memastikan kepatuhan terhadap Syariah diikuti.³⁹ Dengan kata lain, lapisan ini merangkumi semua kakitangan yang terlibat dalam mengurus bidang fungsi secara langsung di mana seluruh pemilikan persekitaran risiko dan tanggungjawab untuk mengurus risiko pematuhan Syariah (SCR) diamanahkan kepada mereka.⁴⁰ Pertahanan kedua pula melibatkan tiga jabatan utama iaitu Jabatan Nasihat dan Kajian, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah dan Jabatan Semakan Syariah. Di peringkat ini, wujud pengurusan risiko operasi dan ketidakpatuhan Syariah melalui Manual Operasi

³⁹ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

⁴⁰ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2011* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2011), 199.

Risiko dan Pengurusan Risiko Ketidapatuhan Syariah.⁴¹ Lapisan kedua ini disokong oleh Bahagian Syariah yang secara langsungnya bertanggungjawab mengendali dan membimbing pewujudan kawalan bagi tujuan mengurangkan pelanggaran Syariah di lapisan pertahanan pertama. Ianya melibatkan pembangunan produk, nasihat tentang operasi harian, pengurusan ketidapatuhan Syariah atau *Syariah non-compliance* (SNC) yang proaktif dan pelaksanaan semakan Syariah.⁴² Manakala lapisan pertahanan ketiga pula dilaksanakan oleh fungsi Unit Audit Syariah yang diletakkan di bawah Bahagian Audit Dalaman. Ianya bertanggungjawab memberikan pengesahan bebas tentang keberkesanan kawalan Syariah kepada Lembaga Pengarah, MPS dan pengurusan bank.⁴³ Ini adalah langkah pertahanan terakhir bagi memastikan segala urusan seharian bank sejajar dengan kehendak Syariah.⁴⁴

Antara tugas utama *muhtasib* Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini ialah mengurus risiko kepatuhan Syariah di dalam BIMB. Selari dengan penubuhan metodologi Garis Panduan Pengurusan Risiko Kepatuhan Syariah (SCRM), *muhtasib* di jabatan ini bertanggungjawab untuk memastikan semua keputusan diaplikasikan dengan sempurna supaya tidak berlaku pelanggaran keputusan Syariah. Proses yang termaktub dalam Garis Panduan Pengurusan Risiko Kepatuhan Syariah (SCRM) seperti berikut:⁴⁵

- i. Komunikasi dan Kesedaran
- ii. Pengenalan dan Penilaian
- iii. Kawalan dan Mitigasi
- iv. Laporan dan Pengawasan.

⁴¹ *Op.cit.*

⁴² Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2011*(Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2011), 199

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

⁴⁵ *Ibid.*

Antara contoh ketidakpatuhan Syariah yang berlaku ialah kesalahan melakukan akad untuk kontrak yang diaplikasi dalam sesuatu produk seperti tidak mengisi dengan lengkap borang akad seperti harga atau jumlah pembiayaan dan persetujuan pelanggan (Kontrak *Murābahah*), tidak mengisi dengan sempurna aqad kontrak *wadi'ah* dan *muḍārabah* bagi akaun simpanan, tidak melaksanakan proses perlantikan ejen dengan sempurna dalam kontrak *wakālah* dan tidak mengenalpasti pemilikan sempurna sesuatu aset untuk ditransaksi seperti dalam kontrak *ijārah* yang mana aset yang hendak disewa hendaklah dipastikan sempurna miliknya.⁴⁶

Muhtasib di jabatan ini juga dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aktiviti yang ada pelanggaran Syariah. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan Syariah, ia akan diklasifikasikan kepada Tidak Patuh Syariah (tidak mematuhi keputusan sedia ada) dan Potensi Tidak Patuh Syariah (tidak mematuhi keputusan yang belum ada). Namun begitu, dalam menguruskan aktiviti yang diklasifikasikan sebagai tidak patuh Syariah ini, ianya mestilah berlandaskan kepada prosedur yang dinamakan sebagai 'Prosedur Kawalan dan Laporan Isu Ketidakpatuhan Syariah'. Turutan pelaksanaan prosedur ini adalah seperti berikut:

- i. Menerima isu-isu berkaitan ketidakpatuhan Syariah dari sumber-sumber seperti berikut:
 - a. Aktiviti Semakan Syariah
 - b. Aktiviti Audit Syariah
 - c. Pertanyaan/ persoalan daripada mana-mana jabatan atau mesyuarat yang dihadiri pegawai Syariah.

⁴⁶ Laporan Ketidakpatuhan ini adalah berdasarkan laporan Audit Syariah dan Semakan Syariah yang dijalankan. (Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016)

- ii. Perbincangan dengan Ketua Pegawai Syariah untuk memutuskan samada isu berkenaan diklasifikasikan tiada isu, SNC atau PSNC sebelum dibentangkan ke MPS.
- iii. Setelah dikenalpasti, isu berkenaan akan dibentangkan oleh Unit Perniagaan berkenaan ke Mesyuarat MPS. Fokus perbincangan adalah seperti berikut:
 - a. Status dan kesahihan ketidakpatuhan Syariah berkenaan.
 - b. Langkah pembetulan dan pencegahan.
 - c. Langkah-langkah yang akan diambil bagi ketidakpatuhan yang berlaku.
- iv. Mengemaskini Unit Perniagaan berkenaan tindakan susulan yang perlu dilakukan terhadap isu berkenaan sepertimana yang telah diputuskan oleh mesyuarat berkenaan.
- v. Merekod isu berkenaan untuk tindakan susulan akan datang.
- vi. Mengawal tindakan yang telah dijalankan oleh pihak berkenaan. Jika tindakan yang dilakukan telah mematuhi Syariah, isu itu dikira selesai dan akan disemak pada masa akan datang.

Sekiranya jelas didapati adanya kes pelanggaran Syariah berlaku, maka ianya boleh memberikan kesan yang besar seperti tindakan susulan dari BNM dan kerugian bank itu sendiri. Terdapat beberapa mekanisma untuk mengenalpasti ketidakpatuhan Syariah dalam bank seperti yang dijalankan oleh Unit Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah yang akan melakukan semakan dan penilaian berdasarkan keputusan Syariah terhadap sesuatu produk berkenaan.

Dalam pada itu, *muhtasib* jabatan ini juga berperanan dalam mengendalikan aktiviti pelupusan pendapatan tidak halal dalam bank. Sepanjang tahun 2015, Bank Islam telah merekodkan pendapatan tidak halal sebanyak RM7,768.02 dan telah disalurkan untuk tujuan kebajikan.⁴⁷ Proses pengurusan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti sumber-sumber pendapatan tidak halal seperti berikut:
 - a) Komisyen yang dibayar oleh terminal kad bagi transaksi Kod tidak halal.
 - b) Faedah yang dibayar dari akaun simpanan luar negara (akaun *nostro*⁴⁸).
 - c) Pendapatan dari akad kontrak yang tidak sah.
- ii. Merekod jumlah pendapatan tidak halal (laporan ketidakpatuhan akan dilaporkan ke beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pengurusan Kawalan Risiko dan MPS).
- iii. Menyiapkan laporan pendapatan tidak halal dan dikemukakan kepada Ketua Bahagian Syariah secara bulanan.
- iv. Menyiapkan laporan berkenaan pendapatan tidak halal untuk dibentangkan dan kelulusan ke MPS bank dan mengemukakan cadangan untuk melupuskan pendapatan.
- v. Menyelia dan mengawasi status pendapatan tidak halal bank melalui jabatan tertentu seperti Jabatan Kewangan.

⁴⁷ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2015* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2015), 156

⁴⁸ Akaun ini dibuka untuk mengendalikan pembayaran pelanggan komersial atau korporat bank yang berurusan dengan bank di luar negara yang tidak mempunyai sistem perbankan Islam. Kebiasaannya akaun *nostro* yang dibuka ini di sebut '*non bearing interest account*' atau dengan kata lainnya Bank Islam tidak menerima sebarang faedah dari simpanan berkenaan. Jika bank berkenaan membayar juga, ia akan disalurkan ke akaun pendapatan tidak halal bank untuk tujuan kebajikan. Antara contoh akaun ini ialah akaun *nostro* BIMB di Bank of China.

Jabatan ini juga berperanan melaporkan maklumat ketidakpatuhan Syariah kepada MPS setelah dikenalpasti berdasarkan aktiviti Unit Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah.

Di samping itu, *muhtasib* di Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini juga ditugaskan untuk mengendalikan beberapa program bagi meningkatkan kefahaman tentang perbankan Islam. Antara program-program tersebut termasuklah Program Orientasi Kakitangan Baru dan latihan-latihan khusus.⁴⁹

Bagi dua jabatan lain di bawah Bahagian Syariah iaitu Jabatan Perkhidmatan Komuniti dan *Shariah Centre for Excellent*, kewujudan mereka adalah untuk memperkasakan khidmat sosial dan untuk memantapkan kecemerlangan operasi Syariah BIMB. Inisiatif mewujudkan kedua-dua jabatan ini adalah lahir daripada kesedaran BIMB sendiri dan ianya merupakan nilai tambah kepada kemantapan perkhidmatan Syariah BIMB itu sendiri.⁵⁰

3.4.1.3. Program Pembangunan *Muhtasib* di BIMB

Dalam usaha untuk membangunkan modal insan termasuklah *muhtasib*, BIMB telah melaksanakan pelbagai langkah dan program yang bertujuan untuk memantapkan daya kepimpinan di samping menyalurkan kepada mereka perkembangan-perkembangan semasa tentang ilmu perbankan Islam. Antara langkah-langkah dan program-program yang dianjurkan oleh BIMB untuk pembangunan *muhtasib* adalah seperti berikut:

⁴⁹ Antara program latihan yang melibatkan Syariah termasuklah Program Orientasi, Program Kesedaran Kepatuhan Syariah dan Mesej Syariah. (Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan, Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

⁵⁰ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan, Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

A) Sistem Penggiliran Jawatan *Muhtasib* di Bahagian Syariah.

Antara yang dilakukan oleh BIMB dalam program pembangunan *muhtasib* ialah dengan melakukan sistem penggiliran jawatan *muhtasib* di Bahagian Syariah. Langkah ini dilakukan adalah untuk memberikan pendedahan secara langsung kepada setiap *muhtasib* tentang ilmu dan perkara teknikal yang berkaitan dengan skop-skop kerja *muhtasib* di Bahagian Syariah yang melibatkan tiga jabatan utama iaitu Jabatan Nasihat dan Kajian, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah dan Jabatan Semakan Syariah. Sistem penggiliran ini akan menjadikan pengetahuan seseorang *muhtasib* lebih mantap dan berupaya dalam menjalankan tugas pematuhan Syariah di BIMB. Di samping itu, sistem penggiliran ini juga bermatlamat untuk melahirkan pemimpin masa depan yang berpengetahuan tinggi dalam ilmu perbankan Islam dan menjadi pelapis untuk memimpin industri ini pada masa akan datang.⁵¹

B) Program Kelayakan dalam Perbankan dan Kewangan Islam.

Dalam usaha untuk memantapkan para *muhtasib* dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, BIMB juga menghantar mereka untuk menghadiri program yang dianjurkan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia [*Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)*] iaitu *Intermediate Qualification in Islamic Finance (IQIF)* dan *Associate Qualification in Islamic Finance (AQIF)*. IQIF memberi tumpuan kepada pengurusan harta (*wealth*) Islam dan perancangan kewangan industri. Program ini bermatlamat untuk menggilap dan membangunkan kemahiran bagi menghadapi isu dan permasalahan yang berkaitan dengan pengurusan harta Islam dan amalan perancangan kewangan. Manakala AQIF pula bermatlamat untuk membantu

⁵¹ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

pemain-pemain industri perbankan dan kewangan Islam dalam memperkasakan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan mereka tentang kewangan Islam. Justeru, penglibatan para *muhtasib* BIMB di dalam kedua-dua program ini amat penting dalam memberi nilai tambah kepada kemahiran mereka sebagai muhtasib di BIMB.⁵²

C) **Kursus Profesional Audit Dalaman.**

Di samping itu, BIMB juga menghantar para *muhtasibnya* untuk menghadiri kursus professional yang dikelolakan oleh *Asian Institute of Chartered Bankers* (AICB) iaitu *Certificate in Internal Auditing for Financial Institutions* (CIAFIN). Kursus ini bertujuan untuk membekalkan pengetahuan dan kemahiran khusus untuk berfungsi dengan lebih berkesan sebagai juruaudit dalaman di samping memberi kefahaman yang mantap tentang nilai-nilai etika dan peraturan dalam pelaksanaan audit dalaman. Kursus ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu aspek perundangan dan garis panduan sistem kewangan Malaysia, rangka kerja audit dalaman dan proses serta teknik audit dalaman. Di akhir kursus, setiap *muhtasib* akan dinilai melalui peperiksaan selama 2 jam 30 minit untuk melayakkan mereka mendapat CIAFIN.⁵³

3.4.2. Pelaksanaan Menerusi *Muhtasab Fih*.

Muhtasab fih ialah merujuk kepada bidang atau perkara yang menjadi topik sasaran utama *hisbah* dan ianya berkaitan dengan perbuatan yang disuruh atau dilarang. Bidang dan perkara tersebut mestilah berlandaskan kepada menyuruh kepada kebaikan

⁵² *Ibid.*

⁵³ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariaah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

dan mencegah daripada perbuatan mungkar.⁵⁴ Dalam konteks BIMB, bidang atau perkara yang menjadi sasaran utama pentadbiran audit Syariah ialah berkaitan dengan pematuhan Syariah terhadap segala bentuk yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan, perjanjian, borang, terma dan syarat serta sistem teknologi maklumat yang digunakan. Perkara-perkara tersebutlah yang akan disemak dan dinilai oleh *muhtasib* dalam melakukan audit Syariah mereka sama ada mematuhi Syarak atau wujudnya pelanggaran syarak.

3.4.2.1. Pembahagian *Muhtasab Fih* di BIMB.

Antara *muhtasab fih* ialah berkaitan dengan perbuatan dalam menguruskan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB adalah berkaitan dengan perbankan peribadi dan perbankan perniagaan.

Jadual 3.2: Perbankan Peribadi BIMB (<http://www.bankislam.com.my>, 2016)

Jenis Perbankan Peribadi	Jenis Perkhidmatan Perbankan
Produk Deposit	Akaun Simpanan-i Asas dan Semasa, Al-Awfar, Akaun Semasa-i, Deposit Bertempoh-I (<i>Tawarruq</i>).
Kad Bank Islam	Kad Debit-i Bank Islam Team Harimau, Kad Debit-i Visa Bank Islam, Kad Kredit-i Visa Infinite, Kad Kredit-i World MasterCard, Kad Kredit-I MasterCard Platinum, Kad Kredit-i Visa Platinum, Kad Kredit-i Platinum MasterCard

⁵⁴ Mardzelah Makhsan, *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008), 49

	Bank Islam – Alumni UiTM, Kad Kredit-i Emas dan Klasik.
Produk Pembiayaan	Pembiayaan Rumah-i, Pembiayaan Kenderaan-i, Pembiayaan Kenderaan-i Gradhitz, Pembiayaan Peribadi-i, Aliran Tunai Peribadi-i
Pengurusan Kekayaan dan Bancatakaful	BIMB Dana Al-Fakhim, BIMB Dana Al-Munsif, BIMB Dana Al-Falah, BIMB i Growth, BIMB i Dividend Fund, BIMB i Flexi Fund, Takaful Kemalangan Diri, Takaful Motor, Penulisan Wasiat, Hibah AmanahRaya, Pelan Takaful ‘MyHome Contents’, Pembiayaan Perumahan (HFA) Aliran Tunai-i, Pelan Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan Peribadi (PFTP), Pelan Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang (LTHT), Takaful Gadai Janji (MRTT), Pelan Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan Automobil (AFTP).
Perbankan Elektronik	Perbankan Mudah Alih-i TAP, Kad ATM, e-Debit Kad ATM, Perbankan Internet, Perbankan SMS, Pindahan Dana Antara Bank, Perkhidmatan Pembayaran Bil, Perbankan Internet Korporat, Giro Antara Bank (IBG), Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX), Bank Islam Aplikasi Mudah Alih

Ar-Rahnu	Dijalankan di 9 buah cawangan BIMB iaitu Cawangan Pasir Puteh, Cawangan Kota Bharu, Cawangan Pasir Mas, Cawangan Tanah Merah, Cawangan Kubang Kerian, Cawangan Kuala Terengganu, Cawangan Kuantan, Cawangan Sungai Petani, Cawangan Alor Setar.
----------	---

Pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB menerusi perbankan peribadi ini. Antaranya ialah produk deposit yang terdiri daripada pelbagai jenis akaun seperti Al-Awfar, Akaun Simpanan-i Wadiah, Akaun Simpanan-i Asas dan Semasa, Akaun Semasa-i dan Deposit Bertempoh-i (Tawarruq).⁵⁵

Di bawah perbankan peribadi juga, BIMB turut menawarkan perkhidmatan kad kredit bank Islam yang dikenali Kad-i Bank Islam (KBI). KBI merupakan kad pertama yang berasaskan kontrak Syariah yang ditawarkan kepada semua pengguna dan bebas daripada riba dan *gharār*. Pusat Kad Bank Islam yang bertanggungjawab terhadap pengurusan KBI ini pula beroperasi berteraskan konsep *tawwaruq* iaitu membeli barangan secara tangguh dan menjualnya secara tunai dengan harga yang lebih rendah kepada pihak selain penjual asal.⁵⁶ Antara kelebihan lain KBI ialah tiada yuran tahunan, tiada caj kewangan berganda, tempoh 20 hari pengecualian caj kewangan, perlindungan takaful percuma ke atas baki tertunggak bulanan, kadar rendah pindahan baki, kadar pengeluaran tunai yang rendah dan menikmati 40 peratus fi penulisan wasiat . Apa yang penting, KBI mematuhi kehendak Syariah sepenuhnya.⁵⁷

⁵⁵ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-peribadi/produk-deposit/> , 18 April 2016

⁵⁶ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-peribadi/kad-i-bank-islam/maklumat-tentang-kad-i-bank-islam/>, 18 April 2016

⁵⁷ *Ibid*

BIMB di bawah Perbankan Peribadi juga menawarkan produk-produk pembiayaan seperti produk Pembiayaan Rumah-i yang mematuhi kehendak Syariah. Produk-produk pembiayaan lain pula termasuklah Pembiayaan Peribadi-i, Alian Tunai Peribadi-i dan Pembiayaan Kenderaan-i dan Pembiayaan Kenderaan-i Gradhitz.⁵⁸

Selain itu, BIMB menerusi Perbankan Peribadi juga menawarkan satu lagi perkhidmatan yang dikenali Pengurusan Kekayaan dan Bancatakaful. Antara perkhidmatan pengurusan yang ditawarkan ialah BIMB Dana al-Fakhim, BIMB Dana al-Munsif, BIMB Dana al-Falah, BIMB *i Growth*, BIMB *i Dividend Fund*, BIMB *i Flexi Fund*, Hibah AmanahRaya, Pelan Takaful 'MyHome Contents', Penulisan Wasiat, Takaful Kemalangan Diri, Takaful Motor, Pembiayaan Perumahan (HFA) Aliran Tunai-i, Pelan Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan Peribadi (PFTP), Pelan Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang (LTHT), Takaful Gadai Janji (MRTT) dan Pelan Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan Automobil (AFTP).⁵⁹

Sejajar dengan perkembangan teknologi negara, BIMB turut menawarkan perkhidmatan Perbankan Elektronik untuk memudahkan para pelanggannya. Antara kemudahan menerusi produk Perbankan Elektronik ini ialah Perbankan Mudah Alih-i TAP, Perbankan Internet, Perbankan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), kad ATM, e-Debit kad ATM, Perkhidmatan pembayaran Bil, Giro antara bank (IBG), Pindahan Dana Antara Bank, MEPS (IBFT) melalui ATM dan Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX) dan Bank Islam Aplikasi Mudah Alih.⁶⁰

⁵⁸ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-peribadi/produk-pembiayaan/>, 18 April 2016

⁵⁹ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-peribadi/pengurusan-kekayaan/bancatakaful/>, 18 April 2016

⁶⁰ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-peribadi/perbankan-elektronik/>, 18 April 2016

Selain daripada perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk di atas, BIMB juga turut menawarkan perkhidmatan Ar-Rahnu yang ditawarkan di sembilan buah cawangannya terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.⁶¹

Jadual 3.3: Perbankan Perniagaan BIMB (<http://www.bankislam.com.my>, 2016)

Jenis Perbankan Perniagaan	Jenis Perkhidmatan Perbankan
Pembiayaan Peragangan	Surat Kredit-i, Pembiayaan Modal Kerja Dagangan-i , Bil Penerimaan-i, Bil Pertukaran Belian-i, Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i, Jaminan Perkapalan-i, Jaminan Bank-i, Surat Kredit Tunggu Sedia-i, Bil-Bil Pungutan-i, Surat Kredit Masuk-i, Surat Kredit Pindahan-i.
Pembiayaan Berasaskan Aset	Sewa Beli-i, Pajakan-i, Pembiayaan Harta Kelengkapan dan Komersial-i, Pembiayaan/Titian Projek (Istisna'), Pembiayaan Perniagaan-i (Pembiayaan Berjangka Bagi Keperluan Modal Kerja), Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (Tawarruq), Kemudahan Pembiayaan Kredit Berputar-i (Tawarruq).
Perkhidmatan Perbendaharaan	Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC), Sijil Pelaburan Kerajaan dan Nota Islam Bank Negara, Sekuriti Hutang Islam (IPDS), Sekuriti Hutang Komersial (ICP), Bil Penerimaan-Islam (AB-i) (Bank Islam dan bank lain)], Tukaran Matawang

⁶¹ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-peribadi/ar-rahnu/cawangan-cawangan/>, 18 April 2016

	Asing dan Penyelesaian Pelindung Nilai.
Perbankan Pelaburan Korporat	Khidmat Nasihat Projek dan Pembiayaan dan Penstrukturan Semula Korporat dan Hutang.
Program Pembiayaan	Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Al-Ansar, Pembiayaan Premis Perniagaan, Pembiayaan Perolehan dan Kontrak-i.
Skim Yang Dibiayai Kerajaan	Skim Jaminan Modal Kerja di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10)
Pengurusan Tunai	Perbankan Internet Korporat (e-Banker), Kemudahan Pindahan Automatik, Kemudahan Pembayaran Bil, Penzahiran Bil/Fid dan Penyelesaian e-Dagang.

Seperti juga Perbankan Peribadi, pelbagai produk dan perkhidmatan turut ditawarkan oleh BIMB dalam Perbankan Perniagaan. Antaranya ialah perkhidmatan Pembiayaan Dagangan yang mengandungi produk Surat Kredit-i, Pembiayaan Modal Kerja Dagangan-i, Bil Penerimaan-i, Bil Pertukaran Belian-i, Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i, Jaminan Perkapalan-i, Jaminan Bank-i, Surat Kredit Tunggu Sedia-i, Bil-Bil Pungutan-i, Surat Kredit Masuk-i, Surat Kredit Pindahan-i.⁶²

Selain itu, BIMB juga menawarkan perkhidmatan Pembiayaan Berasaskan Aset yang mengandungi produk-produk seperti Sewa Beli-i, Pajakan-i, Pembiayaan Harta Kelengkapan dan Komersial-i, Pembiayaan/Titian Projek (Istisna'), Pembiayaan Perniagaan-i (Pembiayaan Berjangka Bagi Keperluan Modal Kerja), Kemudahan Aliran

⁶² <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-perniagaan/trade-financing/>, 18 April 2016

Tunai Perniagaan-i (Tawarruq), Kemudahan Pembiayaan Kredit Berputar-i (Tawarruq).⁶³

Dalam pada itu, di bawah Perbankan Perniagaan ini juga, BIMB turut menawarkan perkhidmatan perbendaharaan. Di dalam perkhidmatan perbendaharaan ini terdapat beberapa tawaran perkhidmatan dan produk yang disediakan seperti Produk Deposit. Antara Produk Deposit yang ditawarkan ialah Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC). Selain itu, BIMB juga ada menawarkan produk pelaburan di bawah Perbankan Perniagaan ini. Antara produk pelaburan yang diklasifikasikan sebagai jualan langsung berteraskan Islam ini termasuklah Sijil Pelaburan Kerajaan dan Nota Islam Bank Negara, Sekuriti Hutang Islam (IPDS), Sekuriti Hutang Komersial (ICP), Bil Penerimaan – Islam (AB-i) (Bank Islam dan bank lain).⁶⁴

Dalam pada itu, BIMB juga turut menawarkan Perbankan Pelaburan Korporat Bank Islam (CIB) kepada para pelanggannya. Antara lain peranan BIMB di bawah produk Perbankan Pelaburan Korporat ini adalah memberi khidmat nasihat projek dan pembiayaan. Selain itu, BIMB juga menawarkan perkhidmatan dalam penstrukturan semula korporat dan hutang. Antara khidmat nasihat yang ditawarkan menerusi CIB ini ialah khidmat nasihat yang berkaitan Sekuriti Islam atau Sukuk, pembiayaan korporat, pembiayaan bersindiket, pengambilalihan, penggabungan, pemerolehan dan pemberhentian pelaburan, khidmat nasihat am korporat, Tawaran Awam Awal (IPO), dan Tawaran Peringkat Kedua.⁶⁵

⁶³ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-perniagaan/pembiayaan-berasaskan-asset/>, 18 April 2016

⁶⁴ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-perniagaan/perkhidmatan-perbendaharaan/>, 18 April 2016

⁶⁵ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-perniagaan/perbankan-pelaburan-korporat/>, 18 April 2016

Selain itu, BIMB juga turut menawarkan program-program pembiayaan termasuklah Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Al-Ansar, Pembiayaan Premis Perniagaan, Pembiayaan Perolehan dan Kontrak-i. Di bawah program A-Ansar yang turut mendapat kerjasama Tabung Haji, ianya menawarkan Pembiayaan Perniagaan-i (Tawarruq) dan Ijarah Thumma Bai-i. Manakala pembiayaan premis perniagaan pula ditawarkan kepada semua jenis perniagaan yang mempunyai pelbagai insentif menarik seperti tiada yuran pemprosesan, tiada yuran komitmen ke atas jumlah Islamic Overdraft-i (kemudahan mudah tunai) yang tidak digunakan dan rebat ke atas perbezaan di antara kadar maksimum dan kadar efektif. Tambahan lagi, margin pembiayaan adalah sehingga 150 peratus dari nilai pasaran terbuka atau perjanjian jual beli (mana-mana yang terendah) dan tempoh pembiayaan sehingga 20 tahun. Dalam pada itu, BIMB juga menawarkan Pembiayaan Perolehan dan Kontrak-i yang menawarkan kemudahan pembiayaan perdagangan bagi keperluan kontrak, kemudahan Mudah Tunai-i bagi membiayai perbelanjaan asas, pentadbiran dan bayaran upah sub-kontrak serta jaminan Bank-i bagi pengeluaran Jaminan Prestasi, Bayaran Pendahuluan dan Tender.⁶⁶

Di samping itu, termasuk juga di dalam *muhtasab fih* ialah segala tindakan atau tatakelola yang berkaitan dengan perjanjian, borang, dan dokumen terma dan syarat yang diuruskan oleh BIMB. Antara contohnya ialah perjanjian pembiayaan peribadi, perjanjian pembiayaan perumahan, perjanjian pembiayaan kenderaan dan sebagainya. Selain itu, sistem teknologi maklumat yang berkaitan dengan pengiraan, formula, nisbah keuntungan dan sebagainya juga adalah antara yang di audit atau termasuk di dalam *muhtasab fih*.⁶⁷

⁶⁶ <http://www.bankislam.com.my/home/ms/perbankan-perniagaan/program-pembiayaan/>, 18 April 2016

⁶⁷ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan, Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

Semua produk, perkhidmatan, perjanjian dan sistem teknologi maklumat yang dinyatakan di atas adalah berkaitan *muhtasab fih* dan mempunyai risiko ketidakpatuhan Syariah.⁶⁸ Di sinilah fungsi Unit Audit Syariah untuk melaksanakan audit agar semua kontrak, akad, dan sebagainya dilaksanakan mengikut kehendak syarak . Menurut Cik Norrulhuda Kulop Alang yang bertanggungjawab terhadap operasi audit Syariah di BIMB, adalah menjadi objektif utama BIMB agar semua operasinya memenuhi keperluan Syariah seperti yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan MPS BIMB.⁶⁹

3.4.2.2. Kaedah Pengurusan Berkaitan *Muhtasab Fih* di BIMB.

Dalam menguruskan *muhtasab fih* terutamanya produk dan perkhidmatan, pengeluar produk atau perkhidmatan akan menjalankan kajian bersama dengan Unit Kajian dan Nasihat di Bahagian Syariah. Kerjasama dengan unit ini adalah penting agar segala perkara yang berkaitan dengan Syariah akan mendapat nasihat terus daripada unit ini dan dapat mengelakkan ketidakpatuhan Syariah daripada berlaku .⁷⁰

Selepas sesuatu produk atau perkhidmatan itu berjaya dibangunkan, maka ianya perlu mendapat kelulusan daripada pihak atasan bank sebelum ianya ditawarkan kepada pengguna. Antara pihak yang bertanggungjawab untuk meluluskan sesuatu produk dan perkhidmatan ialah pihak pengurusan bank, lembaga pengarah, MPS BIMB dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (jika perlu).⁷¹

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalam merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

⁷⁰ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

⁷¹ *Ibid.*

Apabila berjaya mendapat kelulusan daripada pihak-pihak tersebut, maka langkah seterusnya ialah membangunkan sistem, menyediakan dokumen yang berkaitan termasuklah dokumen perundangan dan sebagainya. Setelah itu, barulah produk dan perkhidmatan tersebut boleh ditawarkan kepada pengguna bank.⁷²

3.4.2.3. Praktikal Audit Syariah Terhadap *Muhtasab Fih* di BIMB

Secara praktikalnya, pelaksanaan audit Syariah terhadap *muhtasab fih* di BIMB adalah mengikut proses audit Syariah yang telah dijelaskan sebelum ini iaitu akan melalui empat proses utama iaitu perancangan, pelaksanaan, laporan dan susulan.

Dari aspek teknikal dalam melakukan audit, kedua-dua unit iaitu Unit Audit Syariah dan Unit Semakan Syariah wajib mempunyai Pelan Audit Syariah bagi memastikan segala yang di audit mencapai objektif dalam memastikan *muhtasab fih* sentiasa mematuhi Syariah. Sekiranya terdapat isu ketidakpatuhan Syariah di dalam *muhtasab fih*, BIMB perlu mematuhi segala apa yang ditetapkan oleh BNM iaitu perlu menghantar laporan ke BNM dalam masa tiga hari dan perlu ada pelan pembetulan dalam masa 30 hari.⁷³

3.4.3. Pelaksanaan Menerusi *Muhtasab 'Alaih*.

Muhtasab 'alaih ialah orang atau pihak yang disuruh mengerjakan perkara yang makruf dan meninggalkan perkara yang mungkar. Dalam konteks BIMB, *muhtasab 'alaih* adalah lebih menjurus kepada kakitangan bank yang terlibat di dalam operasi dan aktiviti BIMB terutamanya pengeluar produk dan perkhidmatan serta kakitangan yang

⁷² *Ibid.*

⁷³ Cik Norrullhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

melaksanakan operasi produk dan perkhidmatan tersebut. *Muhtasab 'alaih* akan terlibat dalam audit Syariah yang mana mereka akan diaudit dari segi menjalankan operasi, penjualan produk dan sebagainya sama ada tugas mereka patuh Syariah ataupun sebaliknya.⁷⁴

3.4.3.1. Pembahagian *Muhtasab 'Alaih* di BIMB.

Secara khususnya, *muhtasab 'alaih* di BIMB boleh di kategorikan kepada tiga kelompok utama iaitu:

- i. *Muhtasab 'Alaih* di bahagian Perbankan Peribadi.

Muhtasab 'alaih di bahagian Perbankan Peribadi adalah pengeluar dan pemilik enam produk utama iaitu Produk Deposit dan Pelaburan, Kad-i Bank Islam, Pembiayaan Rumah-i, Pembiayaan Peribadi-i dan Aliran Tunai, Pembiayaan Kenderaan-i dan Pengurusan Kekayaan dan Bancatakaful.⁷⁵

- ii. *Muhtasab 'Alaih* di bahagian Perbankan Perniagaan.

Muhtasab 'alaih di bahagian Perbankan Perniagaan pula adalah pemilik dan pengeluar lima produk utama iaitu Pembiayaan Perdagangan, Pembiayaan Berasaskan Aset, Perkhidmatan Perbendaharaan, Perbankan Pelaburan Korporat dan Pengurusan Tunai.⁷⁶

⁷⁴ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan, Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad) dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ *Ibid.*

- iii. *Muhtasab 'Alaih* di kaunter hadapan.

Muhtasab 'alaih yang bertugas di kaunter hadapan pula bukanlah pemilik dan pengeluar produk-produk yang di sebutkan di atas. Mereka adalah kakitangan bank yang bertugas dalam menawarkan produk-produk tersebut kepada pelanggan bank yang datang berurusan dengan bank. Dalam konteks audit Syariah, mereka juga akan diaudit dari segi tugas yang dijalankan sama ada mengikut prosedur operasi standard pematuhan Syariah yang ditetapkan oleh Bahagian Syariah BIMB atau BNM.⁷⁷

3.4.3.2. Program Pembangunan *Muhtasab 'Alaih*.

Secara dasarnya, semua *muhtasab 'alaih* BIMB perlu menghadiri kursus dua hari berkerja setiap tahun. Di dalam kursus inilah akan diterangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mu'amalat dan sebagainya. BIMB mempunyai cita-cita untuk menjadikan kakitangannya mereka yang layak dan bertauliah dalam kewangan Islam. Antara usaha yang dilakukan termasuklah menghantarkan kakitangannya untuk dilatih tentang kewangan Islam oleh agensi-agensi seperti IBFIM dan sebagainya.⁷⁸

Antara program-program yang pernah dilaksanakan oleh BIMB untuk memperkasakan para *muhtasab 'alaih* nya ialah:

⁷⁷ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

⁷⁸ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

A) Kursus kepimpinan dan latihan perbankan.

Kepimpinan berkesan merupakan aset penting dalam pentadbiran institusi perbankan Islam seperti Bank Islam. Dalam usaha membangunkan kemahiran memimpin, BIMB telah mendedahkan kursus kepimpinan kepada kakitangan pengurusan kanannya menerusi kursus-kursus seperti *'Leadership Development Programme – Higher Performer Leadership Development Programme and Leadership for Sustainable Growth'* yang dianjurkan oleh *International Centre for Leadership in Finance (ICLIF)*, *'Great Leaders – Great Teams – Great Results'* oleh Franklin Covey dan *'Passion for Extraordinary'* oleh Lawrence Walters Seminars. Di samping itu, barisan pengurusan kanan ini juga terlibat dengan beberapa lagi program latihan bertaraf antarabangsa seperti *'Strategy Based Performance Management'*, *'The Johannes Brahms Client Training Programme'*, *'Premier Business Leadership Series'* dan *Economic Capital Modelling'*.⁷⁹

Manakala pada tahun 2011 pula, BIMB membelanjakan sebanyak RM7.16 juta untuk pelbagai program latihan dengan penumpuan kepada penerapan budaya kerja berprestasi tinggi yang melibatkan seramai 11,580 orang peserta bagi kursus kepimpinan manakala 752 orang kakitangan pula telah dihantar ke luar negara untuk menghadiri pelbagai program latihan di sana. Dalam pada itu, BIMB juga turut menganjurkan 'Bengkel Strategi Kepimpinan Kanan: Kepimpinan Berteraskan Prestasi' sebagai salah satu program pembangunan kepimpinan BIMB yang dikendalikan oleh *International Centre for Leadership in Finance (ICLIF)*.⁸⁰

⁷⁹ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2010* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2010), 172

⁸⁰ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2011* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2011), 181

Komitmen tinggi BIMB dalam program latihan kepimpinan diteruskan lagi pada tahun 2012 apabila turut menganjurkan Bengkel Wilayah dan Bengkel Operasi seluruh negara yang bermatlamat memberi kemahiran baharu dan melatih semula kakitangan barisan hadapan dan pengurus pekhidmatan perbankan di semua wilayah.⁸¹

BIMB terus memperkasakan lagi program latihan kepimpinannya pada tahun 2013 apabila perlbagai program telah dilaksanakan pada tahun tersebut. Antara program-program tersebut ialah Program Pembangunan Kepimpinan melalui INSEAD dan ICLIF, Program Pembangunan Perbankan Syariah, Program Pembangunan Pengurus Perkhidmatan Perbankan, Program Kepimpinan Mikro Kewangan AIF di samping mewujudkan perkongsian strategik dengan penyedia latihan yang diiktiraf termasuklah INSEAD, ICLIF, Institut Pengurusan Malaysia (MIM), dan Institut Kewangan Islam Malaysia (IBFIM).⁸²

Manakala pada tahun 2014 pula, BIMB telah melaksanakan 'Program Mengekalkan Kecemerlangan Perkhidmatan Bank' (*The Bank's Sustaining Service Excellence Programme*). Ianya telah dilaksanakan melalui prosedur yang begitu terancang iaitu bermula dengan penubuhan jawatankuasa, mengadakan bengkel dan latihan tentang pelan pembangunan, hala tuju, peranan dan tanggungjawab, proses pembangunan dan pensijilan jurulatih dalaman sehinggalah ke tahap melatih semua kakitangan tentang modul yang diperlukan.⁸³

⁸¹ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2012* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2012), 186

⁸² Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2013* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2013), 142

⁸³ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2014* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2014), 141

B) Membangunkan modul perbankan Islam.

Selain daripada kursus-kursus kepimpinan dan latihan, BIMB juga telah membangunkan satu modul perbankan Islam yang dinamakan '*Hijrah To Excel*' (H2E). Modul ini merangkumi perkembangan terkini yang meliputi kontrak Syariah dan juga isu-isu kritikal mu'āmalat dengan menekankan Al-Qurān dan sunnah Rasulullah S.A.W dalam berurusan dengan pelanggan dan pemegang saham. Program ini diklasifikasikan sebagai kursus ulangan atau usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan tentang kewangan Islam dan ianya telah dilaksanakan ke seluruh cawangan Bank Islam.⁸⁴

Pada tahun 2012, BIMB terus memperkasakan pelan H2E ini ke arah mencapai kecemerlangan operasinya. Bagi mencapai hasrat tersebut, BIMB antara lainnya telah berusaha meningkatkan keberkesanan operasi dan memupuk budaya kecemerlangan perkhidmatan yang menyokong pertumbuhan.⁸⁵

C) Kursus-kursus pensijilan profesional.

Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan kakitangannya dalam kerjaya perbankan, BIMB telah menaja pelbagai program pensijilan seperti '*Certified Credit Professional*' di mana kakitangan akan diberikan insentif setelah berjaya memperolehi kelayakan yang berkaitan dengan kerja tertentu. Di samping itu, BIMB juga berkerjasama dengan *International Centre for Educational in Islamic Finance* (INCIEF), *Institute of Bankers Malaysia* (IBBM) dan institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dalam menawarkan ruang dan peluang kepada kakitangannya untuk turut

⁸⁴ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2010* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2010), 172

⁸⁵ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2012* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2012), 186

serta dalam mengikuti kursus-kursus pensijilan profesional serta program latihan dalam bidang kewangan Islam dan kewangan umum.⁸⁶

Dalam menyediakan program latihan yang berkualiti tinggi juga, pada tahun 2011, BIMB telah berkerjasama dengan badan profesional seperti Institut Jurubank Malaysia dan Institut Juruaudit Dalam Malaysia yang turut menyediakan kursus pensijilan profesional dan pengurusan.⁸⁷

D) Program latihan sambil berkerja.

Bagi meningkatkan lagi kecekapan kakitangannya, BIMB telah mengambil pelbagai pendekatan daripada latihan dalam dan luar kelas. Pendekatan ini disokong oleh program latihan sambil bekerja yang dilaksanakan untuk kakitangannya. Langkah ini diambil adalah untuk memastikan kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian dapat diberikan dan dikekalkan seterusnya ianya akan digunakan sebagai salah satu kriteria bagi kenaikan pangkat.⁸⁸

E) Program induksi untuk pengambilan baru.

Program induksi untuk kakitangan baru begitu penting bagi BIMB kerana pelbagai perkara terutamanya berkenaan dengan sistem perbankan Islam yang perlu didedahkan kepada mereka untuk difahami dan dihayati. Dengan lain perkataan, program induksi ini merupakan medan terbaik bagi membolehkan kakitangan-kakitangan baru mempelajari dan mengenali organisasi dengan lebih mendalam dan memahami fungsi serta peranan

⁸⁶ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2010* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2010), 172

⁸⁷ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2011* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2011), 181

⁸⁸ *Op.cit.*, 172

unit di mana mereka ditempatkan. Di samping itu, program ini juga penting bagi kakitangan baru untuk mengetahui perbezaan dari segi asas operasi, produk dan aspek-aspek lain antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Dalam pada itu, program induksi ini juga penting untuk merapatkan *ukhuwwah* sesama kakitangan BIMB.⁸⁹

3.4.3.3. Praktikal audit Syariah terhadap *Muhtasab 'Alaih* di BIMB.

Pelaksanaan audit Syariah terhadap *muhtasab 'alaih* di BIMB melibatkan dua kelompok sasaran utama iaitu pengeluar produk atau perkhidmatan dan kakitangan kaunter yang bertanggungjawab menjalankan tugas dalam menawarkan produk dan perkhidmatan tersebut secara langsung kepada pelanggan.

Pengeluar produk dan perkhidmatan akan diaudit bermula daripada proses sesuatu produk dan perkhidmatan itu dibangunkan. Segala prosedur dalam membangunkan produk perlulah melalui standard prosedur yang telah ditetapkan. Sekiranya sesuatu produk itu ditawarkan tanpa merujuk kepada Jabatan Nasihat dan Kajian terlebih dahulu, maka tindakan tersebut menyalahi standard prosedur BIMB dan berkemungkinan akan wujud isu Syariah terhadap produk tersebut. Oleh sebab itulah, kerjasama antara pengeluar produk dan Jabatan Nasihat dan Kajian diperlukan agar tidak wujud kesangsian atau pelanggaran Syariah terhadap sesuatu produk yang di tawarkan.⁹⁰

Kakitangan bank terutamanya yang terlibat secara langsung dalam menawarkan produk kepada pelanggan akan diaudit dari pelbagai aspek termasuklah cara mereka

⁸⁹ *Ibid.*, 173

⁹⁰ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalam merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

melakukan akad terhadap sesuatu produk, cara mereka melaksanakan tugas dalam menawarkan produk perbankan dan sebagainya.⁹¹

Pelbagai teknik dan cara yang digunakan oleh *muhtasib* dalam melakukan audit Syariah terhadap kakitangan tersebut seperti yang diterangkan sebelum ini. Antaranya ialah dengan menemubual mereka, memeriksa dokumen yang berkaitan dengan tugas mereka, memerhati cara mereka melakukan penawaran produk dan sebagainya.⁹²

3.4.4. Pelaksanaan Menerusi *Nafs al-Ihtisab*.

Menurut al-Ghazālī, *nafs al-ihtisab* ialah tindakan yang diambil oleh *muhtasib* dan dikenakan ke atas pelanggar syarak secara berperingkat-peringkat bermula dengan tindakan memberi nasihat secara lembut hinggalah kepada tindakan dengan kekerasan.⁹³

Dalam konteks pelaksanaan audit Syariah di BIMB, sebelum *ihtisab* dilaksanakan, ianya perlu melalui proses yang berperingkat-peringkat bermula daripada isu pelanggaran yang dikenalpasti oleh Bahagian Syariah setelah mendapat laporan daripada aktiviti audit yang dilakukan oleh Unit Audit Syariah.⁹⁴

Tindakan tersebut boleh dilihat dengan jelas melalui *ihtisab* terhadap kes ketidakpatuhan Syariah, *ihtisab* terhadap jabatan yang terlibat dengan kes ketidakpatuhan Syariah dan *ihtisab* terhadap kakitangan.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² *Ibid.*

⁹³ Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 257

⁹⁴ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

3.4.4.1. ***Ihtisab* terhadap Kes Ketidakpatuhan Syariah**

Sekiranya MPS sudah memutuskan bahawa wujud pelanggaran Syariah atau kes ketidakpatuhan Syariah terhadap produk atau perkhidmatan yang dijalankan, maka kes tersebut akan dikendalikan mengikut peringkat-peringkat yang ditentukan oleh BNM sehingga kes ketidakpatuhan tersebut tidak akan berulang.⁹⁵

- i. Peringkat pertama ialah kes ketidakpatuhan Syariah tersebut mestilah dilaporkan kepada BNM dalam masa tiga hari selepas MPS BIMB memutuskan ianya melanggar syarak.
- ii. Peringkat kedua ialah BIMB mestilah menyediakan pelan pembetulan terhadap kes ketidakpatuhan Syariah tersebut dalam masa 30 hari daripada ianya dikenalpasti oleh MPS.
- iii. Peringkat ketiga ialah peringkat pemantauan terhadap pelan pembetulan tersebut. Pemantauan adalah perlu bagi memastikan pelan pembetulan berjalan seperti yang dirancang dan kes ketidakpatuhan tersebut tidak akan berulang.

3.4.4.2. ***Ihtisab* terhadap Jabatan yang Terlibat Dengan Isu Ketidakpatuhan Syariah**

Dalam pada itu, antara pelaksanaan *ihtisab* juga boleh dilihat dari segi tindakan yang dikenakan ke atas sesebuah jabatan adalah berpandukan temuan Syariah dikeluarkan oleh Unit Audit Syariah pada setiap sesi audit dijalankan. Setiap kali pelaksanaan audit baru Syariah hendak dilaksanakan, Unit Audit Syariah akan melihat

⁹⁵ *Ibid.*

kepada kadar penilaian audit terdahulu yang diberikan kepada bahagian atau jabatan yang hendak diaudit samada ianya berada di tahap baik, memuaskan, memerlukan penambahbaikan ataupun lemah. Sekiranya penilaian audit terdahulu adalah lemah, maka mereka akan diaudit sekali lagi dalam tempoh enam bulan. Manakala sekiranya berada di tahap memerlukan penambahbaikan, maka jabatan tersebut akan diberi notis untuk diaudit dalam tempoh setahun akan datang. Namun, sekiranya kadar penilaian audit terdahulu adalah memuaskan atau baik, mereka juga tidak terkecuali untuk diaudit tetapi akan melibatkan bidang audit yang lain pula. Semua tindakan *ihtisab* ini dilakukan adalah demi memastikan semua operasi BIMB berjalan selari dengan kehendak syarak.⁹⁶

3.4.4.3. *Ihtisab* terhadap Kakitangan

Dalam konteks BIMB, terdapat juga prosedur *ihtisab* terhadap kakitangannya yang sengaja melanggar Syariah atau cuai dalam melakukan tugasnya sehingga menyebabkan berlakunya isu pelanggaran Syariah. Antara contoh kecuai yang dilakukan semasa melakukan tugas ialah tersalah dalam memindahkan wang ke dalam akaun yang tidak berkenaan. Mereka akan dirujuk kepada kepada jawatankuasa disiplin BIMB dan akan terikat kepada matriks hukuman (*matrix of punishment*) BIMB iaitu:⁹⁷

- i. Surat peringatan
- ii. Surat amaran
- iii. Pemberhentian kenaikan gaji tahunan
- iv. Sekatan kenaikan pangkat
- v. Pemberhentian kerja

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2016.

Sekiranya seseorang kakitangan didapati bersalah dalam melanggar peraturan operasi bank yang berteraskan Syariah, maka mereka akan dikenakan tindakan mengikut matriks hukuman tersebut. Walau bagaimanapun, matriks hukuman tersebut bukanlah seratus-peratus menjadi ukuran kerana dan situasi tertentu Jawatankuasa Disiplin BIMB akan melihat kepada *'illah* atau pertimbangan-pertimbangan lain yang pada perkiraan mereka lebih sesuai dengan kes pelanggaran yang dilakukan.⁹⁸

3.5. Kesimpulan

BIMB dilihat amat serius dalam menjalankan operasinya supaya menepati amalan patuh Syariah. Sikap kebergantungan yang tinggi kepada MPS dan pewujudan Bahagian Syariah dalam organisasinya dilihat boleh menjadi contoh kepada institusi lain dalam menjalankan konsep *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy al-munkār* seperti yang dikehendaki dalam institusi *hisbah*.

Secara keseluruhannya, konsep *hisbah* dilihat digunakan oleh BIMB dalam operasi audit Syariahnya. Ianya dapat dilihat apabila elemen-elemen *hisbah* seperti *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs ihtisab* digunakan secara meluas di dalam operasi audit Syariah BIMB.

Muhtasib BIMB telah dipilih dari kalangan mereka yang mempunyai kelayakan yang diperlukan di dalam operasi audit Syariah di samping turut dibekalkan dengan pengetahuan terkini tentang perkembangan kewangan Islam yang memuncak maju. Dalam menjalankan operasi audit Syariah pula, mereka sentiasa membuat perancangan

⁹⁸ *Ibid.*

rapi melalui proses audit dan pelan audit Syariah yang dirangka agar operasi bank sentiasa patuh Syariah.

Muhtasab fih BIMB pula sentiasa diaudit agar penawarannya bebas daripada pelanggaran Syarak. Pelaksanaan audit Syariah terhadap *muhtasab fih* tersebut yang dilakukan oleh dua unit iaitu Unit Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah membuktikan bahawa BIMB serius dalam mendokong konsep *hisbah* iaitu *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an mungkar*. Kesungguhan audit Syariah yang dijalankan tersebut juga memberi mesej bahawa BIMB begitu bersungguh-sungguh dalam mengelakkan pelanggaran Syariah dalam tindakan penawaran *muhtasab fih* kepada pengguna.

Muhtasab 'alaih BIMB merupakan antara tonggak dalam menjayakan operasi yang patuh syarak. Pembangunan produk dan perkhidmatan yang banyak dan patuh syarak adalah penting bagi menjamin kestabilan operasi bank. Oleh yang demikian, *muhtasab 'alaih* juga tidak terlepas daripada di audit Syariah demi memastikan operasi mereka dalam membangunkan dan menawarkan produk sentiasa mematuhi Syariah.

Bagi memastikan BIMB sentiasa membuat tindakan pembetulan terhadap pelanggaran Syariah yang berlaku, maka langkah-langkah tertentu telah dirangka di bawah *ihtisab*. Ianya melibatkan tindakan tegas dan segera dikenakan ke atas terhadap kes-kes yang dikenal pasti melanggar syarak, jabatan yang mempunyai isu pelanggaran syarak dan kakitangan yang cuai atau sengaja dalam melakukan pelanggaran syarak semasa menjalankan tugas.

Dengan yang demikian, dapat dilihat dengan jelas bahawa pelaksanaan konsep *hisbah* yang berteraskan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada

kemungkarān digunakan dengan meluas di dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB melalui elemen-elemen *muḥtasib*, *muḥtasab fīh*, *muḥtasab ʿalaih* dan *naḥs iḥtisab*.

University of Malaya

BAB EMPAT: ANALISIS PELAKSANAAN KONSEP *HISBAH* DALAM PENTADBIRAN AUDIT SYARIAH DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

4.1. Pengenalan

Hisbah adalah tanggungjawab agama yang berasaskan kepada menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada berlakunya kemungkaran.¹ Paksi utama perjalanan *hisbah* adalah bersandarkan kepada dalil al-Quraan yang terkandung di dalamnya seruan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an munkar* tersebut. Antaranya ialah firman Allah S.W.T:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ
وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ آمَنُوا
بِهِ وَعَزَّوْهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

Surah al-A'rāf 7:157

Terjemahan: Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad S.A.W) nabi yang *ummi*, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji, dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan

¹ 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabib al-Māwardī al-Syafi'e, *Al-Ruṭbah fi Tolab al-Ḥisbah* (Al-Qaherah: Dar al-Risalah, 2002), 28

mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk, dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut *nūr* (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quraan), mereka itulah orang-orang yang berjaya.

Bersandarkan kepada dalil di atas, maka menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk melakukan gerak kerja *hisbah* yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W seterusnya diikuti oleh *khulafā' al-rāsyidīn* dan para khalifah seterusnya. Secara deduktifnya, berpandukan kepada dalil yang umum di atas, wujud institusi yang menjalankan pentadbiran berasaskan kepada menyuruh kepada kebaikan dan mencegah pada hari ini meneruskan legasi pentadbiran institusi *hisbah* tersebut dengan mengguna pakai elemen-elemen *hisbah* yang lebih bersifat khusus. Antara institusi tersebut ialah BIMB yang dilihat menjalankan pentadbiran audit Syariahnya berteraskan elemen-elemen yang wujud di dalam konsep *hisbah* iaitu *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab*.

Kewujudan SGF yang dikuatkuasakan oleh BNM pada tahun 2011 dilihat telah memperteguhkan lagi pelaksanaan konsep *hisbah* di dalam pentadbiran audit Syariah di institusi kewangan Islam (IKI) di Malaysia. Ini kerana, penggubalan kandungan SGF yang bertujuan memperkasakan tadbir urus IKI dilihat juga mengandungi perkaitan dengan elemen-elemen konsep *hisbah* di dalamnya iaitu *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab*. Seperti yang dibincangkan di dalam Bab Dua, elemen-elemen tersebut dapat dilihat menerusi kewujudan panel penasihat Syariah dan seksyen yang menjaga pematuhan Syariah yang terdiri daripada Semakan Syariah,

Audit Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Kajian Syariah. Maka bolehlah dikatakan bahawa SGF merupakan dokumen audit Syariah yang terkandung di dalamnya perkaitan elemen-elemen *hisbah*. Menurut Cik Norrulhuda Kulop Alang, Timbalan Pengurus Audit Dalaman (Pemangku Ketua Audit Syariah) BIMB, beliau bersetuju bahawa SGF adalah dokumen audit Syariah dan mesti dipatuhi segala yang digariskan di dalamnya.² Justeru, selain merujuk kepada konsep dan elemen-elemen utama sistem *hisbah*, penulis juga akan menjadikan SGF ini sebagai rujukan utama dalam menganalisis beberapa aspek kepatuhan BIMB terhadap Syariah.

Dalam bab ini, penulis akan membuat analisis pelaksanaan konsep *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB. Penumpuan akan diberikan kepada elemen-elemen *hisbah* di dalam pentadbiran audit Syariah BIMB seperti berikut:

- i. Analisis pelaksanaan audit Syariah menerusi elemen *muhtasib*.
- ii. Analisis pelaksanaan audit Syariah menerusi elemen *muhtasab fih*.
- iii. Analisis pelaksanaan audit Syariah menerusi elemen *muhtasab 'alaih*.
- iv. Analisis pelaksanaan audit Syariah menerusi elemen *nafs al-ihtisab*.

4.2. Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen *Muhtasib*.

Muhtasib difahami sebagai pegawai *hisbah* yang dilantik untuk menjaga syariat Islam agar sentiasa dipatuhi. Dalam konteks BIMB, *muhtasib* ialah pegawai Syariah yang dilantik untuk menjalankan tugas dalam memastikan segala operasi dan perkhidmatan bank dijalankan berteraskan pematuhan Syariah. Para *muhtasib* BIMB terdiri daripada mereka yang bertugas di Unit Audit Syariah, Bahagian Syariah dan

² Cik Norrulhuda Kulop Alang, Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

Majlis Pengawasan Syariah. Ketiga-tiga entiti ini memainkan peranan yang besar dalam memastikan segala aktiviti dan operasi BIMB patuh syarak dengan mengikut segala garis panduan Syariah yang ditetapkan oleh BNM dan BIMB sendiri. Pelantikan *muhtasib* oleh BIMB adalah berpandukan seperti yang digariskan oleh BNM menerusi SGF iaitu mereka yang dilantik adalah mahir dalam ilmu berkaitan Syariah. Namun, dalam menjalankan tugas pentadbiran audit Syariah, pakar-pakar dalam bidang tertentu boleh juga dilantik demi melancarkan pentadbiran audit tersebut selama mana ianya memenuhi objektif audit yang dilaksanakan.³

Dalam konteks bidangkuasa dan struktur pentadbiran, ianya berbeza mengikut entiti yang diwakili mereka seperti yang dijelaskan dengan agak terperinci di Bab Ketiga. Walaupun wujud perbezaan tersebut, namun tanggungjawab dalam menjaga pematuhan syarak tetap sama.

BIMB juga dilihat mengambil inisiatif memperkasakan para *muhtasibnya* dengan pelbagai langkah, program dan kursus seperti mempraktikkan sistem penggiliran antara jabatan di Bahagian Syariah sebagai 'on job training', menghantar para *muhtasib* ke Program Kelayakan dalam Perbankan dan Kewangan Islam seperti yang dianjurkan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia [*Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM)] iaitu *Intermediate Qualification in Islamic Finance* (IQIF) dan *Associate Qualification in Islamic Finance* (AQIF) dan menghantar para *muhtasibnya* untuk menghadiri kursus professional yang dikelolakan oleh *Asian Institute of Chartered Bankers* (AICB) iaitu *Certificate in Internal Auditing for Financial Institutions* (CIAFIN). Langkah ini dilihat antara usaha BIMB untuk

³ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 23

menyediakan para *muhtasib*nya yang mantap dan berpengetahuan tinggi dalam tugas mereka sebagai pelaksana pematuhan Syariah.

4.2.1. Analisis Dari Perspektif Konsep *Hisbah*

Muhtasib ialah seseorang yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas untuk menegakkan perkara-perkara makruf dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.⁴ Dalam konteks pentadbiran institusi kewangan, tindakan BIMB yang melantik para *muhtasib*nya secara khusus untuk menegakkan perkara yang makruf dan mencegah kemungkaran di dalam pentadbiran audit Syariahnya dilihat menyahut perintah Allah S.W.T iaitu:

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ فِي
الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾

Surah Āli ‘Imrān 3: 114

Terjemahan: Mereka beriman kepada Allah dan hari kiamat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebaikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh.

Dalam membicarakan tugas untuk menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah segala kemungkaran, Muḥammad ‘Alī al-Şābūnī mengatakan bahawa

⁴ Dr. Şubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad, *Al-Ḥisbah fi al-Islam: Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbīq* (Mesr: Dār al-Riyadh al-Şāliḥīn, 1993), 39

tugas rasmi *al-amr bi al-ma'rūf wa al-naḥyy al-munkar* bukanlah tugas semua manusia tetapi merupakan tugas segolongan umat Islam untuk menjalankan dakwah kepada Allah iaitu menyuruh kepada segala kebaikan dan mencegah daripada melakukan segala kejahatan.⁵ Manakala tafsiran Wahbah al-Zuhailī pula menyatakan bahawa menjadi suatu kewajipan ke atas umat Islam atau satu kumpulan atau jemaah yang tersusun untuk menjalankan kerja dakwah menyuruh kepada kebaikan, mencegah daripada kemungkaran, memelihara agama, menjaga hak-hak dan menegakkan keadilan.⁶ Menurut Sayyid Qutb pula, mesti wujud satu kelompok yang menjalankan kerja-kerja menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Menurut beliau, kelompok tersebut mestilah terdiri daripada mereka yang diberikan kuasa untuk menjalankan kerja dakwah tersebut.⁷ Justeru, tindakan BIMB dalam melantik para *muḥtasib* yang diberikan kuasa khas untuk menjaga pematuhan Syariah di dalam pentadbiran audit Syariahnya dilihat selari dengan firman Allah S.W.T di atas.

Muḥtasib yang diamanahkan sebagai seorang yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja *ḥisbah*, beliau mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu mukallaf, beriman, adil, mendapat perlantikan rasmi daripada pemerintah dan mampu dari segi fizikal untuk melaksanakan tanggungjawab *ḥisbah*. Sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat tersebut, maka seseorang itu tidak layak menjadi *muḥtasib*.⁸ Dalam konteks ini, BIMB dilihat memenuhi syarat ini apabila Lembaga Pengarah berperanan dalam melantik mereka yang berkelayakan untuk memikul tugas yang selari dengan *ḥisbah* iaitu menjaga syarak dalam perjalanan

⁵ Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwat al-Tafāsīr : Tafāsīr li al-Qurān al-Karīm* (Beirut: Dār al-Fikr, j.1, (1996), 201

⁶ Wahbah al-Zuhailī, *Al-Tafsīr al-Waṣīṭ*, (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, j. 1, 2001), 224

⁷ Sayyid Qutb, *Fi Zilāl al-Qurān* (Beirut: Dār al-Syurūq, j. 1, 1982), 444

⁸ Al-Imām Abī Ḥāmad Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 433

organisasinya. Berkenaan dengan pegawai yang berkelayakkan dalam menjalankan tugas dalam konteks institusi yang menjalankan gerak kerja *hisbah* seperti BIMB, Dr. ‘Abdullah Muḥammad ‘Abdullah dalam bukunya yang bertajuk *Wilāyah al-Ḥisbah fi al-Islām* menegaskan bahawa status kelayakan adalah penting agar maksud daripada pensyariat *hisbah* melaksanakan syariat itu tercapai.⁹

Selain itu, tindakan BIMB yang melantik pegawai Syariah yang memenuhi kriteria tertentu seperti mempunyai latar belakang dan kepakaran yang berbeza seperti kewangan Islam, Syariah dan fiqh dan usul fiqh yang bertanggungjawab terhadap tugas masing-masing iaitu Jabatan Semakan Syariah, Jabatan Nasihat dan Kajian, Jabatan Pematuhan dan Kawalan dan Jabatan Sekretriariat dan Perhubungan Awam¹⁰ dilihat amat bertepatan dengan konsep asas *hisbah* yang menekankan persoalan kelayakan dalam menyandang jawatan *muḥtasib*. Dalam membincangkan kelayakan seseorang pegawai *hisbah* atau *muḥtasib*, Dr. Şubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad menyatakan bahawa antara syarat utama dalam pemilihan *al-muḥtasib* ialah seseorang itu mestilah *mukallaf*, beriman, dan berupaya dalam menjalankan tugas. Manakala mana-mana mereka yang gila, belum baligh, lemah tubuh badan dan kafir tidak layak sama sekali untuk menjadi *al-muḥtasib*. Di samping itu, menurut Dr. Şubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad juga, seseorang *al-muḥtasib* yang hendak dilantik juga mestilah seorang yang merdeka, adil, tegas dan keras dalam agama serta mempunyai ilmu dalam perkara-perkara mungkar yang zahir. Tambahan lagi, seseorang *al-muḥtasib* juga wajib berstatus ‘merdeka’ untuk membolehkannya berkuasa dalam menjalankan kerja-kerja menyuruh kebaikan. Seseorang *al-muḥtasib* juga mestilah adil dan berilmu demi

⁹ Dr. ‘Abdullah Muḥammad ‘Abdullah, *Wilāyah al-Ḥisbah fi al-Islām* (Kaherah: Maktabah al Zahrā’, 1996), 137

¹⁰ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 9 November 2016.

memudahkannya dalam mengeluarkan hukuman kepada mereka yang melakukan perkara-perkara yang ditegah.¹¹

Dalam pada itu, seseorang *al-muhtasib* juga mestilah mempunyai sahsiah atau keperibadian yang tinggi.¹² Menurut Dr. Şubhī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad, sifat keperibadian ini penting demi untuk memastikan seseorang *al-muhtasib* yang dilantik itu dapat mengelakkan diri dari menerima rasuah ataupun menggunakan harta awam dengan cara yang salah. Di samping itu, dengan memiliki sifat keperibadian yang unggul, ianya boleh dijadikan contoh kepada masyarakat awam untuk berkelakuan baik dan terpuji.¹³ Dalam pemilihan para pegawai Syariah di BIMB, antara kriteria utama selain daripada memiliki kepakaran di dalam bidang akademik ialah memiliki sahsiah yang baik dan terpuji.¹⁴ Justeru, tindakan BIMB yang turut mengutamakan keunggulan sahsiah diri pegawai Syariahnya dilihat selari dengan apa yang digariskan oleh Dr. Şubhī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad di atas.

Sementara itu, ‘Ali bin Muḥammad bin Ḥabib al-Māwardī al-Syafi‘e berpendapat bahawa seseorang *al-muhtasib* mestilah terdiri daripada mereka yang arif tentang hal-ehwal masyarakat. Ini adalah untuk menjamin segala usaha yang dilakukan yang berkaitan dengan *al-amr bi al-ma‘ruf wa al-nahy ‘an al-munkar* akan berjaya andai kata seseorang *al-muhtasib* tidak jahil tentang ilmu kemasyarakatan.¹⁵ Usaha BIMB dalam membantu masyarakat yang turut melibatkan para *muhtasibnya* seperti menyalurkan bantuan daripada Tabung Ehsan kepada Program Perumahan Rakyat

¹¹ Dr. Şubhī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad, *Al-Ḥisbah fi al-Islam: Baina al-Nazariyyat wa al-Tatbīq* (Mesr: Dar al-Riyadh al-Şāliḥīn, 1993), 39

¹² Dr. Khalid Khalīl al-Zāhir *et.al.*, *Nizām al-Ḥisbah : Dirāsāt fi al-Idārah al-Iqtisādiyyat li al-Mujtama‘ al-‘Arabī al-Islāmī* (Amman: Dār al-Maṣīrah, 1997), 100

¹³ *Op.cit.*, 39

¹⁴ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

¹⁵ ‘Ali bin Muḥammad bin Ḥabib al-Māwardī al-Syafi‘e, *Al-Ruḥbah fi Tolab al-Ḥisbah* (Al-Qaherah: Dar al-Risalah, 2002), 38

Termiskin di Kelantan dan Terengganu, mewujudkan tabung kebajikan yang dikenali Tabung Kebajikan dan sebagainya¹⁶ dilihat sebagai indikasi jelas bahawa mereka arif tentang hal-ehwal masyarakat. Dalam konteks menjalankan tugas semakan atau audit Syariah seperti yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah BIMB, ianya dilihat sebagai penerus kepada usaha gerak kerja *hisbah* seperti yang pernah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Sebagai contohnya, jika ditinjau tentang amalan semakan pelaksanaan amalan *hisbah* ini di zaman Rasulullah S.A.W, baginda pernah melantik Sa'īd bin al-Āṣ di Makkah dan 'Umar bin al-Khaṭṭāb di pasar Madinah. Begitu juga apa yang dilakukan oleh para *al-khulafā' al-rāsyidīn*. Pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar, baginda mengambil inisiatif untuk membuat semakan sendiri terhadap pusat-pusat perniagaan dan jalan-jalan dalam usaha memastikan prinsip *hisbah* terlaksana. Sikap prihatin dan teliti Saidina Abu Bakar diteruskan oleh Khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Khalifah, Khalifah 'Uthman dan Khalifah 'Ali. Mereka terus mempertahankan prinsip *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* ini dengan terus memastikan sistem mu'āmalah masyarakat subur dengan amalan yang tidak bercanggah dengan Islam.¹⁷

Dalam konteks memberi nasihat seperti yang dijalankan oleh Jabatan Nasihat dan Kajian BIMB, ianya juga bertepatan dengan apa yang disarankan oleh al-Ghazālī. Menurut Imam al-Ghazālī, dalam usaha untuk mengelakkan daripada berlakunya pelanggaran Syariah, memberi nasihat dan penerangan dengan penuh kasih sayang adalah penting. Di samping nasihat, menanam perasaan takut akan seksaan Allah terhadap apa jua maksiat yang dilakukan adalah antara tugas utama para pegawai

¹⁶ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2008* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2008), 67

¹⁷ Sa'ad bin 'Abdulah bin Sa'ad al-'Arīfī, *Al-Ḥisbah wa al-Niyabah al-'Āmah: Dirāsah Muqāranah*, (Riyadh: Dār al-Rusyd, 1987), 70

institusi *hisbah* yang mesti dilaksanakan.¹⁸ Justeru, tindakan BIMB dalam menyediakan khidmat nasihat amat bertepatan juga dengan apa yang digariskan oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*.

Mengurus risiko kepatuhan Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Syariah BIMB dalam aspek komunikasi dan kesedaran, pengenalan dan penilaian, kawalan dan mitigasi dan laporan dan pengawasan adalah dilihat termasuk dalam peringkat *ta'āruf* yang digagaskan oleh Imam al-Ghazālī iaitu di peringkat *ta'āruf*. Di peringkat *ta'āruf* ini, perbuatan yang melanggar Syariah diperolehi daripada sumber yang betul dan bukan melalui intipan yang menurut Imam al-Ghazali ianya adalah salah.¹⁹ Di peringkat BIMB, maklumat yang diperolehi adalah melalui kaedah yang sistematik dan bukannya andaian semata-mata dan ianya dilihat sebagai memenuhi tuntutan dalam memartabatkan kaedah institusi *hisbah* sebagai badan yang anti kepada pelanggaran Syariah.

Mengendalikan aktiviti 'pelupusan' pendapatan tidak halal dalam bank yang dikendalikan oleh para *muhtasib* Jabatan Pengurusan Risiko Syariah BIMB ini juga dilihat telah memenuhi konsep asas *hisbah* itu sendiri iaitu berusaha sedaya upaya agar amalan baik dapat ditegakkan dan perkara mungkar dikekang daripada berlaku. Usaha dan tindakan Bank Islam seperti mengenalpasti sumber-sumber pendapatan yang tidak halal, menyiapkan laporan pendapatan tidak halal dan menyelia dan mengawasi status pendapatan tidak halal bank melalui jabatan tertentu dalam BIMB dilihat sebagai menepati tuntutan institusi *hisbah* dalam menyuruh kepada kebaikan dan mengekang segala kemungkaran. Tindakan ini juga selari dengan konsep yang dibawakan oleh beberapa cendekiawan Islam seperti al-Mawardī yang menegaskan konsep *hisbah*

¹⁸ Al-Imām Abī Hāmad Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 458

¹⁹ *Ibid.*, 457

sebagai menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran andai jelas ada kemungkaran yang dilakukan.²⁰ Begitu juga apa yang dibawakan oleh Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā' yang mengatakan bahawa ḥisbah sebagai menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran jika jelas wujud perbuatan ingkar terhadap keduanya.²¹ Manakala menurut Ḍhiau al-Din Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Zaid pula *ḥisbah* ditakrifkan sebagai menyuruh kepada perkara makruf jika jelas ada yang meninggalkannya dan mencegah daripada kemungkaran andai terdapat ada yang melakukannya serta membetulkan sesama manusia.²² Sahām Mustafa Abū Zaid pula menyatakan bahawa *ḥisbah* adalah tanggungjawab agama yang mana asasnya adalah menyuruh kepada yang makruf dan mencegah segala kemungkaran. Menurutnya lagi, apa yang dimaksudkan dengan amalan makruf ialah merangkumi segala percakapan, perbuatan dan bertujuan untuk kebaikan syarak, manakala kemungkaran pula merangkumi segala percakapan, perbuatan, dan bertujuan untuk merosakkan syarak.²³ Begitu juga konsep yang dibawakan oleh Subḥī 'Abd al-Mun'im Muḥammad menyatakan bahawa *ḥisbah* ialah menyuruh kepada amalan makruf apabila jelas ada yang meninggalkannya dan mencegah daripada segala kemungkaran sekiranya ada yang melakukannya.²⁴ Oleh yang demikian, langkah BIMB dalam mengendalikan pelupusan pendapatan yang tidak halal adalah suatu tindakan ḥisbah yang menepati dengan segala konsep ḥisbah yang dibawakan oleh para ulama di atas.

²⁰ Abī al-Ḥasan 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabib al-Baṣrī al-Baghdadī Al-Mawardī, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* (Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhu, 1966), 240

²¹ Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā', *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1983), 283

²² Ḍhiau al-Din Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Zaid, *Ma'ālim al-Qurbah fī Aḥkām al-Ḥisbah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 2001), 13

²³ Sahām Mustafa Abū Zaid, *Al-Ḥisbah fī Miṣr al-Islāmiyyah min al-Fath al-'Arābī ilā Nihāyah al-'Aṣr al-Mamlūkī*, (Kaherah, 1986), 43

²⁴ Subḥī 'Abd al-Mun'im Muḥammad, *Al-Ḥisbah fī al-Islām baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq* (Al-Fuyyūm Mesir: Dār al-Riyaḍ al-Sālihīn, 1993), 16

Dalam konteks memperkasakan para *muhtasib*, tindakan BIMB dalam menganjurkan program latihan dan kefahaman Syariah dilihat bertepatan dengan apa yang ditulis oleh Dr. ‘Abdullah Muḥammad ‘Abdullah dalam kitabnya *Wilāyat al-Ḥisbah fi al-Islām*. Menurut beliau, institusi *hisbah* mestilah diterajui oleh kakitangan yang benar-benar layak dan faham akan tanggungjawab mereka dalam menegakkan Syariah. Ini kerana institusi *hisbah* merupakan organisasi yang menjalankan tanggungjawab agama untuk menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran di samping menjaga masyarakat daripada sebarang penipuan oleh mereka yang berkepentingan.²⁵ Oleh yang demikian, tindakan BIMB tersebut dilihat sebagai suatu langkah pro-aktif dalam menyediakan barisan *muhtasib* yang faham akan tuntutan tugas mereka sebagai pendokong institusi *hisbah* yang patuh Syariah.

4.2.2. Analisis Dari Perspektif SGF.

Tindakan BIMB yang melantik *muhtasib* di Unit Audit Syariah yang terdiri daripada seorang berkelulusan fiqh dan usul dan seorang berkelulusan Syariah adalah selari dengan tuntutan Prinsip 7.8 SGF yang menyatakan bahawa juruaudit dalaman audit Syariah hendaklah mempunyai pengetahuan yang berkaitan dengan Syariah yang mencukupi di samping menghadiri latihan-latihan yang berkaitan.²⁶ Walaupun terdapat dua orang *muhtasib* yang bukan berlatarbelakangkan Syariah iaitu seorang berkelulusan teknologi maklumat dan seorang lagi berkelulusan akauntan bertauliah, namun amalan BIMB yang mewajibkan para kakitangannya menyertai latihan dan kursus berkaitan dengan kewangan Islam bolehlah dianggap memenuhi tuntutan Prinsip 7.8 SGF tersebut. Dari segi keperluan, sememangnya Unit Audit Syariah memerlukan *muhtasib*

²⁵ Dr. ‘Abdullah Muḥammad ‘Abdullah, *Wilāyat al-Ḥisbah fi al-Islām* (Kaherah: Maktabat al-Zahrā’, 1996), 137

²⁶ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 23

yang pakar dalam teknologi maklumat dan perakaunan dalam menjalankan kerja-kerja audit Syariah mereka terutamanya dalam perkara yang melibatkan audit produk perbankan yang melibatkan sistem teknologi maklumat.

Amalan BIMB yang melantik para *muhtasib* MPS yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam kewangan Islam adalah selari dengan kehendak Seksyen IV Prinsip 4.1 SGF yang menyatakan bahawa Jawatankuasa Syariah mestilah mempunyai pengetahuan yang cukup dalam kewangan Islam bagi membolehkan mereka memahami isu-isu Syariah yang dibawa kepada mereka. Pelantikan ahli-ahli MPS BIMB yang pakar juga menepati Prinsip 4.2 SGF yang menyatakan kecekapan dan kredibiliti Jawatankuasa Syariah akan menjamin operasi sesebuah institusi kewangan Islam (IKI) dipantau oleh bariasan mereka yang berkaliber dan layak.²⁷ Tindakan BIMB yang melantik lima orang ahli MPS yang majoritinya pakar dalam Syariah dilihat juga menepati Prinsip 2.3 SGF yang menyatakan bahawa pelantikan Jawatankuasa Syariah tidak kurang dari lima orang yang majoritinya mempunyai pengetahuan tinggi dalam Syariah. Secara keseluruhannya, tindakan BIMB yang melantik para *muhtasibnya* sebagai ahli-ahli MPS yang terdiri daripada Profesor Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang, Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri Salamon, Penolong Profesor Dr. Uzaimah Ibrahim, Ustaz Dr. Muhammad Syafii Antonio dan Dr. Yasmin Hanani Mohd. Safian adalah memenuhi syarat kelayakan yang diutarakan oleh SGF iaitu:²⁸

- i. Seseorang ahli Jawatankuasa Syariah yang hendak dilantik tersebut mestilah seorang Islam.
- ii. Ahli-ahli yang menganggotai Jawatankuasa Syariah mestilah majoritinya mempunyai sekurang-kurangnya ijazah pertama dalam pengajian Syariah

²⁷ *Ibid.*, 17

²⁸ *Ibid.*, 30

yang merangkumi pengajian *Usūl al-Fiqh* dan *Fiqh al-Mu‘āmalah* daripada universiti-universiti yang diiktiraf kerajaan.

- iii. Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah ini juga mestilah majoritinya mempunyai tahap penguasaan dan pengetahuan yang tinggi dalam Bahasa Arab sama ada pertuturan ataupun penulisan. Di samping itu, mereka juga hendaklah mempunyai pemahaman yang baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- iv. Jawatankuasa Syariah juga boleh dianggotai oleh mereka yang pakar dalam bidang-bidang lain yang diperlukan seperti kewangan dan undang-undang, namun bilangan mereka mestilah minoriti.
- v. Adalah menjadi kelebihan dan keutamaan andai Jawatankuasa Syariah mempunyai latarbelakang yang mantap seperti kelayakan yang bagus, pengalaman yang luas dan pengetahuan yang tinggi.

Manakala para *muhtasib* di Bahagian Syariah BIMB terdiri daripada mereka yang berkelulusan kewangan Islam, Syariah, fiqh dan usul fiqh yang bertanggungjawab ke atas beberapa jabatan utama iaitu Jabatan Semakan Syariah, Jabatan Nasihat dan Kajian dan Jabatan Pengurusan Risiko Syariah. Amalan BIMB yang mewujudkan sistem penggiliran jawatan antara *muhtasib* di Bahagian Syariah dilihat sebagai satu usaha bagi memantapkan pengetahuan mereka dalam pentadbiran Syariah seterusnya memantapkan aktiviti audit Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah. Pelantikan para *muhtasib* di jabatan-jabatan di bawah Bahagian Syariah BIMB ini dilihat antara lain menepati Prinsip 7.3 SGF yang menyatakan bahawa penilaian biasa atau tidak berkala sesebuah IKI mestilah dilakukan oleh barisan pegawai Syariah yang berkelayakan iaitu mereka yang mempunyai paling kurang ijazah pertama dalam

Syariah yang mengandungi pengajian usul fiqh dan fiqh muamalat.²⁹ Di samping itu, pelantikan barisan pegawai Syariah BIMB yang berkelayakan untuk jabatan kajian (Jabatan Nasihat dan Kajian) juga dilihat selari dengan Prinsip 7.22 SGF yang menyatakan bahawa ianya hendaklah dilakukan oleh pegawai Syariah yang berkelayakan.³⁰ Oleh yang demikian, amalan BIMB yang mementingkan para *muhtasib* yang berkelayakan dari segi Syariah dalam menjalankan tugas adalah memenuhi tuntutan SGF.

Bidangkuasa *muhtasib* di Unit Audit Syariah BIMB yang berperanan dalam membuat penilaian berkaitan keberkesanan fungsi pengawasan Syariah dan struktur laporan di BIMB, menyemak tahap pematuhan BIMB terhadap prinsip-prinsip Syariah, menilai keberkesanan kawalan-kawalan dalaman terhadap pengurusan risiko Syariah, memastikan proses pengurusan risiko Syariah dijalankan dengan berkesan, memastikan prosedur-prosedur aliran kerja dilaksanakan dengan betul bagi membolehkan penggunaan sumber-sumber dengan cekap dan memastikan ketepatan dalam melaporkan apa jua aktiviti dan transaksi tidak patuh Syariah dilihat memenuhi skop audit Syariah yang terkandung di dalam Prinsip 7.12 SGF yang menyatakan antara lain skop tugas audit Syariah merangkumi audit pematuhan terhadap struktur organisasi, kakitangan, proses dan pelaksanaan sistem teknologi maklumat di samping semakan terhadap kecukupan terhadap proses tadbir urus Syariah.³¹

Manakala bidang tugas para *muhtasib* di peringkat MPS yang berperanan dalam menasihati, menyemak laporan dan sebagainya seperti yang dijelaskan sebelum ini dilihat selari dengan Prinsip 2.7 SGF yang menyatakan antara lain Jawatankuasa Syariah bertanggungjawab terhadap semua keputusan, pandangan dan pendapat yang

²⁹ *Ibid.*, 22

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*, 24

berkaitan dengan Syariah agar operasi bank sentiasa selari dengan Syariah. Tindakan MPS BIMB yang sentiasa menyelia dan menyemak segala laporan semakan dan audit Syariah juga dilihat selari dengan Prinsip 2.8 SGF yang menyatakan bahawa Jawatankuasa Syariah diharapkan untuk berperanan dalam mengawasi perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah dalam operasi dan aktiviti perniagaan sesebuah institusi kewangan.³² Selain itu, peranan yang dimainkan oleh para *muhtasib* di peringkat MPS BIMB seperti menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan BIMB bagi memastikan operasi bank berjalan selari dengan tuntutan Syariah, memainkan peranan sebelum atau selepas sesuatu produk bank dibangunkan dan diluluskan, membincangkan cadangan-cadangan produk bagi memastikan pematuhannya kepada kehendak-kehendak Syariah, membincangkan laporan-laporan audit Syariah, semakan Syariah dan inisiatif-inisiatif pengurusan risiko Syariah yang kemudiannya menjadi asas kepada MPS dalam mengeluarkan laporan tahunan kepada semua pihak yang berkepentingan³³ dilihat selari dengan apa yang digariskan oleh SGF menerusi 'Appendix 4: Duties, Responsibilities & Accountability of the Shariah Committee' yang antara lain menyatakan bahawa Jawatankuasa Syariah berperanan dalam menasihati lembaga pengarah dan IKI, meluluskan segala polisi dan prosedur Syariah, menyokong dan mengesahkan dokumen-dokumen untuk patuh Syariah seperti borang, kontrak, perjanjian, manual produk dan sebagainya, membuat penilaian tugas yang dilakukan oleh Jabatan Semakan Syariah dan Unit Audit Syariah, membantu pihak berkepentingan dalam perkara yang berkaitan dengan Syariah dan memberi nasihat terhadap perkara-perkara yang dirujuk kepada mereka.³⁴

³² *Ibid.*, 11

³³ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 9 November 2016.

³⁴ *Op.cit.*, 34

Manakala bidang tugas *muhtasib* di Bahagian Syariah dilihat lebih besar lantaran mempunyai tiga jabatan utama yang mempunyai kaitan langsung dengan pentadbiran audit Syariah iaitu Jabatan Semakan Syariah, Jabatan Nasihat dan Kajian dan Jabatan Pengurusan Risiko Syariah.

Bagi Jabatan Semakan Syariah, tugas utama jabatan ini ialah melaksanakan aktiviti semakan Syariah secara tidak berkala. Antara proses semakan dan penilaian yang dijalankan adalah berpandukan langkah-langkah seperti perancangan, pengumpulan maklumat, pemprosesan data, tindakan susulan dan komunikasi tindak balas terhadap data atau hasil yang ditemui. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sumber yang dikenalpasti hasil aktiviti Semakan Syariah akan dipanjangkan dan dicadangkan kaedah dan cara untuk mengelakkannya berulang melalui kerjasama dengan Jabatan Pengurusan Risiko Syariah. Antara yang pernah terlibat di dalam aktiviti semakan Syariah ini ialah cawangan-cawangan BIMB, pejabat wilayah BIMB, pusat pemprosesan, pusat automobil, pusat pentadbiran dan jabatan-jabatan di ibu pejabat BIMB.³⁵

Jabatan Semakan Syariah ini boleh dinilai tahap kepatuhannya terhadap SGF melalui skop tugasnya yang khusus. Skop tugas khusus jabatan ini ialah melaksanakan aktiviti semakan Syariah supaya segala keputusan Syariah seiring dengan apa yang dilaksanakan disamping mengenalpasti tahap pematuhan terhadap Syariah di dalam bank. Mungkin wujud sedikit kesamaran tentang skop tugas jabatan ini yang seakan-akan menyamai skop tugas jabatan atau bahagian lain di dalam BIMB terutamanya dengan Unit Audit Syariah. Justifikasi perbezaannya ialah Jabatan Semakan Syariah melaksanakan aktiviti semakan Syariah secara berterusan dan tidak

³⁵ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

berkala manakala bagi Unit Audit Syariah pula skop tugasannya adalah bersifat berkala. Dengan lain perkataan, pegawai-pegawai dari Jabatan Semakan Syariah akan sentiasa melakukan semakan Syariah secara berterusan sama ada di cawangan-cawangan BIMB, pejabat wilayah, pusat pemrosesan dan sebagainya.³⁶

Dari perspektif SGF, tindakan melaksanakan aktiviti semakan Syariah secara tidak berkala iaitu secara berterusan ini dilihat memenuhi tuntutan Prinsip 7.3 dalam SGF itu sendiri iaitu:

*The Shariah review function refers to regular function assessment on Shariah compliance in the activities and operations of the IFI by qualified Shariah officer(s), with the objective of ensuring that the activities and operations carried out by the IFI do not contravene with the Shariah.*³⁷

Berdasarkan Prinsip 7.3 di atas, antara lain semakan Syariah mestilah dilakukan secara tidak berkala (*regular*) dan tindakan yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah BIMB dalam menjalankan semakan yang tidak berkala adalah menepati kehendak Prinsip 7.3 tersebut.

Di dalam Prinsip 7.3 di atas juga menekankan bahawa aktiviti semakan Syariah mestilah dilaksanakan oleh pegawai Syariah yang berkelayakan demi memastikan setiap aktiviti dan operasi sesebuah institusi kewangan Islam itu tidak bercanggah dengan Syariah. Menurut SGF, maksud pegawai syariah yang berkelayakan ialah mereka yang sekurang-kurangnya memegang Ijazah Sarjana Muda Syariah yang mengandungi pengajian *Uṣūl al-Fiqh* dan *Fiqh al-Mu'āmalat*.³⁸ Tuntutan ini memenuhi kriteria pegawai-pegawai di Bahagian Syariah BIMB yang menjalankan tugas semakan

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 22

³⁸ Lihat nota kaki dalam *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 22

Syariah ini yang memiliki kelulusan ijazah di dalam bidang Syariah, *Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh* dan pentadbiran *Mu'āmalat*.

Tindakan jabatan ini di dalam membuat semakan dan mencadangkan kaedah dan cara bagi mengelakkan sesuatu tindakan yang tidak menepati keputusan Syariah daripada berulang juga menepati Prinsip 7.4 SGF iaitu:

*The function involves the examination and evaluation of the IFI's level of compliance to the Shariah, remedial rectification measures to resolve non-compliance and control mechanism to avoid recurrences.*³⁹

Oleh yang demikian, Jabatan Semakan Syariah ini melalui tindakan yang menyemak tahap pematuhan Syariah seterusnya mencadangkan langkah perlu sekiranya terdapat ruang yang perlu diperbaiki amat memenuhi tuntutan Prinsip 7.4 di atas.

Dalam pada itu, proses semakan dan penilaian yang dilaksanakan oleh jabatan ini melalui beberapa langkah seperti perancangan, pengumpulan maklumat, pemprosesan data, tindakan susulan dan komunikasi tindak balas terhadap data atau hasil yang ditemui amat bertepatan dengan apa yang digariskan SGF menerusi Prinsip 7.6 iaitu:

The review process shall cover, but not limited to, the following:
(i) planning the review program which includes the objectives, scope, reporting, rectification and follow-up actions followed by the execution of the program;
(ii) documentation of the processes involved in the review;
(iii) communicating the outcome of the review and highlighting any compliances to the Shariah Committee and the management; and
*(iv) rectifying any instances of non-compliance with the Shariah to prevent such events from recurring.*⁴⁰

³⁹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 22

⁴⁰ *Ibid.*, 23

Justeru, tindakan Jabatan Semakan Syariah ini dalam merancang program semakan Syariah, mengumpulkan maklumat, menyampaikan maklumat hasil daripada aktiviti semakan ke pihak atasan dan sebagainya adalah menepati tuntutan Prinsip 7.6 di atas.

Bagi Jabatan Nasihat dan Kajian pula, ianya berperanan dalam aktiviti pembinaan produk-produk baru, variasi produk, penilaian dan semakan ke atas dokumen undang-undang dan manual, termasuklah menyertai latihan berkenaan sesuatu produk. Di samping itu, ianya juga berperanan memberi nasihat berkenaan isu-isu yang wujud dari aktiviti harian bank serta menjalankan kajian ke atas isu berkaitan. Antara tugas lain jabatan ini ialah terlibat dalam aktiviti penilaian atau semakan dokumen produk sedia ada berdasarkan permohonan Unit Perniagaan dan Sokongan, menguruskan mesyuarat MPS BIMB dan Jawatankuasa Zakat, terlibat dalam aktiviti kesedaran dan meningkatkan nilai muamalat Islam dan memberi khidmat nasihat kepada pihak ketiga.⁴¹

Secara dasarnya, usaha mewujudkan Jabatan Nasihat dan Kajian ini telah mematuhi SGF di bawah Seksyen VI: Pematuhan Syariah dan Fungsi-fungsi Kajian, Prinsip 7 yang menyatakan perlunya pelaksanaan pematuhan Syariah yang mantap melalui fungsi-fungsi semakan dan audit serta disokong oleh pengurusan kawalan risiko dan penyelidikan dalaman. .⁴² Dalam konteks BIMB di bawah Jabatan Nasihat dan Kajian ini, ianya dilihat mematuhi apa yang digariskan oleh SGF yang menekankan kepada keperluan penyelidikan dan semakan.

⁴¹ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁴² *Op.cit.*, 22

Pematuhan BIMB melalui Jabatan Nasihat dan Kajian ini terhadap peruntukan SGF juga dapat dilihat dengan lebih terperinci melalui bidang tugas-bidang tugas dan aktiviti-aktiviti seperti menjalankan penyelidikan dan pembinaan produk-produk baru. BIMB melalui jabatan ini telah mengambil langkah pro-aktif dalam membuat penyelidikan dan membangunkan produk-produk perbankan baru yang mematuhi Syariah. Pegawai dari jabatan ini terlibat secara langsung sebagai jawatankuasa kerja dalam penyelidikan dan pembinaan sesuatu produk sehingga ianya diperkenalkan kepada pelanggan. Antara tugas utama pegawai daripada jabatan ini ialah memastikan agar segala isu atau permasalahan berkaitan penyelidikan dan pembinaan produk diselesaikan mengikut garis panduan Syarak dan merujuk kepada MPS BIMB, MPS Bank Negara Malaysia, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau mana-mana badan fatwa yang diiktiraf kerajaan seperti *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institution (AAOIFI)*, *Majma' Fiqh* dan sebagainya. Sebagai contohnya, antara produk baru dikeluarkan hasil daripada usaha ini seperti seperti Kad Debit Visa Bank Islam, Akaun Simpanan Al-Awfar Junior, Pembiayaan Penyambung Islam, Pembiayaan Perumahan dengan Kemudahan Aliran Tunai-I, Kiriman Wang Asing Pukul E-Banker, Pengiriman 'Money2Overseas', Surat Kredit Pulangan Tunai, Pembayaran Bil Korporat dan Dana BIMB i-Dividen.⁴³ Langkah yang di buat oleh BIMB dalam aspek kajian yang berpandukan Syarak dilihat memenuhi keperluan yang digariskan SGF dalam Prinsip 7.19 iaitu:

*Apart from institutionalising a robust Shariah compliance function, there shall be an internal unit comprising qualified Shariah officers to conduct pre-product approval process, research, vetting of issues for submission, and undertake administrative and secretarial matters relating to the Shariah Committee.*⁴⁴

⁴³ *Op.cit.*

⁴⁴ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 26

Berpandukan kepada proses kajian dan pembinaan produk, BIMB sememangnya meletakkan pegawai yang berkelayakan dari segi Syariah dan amalan tersebut menepati Prinsip 7.19 dalam SGF yang dikeluarkan oleh BNM seperti di atas.

Jabatan Nasihat dan Kajian ini juga dipertanggungjawabkan dalam menilai dan menyemak dokumen-dokumen tertentu bagi tujuan memastikan ianya bebas daripada perkara-perkara yang menyalahi Syarak. Antara proses semakan dan penilaian yang dijalankan ialah terhadap dokumen produk-produk sedia ada seperti dokumen perundangan, manual, risalah pemasaran dan sebagainya. Selain itu, proses semakan juga dilakukan terhadap dokumen dalam bank seperti garis panduan, manual, prosedur dan dokumen perundangan. Segala proses ini penting bagi BIMB kerana untuk mengelakkan kes-kes kegagalan mematuhi Syariah yang boleh mendorong kepada berlakunya salah faham, berdepan dengan tindakan undang-undang, pendapatan tidak patuh Syariah, menghadapi tindakan daripada BNM dan sebagainya. Antara contoh dokumen yang disemak oleh jabatan ini ialah Manual Perbendaharaan, Manual Kad Kredit Bank Islam, dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pembiayaan perniagaan, perkhidmatan perdagangan dan sebagainya.⁴⁵

Pematuhan BIMB terhadap SGF dalam konteks perkara-perkara di atas dapat dilihat pada Bahagian 2 Seksyen VI Prinsip 7.7 iaitu:

*Shariah audit refers to the periodical assesement conducted from time to time, to provide an independent assesement and objective assurance designed to add value and improve the degree of compliance in relation to the IFI's business operations, with the main objective of ensuring a sound and effective internal control system for Shariah compliance.*⁴⁶

⁴⁵ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁴⁶ *Op.cit.*, 23

Walaupun Prinsip 7.7 SGF di atas dikhususkan untuk Unit Audit Syariah, namun Prinsip 7.8 SGF ada menyatakan bahawa juruaudit dalaman boleh menggunakan khidmat pegawai Syariah dalaman yang pakar dalam membantu tugas mereka selagi tidak bertentangan dengan objektif audit yang dijalankan.⁴⁷ Justeru, penglibatan Jabatan Nasihat dan Kajian dalam aktiviti penilaian dan semakan dokumen dilihat disokong oleh SGF demi memantapkan lagi kepatuhan Syariah terhadap sistem kawalan dalaman.

Dalam pada itu, Jabatan Nasihat dan Kajian ini juga turut menyediakan khidmat nasihat kepada badan-badan atau agensi-agensi yang memerlukan nasihat berhubung dengan tuntutan Syariah dan sebagainya. Khidmat nasihat yang diberikan adalah berdasarkan perjanjian *Service Level Agreement* (SLA) yang diadakan. Antara badan-badan atau agensi-agensi yang mendapatkan khidmat nasihat berkenaan Syariah daripada jabatan ini sepanjang tahun 2013 hingga 2016 ialah BIMB Holdings, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Jabatan Agama Islam Negeri Perak, dan Koperasi Syariah (KOPSYA).⁴⁸ Bidang tugas dalam memberi nasihat tersebut adalah selari dengan Prinsip 7.24 SGF iaitu:

*In terms of advisory and consultancy roles, the function shall assist and provide advice to the relevant parties based on decision of the Shariah Committee. For example, advice may be offered on the list of permissible investments, e.g. selection of permissible shares or stocks in the Bursa Malaysia stock market.*⁴⁹

Jelaslah bahawa apa yang dilakukan oleh BIMB di bawah Jabatan Nasihat dan Kajian ini mematuhi kehendak SGF dalam memberi nasihat tentang kepatuhan Syariah kepada pihak yang memerlukan.

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁴⁹ *Op.cit.*, 27

Di samping itu, Jabatan Nasihat dan Kajian ini juga dipertanggungjawabkan untuk menguruskan mesyuarat MPS yang menjadi nadi dan tunjang kepada pematuhan Syariah di BIMB. Mesyuarat MPS BIMB dijalankan secara bulanan dengan minimum kekerapan sebanyak 6 kali setahun. Mesyuarat ini dianggotai oleh seramai enam orang ahli mesyuarat selain beberapa orang wakil daripada pihak pengurusan bank. Antara agenda yang dibincangkan di dalam mesyuarat MPS ini antara lain termasuklah meluluskan sesuatu produk (baru, variasi, atau program baru), meluluskan garis panduan, manual, polisi, kenyataan pengiklanan, dokumen perundangan dan laporan tahunan BIMB, menilai kes-kes yang melibatkan ketidakpatuhan Syariah dan memberi atau mengeluarkan pandangan dan membincangkan isu-isu Syariah yang berkaitan dengan bank. Dari segi prosedur menguruskan mesyuarat, peranan pegawai jabatan ini bermula daripada menjemput ahli-ahli mesyuarat sehinggalah kepada penyebaran minit mesyuarat untuk tindakan dan makluman pihak-pihak terbabit (Unit Perniagaan). Sepanjang tahun 2015, jabatan ini telah terbabit dalam menganjurkan mesyuarat MPS sebanyak 8 kali.⁵⁰

Segala tindakan yang dilaksanakan oleh jabatan ini dalam menguruskan mesyuarat MPS amat memenuhi tuntutan SGF melalui Prinsip 7.25 yang menyebut: *An IFI is required to established a secretariat to serve the Shariah Committee.*⁵¹ Walaupun di dalam SGF tugas menguruskan mesyuarat MPS ini tidak diletakkan secara khusus di bawah bidang tugas Jabatan Nasihat dan Kajian, namun tindakan BIMB yang mempertanggungjawabkan jabatan ini untuk melakukan tugas tersebut dilihat sebagai masih lagi menyahut saranan SGF yang mahukan ada pihak yang menjalankannya. Dengan mewujudkan Jabatan Nasihat dan Kajian yang antara lain

⁵⁰ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2015* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2015), 154

⁵¹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 27

dipertanggungjawabkan untuk memberi khidmat secara khusus kepada MPS dilihat mampu melancarkan lagi segala usaha memperkasakan tahap pematuhan dan pengawasan di BIMB seperti yang diunjurkan oleh SGF.

Dalam pada itu, tugas dan tanggungjawab Jabatan Nasihat dan Kajian ini juga memenuhi Prinsip 7.26 SGF yang menyebut:

The role of the secretariat shall include coordinating meetings, compiling proposal papers, disseminating Shariah decisions to relevant stakeholders and engaging with relevant parties who wish to seek further deliberations of issues from Shariah Committee.⁵²

Peranan yang telah ditunjukkan oleh jabatan ini dalam menguruskan mesyuarat MPS telah memenuhi tuntutan SGF di atas seterusnya berjaya melancarkan perjalanan mesyuarat yang membincangkan pelbagai agenda berkenaan pematuhan dan pelanggaran Syariah di BIMB. Di samping menjalankan tanggungjawab sebagai pengurus mesyuarat, tindakan jabatan ini dalam menyebarkan keputusan mesyuarat yang terkandung dalam minit mesyuarat kepada pihak-pihak berkaitan dilihat juga sebagai satu usaha menyahut saranan Prinsip 7.26 di atas dalam memperkasakan pematuhan Syariah di BIMB.

Dalam pada itu, Jabatan Nasihat dan Kajian ini juga bertanggungjawab dalam menilai atau menyemak segala dokumen yang dikeluarkan oleh BNM. Proses menilai atau menyemak di sini bermaksud meneliti segala kehendak BNM dalam pematuhan Syariah untuk diimplementasikan di peringkat BIMB. Maka untuk maksud tersebut, jabatan inilah yang diamanahkan untuk memastikan segala kehendak dan keputusan Syariah dari peringkat BNM dan MPS sampai kepada Unit Perniagaan yang

⁵² *Ibid.*

bertanggungjawab melaksanakan segala produk perniagaan BIMB. Sebarang kegagalan dalam mematuhi keputusan yang ditetapkan oleh BNM akan membawa kepada impak yang tidak baik seterusnya membawa kepada terganggunya kredibiliti BIMB. Antara contoh dokumen-dokumen BNM yang selalu dinilai dan dirujuk bagi tujuan pematuhan Syariah ialah draf BNM berkaitan kontrak-kontrak Syariah seperti *murābahah*, *ijārah*, *istisna*, SGF dan sebagainya.⁵³

Tindakan BIMB ini yang sentiasa merujuk dokumen-dokumen BNM sebagai panduan untuk pematuhan Syariah dilihat memenuhi objektif SGF itu sendiri iaitu:

- i) *sets out the expectations of the Bank on an IFI's Shariah governance structures, processes and arrangements to ensure that all its operations and business activities are in accordance with Shariah;*
- ii) *provides a comprehensive guidance to the board, Shariah Committee and management of the IFI in discharging its duties in matters relating to Shariah; and*
- iii) *outlines the functions relating to Shariah review, Shariah audit, Shariah risk management and Shariah research.*⁵⁴

Jabatan Nasihat dan Kajian ini melalui tindakannya yang sentiasa menilai dan merujuk dokumen dan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM amat memenuhi objektif kedua SGF di atas. BNM melalui SGF telah mengeluarkan panduan lengkap untuk diikuti oleh semua institusi kewangan Islam (IKI) sebagai satu langkah untuk memandu dalam mematuhi Syariah, maka tindakan tersebut telah dipatuhi dengan baik oleh BIMB lalu menjadikan BIMB sebagai antara IKI yang mendokong gagasan SGF.

Jabatan Nasihat dan Kajian ini juga berperanan sebagai pengeluar polisi, garis panduan dan manual berkaitan Syariah sebagai panduan semua pegawai BIMB. Antara

⁵³ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁵⁴ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 2

dokumen yang dikeluarkan adalah seperti Garis Panduan Kontrak Syariah, Garis Panduan Pengurusan Syariah dan lain-lain. Dokumen-dokumen yang dikeluarkan ini merupakan satu mekanisma yang digunakan bagi memastikan segala aktiviti dalaman dan luaran bank sentiasa berpandukan Syariah. Dokumen-dokumen yang dikeluarkan ini akan disemak secara berkala samada setiap tahun atau dua tahun sekali bergantung kepada keputusan pengurusan bank.⁵⁵

Tindakan BIMB dalam mewujudkan garis panduan khusus untuk diikuti oleh semua pegawai agar semua tindakan tidak bertentangan dengan Syariah adalah selari dengan kehendak SGF melalui Prinsip 7.18 (ii) yang menyatakan fungsi pengurusan risiko Syariah ialah antara lain merumuskan dan mencadangkan polisi-polisi dan garis panduan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang sesuai⁵⁶

Usaha BIMB dalam mewujudkan dokumen-dokumen seperti Polisi Kepatuhan Syariah, Garis Panduan Kontrak Syariah, Manual Bahagian Syariah dan Garis Panduan Pengurusan Syariah dilihat menyahut Prinsip 7.18 (ii) di atas dalam menjauhkah diri daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti ketidakpatuhan Syariah. Polisi dan garis panduan yang wajib diikuti tersebut juga dilihat sebagai betapa seriusnya pihak BIMB dalam mengaplikasikan kepatuhan terhadap Syariah dalam semua urusan pentadbiran perbankannya.

Manakala bagi Jabatan Pengurusan Risiko Syariah pula, peranan utamanya ialah untuk mengurus risiko kepatuhan Syariah. Di samping itu, jabatan ini juga

⁵⁵ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁵⁶ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 26

bertanggungjawab untuk mengendalikan program-program dalaman kepada kakitangan bank dan sebagainya.⁵⁷

Sejajar dengan penubuhan metodologi Garis Panduan Pengurusan Risiko Kepatuhan Syariah (SCRM), peranan utama Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini ialah memastikan semua keputusan diaplikasikan dengan sempurna supaya tidak berlaku pelanggaran keputusan Syariah. Proses yang termaktub dalam Garis Panduan Pengurusan Risiko Kepatuhan Syariah (SCRM) seperti Komunikasi dan Kesedaran, Pengenalan dan Penilaian, Kawalan dan Mitigasi dan Laporan dan Pengawasan. Antara contoh ketidakpatuhan Syariah yang berlaku ialah kesalahan melakukan akad untuk kontrak yang diaplikasi dalam sesuatu produk seperti tidak mengisi dengan lengkap borang akad berkenaan harga/jumlah pembiayaan dan persetujuan pelanggan- Kontrak *Murābahah*, tidak mengisi dengan sempurna akad kontrak *wadi'ah* dan *muḍārabah* bagi akaun simpanan, tidak melaksanakan proses perlantikan ejen dengan sempurna dalam kontrak *wakālah* dan tidak mengenalpasti pemilikan sempurna sesuatu aset untuk ditransaksi seperti dalam kontrak *ijārah* yang mana aset yang hendak disewa hendaklah dipastikan sempurna milikannya.⁵⁸

Dari segi pamatuan kepada SGF, peranan Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini dalam mengurus risiko kepatuhan Syariah amat memenuhi Prinsip 7.15 dalam SGF iaitu:

Shariah risk management is a function to systematically identify, measure, monitor and control of Shariah non-compliance risks to mitigate any possible of non-compliance events. The systematic approach of managing Shariah non-compliance risks will enable the

⁵⁷ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁵⁸ *Ibid.*

*IFI to continue its operations and activities effectively without exposing the IFI to unacceptable levels of risk.*⁵⁹

Prinsip 7.15 di atas mengarisikan dengan jelas bahawa adalah menjadi tanggungjawab sesebuah Institusi Kewangan Islam untuk memastikan bahawa segala aktiviti tidak melanggar ketetapan Syariah dan ianya mestilah dilakukan dengan sistematik. Langkah dan tindakan yang dilakukan oleh BIMB pula dalam mematuhi Syariah di samping mewujudkan SCRM untuk memperkasakan pematuhan tersebut amat selari dengan Prinsip 7.15 SGF di atas.

Selain daripada skop tugas yang dinyatakan di atas, beberapa aktiviti lain juga dijalankan ataupun dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini. Antaranya ialah program kesedaran seperti Program Latihan Hijrah to Excel yang dijalankan bermula April 2010 hingga Julai 2011 dan ianya akan diteruskan penganjurannya lagi dengan modul yang lebih spesifik. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memudahkan proses memastikan kehendak Syariah dipatuhi bagi setiap produk, perkhidmatan dan seluruh aktiviti bank di samping untuk menggalakkan dan meningkatkan kepatuhan kepada Syariah dalam bank. Antara modul bagi pengisian program ini termasuklah Perbankan Islam: Sekilas Pandang, Syariah Sebagai Asas, Kontrak-Kontrak Syariah dan Etika Kerja Islam. Pada sepanjang penganjuran program, seramai 3628 kakitangan Bank Islam telah terlibat. Lima wilayah utama terbabit dalam Program Latihan Hijrah to Excel ini iaitu Wilayah Utara, Wilayah Tengah, Wilayah Timur, Wilayah Selatan dan Wilayah Timur Malaysia. Selain itu, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini juga terlibat dalam penganjuran Program

⁵⁹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 25

Orientasi untuk kakitangan baru Bank Islam. Dalam pada itu, latihan khusus⁶⁰ untuk semua staf berlainan pangkat dan jawatan di cawangan dan ibu pejabat turut diadakan bagi memastikan sebarang isu berkaitan Syariah secara spesifik dapat ditangani secara efektif dan mantap.⁶¹

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Syariah di atas amat selari dan memenuhi kehendak SGF melalui Prinsip 7.18 (iii) yang menyatakan bahawa fungsi pengurusan risiko Syariah juga termasuk membangun dan melaksanakan proses-proses untuk kesedaran risiko ketidakpatuhan Syariah di dalam sesebuah institusi kewangan Islam.⁶² Penganjuran program-program seperti Program Latihan Hijrah to Excel, memasukkan sesi Syariah ke dalam Program Orientasi untuk kakitangan baru dan latihan khusus berkaitan Syariah untuk semua kakitangan dan jawatan dilihat sebagai usaha menanamkan kesedaran terhadap perlunya membebaskan diri daripada ketidakpatuhan Syariah seperti yang terkandung dalam Prinsip 7.18 (iii) di atas.

Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini juga dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kes-kes tidak patuh Syariah di BIMB. Sesuatu kes yang dikenal pasti sebagai tidak patuh Syariah akan diklasifikasikan sebagai ‘Tidak Patuh Syariah’ (tidak mematuhi keputusan sedia ada) dan ‘Potensi Tidak Patuh Syariah’ (tidak mematuhi keputusan yang belum ada). Dalam menjalankan tanggungjawab mengurus aktiviti ketidakpatuhan Syariah ini, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah telah mengikut prosedur khas yang dikenali Prosedur Kawalan dan Laporan Isu Ketidakpatuhan Syariah. Antara

⁶⁰ Antara program latihan yang melibatkan Syariah termasuklah Program Orientasi, Program Kesedaran Kepatuhan Syariah dan Mesej Syariah (Ustaz Ali Othman, Timbalan Pengurus Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016)

⁶¹ *Ibid.*

⁶² Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 26

yang digariskan dalam prosedur ini ialah seperti yang pernah diterangkan di dalam Bab Tiga iaitu:⁶³

- i) Menerima isu-isu berkaitan ketidakpatuhan Syariah dari sumber-sumber seperti aktiviti Semakan Syariah, Audit Syariah dan pertanyaan ataupun persoalan daripada mana-mana jabatan atau mesyuarat yang dihadiri pegawai Syariah.
- ii) Perbincangan dengan Ketua Pegawai Syariah untuk memutuskan sama ada isu-isu yang berkenaan diklasifikasikan sebagai tiada isu, SNC atau PSNC sebelum dibentangkan ke MPS.
- iii) Setelah dikenalpasti, isu berkenaan akan dibentangkan oleh Unit Perniagaan berkenaan ke mesyuarat MPS. Dalam mesyuarat tersebut, fokus yang diberi keutamaan perbincangan ialah mengenai status dan kesahihan ketidakpatuhan Syariah berkenaan, langkah pembetulan dan pencegahan dan langkah-langkah yang akan diambil bagi ketidakpatuhan yang berlaku.
- iv) Mengemaskini Unit Perniagaan tentang tindakan susulan yang perlu dilakukan terhadap isu berkenaan seperti yang telah diputuskan oleh mesyuarat berkenaan.
- v) Merekod isu berkenaan untuk tindakan susulan yang akan datang.
- vi) Mengawal tindakan yang telah dijalankan oleh pihak berkenaan. Jika tindakan yang dijalankan telah mematuhi Syariah, isu itu dikira selesai dan akan disemak pada masa akan datang.

⁶³ *Op.cit.*

Segala prosedur dalam memastikan semua pihak di BIMB mematuhi Syariah hendaklah diberi penekanan serius. Ini kerana sekiranya berlaku kes-kes ketidakpatuhan Syariah dan tiada tindakan sewajarnya diambil daripada ketidakpatuhan tersebut, ianya bukan sahaja salah dari segi agama, akan tetapi ianya juga akan mendapat tindakan susulan daripada BNM dan mendatangkan kerugian kepada bank itu sendiri. Dalam memberikan komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawab untuk mengelakkan kes-kes ketidakpatuhan Syariah, BIMB telah mempertanggungjawabkan Audit Syariah dan Jabatan Semakan untuk mengenalpasti ketidakpatuhan tersebut dan melakukan semakan serta penilaian berdasarkan keputusan Syariah terhadap sesuatu produk yang terdapat di BIMB.⁶⁴

Berdasarkan peruntukan garis panduan yang terdapat dalam SGF, tindakan BIMB dalam mengawal dan mengenalpasti kes ketidakpatuhan Syariah adalah selari dengan Prinsip 7.18 (i) iaitu:

*...facilitating the process of identifying, measuring, controlling and monitoring Shariah non-compliance risks inherent in the IFI's operations and activities;*⁶⁵

Manakala inisiatif BIMB dalam melaksanakan 'Prosedur Kawalan dan Laporan Isu Ketidakpatuhan Syariah' sebagai usaha mematuhi Syariah dan memperkasakan sistem Syariah amat bertepatan dengan kehendak BNM melalui SGF Prinsip 7.18 (i) iaitu:

*...monitoring of Shariah non-compliance risks to facilitate efficient and effective management of such risks. A report on the Shariah non-compliance risks indicators shall be escalated to the board, Shariah Committee and management periodically.*⁶⁶

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 25

⁶⁶ *Ibid.*, 26

BIMB melalui 'Prosedur Kawalan dan Laporan Isu Ketidakpatuhan Syariah' telah melaksanakan tugas mengawal ketidakpatuhan Syariah dengan prosedur yang teratur dan kemas iaitu bermula daripada menerima laporan ketidakpatuhan Syariah kemudian disusuli dengan perbincangan Jabatan Syariah dalam menentukan status ketidakpatuhan seterusnya membentangkan kes ketidakpatuhan tersebut di peringkat mesyuarat yang lebih tinggi untuk langkah pembetulan dan pencegahan. Segala tindakan tersebut adalah selari dengan Prinsip 7.18 (i) di atas dalam konteks menjadikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah efisien dan berkesan. Manakala membawa kes ketidakpatuhan Syariah ke peringkat pengurusan tertinggi juga dilihat memenuhi kehendak Prinsip 7.18 (i) yang menghendaki segala laporan ketidakpatuhan Syariah di bawa ke lembaga pengarah, MPS dan pengurusan secara berkala.

Dalam pada itu, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah ini juga dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan aktiviti pelupusan pendapatan yang diperolehi secara tidak halal yang terdapat di dalam bank. Pendapatan tidak halal ini bukanlah bermaksud bahawa BIMB dengan sengaja melanggar mana-mana peruntukan pematuhan Syariah, akan tetapi ianya diperolehi sama ada dari transaksi dengan bank konvensional luar negara yang terpaksa dilakukan atas sebab tiadanya bank yang mengamalkan sistem perbankan Islam di sesebuah negara tersebut atau melalui pendapatan akad kontrak yang tidak sah. Sebagai contohnya, sepanjang tahun 2015 sejumlah RM7,768.02 telah direkodkan sebagai pendapatan tidak halal oleh BIMB. Pendapatan tidak halal tersebut telah disalurkan bagi tujuan kebajikan dan tidak dicampur dengan pendapatan halal yang mematuhi Syariah oleh bank.⁶⁷

⁶⁷ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2015* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2015), 156

Dalam mengendalikan aktiviti pelupusan tidak halal tersebut, beberapa proses pengurusan telah dirangka dan perlu dipatuhi seperti yang telah diterangkan di Bab Ketiga sebelum ini seperti:⁶⁸

- i) Mengenalpasti sumber-sumber pendapatan yang tidak halal seperti komisyen yang dibayar oleh terminal kad bagi transaksi kod tidak halal, faedah yang dibayar dari akaun simpanan luar negara (akaun *nostro*) dan pendapatan dari akad kontrak yang tidak sah.
- ii) Merekod jumlah pendapatan tidak halal dan segala laporan ketidakpatuhan akan dilaporkan kepada beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pengurusan Kawalan Risiko dan MPS.
- iii) Menyiapkan laporan pendapatan tidak halal dan dikemukakan kepada Ketua Bahagian Syariah secara bulanan.
- iv) Menyediakan laporan berkenaan pendapatan tidak halal untuk dibentangkan dan mendapat kelulusan MPS seterusnya mengemukakan cadangan untuk melupuskan pendapatan tidak halal tersebut.
- v) Menyelia dan mengawasi status pendapatan tidak halal bank melalui jabatan tertentu dalam Bank Islam seperti Jabatan Kewangan.
- vi) Jabatan ini juga berperanan melaporkan maklumat ketidakpatuhan Syariah yang telah dikenalpasti kepada MPS berdasarkan aktiviti Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah.

Berdasarkan kepada proses pengurusan bagi mengendalikan aktiviti pelupusan pendapatan tidak halal di atas, tindakan ketat BIMB tersebut selari dengan garis panduan yang terdapat dalam Prinsip 7.18 (i) iaitu:

⁶⁸ *Ibid.*

*Controls to avoid recurrences. This involves keeping track of income not recognised arising from Shariah non-compliant activities and assessing the probability of similar cases arising in the future. Based on historical reviews and potential areas of Shariah non-compliance, the IFI may assess potential profits that cannot be recognised as eligible.*⁶⁹

Prinsip 7.18 (i) di atas menekankan tentang perlunya tindakan mengesan mana-mana pendapatan yang berpunca daripada aktiviti ketidakpatuhan Syariah. Maka tindakan BIMB melalui Jabatan Pengurusan Risiko Syariah yang mengenalpasti sumber-sumber pendapatan yang tidak halal seperti komisyen yang dibayar oleh terminal kad bagi kod tidak halal, faedah yang dibayar oleh akaun *nostro* dan pendapatan daripada akad kontrak yang tidak sah dilihat sebagai amat selari dengan kehendak Prinsip 7.18 (i) yang secara khususnya menyatakan '*this involves keeping track of income not recognised arising from Shariah non-compliant activities*' iaitu melibatkan mengenalpasti pendapatan yang tidak halal yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah.

Manakala tindakan mengasingkan pendapatan tidak halal tersebut dan melupuskannya dengan menyalurkan untuk tujuan kebajikan dilihat sebagai satu tindakan mengawal pendapatan bagi mengelakkan sebarang pelanggaran Syariah seperti juga yang terkandung dalam Prinsip 7.18 (i) di atas iaitu pernyataan mengawal untuk mengelakkan daripada berulang (*controls to avoid recurrences*).

Tindakan BIMB dalam memperkasakan para *muhtasibnya* melalui program dan kursus-kursus seperti di atas dilihat selari dengan Prinsip 2.14 SGF yang menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan IKI

⁶⁹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 26

untuk menyediakan program-program pembelajaran dan kursus secara berterusan dalam aspek Syariah dan kewangan kepada seluruh kakitangannya. Langkah ini adalah bertujuan agar setiap fungsi dalam kerangka tadbir urus Syariah didedahkan sepenuhnya dengan perkembangan isu-isu Syariah terkini.⁷⁰

4.3. Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen *Muhtasab Fih*.

Dalam konteks BIMB, *muhtasab fih* merujuk kepada pematuhan Syariah terhadap segala bentuk perbuatan yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan, perjanjian, borang, terma dan syarat serta sistem teknologi maklumat yang digunakan. Tindakan atau perbuatan yang berkaitan dengan perkara-perkara tersebut akan disemak dan dinilai oleh *muhtasib* dalam melakukan audit Syariah mereka sama ada mematuhi Syarak atau sebaliknya. Antara contohnya ialah perjanjian pembiayaan peribadi, perjanjian pembiayaan perumahan, perjanjian pembiayaan kenderaan dan sebagainya. Selain itu, sistem teknologi maklumat yang berkaitan dengan pengiraan, formula, nisbah keuntungan dan sebagainya juga adalah antara yang di audit atau termasuk di dalam *muhtasab fih*.⁷¹

Segala produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB mempunyai risiko ketidakpatuhan Syariah.⁷² Oleh yang demikian, dalam usaha untuk memastikan agar semua tindakan ataupun perbuatan berkaitan produk dan perkhidmatan tersebut dijalankan berlandaskan syarak, maka Unit Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah ditugaskan untuk menjalankan aktiviti audit Syariah agar ianya betul-betul memenuhi piawaian seperti yang digariskan syarak. Adalah menjadi objektif utama

⁷⁰ *Ibid.*, 12

⁷¹ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Semakan, Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 9 November 2016.

⁷² *Ibid.*

BIMB agar semua operasinya memenuhi keperluan Syariah seperti yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan MPS BIMB.⁷³

Secara teknikalnya, sesuatu produk yang hendak dibangunkan akan melalui proses dan prosedur tertentu. Antaranya ialah pengeluar sesuatu produk mestilah menjalankan proses pembangunan produk bersama Jabatan Kajian dan Nasihat. Setelah dibangunkan, produk tersebut mestilah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan, lembaga pengarah dan MPS. Sejurus mendapat kelulusan, maka sistem berkaitan dengan produk tersebut mestilah dibangunkan di samping menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan. Setelah semuanya berjaya dipatuhi maka barulah produk itu boleh ditawarkan kepada pelanggan.⁷⁴

4.3.1. Analisis Dari Perspektif Konsep *Hisbah*

Muhtasab fih di BIMB dapat dilihat melalui perbuatan atau tindakan dalam membangunkan produk dan perkhidmatan. Proses membangunkan produk melibatkan prosedur yang ketat demi untuk memastikan perbuatan tersebut sentiasa patuh kepada prinsip-prinsip Syariah. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, pengeluar sesuatu produk diwajibkan untuk sentiasa bersama dengan Jabatan Kajian dan Nasihat dalam mengkaji produk dan sentiasa mendapatkan nasihat daripada jabatan tersebut dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan Syariah demi untuk mengelakkan berlakunya pelanggaran Syarak. Selepas berjaya dalam membangunkan produk tersebut, ianya tidak boleh terus ditawarkan kepada pelanggan tetapi sebaliknya perlu dibawa kepada MPS, pihak pengurusan dan lembaga pengarah bank untuk diluluskan. Setelah diluluskan, pengeluar produk mesti membangunkan sistem yang berkaitan dengan produk tersebut

⁷³ Cik Norrulhuda Kulop Alang, Timbalan Pengurus Audit merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁷⁴ *Ibid.*

di samping menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan termasuklah dokumen perundangan. Setelah segalanya disediakan barulah sesuatu produk tersebut boleh ditawarkan kepada pelanggan.⁷⁵ Menurut Cik Norrulhuda Kulop Alang, sekiranya audit Syariah dijalankan ke atas pengeluar produk mendapati produk yang dibangunkan tidak dirujuk kepada Jabatan Kajian dan Nasihat, maka tindakan pengeluar produk tersebut dianggap tidak patuh Syariah dan laporan kes tersebut mesti dihantar kepada Bahagian Syariah dan MPS untuk tindakan lanjut. Bagi BIMB, dalam usaha untuk sentiasa mematuhi Syariah, semua produk yang dibangunkan mesti melalui pegawai pakar dalam Syariah seperti mereka yang berada di Jabatan Kajian dan Nasihat. Kegagalan untuk merujuk pembangunan produk kepada jabatan tersebut memungkinkan sesuatu produk dibangunkan tidak mengikut kehendak syarak.⁷⁶ Tindakan *muhtasib* BIMB ke atas *muhtasab fih* ini dilihat selari dengan apa yang digariskan oleh Imam al-Ghazāli yang menyatakan bahawa antara syarat *muhtasab fih* ialah tindakan *hisbah* dilakukan kerana adanya kemungkaran, perbuatan mungkar tersebut masih berlaku, perbuatan mungkar itu didapati jelas berlaku oleh *muhtasib* dan perbuatan itu diketahui tanpa ijhtihad.⁷⁷ Dalam konteks contoh di atas, tindakan pengeluar produk yang tidak membangunkan produk dengan prinsip Syariah dianggap satu kemungkaran. Perbuatan menawarkan produk tersebut kepada pelanggan dianggap perbuatan mungkar yang masih berlaku. Penawaran produk tersebut kepada pelanggan dianggap perbuatan mungkar yang jelas berlaku. Manakala proses pembangunan dan penawaran produk yang tidak mengikut prosedur diketahui melalui audit Syariah dan bukannya melalui ijhtihad. Justeru, tindakan BIMB yang menyediakan prosedur ketat dalam membangunkan dan mengeluarkan produk dianggap sebagai memenuhi konsep *hisbah* yang menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada berlakunya kemungkaran.

⁷⁵ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁷⁶ *Op.cit.*

⁷⁷ Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazāli, *Iḥya' 'Ulūm al-Dīn* (terjemahan) (Kuala Lumpur: Victoria Ajensi, j. 3, 1988), 507

Selain itu, *muhtasab fih* di BIMB dapat dilihat apabila berlakunya pelanggaran Syariah seperti prosedur akad tidak sempurna, tidak melaksanakan proses perlantikan ejen dengan sempurna dalam kontrak *wakālah* dan tidak mengenalpasti pemilikan sempurna sesuatu aset untuk ditransaksi. Sekiranya terjadinya pelanggaran-pelanggaran Syariah seperti yang disebutkan di atas maka BIMB telah mempertanggungjawabkan Jabatan Pematuhan dan Kawalan untuk menguruskan aktiviti ketidakpatuhan Syariah tersebut berlandaskan prosedur khas yang dinamakan sebagai ‘Prosedur Kawalan dan Laporan Isu Ketidakpatuhan Syariah’. Selain itu, jabatan ini juga bertanggungjawab dalam mengendalikan aktiviti pelupusan pendapatan tidak halal di dalam urusan bank seperti komisyen dari terminal kad transaksi tidak halal, faedah yang dibayar dari akaun simpanan luar negara dan pendapatan dari akad yang tidak sah. Segala ketidakpatuhan Syariah seperti yang disebutkan di atas diketahui oleh *muhtasib* BIMB menerusi temuan aktiviti audit Syariah yang dilihat memenuhi empat syarat *muhtasab fih* iaitu adanya kemungkaran, perbuatan mungkar tersebut masih berlaku, perbuatan mungkar itu didapati jelas berlaku oleh *muhtasib* dan perbuatan itu diketahui tanpa ijtihad.⁷⁸

Tindakan BIMB dalam menguruskan *muhtasab fih* seperti sentiasa melakukan semakan Syariah dan audit Syariah terhadap semua produk dan perkhidmatannya di lihat selari dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W:

و حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ وَقُتَيْبَةُ وَابْنُ حُجْرٍ جَمِيعًا عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ جَعْفَرٍ قَالَ ابْنُ أَيُّوبَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ أَخْبَرَنِي الْعَلَاءُ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا فَنَأَلَتْ أَصَابِعُهُ بَلًّا فَقَالَ مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَمَا يَرَاهُ النَّاسُ مِنْ عَشْنٍ فَلَيْسَ مِنِّي⁷⁹

⁷⁸ Al-Imām Abī Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulūm al-Dīn* (terjemahan), (Kuala Lumpur: Victoria Ajensi, Jilid 3, 1988), 507

⁷⁹ Muḥammad Sālim Hāshim, *Ṣaḥīḥ Muslim li al-Imam Muslim bin al-Hujjāj al-Qasyairi al-Naisābūrī* (Beirut: Dār al-Kutub, Jilid 1, 2008), 348

Terjemahan: Rasulullah S.A.W pernah melewati setompok makanan, lalu baginda memasukkan tangannya ke dalamnya, kemudian tangan beliau menyentuh sesuatu yang basah, maka baginda pun bertanya, “Apa ini wahai pemilik makanan?” Pemiliknya menjawab, “Makanan tersebut terkena air hujan wahai Rasulullah.” Baginda bersabda, “Mengapa kamu tidak meletakkannya di bahagian atas makanan agar manusia dapat melihatnya? Ketahuilah, barangsiapa menipu maka dia bukan dari golongan kami.”

4.3.2. Analisis Dari Perspektif SGF

Pematuhan BIMB terhadap SGF dalam konteks *muhtasab fih* dapat dilihat dari aspek perbuatan semasa membangunkan produk dan perkhidmatan dan perbuatan semasa penawaran produk dan perkhidmatan.

Semasa membangunkan produk dan perkhidmatan, perbuatan atau tindakan BIMB yang mewajibkan pengeluar produk berkerjasama secara langsung dengan Jabatan Nasihat dan Kajian dilihat sebagai usaha mematuhi Syariah kerana mendapat nasihat secara terus daripada jabatan tersebut dari aspek pematuhan Syariah. Perbuatan itu juga dilihat selari dengan apa yang digariskan oleh SGF seperti yang terkandung di dalam Prinsip 7.21 yang menyatakan bahawa Jabatan Kajian Syariah berperanan untuk mengendalikan kajian mendalam tentang isu-isu Syariah termasuk memberi nasihat dari aspek Syariah kepada pihak-pihak berkaitan termasuklah kepada mereka yang terlibat di dalam proses membangunkan sesuatu produk. Justeru, tindakan BIMB yang mewajibkan pengeluar produk untuk berkerjasama dengan Jabatan Kajian dan Nasihat

dilihat sebagai perbuatan yang memantapkan pematuhan Syariah dan memenuhi Prinsip 7.21 SGF di atas.⁸⁰

Selepas sesuatu produk atau perkhidmatan dibangunkan, adalah menjadi amalan BIMB bahawa produk tersebut perlu mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan bank, lembaga pengarah, MPS dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (jika perlu). Apabila berjaya mendapat kelulusan daripada pihak-pihak tersebut, maka langkah seterusnya ialah membangunkan sistem, menyediakan dokumen yang berkaitan termasuklah dokumen perundangan dan sebagainya. Setelah itu, barulah produk dan perkhidmatan tersebut boleh ditawarkan kepada pengguna bank.⁸¹ Tindakan BIMB ini dilihat sebagai perbuatan yang memperkasakan pematuhan Syariah kerana melalui prosedur yang ketat dalam meluluskan produk dan ianya selari dengan Lampiran 7: Proses Pembangunan Produk yang menyatakan bahawa semua produk baru mestilah mendapat pengesahan daripada Jawatankuasa Syariah.⁸² Justeru, perbuatan BIMB yang menawarkan produk-produk yang telah mendapat pengesahan dan kelulusan MPS dilihat memenuhi tuntutan SGF dan selari dengan Syariah yang menuntut agar semua *muhtasab fih* mematuhi syarak.

Audit Syariah ke atas *muhtasab fih* dijalankan secara berkala oleh Unit Audit Syariah BIMB selepas sesuatu produk diluluskan iaitu semasa dan selepas aktiviti penawaran produk dilakukan kepada pelanggan. Manakala audit Syariah secara tidak berkala pula dilakukan oleh Jabatan Semakan Syariah ke atas *muhtasab fih* demi memastikan pematuhan Syariah benar-benar berlaku di BIMB. Pada masa yang sama, BIMB telah mempertanggungjawabkan Jabatan Semakan Syariah sebagai pemantau

⁸⁰ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 27

⁸¹ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁸² *Op.cit.*, 39

bagi memastikan tiada pelanggaran Syariah berlaku di dalam urusan bank. Sekiranya berlaku pelanggaran Syariah seperti prosedur akad tidak sempurna, tidak melaksanakan proses perlantikan ejen dengan sempurna dalam kontrak *wakālah* dan tidak mengenalpasti pemilikan sempurna sesuatu aset untuk ditransaksi, maka Jabatan Pengurusan Risiko Syariah yang akan menguruskan aktiviti ketidakpatuhan Syariah tersebut berlandaskan prosedur khas yang dinamakan sebagai ‘Prosedur Kawalan dan Laporan Isu Ketidakpatuhan Syariah’.⁸³ Tindakan BIMB yang tegas dalam memastikan *muhtasab fih* sentiasa mematuhi Syarak menerusi aktiviti audit Syariah yang dijalankan oleh Unit Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah dilihat selari dengan apa yang digariskan oleh Prinsip 7 SGF yang menyatakan bahawa sesebuah IKI perlu ada fungsi pematuhan Syariah yang mantap yang merangkumi fungsi semakan dan audit serta disokong oleh fungsi kawalan dalaman dan keupayaan penyelidikan dalaman.⁸⁴ Manakala aktiviti pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah dilihat selari dengan apa yang terkandung di dalam Lampiran 7: ‘Proses Pembangunan Produk’ yang menyatakan bahawa selepas sesuatu produk diluluskan, perlu ada pemantauan terhadap pelaksanaan produk tersebut demi untuk memastikan ianya selari dengan prinsip Syariah di samping mengenalpasti risiko ketidakpatuhan Syariah seterusnya mencadangkan tindakan-tindakan sewajarnya kepada pihak pengurusan. Lampiran 7 SGF juga menyebut bahawa selepas sesuatu produk diluluskan, sesebuah IKI juga perlu memastikan agar semakan Syariah dalaman dan laporan tadbir urus Syariah dimasukkan dalam rangka kerja tadbir urus Syariahnya agar proses pengawasan terhadap pematuhan Syariah akan dapat berjalan dengan konsisten.⁸⁵

⁸³ *Op.cit.*

⁸⁴ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 22

⁸⁵ *Ibid.*, 40

4.4. Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen *Muhtasab 'Alaih*.

Muhtasab 'alaih dapat difahami sebagai mereka yang diarahkan melakukan perkara yang makruf dan meninggalkan perkara yang mungkar. Dalam membincangkan *muhtasab 'alaih* BIMB, ianya lebih merujuk kepada pengeluar produk dan perkhidmatan serta kakitangan yang menjalankan penawaran produk dan perkhidmatan tersebut secara langsung kepada pelanggan. Mereka semua akan diaudit dari segi melaksanakan tugas, penjualan produk dan sebagainya sama ada tugas mereka patuh Syariah ataupun sebaliknya.⁸⁶

Dalam aspek pembangunan diri, semua *muhtasab 'alaih* BIMB perlu menghadiri kursus dua hari berkerja setiap tahun. Di dalam kursus inilah akan diterangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mu'amalat dan sebagainya. BIMB mempunyai cita-cita untuk menjadikan kakitangannya mereka yang layak dan bertauliah dalam kewangan Islam. Antara usaha yang dilakukan termasuklah menghantar kakitangannya untuk dilatih tentang kewangan Islam oleh agensi-agensi seperti IBFIM, kursus kepimpinan dan latihan perbankan, kursus-kursus pensijilan profesional, program latihan sambil berkerja dan sebagainya.⁸⁷

Dari segi melakukan audit Syariah ke atas *muhtasab 'alaih* pula, tumpuan diberikan kepada dua kelompok sasaran utama iaitu pengeluar produk atau perkhidmatan dan kakitangan kaunter yang bertanggungjawab menjalankan tugas dalam menawarkan produk dan perkhidmatan tersebut secara langsung kepada pelanggan. Pengeluar produk dan perkhidmatan akan diaudit bermula daripada proses sesuatu

⁸⁶ Ustaz Ali Othman (Timbalan Pengurus Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

⁸⁷ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 9 November 2016.

produk dan perkhidmatan itu dibangunkan. Manakala audit Syariah ke atas *muhtasab* ‘*alaih* yang terlibat secara langsung dalam menawarkan produk kepada pelanggan akan diaudit dari pelbagai aspek termasuklah cara mereka melakukan akad terhadap sesuatu produk, cara mereka melaksanakan tugas dalam menawarkan produk perbankan dan sebagainya.⁸⁸

4.4.1. Analisis Dari Perspektif Konsep *Hisbah*

BIMB telah mengambil langkah yang pro-aktif dalam mengawal pelanggaran Syariah oleh para *muhtasab* ‘*alainya* dalam membangunkan produk-produk baru dengan mewajibkan mereka berkerjasama dengan pegawai Syariah yang dipertanggungjawabkan menjalankan penyelidikan dalam membangunkan produk-produk tersebut. Langkah melantik pegawai Syariah untuk turut terlibat secara langsung dalam membantu penyelidikan dan pembangunan produk dilihat selari dengan prinsip *hisbah* iaitu saling berkerjasama dalam menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada berlakunya sebarang kemungkaran seperti mana firman Allah S.W.T:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ

الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ

اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Surah al-Taubah 9:71

⁸⁸ *Op.cit.*

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Muhtasab 'alaih yang bertugas di kaunter hadapan akan melalui proses semakan dan audit Syariah yang ketat oleh Jabatan Semakan Syariah dan Unit Audit Syariah BIMB. Ini kerana mereka merupakan golongan yang terlibat dalam penawaran produk, proses akad, jual beli produk dan sebagainya. Langkah dalam membuat semakan dan audit Syariah terhadap tugas mereka adalah untuk memastikan tiada pelanggaran Syariah berlaku semasa menjalankan urusan kaunter mereka sehingga boleh mendatangkan kesan buruk kepada transaksi pelanggan dan perniagaan bank.⁸⁹ Tidakan BIMB tersebut dilihat selari dengan gagasan *hisbah* yang menyatakan bahawa wajib menjaga harta orang-orang Islam daripada rugi atau berkurangan.⁹⁰ Menurut Imam al-Ghazali, segala perbuatan yang mungkar patut ditegah dan dilarang walaupun dilakukan oleh orang gila kerana di samping menegakkan prinsip *hisbah* iaitu menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah segala kemungkaran, ianya berkaitan rapat dengan pelanggaran hak Allah dan hak manusia.⁹¹

Dalam konteks tindakan BIMB yang mewajibkan para kakitangannya termasuklah *muhtasab 'alaih* untuk menyertai kursus kewangan Islam, kursus pensijilan professional dan sebagainya untuk menjadikan kakitangannya layak dan bertauliah dalam kewangan

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ 'Abdullah Muḥammad 'Abdullah, *Wilāyah al-Ḥisbah fi al-Islām* (Kaherah: Maktabah al-Zahra', 1996), 232

⁹¹ Al-Imām Abī Ḥāmad Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 454

Islam⁹² dilihat sebagai usaha yang selari dengan kehendak *hisbah* yang menyatakan bahawa pegawai *hisbah* mestilah layak dari segi ilmu.⁹³ Justeru, tindakan BIMB yang menghantar para *muhtasab 'alaih* untuk menuntut ilmu kewangan Islam seterusnya menggunakan ilmu tersebut dalam tugas harian mereka dilihat bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

وَمَا كَانُوا الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Surah Al-Taubah 9:122

Terjemahan: Dan tidak sepatutnya orang-orang mukmin itu semuanya pergi ke medan perang, mengapa sebahagian di antara mereka tidak pergi untuk memperdalam ilmu pengetahuan agama mereka dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali, agar mereka dapat menjaga dirinya.

4.4.2. Analisis Dari Perspektif SGF

Dalam konteks BIMB, *muhtasab 'alaih* ialah pemilik produk dan petugas kaunter hadapan seperti yang dinyatakan sebelum ini dan mereka merupakan golongan yang diwajibkan melakukan perkara yang patuh Syariah dan mengelakkan daripada sebarang ketidakpatuhan Syariah dalam melakukan tugas mereka.

⁹² Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 9 November 2016.

⁹³ Şubhî 'Abd al-Mun'im Muḥammad, Dr., *Al-Ḥisbah fi al-Islam: Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq* (Mesr: Dar al-Riyadh al-Şāliḥīn, 1993), 39

Dalam aspek pembangunan produk, BIMB telah melantik pegawai Syariah yang berkelayakan untuk terlibat secara langsung dalam membuat penyelidikan dan membangunkan produk-produk perbankan baru yang mematuhi Syariah sehingga ianya diperkenalkan kepada pelanggan. Antara tugas utama pegawai Syariah ini ialah memastikan agar segala isu atau permasalahan berkaitan penyelidikan dan pembinaan produk diselesaikan mengikut garis panduan Syarak dan merujuk kepada MPS BIMB, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau mana-mana badan fatwa yang diiktiraf kerajaan seperti *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institution (AAOIFI)*, *Majma' Fiqh* dan sebagainya. Langkah ini memperlihatkan BIMB amat serius dalam memastikan *muhtasab 'alaihnya* sentiasa mematuhi Syarak dan mengelakkan diri daripada melakukan kesalahan Syariah. Tindakan *muhtasab 'alaih* BIMB ini selari dengan '*Appendix 7: Product Development Process*' yang antara lain menyatakan bahawa semua IKI mesti memastikan bahawa proses pembangunan produk mestilah komprehensif dan mantap demi untuk memastikan sebarang kemungkinan produk tersebut tidak menepati Syariah. Menurut Lampiran 7(2) SGF, ketidakpatuhan Syariah mungkin terjadi semasa proses pembangunan produk yang berpunca daripada penstrukturan produk yang tidak betul, kurangnya kajian dalaman dalam memahami konsep Syariah yang sesuai dan salah tafsiran tentang produk semasa peringkat penerbitan atau pasaran produk tersebut. Justeru, usaha BIMB agar *muhtasab 'alaih* yang menjalankan pembangunan segala produknya sentiasa mengikut syarak dilihat selari dengan apa yang digariskan dalam SGF tentang proses pembangunan produk tersebut.⁹⁴

⁹⁴ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 39

Dalam konteks penawaran produk pula, *muhtasab 'alaih* yang terlibat secara langsung ialah mereka yang bertugas di kaunter hadapan bank iaitu yang bertemu dengan pelanggan secara langsung. Tindakan BIMB yang melakukan audit Syariah dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan penilaian semasa berkerja (*walkthrough*) terhadap cara-cara penawaran produk secara langsung oleh *muhtasab 'alaih* kepada para pelanggan juga dilihat selari dengan SGF dalam '*Appendix 7: Product Development Process*' dalam bahagian selepas kelulusan produk (*post-product approval*). Dalam lampiran 7 tersebut, SGF ada menyatakan bahawa selepas kelulusan sesuatu produk, perlu ada proses pemantauan terhadap pelaksanaan produk demi untuk memastikan ianya selari dengan tuntutan prinsip Syariah di samping mengenalpasti bidang potensi risiko-risiko ketidakpatuhan Syariah seterusnya mencadangkan kepada pihak pengurusan tindakan sewajarnya yang perlu diambil hasil daripada pemantauan tersebut.⁹⁵

Pelaksanaan program-program pembangunan untuk memantapkan *muhtasab 'alaih* dilihat selari dengan tuntutan SGF di dalam Prinsip 2.14 yang menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan sesebuah IKI agar dapat menyediakan program pembelajaran dan latihan yang berterusan tentang Syariah dan kewangan kepada kakitangannya yang bukan terhad kepada lembaga pengarah dan Jawatankuasa Syariah sahaja tetapi juga meliputi kakitangan-kakitangan yang berkaitan. Justeru, usaha BIMB dalam menganjurkan pelbagai program dan latihan untuk pembangunan *muhtasab 'alaih* seperti yang dinyatakan sebelum ini dilihat memenuhi Prinsip 2.14 tersebut.⁹⁶

⁹⁵ *Ibid.*, 40

⁹⁶ *Ibid.*, 12

4.5. Analisis Pelaksanaan Audit Syariah Menerusi Elemen *Nafs al-Ihtisab*.

Nafs al-ih̥tisab ialah tindakan yang dikenakan ke atas pelanggar syarak melalui kaedah berperingkat-peringkat bermula dengan tindakan memberi nasihat secara lembut hinggalah kepada tindakan dengan kekerasan.⁹⁷ Melihat kepada praktikal di BIMB, *ih̥tisab* yang dilakukan juga melalui proses yang berperingkat-peringkat. *Ih̥tisab* oleh BIMB tersebut boleh diperhatikan melalui kes ketidakpatuhan Syariah, jabatan yang terlibat dengan kes ketidakpatuhan Syariah dan kakitangan yang melanggar peraturan.

4.5.1. Analisis Dari Perspektif Konsep *Hisbah*

Dalam konteks *ih̥tisab* BIMB yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat ke atas kes ketidakpatuhan, jabatan dan kakitangan, ianya dilihat dilaksanakan mengikut konsep asas *hisbah* iaitu mempunyai peringkat-peringkat bermula daripada ta'āruf (mengenalpasti kemungkaran), *ta'rīf* (pemberitahuan), larangan dengan pengajaran, mengertak dengan kata-kata keras, merubah dengan tangan, mengancam dan menakutkan pembuat kemungkaran, memukul dengan tangan dan bertindak dengan bantuan pegawai bersenjata.⁹⁸ Walaupun dalam tindakan *ih̥tisab* yang dilakukan oleh BIMB tidak melibatkan ke peringkat memukul dengan tangan dan menggunakan pegawai bersenjata, namun konsep yang dilakukan dengan berperingkat-peringkat bermula dengan tindakan secara lembut hinggalah ke peringkat tegas dilihat menyamai konsep asal *ih̥tisab* institusi *hisbah*. Sebagai contohnya, *ih̥tisab* yang dilakukan ke atas kakitangan yang melanggar syarak dikendalikan dengan menggunakan matriks hukuman (*matrix of punishment*) BIMB yang bermula dengan surat peringatan.

⁹⁷ Al-Imām Abī Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥya' 'Ulūm al-Dīn*, (Kaherah: Dār al-Hadith, j. 2, 1998), 257

⁹⁸ Al-Imām Abī Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥya' 'Ulūm al-Dīn* (terjemahan) (Kuala Lumpur: Victoria Ajensi, j. 3, 1988), 520

Sekiranya masih melakukan kesalahan, ianya akan diikuti dengan surat amaran, pemberhentian kenaikan gaji tahunan, sekatan kenaikan pangkat dan akhir sekali pemberhentian kerja.⁹⁹ Tindakan *ihtisab* berperingkat-peringkat ini yang bermula daripada peringkat peringatan dan nasihat hinggalah ke peringkat yang paling tegas dilihat selari dengan konsep *ihtisab* yang diterangkan oleh Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī seperti yang dinyatakan di atas.

Asas tindakan *ihtisab* dalam mencegah kemungkaran yang dilakukan secara berperingkat-peringkat adalah selari dengan sabda Rasulullah S.A.W:¹⁰⁰

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :
مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ
الْإِيمَانِ

Terjemahan: Dari Abu Sa'id Al Khudri R.A berkata: Saya mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: “Siapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman.

Hadis di atas menerangkan peringkat-peringkat kemampuan dalam mencegah kemungkaran. Namun dalam konteks mereka yang diberikan kuasa seperti para *muhtasib*, maka peringkat-peringkat *ihtisab* perlu dilakukan agar objektif hisbah itu akan tercapai. Justeru, prosedur tegas yang dijalankan oleh BIMB secara berperingkat-

⁹⁹ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 9 November 2016.

¹⁰⁰ ‘Aṣām al-Ṣabbābaṭī *et.al.*, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī* (Kaherah: Dār al-Hadith, 2001), 296

peringkat dalam mengawal segala tindakan tidak patuh Syariah amatlah selari dengan elemen asas *hisbah* iaitu *nafs al-ihtisab*.

4.5.2. Analisis Dari Perspektif SGF

Dalam konteks tindakan *hisbah* ataupun *ihtisab* oleh BIMB terhadap kes ketidakpatuhan Syariah, ianya dikendalikan mengikut peringkat-peringkat sehingga kes ketidakpatuhan tersebut tidak akan berulang. Antara peringkat-peringkat *ihtisab* tersebut ialah seperti yang telah dijelaskan di dalam Bab Tiga iaitu:¹⁰¹

- i. Peringkat pertama ialah kes ketidakpatuhan Syariah tersebut mestilah dilaporkan kepada BNM dalam masa tiga hari selepas MPS Bank Islam memutuskan ianya melanggar syarak.
- ii. Peringkat kedua ialah Bank Islam mestilah menyediakan pelan pembetulan terhadap kes ketidakpatuhan Syariah tersebut dalam masa 30 hari daripada ianya dikenalpasti oleh MPS.
- iii. Peringkat ketiga ialah peringkat pemantauan terhadap pelan pembetulan tersebut. Pemantauan adalah perlu bagi memastikan pelan pembetulan berjalan seperti yang dirancang dan kes ketidakpatuhan tersebut tidak akan berulang.

Ihtisab terhadap kes ketidakpatuhan Syariah yang dilakukan oleh BIMB seperti yang dinyatakan di atas adalah dilihat selari dengan Prinsip 2.17 SGF yang menyatakan

¹⁰¹ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

bahawa sekiranya terdapat operasi yang tidak patuh Syariah ataupun bertentangan dengan nasihat Jawatankuasa Syariah, maka sesebuah IKI mestilah:¹⁰²

- i. Segera memberitahu lembaga pengarah, MPS dan Bank Negara Malaysia.
- ii. Segera memberhentikan daripada meneruskan aktiviti perniagaan yang tidak patuh Syariah.
- iii. Mesti merangka pelan pembetulan terhadap ketidakpatuhan tersebut dan diluluskan oleh lembaga pengarah dan Jawatankuasa Syariah dalam masa 30 hari.

Manakala *ihtisab* terhadap kakitangan dan jabatan yang terlibat dengan ketidakpatuhan Syariah tidak diperincikan di dalam SGF. Namun apa yang dipraktikkan oleh BIMB dalam konteks tindakan *hisbah* secara berperingkat-peringkat terhadap kakitangan dengan menggunakan kaedah matriks hukuman (*matrix of punishment*) secara berperingkat seperti surat peringatan, surat amaran, pemberhentian kenaikan gaji tahunan, sekatan kenaikan pangkat dan pemberhentian kerja¹⁰³ dan *ihtisab* terhadap jabatan dengan menggunakan kaedah kadar penilaian audit Syariah terdahulu sebelum sesuatu audit Syariah baru hendak dijalankan¹⁰⁴ dilihat sebagai inisiatif BIMB yang memperincikan *ihtisab* dan mengambil kaedah Prinsip 2.17 SGF di atas dalam *ihtisab* tersebut.

¹⁰² Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 13

¹⁰³ Ustaz Mohd. Nazri Chik (Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 9 November 2016.

¹⁰⁴ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama penulis, 15 Ogos 2016.

4.6. Kesimpulan

Sesungguhnya kewujudan dan pemakaian elemen-elemen *hisbah* di dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB dilihat sebagai penerus kepada kegemilangan institusi *hisbah* yang pernah wujud di dalam sejarah kegemilangan Islam. Elemen-elemen *hisbah* seperti *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab* di lihat memperkasakan lagi pentadbiran audit Syariah di BIMB sejajar dengan tujuan utama *hisbah* iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada berlakunya kemungkaran.

Sejajar dengan fungsi *hisbah* yang berperanan dalam memantapkan sistem pengawasan Islam terutamanya dalam aspek pengurusan seperti perancangan, penyusunan, kepimpinan, membuat keputusan dan pelaksanaan keputusan,¹⁰⁵ maka kewujudan dan pemakaian elemen-elemennya dilihat boleh memantapkan lagi sistem pentadbiran audit Syariah di BIMB.

Inisiatif BNM dalam memperkenalkan SGF sebagai panduan kepada semua IKI dalam memantapkan tadbir urus Syariah mereka juga dilihat sebagai nilai tambah kepada pentadbiran audit Syariah di BIMB. Elemen-elemen konsep *hisbah* yang wujud di dalam SGF seperti *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab* menjadikan ianya rujukan penting dalam pematuhan Syariah bagi semua IKI termasuklah BIMB. Bagi pengurusan audit Syariah BIMB, mereka menjadikan semua aktiviti BIMB sentiasa mematuhi semua yang terkandung di dalam SGF yang dikeluarkan oleh BNM tersebut.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Mardzelah Makhsin, *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008), 1

¹⁰⁶ *Op.cit.*

Secara keseluruhannya, BIMB dilihat telah melaksanakan pentadbiran audit Syariahnya melalui elemen-elemen konsep *hisbah* yang wujud di dalamnya. Pelaksanaan konsep *hisbah* di dalam pentadbiran audit Syariah tersebut dilihat sebagai langkah yang baik memandangkan ianya mendokong Syariah dan selari dengan firman Allah S.W.T.

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Surah Āli ‘Imrān 3:104

Terjemahan: Hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Mereka yang bersifat demikianlah itulah orang yang berjaya.

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1. Pengenalan

Pemakaian konsep *hisbah* sebagai sistem audit Syariah dalam urusan perbankan dilihat mampu memperkasakan sistem Islam khususnya bidang ekonomi atau muamalat. Berteraskan kepada prinsip *al-amr bi al-ma'rūf wa al-naḥyy al-munkar*, sistem yang dianggap khazanah ilmu pentadbiran Islam ini perlu diketengahkan dan dijenamakan semula agar menjadi satu sistem pengawasan yang berupaya memperkasakan masyarakat khususnya dalam sistem perbankan Islam. SGF yang diperkenalkan oleh Bank Negara pada tahun 2011 boleh dianggap sebagai satu penjenamaan semula sistem *hisbah* yang pernah digunakan oleh pentadbiran kerajaan silam. Manakala implementasi SGF ini oleh bank-bank di Malaysia terutamanya BIMB merupakan satu keyakinan terhadap sistem ini dalam usaha mempertahankan sistem yang berpaksikan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kewujudan pelbagai isu dalam iklim perbankan Islam pada hari ini seperti audit Syariah luar yang tidak diwajibkan oleh pihak BNM, kelayakan juruaudit Syariah dan sebagainya boleh ditampung dengan kawalan SGF tersebut. Pada masa yang sama, ianya memberi ruang kepada pihak-pihak berwajib untuk merancang bagi memperkasakan lagi kawalan sistem kewangan Islam di negara ini dan salah satu alternatifnya ialah dengan mengadaptasi elemen-elemen *hisbah* yang menjadi teras sistem kawalan pentadbiran Islam.

5.2. Dapatan dan rumusan keseluruhan

Berdasarkan beberapa perbahasan sebelum ini, dapatlah dirumuskan sebagaimana berikut:

5.2.1. Elemen-elemen *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB.

Kajian terhadap rujukan-rujukan klasik dan moden telah mendapati wujudnya elemen-elemen *hisbah* di dalam pentadbiran audit Syariah BIMB. Elemen-elemen *hisbah* tersebut ialah seperti *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih dan nafs al-ihisab*. Walaupun tiada persamaan dalam penggunaan istilah-istilah tersebut, namun hasil kajian menerusi analisis pelaksanaan pentadbiran audit Syariah di BIMB mendapati memang wujud elemen-elemen tersebut. Kewujudan elemen-elemen *hisbah* tersebut boleh dilihat dengan jelas melalui jadual seperti di bawah:

Elemen-elemen <i>hisbah</i> menurut konsep asal <i>hisbah</i>	Elemen-elemen <i>hisbah</i> di dalam pentadbiran audit Syariah BIMB
1) <i>Muhtasib</i>	Pakar rujuk dan pegawai-pegawai Syariah yang ditugaskan untuk menjaga pematuhan Syariah di BIMB. Mereka terdiri daripada ahli-ahli MPS, Unit Audit Syariah dan Bahagian Syariah.
2) <i>Muhtasab fih</i>	Bidang atau perkara yang menjadi topik sasaran utama <i>hisbah</i> dan ianya berkaitan dengan perbuatan yang disuruh atau dilarang. Dalam konteks BIMB, bidang atau

	<p>perkara yang menjadi sasaran utama pentadbiran audit Syariah ialah berkaitan dengan pematuhan Syariah terhadap segala bentuk yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan, perjanjian, borang, terma dan syarat serta sistem teknologi maklumat yang digunakan</p>
3) <i>Muhtasab 'alaih</i>	<p>Dalam konteks BIMB, <i>muhtasab 'alaih</i> adalah lebih menjurus kepada kakitangan bank yang terlibat di dalam operasi dan aktiviti BIMB terutamanya pengeluaran produk dan perkhidmatan serta kakitangan yang melaksanakan operasi produk dan perkhidmatan tersebut.</p>
4) <i>Nafs al-Ihtisab</i>	<p>Tindakan yang diambil oleh <i>muhtasib</i> dan dikenakan ke atas pelanggar syarak secara berperingkat-peringkat bermula dengan tindakan memberi nasihat secara lembut hinggalah kepada tindakan dengan kekerasan. Dalam konteks pelaksanaan audit Syariah di BIMB, sebelum <i>ihtisab</i> dilaksanakan, ianya perlu melalui proses yang berperingkat-peringkat bermula daripada isu pelanggaran yang dikenalpasti oleh Bahagian Syariah setelah mendapat laporan daripada aktiviti audit yang dilakukan oleh Unit Audit Syariah. Tindakan tersebut boleh dilihat dengan jelas melalui <i>ihtisab</i> terhadap kes ketidakpatuhan Syariah, <i>ihtisab</i> terhadap jabatan yang terlibat dengan kes ketidakpatuhan Syariah dan <i>ihtisab</i> terhadap kakitangan.</p>

Justeru, hasil kajian jelas mendapati memang wujud elemen-elemen *hisbah* dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB.

5.2.2. Terdapat pengekalan dan modifikasi terhadap elemen-elemen *hisbah* di dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB.

Dalam membincangkan teori *hisbah* yang memfokuskan kepada elemen-elemennya iaitu *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab* yang terdapat dalam pentadbiran audit Syariah di BIMB, kajian ini mendapati tiada pembuangan yang dilakukan terhadap elemen-elemen tersebut tetapi sebaliknya ialah pengekalan dan modifikasi. Elemen-elemen *muhtasib*, *muhtasab fih*, *muhtasab 'alaih* dan *nafs al-ihtisab* dikekalkan wujud di dalam pentadbiran audit Syariah BIMB. Namun terdapat sedikit modifikasi yang dilakukan terhadap elemen-elemen tersebut seperti peranan *muhtasib* di BIMB dilihat telah dijalankan oleh tiga entiti utama iaitu Unit Audit Syariah, Bahagian Syariah dan MPS. Langkah yang dijalankan oleh BIMB tersebut nampak agak tersusun dan sistematik dengan setiap entiti *muhtasib* tersebut mempunyai peranan yang khusus namun menuju matlamat yang satu iaitu mempertahankan pematuhan Syariah di BIMB yang selari dengan matlamat utama *hisbah* iaitu *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*. Langkah mewujudkan tiga entiti *muhtasib* tersebut juga dilihat sebagai satu modifikasi yang menunjukkan betapa seriusnya BIMB menjalankan peranannya dalam pematuhan Syariah terhadap segala operasi dan perkhidmatannya.

Dalam konteks *muhtasab fih*, modifikasi yang jelas dilakukan ialah wujudnya perancangan yang rapi dalam usaha untuk mengenalpasti perbuatan yang tidak patuh

Syariah terhadap segala produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB. Usaha Unit Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah BIMB yang menyediakan pelan audit Syariah yang rapi dan lengkap berserta dengan teknik-teknik yang bersesuaian dilihat satu modifikasi terhadap pengurusan *muhtasab fih* berbanding dengan apa yang diamalkan dalam sejarah institusi *hisbah* Islam. Sebagai contohnya, pengurusan *muhtasab fih* di zaman Rasulullah S.A.W dan para sahabat dapat dilihat melalui tinjauan umum ke pasar-pasar perniagaan untuk memastikan segala aktiviti pengurusan barangan dagangan mematuhi kehendak syarak. Namun, tinjauan dan aktiviti turun padang dalam menguruskan *muhtasab fih* oleh *muhtasib* BIMB dilihat lebih berfokus dengan penyediaan pelan audit Syariah yang dilakukan. Namun, penulis tidak mengatakan bahawa apa yang dilakukan terhadap pengurusan *muhtasab fih* di zaman awal institusi *hisbah* tidak lengkap. Apa yang dimaksudkan oleh penulis ialah dalam konteks pengurusan institusi kewangan yang mungkin lebih kompleks pada hari ini, modifikasi yang dilakukan oleh BIMB terhadap pengurusan *muhtasab fih* dilihat bersesuaian dengan masa dan keadaan yang mencabar pada hari ini.

Manakala sedikit modifikasi terhadap *muhtasab 'alaih* ialah mereka juga akan diaudit dari segi tugas menawarkan produk dan perkhidmatan BIMB melalui pelan audit Syariah yang digubal dengan rapi dan teliti sebelum sesuatu aktiviti audit Syariah yang hendak dilakukan ke atas mereka. Tindakan ini dilihat boleh menantapkan lagi pencapaian BIMB untuk memastikan segala tugas yang dijalankan oleh *muhtasab 'alaih* ini mematuhi syarak seterusnya menjadikannya selari dengan objektif utama *hisbah* iaitu *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*.

5.2.3. Konsep *hisbah* adalah bersifat komprehensif dan tegas dalam pematuhan Syariah.

Faktor komprehensif dan tegas yang dimiliki oleh sistem *hisbah* dalam menjalankan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* merupakan satu keperluan kepada IKI dalam menjalankan operasinya. Selain itu, ianya juga perlu untuk pemantauan dalam aspek Syariah secara menyeluruh yang melibatkan sistem organisasi dan kakitangan agar sentiasa berada di landasan syarak. Sesuatu yang istimewa tentang sistem *hisbah* ini ialah ianya mempunyai pegawai audit yang berkelayakan dari segi agama dan berpengetahuan mendalam tentang agama terhadap perkara yang diauditkan.

Institusi *hisbah* ini juga amat diperlukan sebab ia boleh menanamkan keyakinan masyarakat terhadap kesahihan operasi sesebuah organisasi seperti institusi perbankan. Ini adalah kerana sistem *hisbah* adalah sistem Islam yang tegas dan dipimpin oleh pegawai yang memenuhi kriteria yang diperlukan oleh Islam. Dalam pada itu, institusi *hisbah* ini juga diperlukan kerana ianya mampu mewujudkan suasana persekitaran organisasi yang Islamik di samping berupaya mengembangkan syiar Islam secara menyeluruh dan menjadi contoh kepada organisasi-organisasi lain yang memerlukan pematuhan Syariah dalam operasi organisasi mereka.

5.2.4. Sistem pengawasan *hisbah* adalah lengkap berbanding dengan sistem pengawasan konvensional.

Sistem pengawasan *hisbah* adalah lebih lengkap dan menyeluruh berbanding dengan sistem pengawasan konvensional. Sistem pengawasan *hisbah* melibatkan

pengawasan dalaman iaitu pengawasan diri sendiri dan pengawasan luaran iaitu pengawasan ilahi, pengawasan masyarakat dan pengawasan pihak berkuasa. Ini bermakna, sistem pengawasan yang dilaksanakan menggunakan elemen-elemen *hisbah* adalah lebih mantap kerana melibatkan mereka yang berkeupayaan mengawal diri sendiri dari sebarang salah laku dan diperkasakan dengan pengawasan sistem syarak, masyarakat dan pihak berkuasa. Ianya cukup berbeza dengan sistem pengawasan konvensional yang hanya menekankan pengawasan sistem organisasi dan pihak berkuasa dan tidak menitikberatkan pengawasan diri sendiri dan pengawasan ilahi.

5.2.5. Pelaksanaan pentadbiran audit Syariah BIMB selari dengan objektif *hisbah* seperti yang dibawakan oleh ilmuan-ilmuan Islam.

Para ilmuan Islam seperti al-Mawardī¹, Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā'², Dhiaū al-Din Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Zaid³, Sahām Mustafa Abū Zaid⁴ dan Subḥī 'Abd al-Mun'im Muḥammad⁵ sepakat mendefinisikan *hisbah* di atas asas *al-amr bi al-ma'rūf wa al-naḥyy al-munkar* iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran jika jelas wujud perbuatan ingkar terhadap keduanya. Dalam konteks pelaksanaan pentadbiran audit Syariah BIMB, kesungguhannya dalam memastikan semua aktiviti berjalan atas dasar *al-amr bi al-ma'rūf wa al-naḥyy al-munkar* dibuktikan dengan kewujudan Majlis Pengawasan Syariah (MPS) sebagai salah

¹ Abī al-Ḥasan 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdadī Al-Mawardī, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* (Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhu, (1966), 240

² Abī Ya'la Muḥammad bin al-Ḥussain al-Farrā', *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1983), 283

³ Dhiaū al-Din Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Zaid, *Ma'ālim al-Qurbah fī Aḥkām al-Ḥisbah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 2001), 13

⁴ Sahām Mustafa Abū Zaid, *Al-Ḥisbah fī Miṣr al-Islāmiyyah min al-Faṭḥ al-'Arabī ilā Nihāyah al-'Aṣr al-Mamlūkī* (Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, 1986), 43

⁵ Subḥī 'Abd al-Mun'im Muḥammad, *Al-Ḥisbah fī al-Islām baina al-Nazariyyah wa al-Tatbīq*, (Al-Fuyūm Mesir: Dār al-Riyaḍ al-Sālihīn, 1993), 16

satu peringkat pengurusan utama dan keputusan mereka terhadap isu-isu patuh Syariah mesti dipatuhi. Ini kerana, Majlis Pengawas Syariah atau disebut *Shariah Supervisory Council* (SSC) juga diberi peranan besar dalam menetapkan keperluan Syariah bagi semua produk, perkhidmatan, dokumen perundangan dan aktiviti.⁶

Dalam usaha memastikan wujudnya tindakan pengawasan serius, BIMB juga mewujudkan Unit Audit Syariah yang berfungsi sebagai membuat audit atau penilaian berkala dari semasa ke semasa. Jabatan ini menjalankan peranannya secara bebas demi meningkatkan tahap pematuhan Syariah dalam segala operasi di BIMB di samping memastikan sistem kawalan dalaman pematuhan Syariah adalah mantap dan berkesan. Kewujudan Jabatan Audit Syariah ini adalah selari dengan gagasan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyy al-munkar* yang dibawakan oleh konsep *hisbah* itu sendiri.

Dalam pada itu, usaha BIMB yang mewujudkan Bahagian Syariah juga dilihat selari dengan konsep *hisbah* dalam menjalankan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyy al-munkar* dalam organisasi. Bahagian Syariah ini berkerjasama rapat dengan Unit Audit Syariah dan MPS dalam memastikan segala operasi bank mengikut kehendak syarak.

5.2.6. Pelaksanaan audit Syariah BIMB yang selari dengan konsep *hisbah* merupakan tanggungjawab agama dan wajib dilaksanakan oleh mereka yang dilantik.

Audit Syariah yang selari dengan *hisbah* sebagaimana diamalkan oleh BIMB adalah satu tanggungjawab agama yang berpaksikan kepada menyuruh kepada kebaikan

⁶ Bank Islam Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2009* (Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 2009), 81

dan mencegah daripada kemungkaran seperti yang terkandung dalam Surah Āli ‘Imrān ayat 104, iaitu:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Surah Āli ‘Imrān 3:104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung

Dalam konteks pengamalan tanggungjawab ini, beberapa tafsiran boleh diketengahkan untuk membuktikan bahawa penyiaran tugas *hisbah* ini adalah satu tanggungjawab agama dan wajib dilaksanakan oleh mereka yang diberi kuasa oleh pemerintah. Antara tafsiran-tafsiran tersebut adalah oleh ‘Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī yang menyatakan beliau bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa perkataan *min* (من) yang terkandung dalam *minkum* (منكم) dalam ayat di atas adalah *li al-tab‘īd* (للتبعية) iaitu bermaksud tugas menyeru kepada kebajikan dan mencegah dari yang mungkar adalah tugas ulama dan bukan semua manusia adalah ulama. Bagi beliau, tanggungjawab tersebut adalah fardu kifayah yang perlu dilakukan oleh sekelompok manusia.⁷ Al-Qurṭubī juga menyatakan bahawa tugas menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah fardu kifayah

⁷ ‘Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī: Al-Musamma Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqāiq al-Ta’wīl* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, j. 1, 2001), 106

yang perlu dijalankan oleh mereka yang berpengetahuan tentang tugas tersebut. Ini kerana, tanggungjawab tersebut tidak akan terlaksana mengikut syarak andai tidak dikendalikan oleh mereka yang berilmu tentang makruf dan mungkar.⁸ Begitu juga tafsiran oleh Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī yang menyatakan bahawa tugas rasmi *al-amr bi al-ma’rūf wa al-naḥy al-munkar* bukanlah tugas semua manusia tetapi merupakan tugas segolongan umat Islam untuk menjalankan dakwah kepada Allah iaitu menyuruh kepada segala kebaikan dan mencegah daripada melakukan segala kejahatan.⁹ Manakala Wahbah al-Zuhailī pula menyatakan bahawa adalah menjadi suatu kewajipan ke atas umat Islam atau satu kumpulan atau jemaah yang tersusun untuk menjalankan kerja dakwah menyuruh kepada kebaikan, mencegah daripada kemungkaran, memelihara agama, menjaga hak-hak dan menegakkan keadilan.¹⁰ Sayyid Qutb pula menyatakan bahawa mesti wujud satu kelompok yang menjalankan kerja-kerja menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Menurut beliau, kelompok tersebut mestilah terdiri daripada mereka yang diberikan kuasa untuk menjalankan kerja dakwah tersebut.¹¹ Oleh yang demikian, rangkuman tafsir tersebut bolehlah dibuat rumusan bahawa tanggungjawab dalam menjalankan *al-amr bi al-ma’rūf wa al-naḥy al-munkar* yang menjadi paksi institusi *hisbah* adalah fardhu kifayah dan bukannya fardhu ‘ain. Namun ianya menjadi fardhu ‘ain kepada mereka yang dilantik untuk menjalankan tanggungjawab tersebut. Dalam konteks audit Syariah BIMB, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kakitangan yang dilantik terutamanya di Unit Audit Syariah dan Bahagian Syariah untuk

⁸ Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Ansarī al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ al-Aḥkām al-Qurān* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, j. 2, 1993), 194

⁹ Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwaṭ al-Tafsīr : Tafsīr li al-Qurān al-Karīm* (Beirut: Dār al-Fikr, j.1, 1996), 201


¹⁰ Wahbah al-Zuhailī, *Al-Tafsīr al-Waṣīṭ* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, j. 1, 2001), 224

¹¹ Sayyid Qutb, *Fi Zilāl al-Qurān*, (Beirut: Dār al-Syurūq, j. 1, 1982), 444

menjalankan tugas agama ini agar dasar *al-amr bi al-ma'rūf wa al-naḥyy al-munkar* seperti yang dikehendaki agama dapat dilaksanakan.

5.2.7. Proses audit Syariah BIMB dan SGF adalah selari dengan proses *ḥisbah*.

Jika ditinjau daripada proses audit Syariah BIMB dan SGF dengan proses audit oleh institusi *ḥisbah*, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa kedua-duanya mempunyai keselarian.




Rajah 5.1: Proses audit Syariah BIMB dan SGF

Daripada Rajah 5.1 di atas, dapat difahami bahawa aliran proses audit Syariah BIMB dan SGF begitu komprehensif bermula daripada memahami aktiviti perniagaan untuk menentukan skop pelaksanaan audit sehinggalah ke proses terakhir iaitu menyediakan saranan penambahbaikan untuk memperbetulkan sebarang kesalahan dan

langkah susulan terhadap tindakan yang diambil dalam membetulkan kesalahan tersebut.

Manakala proses tindakan *hisbah* pula boleh dirumuskan dengan jelas melalui intipati konsep, prinsip dan rukun *hisbah*.



Rajah 5.2: Proses audit institusi *hisbah*

Daripada proses audit *hisbah* di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa ianya bermula daripada tindakan memastikan sesuatu masalah itu perlu tindakan *hisbah* atau sebaliknya. Jika ianya memerlukan tindakan *hisbah*, maka proses audit atau pengawasan akan bermula dan dilakukan oleh mereka yang dilantik oleh pihak berkuasa serta memenuhi syarat untuk memikul tugas sebagai pegawai *hisbah*. Tindakan untuk penambahbaikkkan akan dibuat sekiranya didapati berlakunya pelanggaran syarak. Justeru, pelan atau proses audit Syariah BIMB dan SGF dilihat selari dan diperkemaskan serta ditambah nilai daripada proses institusi *hisbah*.

5.2.8. Pelaksanaan pentadbiran audit Syariah berasaskan *hisbah* juga merupakan satu kaedah syarak untuk melindungi dan menjamin masyarakat terus mengamalkan syariat.

Pelaksanaan pentadbiran audit Syariah berasaskan konsep *hisbah* bukanlah semata-mata mengawasi segala salah laku yang melanggar Syariah. Akan tetapi, ianya juga merupakan satu kaedah syarak untuk melindungi masyarakat dan memberi jaminan untuk mereka terus berpegang teguh dengan syariat Allah. Ini bermakna, pentadbiran audit Syariah yang dijalankan berasaskan konsep *hisbah* mempunyai peranan besar kerana di samping memastikan segala aktiviti dijalankan mematuhi Syariah ianya juga dilihat sebagai satu kaedah syarak untuk melindungi masyarakat daripada salah laku syarak serta memberikan jaminan agar mereka boleh terus mengamalkan syariat Islam dengan aman dan tenteram tanpa aktiviti salah laku syarak. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ غَلِيبٌ ﴿٥١﴾

Surah al-Haj 22: 41

Terjemahan: Iaitu orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar, dan kepada Allah-lah kembali segala urusan.

5.2.9. Pelaksanaan audit Syariah berasaskan *hisbah* di BIMB hanya dilakukan secara dalaman.

Hasil daripada kajian ini juga mendapati bahawa aktiviti audit Syariah berasaskan *hisbah* di BIMB hanya dilakukan oleh *muhtasib* dalaman tanpa melibatkan *muhtasib* luar. Antara *muhtasib* dalaman yang terlibat secara langsung di dalam melakukan aktiviti audit Syariah ialah *muhtasib* di Unit Audit Syariah dan *muhtasib* di Jabatan Semakan Syariah. Mereka dibantu oleh *muhtasib* lain di Bahagian Syariah dan mendapat nasihat secara langsung oleh ahli-ahli MPS. Walaupun di dalam Prinsip 7.14 SGF ada menyatakan bahawa sesebuah IKI boleh untuk diaudit oleh juruaudit luar yang dibiayai oleh IKI itu sendiri, namun setakat ini BIMB belum lagi menjemput juruaudit luar untuk melakukan audit Syariah terhadap operasinya. Tindakan BIMB tersebut bukanlah melanggar SGF atau syarak akan tetapi mungkin mereka merasakan tiada kepeluan lagi buat masa ini. Namun, sekiranya mereka diaudit oleh juruaudit Syariah luar ianya mungkin boleh lebih menyakinkan masyarakat terhadap ketelusannya dalam menjalankan perniagaan yang berteraskan pematuhan Syariah.

5.2.10. Pelaksanaan audit Syariah berasaskan *hisbah* di BIMB dilaksanakan oleh dua entiti berbeza.

Kajian juga mendapati bahawa pelaksanaan audit Syariah secara khusus di BIMB telah dilaksanakan oleh dua entiti berbeza iaitu Unit Audit Syariah di bawah Bahagian Audit Dalaman dan Jabatan Semakan Syariah di bawah Bahagian Syariah. Dari segi pelaksanaan audit, kedua-dua entiti ini menjalankan proses audit yang sama iaitu melalui perancangan pelan audit yang teliti. Namun apa yang membezakan antara

keduanya ialah audit Syariah yang dijalankan oleh Unit Audit Syariah adalah berbentuk berkala manakala audit Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Semakan Syariah adalah tidak berkala dan boleh dilakukan bila-bila masa mengikut keperluan.

Namun timbul persoalan adakah amalan BIMB tersebut bercanggah dengan prinsip-prinsip SGF yang digariskan oleh BNM? Jika dirujuk kepada skop tugas Jabatan Semakan Syariah di dalam Prinsip 7.5 SGF, ianya menyatakan bahawa skop Jabatan Semakan Syariah meliputi semua operasi perniagaan IKI termasuklah proses pembangunan sesuatu produk dari awal dibangunkan hingga ditawarkan kepada pelanggan. Manakala dari segi proses audit Syariah yang digariskan untuk Jabatan Semakan Syariah seperti yang terkandung di dalam Prinsip 7.6 SGF, ianya dilihat selari dengan proses audit Syariah yang diperuntukkan kepada Unit Audit Syariah di dalam Prinsip 7.13 SGF yang melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, laporan dan susulan. Oleh yang demikian, amalan BIMB dalam melakukan audit Syariah oleh dua entiti yang berbeza adalah selari dengan peruntukan SGF.

5.2.11. Proses audit Syariah BIMB selari dengan SGF.

Proses audit Syariah yang dijalankan oleh BIMB dilihat menepati saranan yang dikemukakan oleh BNM melalui Prinsip 7.13 SGF iaitu:¹²

The process of Shariah audit shall be designed to enable the IFI to assess whether a sound and effective internal control system for Shariah compliance have been implemented, which should cover, but is not limited to, the following:

¹² Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 24

- (i) *understanding the business activities of the IFI to allow for better scoping of an audit exercise, i.e. auditability and relevance of activities;*
- (ii) *developing a comprehensive internal audit program or plan. The program shall include objectives, scope, personnel assignment, sampling, control and duration as well as establish proper audit processes, policies and procedures of IFI's operations;*
- (iii) *obtaining and making reference to relevant sources, including the SAC's published rulings, the Shariah Committee's decisions, fatwas, guidelines, the Shariah audit results and the internal Shariah checklist;*
- (iv) *conducting Shariah audit on a periodical basis;*
- (v) *communicating results of any assessment or findings arising from the Shariah audit to the Board Audit Committee and the Shariah Committee; and*
- (vi) *providing recommendations on rectification measures taken as well as following-up on the implementation by the IFI.*

Prinsip 7.13 di atas menerangkan dengan jelas tentang proses yang perlu dilakukan oleh IKI dalam usaha mereka untuk melakukan audit Syariah. Ianya merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, laporan dan susulan. Melalui kajian ini, penulis mendapati amalan audit Syariah di BIMB adalah selari dengan apa yang digariskan oleh SGF di atas. Praktikal proses audit Syariah di BIMB boleh dilihat dengan jelas seperti berikut:



Rajah 5.3: Proses Audit Syariah BIMB (Unit Audit Syariah BIMB, 2016)

Menurut Cik Norrulhuda Kulop Alang, Timbalan Pengurus Audit Dalaman (Pemangku Ketua Audit Syariah) BIMB, peringkat perancangan bermaksud memahami memahami aktiviti-aktiviti operasi atau perniagaan entiti yang hendak diaudit,

menentukan objektif audit, membangunkan atau mengemaskini profil risiko Syariah, penentuan teknik audit dan sebagainya. Manakala proses pada peringkat pelaksanaan pula bermaksud melaksanakan aktiviti audit Syariah menggunakan pelan audit yang telah dirancang. Peringkat laporan pula bermaksud menyediakan laporan terhadap perkara yang diaudit manakala peringkat susulan pula bermaksud melihat perkembangan tindakan pembetulan yang dilakukan.¹³

Daripada apa yang dipraktikkan oleh BIMB tersebut, ianya jelas menggambarkan bahawa proses audit Syariah BIMB adalah selari dengan kehendak SGF melalui Prinsip 7.13 di atas.

5.2.12. Objektif pelaksanaan audit Syariah BIMB dan SFG selari dengan objektif *hisbah*.

Dari segi objektif pelaksanaan, aktiviti audit Syariah BIMB dan SGF dilihat selari dengan objektif *hisbah* yang bermatlamatkan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkar. Audit Syariah di BIMB bermatlamatkan agar semua aktiviti patuh Syariah dan berusaha mengelakkan sebarang pelanggaran Syariah di dalamnya. Begitu juga dengan SGF yang menggariskan prinsip-prinsip yang ketat agar semua IKI mematuhi agar pematuhan Syariah berjaya dilaksanakan seterusnya pelanggaran Syariah akan dapat dielakkan. Dalam konteks pelaksanaan *hisbah* pula, ianya juga dilakukan agar semua aktiviti masyarakat tidak melanggar syarak dan mendidik masyarakat agar sentiasa beramal dengan pematuhan syarak. Oleh yang

¹³ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

demikian, aktiviti audit Syariah BIMB dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam SGF dilihat selari dengan objektif *hisbah* sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Surah Āli ‘Imrān 3:104

Terjemahan: Hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Mereka yang bersifat demikianlah itulah orang yang berjaya.

5.2.13. BIMB berjaya memenuhi tuntutan *maqāsid al-Syarī‘ah al-kulliyah al-‘āmmah* (tujuan-tujuan menyeluruh yang umum) dalam pengamalan audit Syariah berteraskan *hisbah*.

BIMB juga dilihat berjaya memenuhi tuntutan *maqāsid al-Syarī‘ah al-kulliyah al-‘āmmah* dalam pengamalan audit Syariah berteraskan *hisbah* di institusi mereka. *Maqāsid al-Syarī‘ah al-kulliyah al-‘āmmah* merujuk kepada matlamat umum ibadah atau Syariah yang datang daripada Allah S.W.T. Ianya berkaitan dengan suruhan atau larangan iaitu akan dikira atau dihisab.¹⁴ Antara maksud lain *maqāsid al-Syarī‘ah al-kulliyah al-‘āmmah* yang diutarakan oleh sarjana Islam termasuklah lapang dada, kemudahan, kebijaksanaan, kepentingan umum, saling membantu, saling hidup,

¹⁴ Ahmad al-Raisūnī, *Al-Fikr al-Maqāsidī: Qawā‘iduhu wa fawāiduhu* (Kaherah: Dār al-Kalimah, 2002), 16

tanggung bersama, amanah, kesukarelawan dan sebagainya.¹⁵ Manakala yang termasuk dalam *maqāsid al-Syarī'ah al-kulliyah al-‘ammah* ini ialah keadilan, penjagaan aturan-aturan Allah dan pemeliharaan sistem ummah.¹⁶

Dalam konteks pengamalan audit Syariah berteraskan *hisbah* di BIMB, matlamat umum *maqāsid al-Syarī'ah al-kulliyah al-‘ammah* di sini ialah keadilan iaitu audit Syariah yang dilakukan adalah untuk menjamin keadilan kepada semua pihak terutamanya kepada para pelanggan yang menggunakan sistem, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Audit Syariah yang dijalankan juga adalah untuk memastikan tiada pelanggaran Syariah berlaku yang menyebabkan akan terhakisnya prinsip keadilan dalam organisasi.

Dalam pada itu, BIMB juga dilihat berjaya dalam memartabatkan pemeliharaan sistem ummah iaitu yang berprinsipkan kepada *al-amr bi al-ma'rūf wa al-naḥy al-munkar*. Aktiviti audit Syariah BIMB yang bertujuan untuk menjaga sistem perbankan agar tiada pelanggaran syarak berlaku adalah satu usaha yang serius dalam memelihara sistem ummah seperti yang terkandung dalam *maqāsid al-Syarī'ah al-kulliyah al-‘ammah*.

¹⁵ Jasser Auda, *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari (terjemahan)* (Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014), 117

¹⁶ *Ibid.*

5.2.14. *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGF)*

dilihat sebagai dokumen kawalan pematuhan Syariah yang selari dengan konsep *hisbah*.

Dalam konteks sistem pengawasan organisasi kontemporari, SGF yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2011 dilihat sebagai dokumen kawalan pematuhan Syariah yang selari dengan konsep *hisbah* yang mampu menjalankan fungsi *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*. Dokumen SGF yang mengandungi dua bahagian, enam seksyen dan tujuh prinsip ini menekankan dengan terperinci kriteria-kriteria yang wajib dilaksanakan oleh sesebuah institusi kewangan Islam di Malaysia dalam melaksanakan pentadbiran yang sentiasa menekankan pematuhan Syariah dalam operasinya. Ringkasan SGF adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 5.1: *Shariah Governance Framework* (BNM,2011)

Seksyen		Prinsip	
I	Keperluan umum Kerangka Tadbir Urus Syariah. <i>(Seksyen ini menggariskan keperluan umum rangka kerja tadbir urus Syariah yang menggambarkan kepentingan fungsi utama atau organ-organ utama IKI seperti Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, barisan pengurusan dan fungsi-fungsi kajian dan pematuhan Syariah)</i>	1	Prinsip 1.1 hingga Prinsip 1.7 adalah berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab sesebuah IFI untuk mewujudkan kerangka tadbir urus Syariah yang kukuh dan mantap yang memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Syariah.
II	Pengawasan, Akauntabiliti dan Tanggungjawab: Sesebuah IKI hendaklah menyatakan akauntabiliti dan tanggungjawab setiap petugas utama yang terlibat dalam pelaksanaan rangka kerja tadbir	2	Di dalam Prinsip 2.1 hingga prinsip 2.18 dinyatakan tugas secara khusus lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan.

	<p>urus Syariah.</p> <p><i>(Seksyen ini menggariskan tahap akauntabiliti dan tanggungjawab yang diharapkan daripada lembaga pengarah, Jawatankuasa Syariah dan pengurusan sesuatu IKI)</i></p>		
III	<p>Kebebasan: Kebebasan jawatankuasa Syariah hendaklah dipatuhi pada setiap masa dalam menjalankan tugas mereka untuk membuat objektif dan memaklumkan sesuatu keputusan.</p> <p><i>(Seksyen ini bertujuan untuk melindungi kebebasan Jawatankuasa Syariah dalam memastikan mereka membuat keputusan Syariah yang mantap dan penekanan kepada peranan lembaga pengarah dalam mengiktiraf kebebasan Jawatankuasa Syariah)</i></p>	3	Prinsip 3.1 hingga Prinsip 3.8 menerangkan tentang kebebasan yang diberikan kepada jawatankuasa Syariah dalam melaksanakan tugas mereka.
IV	<p>Kecekapan: Setiap yang mempunyai tanggungjawab yang digariskan dalam rangka kerja tadbir urus Syariah sesebuah IFI mesti memiliki kecekapan yang diperlukan, sentiasa meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai Syariah serta sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam kewangan Islam.</p> <p><i>(Seksyen ini menekankan keperluan dan kompetensi yang diharapkan untuk memastikan entiti utama seperti lembaga pengarah, Jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan mampu melaksanakan tadbir urus Syariah)</i></p>	4	Prinsip 4.1 hingga Prinsip 4.5 tentang keperluan pemahaman prinsip Syariah di kalangan lembaga pengarah dan pihak pengurusan sesebuah IKI. Begitu juga dengan keperluan agar jawatankuasa Syariah yang diharapkan mempunyai pengetahuan yang mantap dalam kewangan Islam dan pengetahuan yang mencukupi dalam kewangan secara umum. Di samping itu, ditekankan juga tentang syarat-syarat pelantikan jawatankuasa Syariah dan penilaian terhadap mereka.
V	<p>Kerahsiaan dan Konsisten: Maklumat dalaman dan sulit yang diperolehi oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah dalam</p>	5	Prinsip 5.1 hingga Prinsip 5.4 menekankan perlunya setiap ahli Jawatankuasa Syariah untuk merahsiakan segala maklumat

	<p>menjalankan tugas mereka hendaklah dirahsiakan pada setiap masa dan tidak boleh disalahgunakan.</p> <p>Di samping itu, etika profesional, pertimbangan dan konsisten akan dikekalkan dalam memastikan pematuhan Syariah.</p> <p><i>(Seksyen ini menggariskan set minimum peraturan yang menekankan kepentingan memelihara kerahsiaan, dan meningkatkan tahap konsisten dalam membuat keputusan oleh Jawatankuasa Syariah)</i></p>		<p>sulit bank setelah mereka diberikan kebebasan untuk meneliti segala fail, rekod, dan lain-lain dokumen.</p> <p>6 Prinsip 6.1 hingga 6.4 menggariskan bahawa dalam usaha untuk memastikan kualiti dan kestabilan keputusan-keputusan Syariah, Jawatankuasa Syariah perlulah membangunkan proses berstruktur dalam membuat keputusan Syariah dan ianya hendaklah di dokumentasikan. Proses tersebut hendaklah dikekalkan untuk memastikan kredibiliti dalam membuat keputusan di samping melindungi Jawatankuasa Syariah daripada pengaruh yang tidak wajar. Di samping itu, Jawatankuasa Syariah juga perlulah menghormati dan mematuhi keputusan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM.</p>
VI	<p>Patuh Syariah dan Fungsi-Fungsi Kajian: Maka hendaklah ada suatu fungsi pematuhan Syariah yang mantap, yang terdiri daripada fungsi-fungsi kajian dan audit, disokong oleh proses kawalan pengurusan risiko dan keupayaan penyelidikan dalaman.</p> <p><i>(Seksyen ini menetapkan fungsi semakan Syariah dalaman, audit Syariah, pengurusan risiko Syariah dan penyelidikan Syariah)</i></p>	7	<p>Prinsip 7.1 hingga Prinsip 7.26 menggariskan fungsi-fungsi pematuhan Syariah seperti Semakan Syariah, Audit Syariah, Pengurusan Risiko Syariah, Kajian Syariah dan Sekretariat Syariah.</p>

Secara umumnya, SGF mengandungi persamaan dengan kriteria *hisbah* seperti tujuan operasi mestilah patuh Syariah pada setiap masa, kakitangan yang berkelayakan dalam menjalankan tugas pengawasan Syariah, mewujudkan persekitaran Islamik dalam

organisasi dan pematuhan Syariah yang menyeluruh merangkumi kakitangan dan semua aspek operasi perniagaan serta aktiviti.

5.2.15. BIMB berjaya mengimplementasikan konsep asas *hisbah* dan pematuhan terhadap SGF.

Secara keseluruhan, BIMB dilihat berjaya menjalankan operasinya selari dengan kriteria-kriteria yang digariskan oleh institusi *hisbah* dalam aspek objektif penubuhan institusi, perjalanan organisasi di Jabatan Audit Syariah dan Bahagian Syariah, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan serta usaha yang diambil untuk memperkasakan kakitangannya.

Dalam konteks pematuhan terhadap SGF yang merupakan sistem *hisbah* kontemporari, BIMB juga berjaya menjadikan segala operasinya mengikut segala apa ketetapan Bank Negara Malaysia yang terkandung di dalam SGF seperti yang dibincangkan di dalam Bab Empat. Ini secara tidak langsung menjadikan BIMB sebagai sebuah institusi *hisbah* moden yang mendokong prinsip *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*.

Jika dilihat secara khusus, pematuhan BIMB terhadap prinsip-prinsip SGF berkaitan audit Syariah dapat dilihat dengan jelas apabila BIMB berjaya mematuhi Prinsip 7.12 SGF yang menekankan skop audit Syariah perlulah meliputi struktur organisasi, kakitangan, proses dan sistem aplikasi teknologi maklumat. Begitu juga pematuhan terhadap Prinsip 7.13 SGF yang berkaitan dengan proses audit Syariah. Dalam konteks ini, BIMB dilihat berjaya mematuhi prinsip SGF tersebut apabila setiap

kali aktiviti audit Syariah hendak dijalankan oleh Unit Audit Syariah ataupun Jabatan Semakan Syariah, mereka akan mengikut proses yang terkandung di dalam Prinsip 7.13 SGF tersebut terutamanya dalam menyediakan pelan audit yang hendak dilaksanakan.

Aplikasi konsep asas *hisbah* dan SGF oleh BIMB dilihat memberikan kesan positif dalam menjaga harta seperti yang ditekankan oleh *maqāsid al-Syarī'ah*. Kriteria-kriteria yang terkandung dalam konsep asas *hisbah* dan SGF dilihat mampu menjadikan segala operasi BIMB patuh Syariah dan berupaya melindungi pelanggan dari terjebak dengan pelbagai pelanggaran Syariah dalam pengurusan kewangan mereka seterusnya menyokong kepada *dorūriyyāt al-khomsah* yang lain yang ditekankan oleh *maqāsid al-Syarī'ah*.

5.3. Kritikan

Antara kritikan yang boleh diutarakan berdasarkan kajian ini ialah sebagaimana berikut:

5.3.1. Kekurangan pakar audit Syariah di jabatan-jabatan penting.

Terdapat kekurangan pakar audit Syariah di jabatan-jabatan penting seperti di Jabatan Audit Syariah dan Jabatan Semakan Syariah BIMB. Jika dilihat kepada bilangan juruaudit Syariah, Jabatan Audit Syariah hanya mempunyai 4 orang pegawai manakala Jabatan Semakan Syariah pula hanya mempunyai 3 orang pegawai. Jumlah ini dilihat amat sedikit bagi menjalankan tugas audit dan semakan Syariah bagi BIMB yang mempunyai 142 cawangan seluruh negara. Dalam usaha untuk memantapkan

pematuhan Syariah, jumlah juruaudit Syariah yang mencukupi diperlukan dan paling kurang ianya perlu seimbang dengan jumlah cawangan BIMB di seluruh negara. Kekurangan ini dikhuatiri akan menjejaskan pematuhan BIMB terhadap SGF yang menuntut kepada pematuhan yang maksimum.

5.3.2. Keterikatan dengan metode dan prosedur *The Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO)*

Jabatan Audit Syariah BIMB amat terikat dengan metod *The Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO)*. Seperti yang dijelaskan di dalam Bab Tiga dalam temubual dengan Cik Norrulhuda Kulop Alang iaitu Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, Unit Audit Syariah BIMB menggunakan COSO semasa membuat penilaian terhadap tahap ketepatan dan keberkesanan proses tadbir urus, sistem pengurusan risiko dan pengawalan dalaman sesuatu entiti yang diaudit di BIMB.¹⁷ COSO ialah gabungan lima organisasi sektor swasta iaitu *American Accounting Association*, *American Institute of CPAs (AICPA)*, *Financial Executives International (FEI)*, *The Association of Accountants and Financial Professionals in Business (IMA)* dan *The Institute of Internal Audit (IIA)* yang ditubuhkan untuk menyalurkan idea pemikiran kepimpinan menerusi pembangunan rangka kerja dan panduan tentang pengurusan risiko perniagaan, kawalan dalaman dan pencegahan penipuan.¹⁸ Pada tahun 1992, COSO telah membangunkan satu model untuk penilaian kawalan dalaman (*internal controls*) dan diiktiraf di kebanyakan negara sebagai standard terbaik untuk sesebuah organisasi mengukur tahap keberkesanan sistem

¹⁷ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

¹⁸ <http://www.coso.org/default.htm>, (31 Mac 2016)

kawalan dalaman mereka. Antara komponen yang digariskan COSO di dalam memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman ialah kawalan persekitaran, penilaian risiko, kawalan aktiviti, informasi dan komunikasi dan pemantauan.¹⁹ Kebergantungan Jabatan Audit Syariah secara keseluruhan kepada COSO ini mungkin membuatkan jabatan ini tidak boleh melebarkan usahanya ke arah aktiviti-aktiviti peningkatan prestasi jabatan dan institusi andai ada idea bernas lain yang di luar daripada yang digariskan oleh COSO. Tambahan pula, COSO adalah pertubuhan yang diasaskan oleh gabungan persatuan berlatar belakangkan bukan Islam maka sudah tentu perancangan-perancangan mereka tidak mengambil kira *maṣlahah* ummah Islam secara khusus dan kepentingan nilai-nilai *Rabbāniyyah* di dalamnya.

5.3.3. Pertindihan tugas dua jabatan penting.

Bidang tugas Unit Audit Syariah dan Jabatan Semakan dilihat bertindih dalam perkara audit. Kedua-dua jabatan dilihat berperanan sebagai pelaksana audit Syariah di BIMB. Pertindihan tugas ini mungkin sedikit sebanyak boleh menyumbang sedikit kekeliruan kepada pegawai-pegawai tentang tugas mereka di bawah jabatan masing-masing.

Walaupun kedua-dua entiti audit Syariah tersebut dibezakan dengan masa mengaudit iaitu berkala dan tidak berkala, tetapi pertindihan tugas tersebut masih dilihat tidak sepatutnya berlaku kerana mereka menggunakan proses dan skop audit yang sama. Dalam konteks ketua bagi setiap entiti tersebut, didapati keduanya mempunyai latar belakang yang berlainan iaitu Pemangku Ketua Audit Syariah tidak

¹⁹ <http://info.knowledgeleader.com/bid/161685/What-Are-the-Five-Components-of-the-COSO-Framework>, (30 Mac 2016)

mempunyai latar belakang Syariah manakala Timbalan Pengurus Jabatan Semakan Syariah mempunyai latar belakang Syariah. Situasi ini mungkin boleh mengundang pelbagai persepsi terhadap temuan audit Syariah yang dikeluarkan oleh kedua-dua entiti audit Syariah tersebut. Justeru, penulis berpendapat bahawa tugas audit Syariah patut dijalankan oleh satu entiti sahaja demi untuk mengelakkan birokrasi dan sebagainya.

5.3.4. Tiada perkhidmatan audit Syariah luar oleh BIMB.

BIMB juga belum lagi menggunakan khidmat audit Syariah luar walaupun perkara tersebut disarankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Berdasarkan SGF Seksyen VI Prinsip 7.14, ianya menyatakan bahawa mana-mana IFI boleh melantik pihak luar untuk melakukan audit Syariah terhadap operasi sesebuah IFI tersebut.²⁰ Walaupun ia bukan arahan wajib, namun saranan BNM itu dilihat boleh meningkatkan kredibiliti dan integriti BIMB jika ia dilakukan seterusnya meningkat keyakinan masyarakat terhadap operasi patuh Syariah BIMB itu sendiri.

5.4. Cadangan dan Saranan

Berdasarkan kepada perbincangan pengamalan tadbir urus audit Syariah berasaskan *hisbah* di BIMB, adalah dicadangkan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak Bank Islam Malaysia Berhad dan pihak kerajaan agar dapat memantapkan lagi operasi pematuhan Syariah di Bank Islam:

²⁰ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 25

5.4.1. Cadangan kepada Bank Islam Malaysia Berhad.

5.4.1.1. Melantik lebih ramai pakar audit Syariah di Unit Audit Syariah yang mempunyai kelulusan pengajian Syariah.

Adalah menjadi suatu kewajipan bahawa bilangan pakar audit Syariah yang mencukupi diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja audit Syariah di sesebuah IKI yang besar seperti BIMB. Di samping itu, seseorang pegawai yang hendak dilantik bagi menjalankan tugas yang berkaitan audit Syariah sebaiknya terdiri daripada majoriti mereka yang berkelulusan pengajian Syariah atau yang setaraf dengannya. Mana mungkin tugas yang berkaitan dengan hukum-hakam ini dikendalikan oleh mereka yang tidak memahami dan mendalami kehendak syarak. Dr. Şubhī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad menegaskan bahawa seseorang pegawai *ḥisbah* yang hendak dilantik mestilah yang mempunyai ilmu berkaitan tugas tersebut supaya mampu mengeluarkan hukum andai berlaku sebarang pelanggaran syarak.²¹ Bahkan Seksyen VI Prinsip 7.8 dalam SGF ada ditekankan bahawa seseorang juruaudit dalaman mestilah mempunyai ilmu Syariah dan latihan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja audit Syariah.²² Dalam konteks jawatan pegawai Jabatan Audit Syariah BIMB yang jawatannya mirip pegawai *ḥisbah*, maka ilmu yang berkaitan Syariah mesti ada pada setiap pegawainya, Justeru, adalah dicadangkan agar BIMB melantik lebih ramai pakar audit Syariah di bawah Unit Audit Syariah yang terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pengajian Syariah demi menjadikan jabatan ini dihormati kerana kepakarannya.

²¹ *Ibid*

²² Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 23

5.4.1.2. Menilai semula kebergantungan kepada COSO.

Kebergantungan kepada COSO dalam melakukan audit Syariah oleh Unit Audit Syariah BIMB dicadangkan untuk dinilai semula. Audit Syariah berteraskan COSO ini bukanlah diwajibkan oleh BNM ataupun oleh MPS BIMB itu sendiri. Ianya adalah satu metodologi yang digunakan oleh Bahagian Audit Dalaman BIMB bagi meningkatkan kawalan dalamannya yang berasaskan audit berteraskan risiko.²³ COSO adalah satu model kawalan dalaman yang dibangunkan oleh gabungan lima sektor swasta yang bukan berteraskan Syariah. Justeru, usaha untuk melihat kepada model-model kawalan dalaman lain seperti yang terdapat di dalam AAOIFI dan sebagainya yang berteraskan Syariah amatlah dialu-alukan agar pencapaian operasi BIMB terhadap *maṣlahah* ummah lebih mudah dipenuhi.

5.4.1.3. Memperkasakan pegawai audit Syariah agar menepati syarat sebenar *muḥtasib*.

Dalam konteks kelayakan pegawai *ḥisbah* yang dilantik atau disebut sebagai *muḥtasib*, beberapa kriteria telah diketengahkan oleh para ulama. Antaranya oleh Dr. Ṣubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad yang menyatakan antara syarat utama dalam pemilihan *al-muḥtasib* ialah seseorang itu mestilah *mukallaf*, beriman, dan berupaya dalam menjalankan tugas. Menurut beliau juga, mana-mana mereka yang gila, belum baligh, lemah tubuh badan dan kafir tidak layak sama sekali untuk menjadi *al-muḥtasib*. Disamping itu, seseorang *al-muḥtasib* yang hendak dilantik juga mestilah seorang yang merdeka, adil, tegas dan keras dalam agama serta mempunyai ilmu dalam perkara-

²³ Cik Norrulhuda Kulop Alang (Timbalan Pengurus Audit Dalaman merangkap Pemangku Ketua Audit Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2016.

perkara mungkar yang zahir. Seseorang *al-muhtasib* juga wajib berstatus ‘merdeka’ untuk membolehkannya berkuasa dalam menjalankan kerja-kerja menyuruh kebaikan. Seseorang *al-muhtasib* juga mestilah adil dan berilmu demi memudahkannya dalam mengeluarkan hukuman kepada mereka yang melakukan perkara-perkara yang ditegah²⁴. Menurut Dr. Khalid Khalīl al-Zāhir pula, seseorang *al-muhtasib* juga mestilah mempunyai sahsiah atau keperibadian yang tinggi.²⁵ Sifat keperibadian ini penting demi untuk memastikan seseorang *al-muhtasib* yang dilantik itu dapat mengelakkan diri dari menerima rasuah ataupun menggunakan harta awam dengan cara yang salah. Disamping itu, dengan memiliki sifat keperibadian yang unggul, ianya boleh dijadikan contoh kepada masyarakat awam untuk berkelakuan baik dan terpuji.²⁶ Manakala menurut ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardī al-Syafi‘e pula, seseorang *al-muhtasib* mestilah terdiri daripada mereka yang arif tentang hal-ehwal masyarakat. Syarat ini amat penting kerana segala usaha yang dilakukan yang berkaitan dengan *al-amr bi al-ma‘ruf wa al-nahy ‘an al-munkar* tidak akan berjaya andai kata seseorang *al-muhtasib* jahil tentang ilmu kemasyarakatan. Mengetahui taraf kehidupan masyarakat, tahap pendidikan, budaya, adat resam, tahap ekonomi, kehendak dan keperluan mereka dan sebagainya menjadi tunjang kejayaan seseorang *al-muhtasib* dalam menjayakan misi institusi *ḥisbah*. Segala pelan bertindak hasil daripada mengetahui keadaan masyarakat akan membuatkan segala urusan dalam mempromosikan *al-amr bi al-ma‘ruf wa al-nahy ‘an al-munkar* dapat berjalan dengan lancar. Dengan yang demikian, akan berjajalah sesebuah institusi *ḥisbah* tersebut.²⁷ Daripada kriteria-kriteria yang disebutkan oleh para ulama di atas, maka bolehlah

²⁴ Dr. Ṣubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad, *Al-Ḥisbah fi al-Islam: Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq* (Mesr: Dār al-Riyadh al-Ṣāliḥīn, 1993), 39

²⁵ Dr. Khalid Khalīl al-Zāhir *et.al.*, *Nizām al-Ḥisbah : Dirāsah fi al-Idārah al-Iqtisādiyyah li al-Mujtama’ al-‘Arabī al-Islāmī* (Amman: Dār al-Maṣīrah, 1997), 100

²⁶ *Op.cit.*, h. 39

²⁷ ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Syafi‘e, *Al-Ruṭbah fi Ṭolab al-Ḥisbah* (Al-Qaherah: Dar al-Risalah, 2002), 38

disimpulkan bahawa seseorang pegawai *hisbah* mestilah seorang yang beriman, berilmu, bersahsiah dan berkeperibadian tinggi, adil, tegas, mukallaf, sihat dan merdeka. Semua yang digariskan memberi keyakinan bahawa seseorang yang memenuhi kriteria-kriteria tersebut mampu menjalankan satu tanggungjawab agama yang besar sebagai pegawai *hisbah* yang berfungsi menyeru masyarakat dalam mempertahankan suruhan agama dan menjauhi larangan agama.

Dalam konteks BIMB, mereka hampir memenuhi syarat kelayakan ini apabila melantik semua kakitangan di Jabatan Audit Syariah berkriteria seperti mana yang dikehendaki oleh *hisbah*. Cuma dari segi ilmu agama yang menjadi dasar dan imej audit Syariah, ada beberapa orang pegawai yang tidak mempunyai latar belakang Syariah. Keadaan ini mungkin boleh menimbulkan kesangsian terhadap tugas audit Syariah memandangkan kepada kekurangan tersebut. Oleh yang demikian, satu tindakan penambahbaikan perlu segera dilakukan oleh BIMB bagi mengatasi kekurangan tersebut.

5.4.2. Cadangan kepada pihak kerajaan.

5.4.2.1. Menubuhkan Institusi Tadbir Urus Audit Syariah Malaysia berteraskan konsep *hisbah* bagi institusi-institusi kewangan Islam.

Percambahan jumlah bank di Malaysia yang menawarkan produk perbankan Islam semakin meningkat dan sudah mencapai angka paling kurang 16 buah bank yang merangkumi bank-bank tempatan dan bank antarabangsa setakat 7 Oktober 2015.²⁸

²⁸ www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=islamic&type=IB&sort=lf&order=desc

Situasi ini memberi gambaran bahawa sambutan masyarakat tempatan khususnya terhadap sistem perbankan Islam amat menggalakkan dan memberansangkan. Demi memperkasakan sistem perbankan Islam di negara ini terutamanya dalam usaha menjaga pematuhan Syariah di bank-bank tersebut, maka sudah tiba masanya pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu institusi pemantauan utama iaitu Institusi Tadbir Urus Audit Syariah Malaysia yang berkonsepkan institusi *hisbah*.

Sejarah perkembangan gerak kerja institusi *hisbah* seperti dibincangkan dalam Bab Kedua yang melalui zaman gemilang dalam melakukan tugas audit aktiviti harian masyarakat sejak berdekad-dekad patut diambil contoh dan dijelmakan kembali sebagai sebuah institusi *hisbah* moden. Kriteria-kriteria yang membentuk institusi *hisbah* seperti bidang tugas, syarat pelantikan pegawai yang berkeelayakan, garis panduan dalam melakukan tanggungjawab dan sebagainya patut diketengahkan semula agar khazanah institusi audit dan pemantauan Islam ini dijelmakan kembali dan saranan penubuhan Institusi Tadbir Urus Audit Syariah bagi institusi-institusi kewangan Islam ini dilihat sebagai satu usaha ke arah hasrat tersebut.

Buat masa ini, pihak kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah berjaya mengeluarkan dokumen SGF yang mirip kriteria *hisbah* untuk digunapakai oleh semua bank yang menjalankan sistem perbankan Islam di Malaysia. Oleh yang demikian, adalah elok sekiranya pihak kerajaan terus mengorak langkah ke hadapan iaitu daripada sebuah dokumen *hisbah* (SGF) kepada penubuhan satu institusi *hisbah* moden seperti yang dicadangkan di atas seterusnya memperkasakan, menambahbaikkan dan mengimplementasikan apa yang terkandung dalam SGF sebagai tujuan operasi utama institusi tersebut terhadap semua bank yang menjalankan perbankan Islam. Institusi ini

bertindak sebagai juruaudit luar dan kerajaan perlu mewajibkan agar semua bank yang menjalankan aktiviti perbankan Islam di negara ini diaudit terhadap pematuhan Syariah.

Penubuhan institusi ini juga akan memperlihatkan kerajaan memang serius dalam menjaga pematuhan Syariah di bank-bank yang menjalankan aktiviti perbankan Islam di negara ini. Adalah diharapkan agar dengan penubuhan Institusi Tadbir Urus Audit Syariah untuk institusi-institusi kewangan Islam ini akan terus menjadikan Malaysia sebagai peneraju industri perbankan dan kewangan Islam dan diyakini di peringkat antarabangsa.

5.4.2.2. Mewajibkan semua institusi kewangan Islam melakukan audit Syariah oleh juruaudit luar.

Usaha untuk menubuhkan Institusi Tadbir Urus Audit Syariah mungkin memakan sedikit masa yang lama kerana melibatkan beberapa proses teknikal. Buat sementara tersebut, adalah dicadangkan pihak kerajaan mewajibkan semua institusi kewangan Islam (IKI) diaudit Syariah oleh juru audit Syaria'ah luar. Buat masa ini, dalam konteks Bank Islam, audit Syariah hanya dilakukan secara dalaman. Walaupun Seksyen VI Prinsip 7.14 dalam SGF ada dinyatakan bahawa sesebuah IKI boleh untuk memanggil atau melantik juru audit Syariah luar untuk mengaudit mereka²⁹, namun setakat ini ianya tidak berlaku.

Rasional mewajibkan juru audit Syariah luar untuk melakukan audit adalah untuk meningkatkan tahap keseriusan usaha patuh Syariah sesebuah IKI kerana sudah

²⁹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institution* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 25

pasti mereka akan menunjukkan prestasi sebaik mungkin bagi membuktikan kepatuhan terhadap tadbir urus Syariah. Di samping itu, sekiranya hasil audit Syariah luar menunjukkan sesebuah IFI itu terbukti menepati piawaian patuh Syariah, tahap keyakinan masyarakat awam terhadap sesebuah IFI itu akan meningkat kerana mungkin audit Syariah luar lebih diyakini dan dipercayai berbanding dengan audit Syariah dalaman.

5.4.2.3. Mewajibkan semua pegawai Bahagian Syariah di institusi-institusi kewangan Islam berkelulusan yang berkaitan dengan bidang tugas Syariah.

Bahagian Syariah merupakan antara bahagian terpenting dalam sesebuah institusi kewangan Islam kerana sifat tugasnya yang memastikan segala aktiviti dan operasi patuh terhadap Syariah. Bahagian Syariah juga merupakan tulang belakang dalam merencana dan membangunkan segala perancangan pada masa hadapan agar kekal relevan dalam persaingan industri perbankan Islam yang penuh mencabar. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar pihak kerajaan menerusi Bank Negara mewajibkan semua pegawai di Bahagian Syariah sesebuah IKI memiliki ijazah Syariah yang mengandungi pengajian Fiqh dan Usul Fiqh serta *Fiqh Mu'āmalat*.

Rasional cadangan ini ialah Bahagian Syariah yang mengandungi beberapa jabatan seperti Jabatan Audit Syariah, Jabatan Semakan Syariah, Jabatan Pengurusan Risiko Syariah dan Jabatan Kajian Syariah merupakan pembuat polisi bagi pematuhan Syariah untuk setiap IKI. Sebagai golongan pegawai yang bertanggungjawab terhadap perkara dasar Syariah tersebut, maka amatlah penting ianya didokong oleh mereka yang pakar dalam bidang Syariah. Justeru, cadangan untuk mewajibkan semua pegawai di

Bahagian Syariah bagi setiap IKI berlatar belakangkan pengajian Syariah dilihat satu usaha yang serius dalam usaha memartabatkan patuh Syariah yang selari dengan prinsip *hisbah* iaitu *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*.

5.5. Penutup

Sebagai kesimpulan, penulis merasakan peluang yang diberikan untuk membuat kajian mengenai pemakaian konsep *hisbah* dalam tadbir urus audit Syariah di BIMB amatlah bererti. Ianya merupakan satu peluang untuk mendekati BIMB dan secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada pengamalan konsep *hisbah* dalam tadbir urus audit Syariah seterusnya berjaya menarik minat penulis tentang usaha murni dalam menjaga masyarakat menerusi amalan patuh Syariah yang dijalankan. Kajian ini membuktikan bahawa BIMB telah berjaya memainkan peranannya membantu masyarakat bagi 'patuh Syariah' dalam urusan perbankan mereka yang menggunakan konsep *hisbah* menerusi tadbir urus audit Syariah yang diterjemahkan melalui dokongan padu terhadap SGF.

SGF merupakan satu penjenamaan dokumen *hisbah* moden yang cukup komprehensif untuk mengawal IKI dalam urusan tadbir urus audit Syariah mereka. Walaupun pada masa ini ianya bukan diinstitusikan sebagai badan audit Syariah khas, namun usaha Bank Negara dalam memperkenalkan dokumen SGF tersebut yang wajib dipatuhi oleh semua IKI merupakan satu langkah serius untuk memastikan tahap patuh Syariah semua IKI berada pada tahap yang diharapkan.

Melalui implementasi SGF tersebut, BIMB juga dilihat secara tidak langsung sebagai sebuah badan *hisbah* yang mendukung *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* dalam tadbir urus audit Syariah mereka. Ini kerana, dalam menjalankan operasi audit Syariah mereka, segala ketetapan seperti kriteria dan syarat-syarat pegawai, bidang tugas, prosedur menjalankan tugas dan sebagainya mesti dipatuhi dan seperti yang dibincangkan sebelum ini, kebanyakan kriteria dan syarat-syarat SGF tersebut adalah selari dengan asas konsep *hisbah*.

Pengamalan konsep *hisbah* melalui SGF di BIMB juga dilihat membantu dalam memenuhi *maqāsid al-Syari'ah*. Tadbir urus BIMB dapat dipastikan terjamin terutamanya dalam mencapai maksud syarak dalam menjaga harta. Dalam dunia yang penuh mencabar pada hari ini, masyarakat terdedah dengan segala macam usaha mendapatkan wang dan ada di antaranya menerusi pengurusan pelaburan yang melanggar syarak seperti riba, gharar, judi dan sebagainya. Wang ringgit merupakan harta bagi masyarakat dan pengurusan wang ringgit tersebut mestilah sentiasa mematuhi syarak. Tadbir urus audit Syariah yang ketat yang diperkenalkan oleh SGF dilihat berjaya mencapai maksud syarak dalam menjaga harta atau kewangan di BIMB.

Namun begitu, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan oleh BIMB dalam memperkasakannya sebagai pendokong institusi *hisbah* moden. Perkara-perkara berbangkit seperti kelayakan pegawai, pertindanan bidang tugas, ketidakcukupan pegawai dan sebagainya perlu diberikan perhatian serius demi memantapkan tadbir urus audit Syariah di BIMB.

Penulis juga berharap agar pihak kerajaan mengorak langkah ke hadapan dalam mempertimbangkan kewujudan institusi audit Syariah milik kerajaan pada masa hadapan. Dengan adanya institusi audit Syariah ini, pihak kerajaan boleh mewajibkan semua IKI menjalani audit Syariah luar di bawah seliaannya dan secara tidak langsung keyakinan masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap institusi-institusi kewangan Islam negara akan meningkat selain hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub utama perbankan Islam yang benar-benar menjunjung prinsip patuh Syariah seperti yang diperjuangkan oleh institusi *hisbah* akan berjaya dimartabatkan.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN BAHASA ARAB

- ‘Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī (2001), *Tafsīr al-Nasafī: Al-Musamma Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqāiq al-Ta’wīl*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah
- ‘Abdullah Muḥammad ‘Abdullah (1996), *Wilāyah al-Ḥisbah fī al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Zahra’
- Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Ansarī al-Qurtubī (1993), *Al-Jāmi’ al-Aḥkām al-Qurān*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah
- Abī al-Ḥasan ‘Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdadī Al-Mawardī (1966), *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*, Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhu
- ‘Abd al-Ḥasīb Riḍwan (1990), *Dirāsāt fī Al-Ḥisbah min al-Nāḥiyatain: Al-Tārikhiyyah wa Al-Fiḥiyyah*, Kaherah: Al-Maṭba‘ah al-Islamiyyah
- ‘Abd al-Rahman Muḥammad Badawi (2006), *Al-Islām wa al-Raqābah al-Māliyah al-Mu‘āsarah*, Kaherah: Dar al-Ahmadī li al-Nasyr
- Abī Ya’la Muḥammad bin al-Husīn al-Farrā’ al-Ḥanbalī (1983), *Al-Aḥkām al-Ṣultaniyyah*, Beirut: Dar al-Kitāb al-‘Ilmiyyah
- Abi Ya’la Muhammad bin al-Ḥussain (1983), *Al-Aḥkam al-Ṣultāniyyah*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘ilmiyyah
- Ahmad al-Raisūnī (2002), *Al-Fikr al-Maqāṣidī: Qawā’iduhu wa fawāiduhu*, Kaherah: Dār al-Kalimah
- Ahmad Badr (1982), *Usūl al-Baḥth al-‘Imi wa Manāhijuh*, Kuwait: Wakalah al-Maṭbu‘ah
- ‘Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Syafī‘e (2002), *Al-Ruṭbah fī Ṭolab al-Ḥisbah*, Al-Qaherah: Dar al-Risalah

- Al-Imām ‘Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardi al-Syafī‘e (2002), *Al-Ruṭbah fī Ṭalab al-Ḥisbah*, Kaherah: Dar al-Risālah
- Al-Mawardi, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyaṭ wa al-Wilāyaṭ al-Dīniyyaṭ*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah
- ‘Aṣām al-Ṣabbābaṭī *et.al.* 2001), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarh al-Nawāwī*, Kaherah: Dār al-Hadith
- ‘Auf Maḥmud al-Kafrāwī (2006), *Al-Raqābah al-Māliyyah fī al-Islām*, Iskandariah: Markaz al-Iskandariah li al-Kitāb
- Dhiau al-Din Muhammad bin Ahmad bin Abi Zaid (2001), *Ma‘ālim al-Qurbah fī ahkam al-Hisbah*, Beirut: Dār al-Kitab al-‘ilmiah
- Ḥussain Rātīb Yūsuf Rayyān (1999), *Al-Raqābah al-Māliyah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Jordan: Dār al-Nafāis
- Khalid Khalīl al-Zāhir *et.al.* (1997), *Nizam al-Ḥisbah : Dirāsah fī al-Idārah al-Iqtisādiyyah li al-Mujtama’ al-‘Arabī al-Islāmī*, Amman: Dar al-Masīrah
- Khālīd Khalīl al-Zāhir dan Ḥusīn Muṣṭafā (1997), *Nizam al-Ḥisbah: Dirāsah fī al-Idārah al-Iqtisādiyyah li al-Mujtama’ al-‘Arabī al-Islāmī*, Amman: Dār al-Masīrah
- Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī (1996), *Ṣafwaṭ al-Tafāsīr : Tafsīr li al-Qurān al-Karīm*, Beirut: Dār al-Fikr
- Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī al-Dimasyqī (1929), *Mau‘izah al-Mu‘minīn min Iḥya’ ‘Ulum al-Dīn*, Mesir: Dar al-Ḥusūl wa al-Nasyr
- Muḥammad Sālim Hēshim (2008), *Ṣaḥīḥ Muslim li al-Imam Muslim bin al-Ḥujjāj al-Qasyairī al-Naisābūrī*, Jilid 1, Beirut: Dār al-Kutub
- Mūsa Rāḍī Naṣṣār (2002), *Nizām al-Ḥisbah fī Al-Islām baina al-Nazr wa al-Taṭbīq*, Beirut: Dār al-Hādī
- Qutb Ibrāhīm Muḥammad (1988), *Al-Siyāsah al-Māliyah li al-Rasūl*, Mesir: Al-Haiyah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb

Rasyād ‘Abās Ma’tuq (1982), *Nizam al-Ḥisbah fi al-‘Irāq Hatta ‘Asr al-Makmūn: Nasyathu wa Taṭawaruh*, Jeddah: Dār al-Bilād

Sa’ad bin ‘Abdullah bin Sa’ad (1987), *Al-Ḥisbah wa al-niyabah al-‘āmah-Dirāsah Muqāranah*, Riyāḍ:Dār al-Rasyd

Saham Mustafa Abu Zaid (1986), *Al-Hisbah fi Misr al-Islamiyyah min al-Fath al-‘Arabi ila Nihayah al-‘Asr al-Mamluki*, Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitab

Sayyid Qutb (1982), *Fi Zilāl al-Qurān*, Beirut: Dār al-Syurūq

Ṣubḥī ‘Abd al-Mun‘im Muḥammad, Dr., (1993), *Al-Ḥisbah fi al-Islam: Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbīq*, Mesr: Dar al-Riyadh al-Ṣāliḥīn

Taqiyuddn bin Taimiyah, taḥqīq oleh Muhammad Zahrī al-Bukhār (1980), *Al-Ḥisbah fi al-Islām*, Kaherah: Matāba’ al-Dajwī

Wahbah al-Zuhailī (2001), *Al-Tafsīr al-Waṣīt*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

Abdullah Haron *et.al* (2013), *Ethics in Islamic Finance*, Kuala Lumpur: IBFIM

A.L.M Abdul Gafoor (1995), *Interest-free Commercial Banking*, Groningen: APPTec Publication

Bank Negara Malaysia (2010), *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia

Barbara Hanson(1999), *The Research Process Creating Facticity*, Illinois: Waveland Press

Barry P. Right (1991), *Introduction To Research Method in Postgraduate Theses and Dissertations*, Newland, Kingston: The University of Hull

Christine A. Hult (1996), *Researching and Writing in The Social Sciences*, Nedham Heights, USA: A Simon & Schuster Company

- Chua Yan Piaw (2012), *Mastering Research Methods*, Shah Alam: Mc Graw Hill Education
- Fuad Al-Omar & Mohammed Abdel-Haq (1996), *Islamic Banking: Theory, Practice and Challenges*, London: Zed Books
- Gerald R. Adams et al. (1991), *Understanding Research Methods (2nd Edition)*, New York: Longman New York and London
- International Centre for Education in Islamic Finance (2008), *Shariah Compliance and Audit*, Kuala Lumpur: International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- James A. Black, Dean J. Champion (1996). *Method and issues in Social Research*, New York: John Wiley and Sons
- James A. Holstein (1995), *The Active Interview: Qualitative Research Methods Series 37*, London: Sage Publication. Inc
- Lee Cuba (1993), *A Short Guide To Writing About Social Science (2nd. Edition)*, New York: HarperCollins College Publisher
- Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (2015), *Islamic Banking and Finance in Malaysia*, Nilai: USIM Publisher
- Paul D. Leedy *et.al* (2016), *Practical Research: Planning and Design*, Boston: Pearson Education, Inc
- Peter Langley (1988), *Doing Social Research: A Guide to Coursework*, Lancashire: Causeway Press Ltd
- Ranjit Kumar (2012), *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*, London: Sage Publications
- Santosh Gupta (1993), *Research Methodology and Statistic Techniques*, New Delhi: Deep and Deed Publications
- Sheila Nu Nu Htay *et.al* (2013), *Accounting, Auditing and Governance for Takaful Operations*, Singapore: John Wiley & Sons

Sherri L. Jackson (2011), *Research Methods: A Modular Approach*, Belmont: Wadsworth Cengage Learning

Suhaila Abdul Hamid, Amir Shahrudin & Norhaziah Nawai (2007), *Readings in Islamic Financial Services*, Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia

Syed Alwi Mohamed Sultan (2007), *A Mini Guide to Shariah Audit for Islamic Financial Institutions-A Primer*, Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.

William D. CRANO *et.al.* (1986), *Principles And Methods of Social Research*, Boston: Allyn and Bacon, Inc

RUJUKAN BAHASA MELAYU

Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1998), *Iḥya' 'Ulūm al-Dīn*, Kaerah: Dār al-Hadith, j. 2, h. 257

Auni bin Haji Abdullah (2000), *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur: Ikdas

Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (2011), *Panduan Asas Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: IBFIM

Jasser Auda (2014), *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari (terjemahan)*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Mardzelah Makhsin (2008), *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia

Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam: Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar

Mustafa Dakian (2005), *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Perlaksanaanya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Sidek Mohd. Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia

Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

TERBITAN RASMI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

BIMB (2009), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 2009*, Kuala Lumpur: BIMB

BIMB (2010), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 2010*, Kuala Lumpur: BIMB

BIMB (2011), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 2011*, Kuala Lumpur: BIMB

BIMB (2012), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 2012*, Kuala Lumpur: BIMB

BIMB (2013), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 2013*, Kuala Lumpur: BIMB

BIMB (2014), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 2014*, Kuala Lumpur: BIMB

BIMB (2015), *Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad 2015*, Kuala Lumpur: BIMB

JURNAL

Ahmad Faizol Ismail (2011), *Perbandingan antara Hisbah dan Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam*, dalam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2011 (Edisi Khas)

Athar Murtuza dan Wagdy Abdallah (2007), *Islamic Muhtasib And American CPAs: A comparative Study Of Institutions Meant To Protect Public Interest* dalam *Journal of Accounting – Business & Management* 14(2007)

Azrin Ibrahim (2015), *Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia*, dalam Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Bil. 11, 2015 (Edisi Khas)

Hisham Yaacob *et.al*, (2014), *Exploring Undergraduate Students' Understanding of Shari'ah Auditing in Brunei*, dalam Middle-East Journal of Scientific Research 19(1): 52-60, 2014

Muhammad Shaukat Malik *et.al* (2011), *Controversies that make Islamic banking controversial: An analysis of issues and challenges*: American Journal of Social and Management Sciences, ISSN: 2151-1559

Nawal Kasim dan Zuraidah Mohd. Sanusi (2013), *Emerging issues for auditing in Islamic Financial Institutions: Empirical evidence from Malaysia*, dalam IOSR Journal of Business and Management, Volume 8, Issue 5 (Mar-Apr. 2013)

Nawal Kasim *et.al.*, (2013), *Assessing the current practice of Auditing in Islamic Financial Institutions in Malaysia and Indonesia*, dalam International Journal of Trade, Economics and Finance, Vol. 4, No. 6, December 2013

Nawal Kasim *et.al*, (2013), *Shariah Governance for Islamic Capital market: A Step Forward*, dalam International Journal of Education and Research, Vol. 1, No. 6, Jun 2013

Nawal Kasim *et.al* (2009), *Shariah Auditing in Islamic Financial Institutions: Exploring the gap between the "desired" and the "actual"*, dalam Global Economy and Finance Journal, 2(2), h. 127-137, ISSN 1834-5883

Noraini Mohd. Ariffin, Simon Archer, Rifaat Ahmed Abdel Karim (2009), *Issues of Transparency in Islamic Banks*, Review of Islamic Economics, Vol. 13, No. 1

Syed Faiq Najeeb dan Shahul Hameed Mohamed Ibrahim (2013), *Professionalizing the Role of Shari'ah Auditors: How Malaysia Can Generate Economic Benefits*, Pacific-Basin Finance Journal

KERTAS SEMINAR / PROSIDING

Abdul Rahim Abdul Rahman (2008), *Shariah Audit for Islamic Financial Services: The Needs and Challenges*, Kertas Seminar: The ISRA Islamic Finance Seminar, Kuala Lumpur

Abdul Razak Yaakob (2007), *Shariah Compliance Audit: Audit Risk Process* (Kertas slaid Shariah Compliance Audit Workshop), Kuala Lumpur: Islamic Banking and Institute Malaysia

Hisham Yaacob (2012), *Issues and Challenges of Shari'ah Audit in Islamic Financial Institutions: A Contemporary View*, Kertas prosiding 3rd. International Conference on Business and Economic Research, 12-13 March 2012, Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia

TESIS / DESERTASI

Abdul Rahman bin A. Shukor(2005), *Aplikasi Konsep Al-Saraf dalam Tukaran Mata Wang Asing di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Aminudin Mohamad(2004), *Pendakwaan Berasaskan Hisbah dalam Sistem Pengadilan Islam*, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Fadhulul Rahman bin Azizan (2003), *Produk-Produk Perbankan Islam di Ibu Pejabat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Khairiah binti Mohamed(2008), *Pelaksanaan Hisbah di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI): Kajian Dari Perspektif Hukum*, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Lailatuazila binti Ibrahim (2008), *Pencapaian Objektif Syariah dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Islam Malaysia*, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Mohd. Zamri Roslan (1995), *Pegawai Penguatkuasa Agama: Bidangkuasa, Masalah dan Penyelesaiannya*, (Kertas projek Diploma in Islamic Judiciary and Practice, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)

Muhammad Firdaus bin Muhammad Hatta (2005), *Al-Hisbah wa Dauruha fī Himāyah al-Sauq: Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah bi Al-Qānūn al-Malīzī*, (Tesis ijazah Sarjana Fiqh dan Usūl Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)

- Nawal binti Kasim (2009), *Dynamics of Shariah Auditing in Islamic Institutions: A Study of the Malaysian Islamic Financial Sector*, (Tesis Doktor Falsafah dalam Perakaunan, Kulliyah of Economics and Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
- Noranita binti Mat Rozi (2003), *Institusi Hisbah Dalam Pentadbiran Islam: Satu Kajian Mengenai Sejarah dan Pelaksanaannya di Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*, (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)
- Nur Laili Ab. Ghani (2014), *An Analysis of Shariah Audit Practices in Islamic Banks in Malaysia*, (Disertasi Sarjana Sains dalam Perbankan dan Kewangan Islam, Institute of Islamic Banking and Finance, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
- Ratna Mulyany (2008), *Shariah Audit for Islamic Institutions: Perceptions of Accounting Academicians, Audit Practitioners and Shariah Scholars*, (Disertasi Sarjana Sains dalam Perakaunan, Kulliyah of Economics and Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
- Syahrul Faizaz Abdullah (2003), *Institusi Hisbah Dalam Sistem Islam: Suatu Kajian Mengenai Sejarah dan Pelaksanaannya di Direktorat Penguatkuasaan DBKL*, (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)
- Wan Mohd. Ashraf bin Wan Draman (2015), *Aplikasi Audit Syariah dalam Institusi Kewangan Islam di Malaysia: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad*, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

LAMAN SESAWANG

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), <http://www.bankislam.com>

Committee of Sponsoring Organizations (COSO): <http://www.coso.org>

TEMUBUAL

Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang, Pengerusi Majlis Penasihat Syariah BIMB, 19 Oktober 2016, di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Prof. Dr Ashraf Md. Hashim, Ahli Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia merangkap Ketua Pegawai Eksekutif dan Penyelidik Kanan Akademi Penyelidikan Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA), 17 Ogos 2016, di Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif ISRA Consultancy, Lorong Universiti A, 59100 Kuala Lumpur.

Ustaz Ali Othman, Timbalan Pengurus Semakan, Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, 15 Ogos 2016 dan 9 November 2016, di Bilik Talhah, Tingkat 15, Menara Bank Islam , Jalan Perak Kuala Lumpur.

Ustaz Mohd. Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, Pejabat Bahagian Syariah BIMB, 9 November 2016, di Tingkat 27, Menara Bank Islam , Jalan Perak Kuala Lumpur.

Cik Norrulhuda Kulop Alang, Timbalan Pengurus Audit Dalaman (Pemangku Ketua Audit Syariah) Bank Islam Malaysia Berhad, 15 Ogos 2016 dan 9 November 2016, di Bilik Talhah, Tingkat 15, Menara Bank Islam , Jalan Perak Kuala Lumpur.